Bil. 10

Khamis
10 Mei 2012



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

PARLIMEN
MALAYSIA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 20)
Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M 61 (Halaman 20)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang undang-undang
Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 (Halaman 20)
Rang Undang-undang Institusi Pendidikan
Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 (Halaman 70)
Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran
(Tatatertib) (Pindaan) 2012 (Halaman 83)
Rang Undang-undang Pasaran Modal
dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 (Halaman 89)
Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan
(Pindaan) 2012 (Halaman 100)
Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 (Halaman 112)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

PARLIMEN
MALAYSIA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
   - Timbalan Menteri Luar Negeri I
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
   - Timbalan Menteri Kewangan I
10. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
    - Timbalan Menteri Kewangan II
19. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator*
    - Timbalan Menteri Belia dan Sukan II
21. " Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
    - Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
22. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
    - Menteri di Jabatan Perdana Menteri
23. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator*
    - Menteri di Jabatan Perdana Menter
24. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
    - Menteri di Jabatan Perdana Menteri
29. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)

30. Yang Berhormat Tuan Lihan Jok (Sarawak)

31. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Senator*
- Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II

32. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)

33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
- Timbalan Menteri Sumber Manusia

36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)

37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)

38. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)

39. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)

40. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

41. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

42. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)

43. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)

44. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

45. " Dato' Ng Fook Heng (Pahang)

46. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

48. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Senator*
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri

49. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)

50. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)

51. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
- Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

52. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)

53. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)

54. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)

55. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)

56. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)

57. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)

58. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)

59. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

60. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

61. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)

62. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)

63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)

64. " Dato' Hajah Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

PARLIMEN
MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 10 Mei 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah mekanisme yang digariskan dalam Dasar Sumber Air Negara 2010-2050 bagi menjamin air yang mencukupi dan berkualiti kepada seluruh rakyat di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Panglima Joseph Kurup]: Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana mengemukakan satu soalan yang menyentuh berkaitan Dasar Sumber Air Negara di mana kita semua sedia maklum bahawa air ini merupakan keperluan asas manusia.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Dasar Sumber Air Negara menetapkan hala tuju strategik dan rangka kerja bagi tindakan strategik untuk memastikan sumber air digunakan dan dibangunkan secara lestari. Ia menetapkan strategi-strategi yang akan membantu pelbagai pihak berkepentingan menstrukturkan tindakan-tindakan ke arah pemuliharaan dan pengurusan sumber air yang cukup berkesan.

Dasar ini telah dilancarkan secara rasmi pada 24 Mac 2012 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia di bawah sasaran 13 Dasar Sumber Air Negara atau dengan ringkasnya DSAN digariskan strategi dan pelan tindakan bagi menentukan kualiti dan perolehan air yang optimum. Strategi yang telah ditetapkan ialah menentukan langkah-langkah untuk memastikan ketersediaan dan kualiti air di semua jasad air. Antara langkah yang digariskan dalam pelan tindakan strategi ialah:

(i) utamakan penggunaan berasaskan kepada pengklasifikasian merujuk kepada keperluan-keperluan dan kapasiti melalui pelan rumusan keutamaan mengikut masa;

(ii) kenal pasti dan membangunkan langkah-langkah untuk menangani ancaman-ancaman daripada kontaminasi dengan mengawal pencemaran di punca, bukan di punca serta pencemaran merentasi sempadan;

(iii) optimumkan kadar abstraksi tanpa menjejaskan kelestarian sumber air;

(iv) kadar-kadar abstraksi tidak melebihi kadar-kadar imbuh semula air bawah tanah; dan

(v) gabungkan aspek kualitatif dan kuantitatif air permukaan dan air bawah tanah dengan mengambil kira aliran semula jadi air dalam kitaran hidrologi bagi memastikan kadar pengambilan air tidak melebihi kadar imbuh semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, dasar itu adalah terkandung di dalam buku *Latinate*.

Ini boleh dapat diperolehi daripada Kementerian NRE, daripada JPS dan bagi Ahli Yang Berhormat, ini boleh diberi secara percuma. Sekian.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan yang pertama sebentar tadi. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila menyentuh tentang sumber air, kita ingat kepada tempat tadahan air dan kita dapati banyak hutan-hutan sekarang ini telah digondolkan akibat pembalakan atau aktiviti-aktiviti seperti penanaman sayur dan pembangunan yang mengganggu kawasan tadahan air.

Jadi apakah alternatif yang dirangka oleh kerajaan sebagai tadahan air dan apakah mekanisme kawalan yang dirangka untuk mengawal aktiviti-aktiviti tersebut daripada berleluasa. Apakah kerajaan mengadakan galakan rakyat untuk menggunakan air yang dirawat yakni *renewal water* yang lebih jimat dan berkesan iaitu menggunakan air hujan yang ditadah, dirawat dan diguna balik bukan untuk diminum tetapi untuk tujuan kegunaan luaran. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi itu, Dasar Sumber Air Negara ini menggariskan beberapa langkah dan pada masa kini kita telah menjalankan satu kajian terperinci berkaitan dengan pelan tindakan-tindakan supaya dasar ini dapat diterjemahkan di bawahan agar masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi itu dapat dikurangkan atau sama sekali dapat ditiadakan juga.

■1010

Selain daripada itu, berkaitan dengan pengusahaan tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi maka sememangnya ini saya akui kita menghadapi sedikit sebanyak masalah oleh kerana negara kita ini pun juga memerlukan pembangunan dan kita tidak dapat lari daripada menggunakan tanah ini dan menebang kayu, tetapi satu cara bagi kita untuk mengatasi ialah *to regulate the development* supaya sementara waktu tanah itu dapat diusahakan tetapi untuk sementara waktu kita juga dapat menjaga bekalan air dengan kualiti dan kuantiti air itu dapat dijaga. Itulah sebenarnya usaha-usaha kita. Terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengemukakan soalan tambahan di ambang persaraan.

Soalan saya bagaimanakah pula kegunaan air di negara ini yakni jumlah penggunaan per kapita sehari pada masa sekarang ini berbanding dengan lima atau sepuluh tahun dahulu? Jika pola penggunaan menampakkan peningkatan, apakah sebab-sebabnya dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan kadar penggunaan berada pada tahap yang sebenarnya? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita mengeluarkan Dasar Sumber Air Negara ini, maka satu kajian seperti mana yang katakan sebentar tadi, satu kajian yang mengambil beberapa tahun untuk mengambil semua fakta supaya pembekalan air atau sumber air kita dalam negara ini akan dapat terjaga dan boleh menjamin supaya bekalan air ini berkekalan dan mencukupi untuk jangka masa panjang.

Daripada kajian ini, Dasar Sumber Air telah dikeluarkan dan saya sudah jelaskan sebentar tadi bahawa dasar ini perlu bagi kita untuk menterjemahkan *it is necessary for us to translate this into action later on* supaya air kita ini terjaga. Jadi dalam pada itu, untuk mengetahui secara terperinci langkah-langkah yang kita akan ambil kemudian hari itu seperti saya katakan sebentar tadi satu kajian sedang diambil sekarang ini dan setelah itu mungkin kita dapat mengeluarkan satu laporan sebagai dirujukkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Terima kasih.

2. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa Skim Rumah Pertamaku hanya diterapkan oleh individu yang mendapat gaji bulanan di bawah RM3,000 untuk hartanah yang tidak melebihi RM250,000.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung memandangkan kesemua pertanyaan tersebut menyentuh perkara serupa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Skim ini bertujuan membantu golongan muda yang baru bekerja dan memiliki rumah sendiri. Di bawah skim ini Cagamas akan memberi jaminan sebanyak 10 peratus daripada jumlah pembiayaan kepada institusi kewangan yang terlibat atas pembiayaan yang lebih dari 90 peratus.

Skim ini membolehkan mereka mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada bank-bank yang terlibat untuk membeli rumah pertama mereka. Dalam Bajet 2012, kerajaan telah menambah baik Skim Rumah Pertamaku dengan meningkatkan had maksimum harga rumah daripada RM220,000 kepada RM400,000. Penambahbaikan ini membolehkan pembeli rumah melalui pinjaman bersama suami isteri yang masing-masing berpendapatan RM3,000 ke bawah membeli rumah kediaman bernilai sehingga RM400,000.

Kriteria ini ditetapkan selaras dengan syarat pembayaran balik jumlah komitmen tidak boleh melebihi 60 peratus daripada pendapatan bersih bulanan atau had pembiayaan maksimum bank terlibat yang mana lebih rendah bagi mengelakkan pendedahan yang besar terhadap hutang. Sehingga Mac 2012, sejumlah 1,709 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pembiayaan di bawah skim ini dengan 589 permohonan tidak diteruskan disebabkan oleh permohonan berganda dengan institusi kewangan yang berlainan. Pemohon sama diminta dari beberapa institusi kewangan. Jadi kita tolak yang berganda ini sebanyak 589.

Ini menjadikan jumlah pemohon sebenar skim ini sebanyak 1,120 permohonan. Daripada jumlah permohonan sebenar, sebanyak 399 ataupun 36 peratus permohonan telah diluluskan manakala sebanyak 529 permohonan telah ditolak. Sebahagian besarnya permohonan ini ditolak disebabkan oleh kegagalan pemohon untuk memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan. Sebanyak 132 pemohon lagi ditolak disebabkan pemohon tidak memenuhi kriteria skim. Jadi skim ada syarat-syaratnya, institusi kewangan pun ada syarat-syaratnya. Pada masa yang sama, 192 permohonan masih lagi dalam proses tindakan institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, skim ini bukanlah jaminan bahawa setiap pembeli kediaman yang berharga antara RM100,000 hingga RM400,000 layak diberikan pembiayaan perumahan. Keputusan muktamad pembiayaan adalah bergantung kepada kemampuan peminjam dan penilaian kredit oleh bank-bank yang terlibat. Peminjam masih lagi perlu memenuhi kriteria asas yang telah ditetapkan oleh bank-bank yang menyertai skim ini bagi memastikan rakyat sentiasa memperolehi maklumat yang tepat mengenai skim ini terutama mengenai kriteria kelayakan, satu laman sesawang telah pun diwujudkan.

Selain itu, pihak Cagamas juga sentiasa berhubung dengan institusi kewangan yang menyertai skim ini dari semasa ke semasa dan kriteria skim ini dinyatakan di dalam manual operasi yang telah diedarkan kepada setiap institusi kewangan yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Cheam Choon: Jawapan Menteri memang begitu teliti dan mendalam. Jadi saya tidak ada apa soalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu. Saya ada dua soalan tambahan.

Pertamanya ialah daripada 1,709 pemohon ini, bolehkah kita tahu berapa daripada Lembah Klang kerana saya penuh yakin bahawa skim ini tidak akan berjaya oleh sebab ketiadaan rumah-rumah setakat yang dihadkan.

Keduanya adakah Yang Berhormat Menteri fikir bahawa setelah setahun kita mengadakan skim ini, hanya 399 orang sahaja yang telah mendapat kejayaan untuk meminjam. Adakah skim ini yang sebenarnya berjaya dan tidakkah kita harus memikirkan balik adakah skim ini boleh mendapat kejayaan seterusnya? Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya tengok Yang Berhormat Puan Norliza sudah bangkit, jadi saya pun tidak *sure* hendak bangkit jawab terus atau hendak kumpul soalan-soalan. Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya tentang soalan lokasi.

■1020

Saya beri bukan sahaja yang memohon tetapi yang diluluskan terus. Mohon tidak lulus pun tidak berapa guna juga. Kita bagi yang lulus terus. Yang lulusnya Selangor (99), Wilayah Persekutuan (61), Johor (37), Penang (21), Perak (21), Sabah (14), Sarawak (1). Yang tidak ada kelulusan langsung Putrajaya, Labuan, Perlis dan Kelantan. Yang ini tidak ada. Perlis tidak ada, Kelantan pun tidak ada. Mungkin tidak minta saya tidak tahulah tetapi tidak ada kelulusan dari negeri-negeri ini, yang lain ada. Itu dari segi lokasilah. Sama ada berjaya atau tidak berjaya kalau dilihat jumlah yang telah pun diluluskan 366 dan yang masih dalam proses 192, saya rasa berjaya dari segi banyak juga atau ramai juga yang mendapat pinjaman yang mungkin tidak dapat sebelum ini kerana tidak ada 10 peratus.

Akan tetapi, kalau diukur dari segi jumlah *absolute*nya mungkin tidaklah tinggi, jadi ini sesuatu yang dilakukan oleh kerajaan untuk ditumpukan kepada golongan tertentu. Ingat ini bukannya satu skim yang terbuka luas. Golongan tertentu yang bekerja, yang tidak pernah memiliki rumah, yang baru rumah ini sebab nama Rumah Pertamaku, yang ada keluarga, yang ada pendapatan, umurnya tidak lebih daripada 35 tahun, sah dalam jawatan dan bekerja dengan majikan yang sama tidak kurang enam bulan. Ini untuk menjamin supaya mereka yang layak berdasarkan kepada kelayakan ini akan diberi pinjaman oleh institusi kewangan.

Kalau kita bagi secara umum, makna boleh tukar kerja setiap tiga bulan umpamanya jadi institusi kewangan tidak bagi. Mana dia yakin bahawa mereka ini boleh bayar. Jadi, sebab itu kita tumpukan. Jadi, apabila ditumpukan masih lagi ada seribu lebih yang memohon maka boleh dianggap berjaya. Jadi kena ini berjaya, tidak berjaya ini *relative* dengan izin. Kalau kita buka semua yang 65 tahun pun boleh minta, yang umur 21 pun boleh minta, yang tidak kerja pun boleh minta, ini mungkin tidak berjayalah 366 yang baru dapat.

Akan tetapi kalau berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang sedemikian, maka sebab itu saya kira setengah-tengah negeri macam Kelantan, Perlis barangkali dia boleh beli rumah yang murah. Dia boleh ada tanah sendiri, dia boleh buat pinjaman, buat rumah jadi tidak layak kerana rumah-rumah yang boleh layak hanya RM100,000 minimum hingga RM400,000 maksimum. Jadi, kita kena faham dari segi matlamat dia. Matlamatnya tertumpu kumpulan tertumpu maka berdasarkan kepada matlamat dan kumpulan tertumpu ini skim ini bolehlah dikira sebagai berjaya. Terima kasih.

3. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, bilangan peserta ke Sukan Olimpik 2012 di London dan sasaran pingat emas. Apakah perancangan awal negara untuk Olimpik 2016 dan 2020.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sehingga ke hari ini seramai 26 atlet dari tujuh jenis sukan telah pun layak secara merit ke Sukan Olimpik London 2012, *alhamdulillah*. Iaitu di kalangan mereka ialah lapan orang daripada sukan akuatik terjun, enam orang dari sukan badminton, empat orang memanah, berbasikal trek tiga orang, berbasikal lebuh raya dua orang, menembak seorang, lawan pedang seorang dan angkat berat seorang. Manakala atlet-atlet sukan renang kita sedang menunggu keputusan dari Persekutuan Akuatik Antarabangsa (FINA) untuk layak dalam kategori 'B'.

Kita masih lagi bersandarkan kepada sasaran dalam program *Road to London* mengenai berapakah pencapaian iaitu untuk mendapatkan pingat emas yang pertama. Sandaran kita yang terbesar *insya-Allah* dalam bidang badminton. Walau bagaimanapun sukan-sukan lain seperti berbasikal, akuatik, terjun, memanah dan menembak juga berada dalam jangkauan untuk mendapat medal bagi sukan Olimpik kali ini, *insya-Allah.*

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir bagi menjawab soalan ini. Berapakah nilainya sebuah pingat emas Olimpik? Kalau kita tanya seorang ahli sukan yang telah meraih pingat itu, ia adalah satu puncak kejayaan setelah penat lelah, dedikasi, *hard work*, kerja kuat dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita tanya orang ramai, nilainya adalah lebih kurang USD501 iaitu 500 gram ataupun 550 gram *of silver* dan sedikit emas.

Jadi, pengorbanan dan pencapaian menjadi satu ukuran besar. Penglibatan Malaysia sejak tahun 1956 di Olimpik *Melbourne* sehingga hari ini lebih kurang 13 kali kita belum mampu lagi setakat ini dan kita masih lagi tertunggu-tunggu walaupun kita sudah dapat dua perak dan dua gangsa dan kita masih lagi tertunggu-tunggu. Kita berharap 2012 memberi sedikit keyakinan. Oleh sebab itu saya tinggalkan soalan untuk Olimpik akan datang Olimpik tahun 2016 dan tahun 2020.

Jadi, soalannya di samping usaha-usaha kita mencungkil menaikkan bakat-bakat domestik tempatan, warganegara kita saya sekali lagi ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kita ada membuat pertimbangan untuk mengambil atlet-atlet yang berkemampuan menghasilkan pingat-pingat emas dari warganegara asing yang kita *transform* menjadi warganegara Malaysia. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih atas soalan tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Saya rasa soalan itu terlalu luas yang disebutkan tetapi menyatakan betapa memahami betapa sukarnya untuk melahirkan seorang bintang yang menjadikannya dia unggul. Selalu kita katakan yang membezakan antara *good athlete* dengan *great athlete* ataupun seorang atlet yang baik dengan atlet yang terunggul perbezaannya sedikit sahaja tetapi yang sedikit itulah yang menyebabkan belanjanya, usahanya, latihannya, disiplinnya terlalu besar yang perlu dituntut kepada seorang atlet itu.

Sebagaimana yang diberitahu tadi bahawa harapan kita tahun ini sangat berada dalam jangkauan kecuali sesuatu yang di luar daripada jangkaan kita. Apa pun boleh berlaku. Ertinya apa pun boleh berlaku pada atlet kita. Ini bermakna apa pun boleh berlaku pada atlet orang lain. Datuk Lee Chong Wei telah menunjukkan prestasi yang baik tetapi apa berlaku pada hari pertandingan kita tidak tahu. Akan tetapi ini juga berlaku pada Lin Dan. Ini juga berlaku kepada saingan-saingan kepada Leong Mun Yee, pada Pandelela Rinong yang sebelum ini telah mencatatkan adakala mereka mendapat gangsa adakala mereka mendapat perak di dalam kejohanan-kejohanan dunia. Ertinya boleh berlaku juga kepada mereka yang pernah mendapat emas dan ini memberikan jangkauan dan kebolehan kepada atlet kita mencapai yang terbaik. Kalau diizinkan Allah, kita akan memberikan sesuatu impak yang besar.

Kita juga di bawah program Majlis Sukan Negara saya kira programnya begitu teratur sekali. Apa yang kita dapat hari ini banyak perkara yang kita tidak sangka. Misalnya dahulu siapa sangka bahawa Malaysia boleh melahirkan atlet berbasikal yang baik? Azizulhasni Awang budak kampung daripada Dungun misalnya yang dianggap antara yang terbaik di kalangan negara Asia misalnya kalau dikatakan bidangnya ialah Kirin. Bidang Kirin itu ialah satu bidang yang dicipta di Jepun memerlukan ketangkasan perlumbaan dan taktikal. Di Jepun, bidang ini mereka berlumba setiap minggu. Macam orang lumba *racing* kuda.

■1030

Orang bertaruh pun di sana. Satu bidang yang begitu menarik sekali bidang ini. Di sana ada lebih kurang saya difahamkan 3,600 profesional *keirin riders* – pelumba kirin di Jepun tetapi kita ada Azizul, Azizul dah mengalahkan semua itu.

Dia tidak profesional, dia tidak berlumba setiap minggu sebagaimana di Jepun tetapi *alhamdulillah* setakat ini Azizul dianggap terbaik di Asia dan telah mengalahkan semua. Ini bukan datang daripada Dungun bergolek macam itu sahaja kerana makan keropok lekor, nasi dagang tetapi ada program yang tersusun yang diaturkan.

Kita ada lebih kurang 10 hingga 11 orang dikenal, ada bakat, dihantar ke Melbourne melalui latihan yang begitu terperinci, disiplin yang begitu tinggi dan sebagainya tetapi nasib kadang-kadang berlaku pelanggaran. Azizul cedera baru-baru ini yang memerlukan masa untuk pulih dan sebagainya. Akan tetapi ada beberapa orang lagi. Jadi, *target* kita adalah Azizul usianya baru 24. Orang yang dikatakan pelumba kirin yang terbaik dunia sekarang ini bernama Chris Hoy daripada Scotland, Sir Chris Hoy kerana dia terbaik dapat tiga pingat emas suatu ketika dahulu diberikan Sir, *being knighted* di sana. Chris Hoy usianya 32 tahun sekarang ini.

Ertinya kalau dikatakan program tahun 2016, Azizul *insya-Allah*, kalau dia menunjukkan yang terbaik sekarang ini ranking dia nombor dua, nombor tiga dalam dunia yang terbaik waktu dia *play*. Kalau nasib dia baik dia boleh mengalahkan Chris Hoy kali ini tetapi kalau tidak baik, kalau kurang lagi kerana kecederaan yang diperoleh saya rasakan tahun 2016, dia adalah *insya-Allah* akan menjadi yang terbaik dunia tahun 2016. Jadi ini program yang telah diaturkan sekarang ini, belum berjaya sekarang *insya-Allah* yang akan datang.

Begitu juga dalam sukan-sukan yang lain. Siapa sangka satu ketika nanti kita dilihat sebagai antara negara yang melahirkan penerjun. Sukan terjun ini bukan dia terjun sahaja dan jatuh ke bawah. Semua orang boleh terjun jatuh ke bawah. Akan tetapi memerlukan suatu keupayaan teknikal yang begitu tinggi sekali.

Kalau mereka kata untuk mencapai markah yang tinggi dalam terjun ini memerlukan *level of difficulties* yang tinggi ertinya antara tiga *somersault,* dia tambah empat *somersault* atau empat setengah. Untuk tambah itu, orang kata cubalah sekarang. Mana tahu kata kalau jadi dapat markah tinggi. Akan tetapi kalau kita tanya bahagian teknikal, bahagian kejurulatihannya, hendak tambah satu *level of difficulties* itu daripada 3.7 kepada 4.2, ia ada ia punya teknikalnya.

Untuk tambah satu memerlukan satu tahun kepakaran, satu tahun latihan yang bertubi. Bangun pukul 6.00 pagi, membuat latihan empat jam, enam jam satu hari. Setiap hari memerlukan satu tahun supaya *accuracy* ataupun ketepatan dia mula terjun sampai ke bawah tiada masa hendak fikir tepat, tidak ada percikan air dan sebagainya mengambil masa yang lama.

Dahulu kita rasakan itu orang China, orang Rusia apa sebagainya mampu tetapi sekarang sudah lapan orang. Kalau tidak berjaya kali ini *insya-Allah* ia telah membina satu generasi baru di kalangan atlet-atlet kita untuk dilihat Malaysia sebagai negara yang dihormati dalam bidang-bidang yang tertentu. Dahulu badminton kita dihormati, sekarang basikal antara tiga, empat negara di Asia, kita Malaysia dihormati, terjun sekarang dihormati, *insya-Allah* tak lama akan datang lagi bidang-bidang lain kerana perancangan yang dibuat hari ini*... [Disampuk]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: ...Skuasy tidak masuk Olimpik lagi. Kita cakap mengenai Olimpik tahun 2016 dan 2020. Jadi, apa yang ada sekarang ini bukan kerana dia terjun semalam, dapat hari ini tetapi proses yang dibina bertahun-tahun yang lepas. Jadi, soalan lain tentang apakah kita memilih untuk membuat program naturalisasi itu bukan adalah prioriti kita. Tidak menolak kemungkinan boleh diadakan tetapi itu bukanlah keutamaan negara dalam soal ini. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi ini saya rasa kita bertuah sedikit sebab satu-satunya Kementerian KBS, hari ini kita ada Menteri, kita ada Timbalan Menteri sebab kita tahu KBS tahniah saya ucapkan... *[Tepuk]* Kita tahu KBS ini antara kementerian yang popular dalam Dewan ini sebab banyak perkara yang kita perbincangkan.

Jadi, berkenaan soalan tambahan saya yang kedua, saya ingin tahulah perancangan kementerian sendiri berkenaan dengan penganjuran sukan yang bertaraf dunia terutamanya yang kelas pertama sebab kalau kita lihat tahun 1998 kali terakhir rasanya kita menganjurkan sukan yang berkelas pertama iaitu sukan Komanwel.

Jadi, dari segi sampai sekarang ini kalau kita lihat pihak kementerian berusaha dalam untuk menjadi tuan rumah dalam beberapa perkara acara sukan tetapi nampaknya kita masih gagal.

Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan yang sedang dirancang oleh pihak kementerian sama ada kita sedang berusaha menuju ke arah penganjuran sukan bertaraf dunia terutamanya sukan kelas pertama seperti penganjuran sukan peringkat Asia mungkin Olimpik mungkin Komanwel dan sebagainya. Keduanya, saya hendak beritahu juga dalam Dewan ini sebab kita berbicara berkenaan dengan KBS, KBS ini kadang-kadang terkekang dengan permasalahan bajet katanya. Jadi, kita cadangkan jugalah mungkin pihak kementerian atau pihak kerajaan boleh memikirkan tentang bajet untuk KBS. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Saya rasa yang akhir sekali itu terima kasih kerana bajet itu tetapi bajet itu datang daripada Perbendaharaan. Jadi, kalau banyak-banyak Ahli-ahli Yang Berhormat beritahu Perbendaharaan lipat gandakan bajet untuk KBS, saya rasa ucap terima kasih banyak. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada kebijaksanaan Perbendaharaan, kita cuba sedaya upaya untuk mengatur dan menyusun pembangunan sukan kita berasaskan kepada apa yang ada.

Mengenai penganjuran sukan-sukan besar seperti Komanwel, Sukan Komanwel 1998 ialah kita semua akui bahawa ia merupakan suatu tuntutan yang besar dan memberi impak yang besar. Sehingga sekarang, kita lihat Kompleks Sukan Bukit Jalil yang kita banggakan hasil daripada keberanian kerajaan pada waktu itu untuk menganjurkan satu sukan yang besar, nikmatnya kita dapat sehingga hari ini.

Cumanya isu yang besarnya ialah bajet. Sekarang ini untuk menganjurkan sukan Asia misalnya. Seperti yang lepas, kita lihat sukan Asia yang diadakan di China ataupun tahun yang akan datang di Korea dan sebagainya. Sudah menjadi kebiasaan kalau kita lihatkan bajetnya boleh sampai ke USD3 ke USD4 bilion ertinya mungkin sampai kepada USD12 bilion. Boleh kita kecilkan skop itu tetapi walau bagaimanapun masih lagi memerlukan perbelanjaan yang besar.

Oleh sebab itu yang terakhir sekali, apabila kita mencadangkan supaya - pihak kami mencadangkan supaya kita membuat pembidaan bagi sukan Asia yang akan datang, yang pada waktu itu dua tahun yang lepas sewaktu kita berada dalam keadaan ekonomi yang gawat, pihak kerajaan memikirkan tidaklah wajar di waktu kegawatan berlaku *budget cut* ataupun pemotongan bajet dan sebagainya untuk kita mengatakan yang terbaik buat masa ini untuk membida sukan-sukan yang besar pada waktu tersebut.

Akan tetapi saya tidak menolak sekiranya keadaan sudah baik, FELDA pun sudah dapat durian runtuh boleh macam mana dan rakyat melihat perkara ini sebagai suatu yang positif daripada pelbagai aspek. Misalnya negeri China berlumba-lumba selepas Olimpik, *ASEAN Games*, selepas ini hendak anjurkan sukan Olimpik Remaja ataupun *Youth Olympic*, menganjurkan sukan universiti-universiti dan sebagainya. China melihat sukan itu bukan sekadar tentang - sukan itu penganjuran dua minggu, *glamour* negeri mereka tetapi ialah satu proses untuk mengubah masyarakatnya. Misalnya dalam Sukan Asia yang lepas ataupun Beijing, mereka katakan mereka perlu menanam semangat kesukarelawan.

■1040

Apabila dikeluarkan sahaja tawaran siapa hendak jadi sukarela, di sini tidak ada bagi duit, tidak ada bagi apa, bagi baju, bagi kupon makan sahaja, 1 juta orang rakyat mereka menawarkan diri. Mereka menggunakan kira-kira 500 ribu orang sukarelawan yang kerjanya untuk *serve*. Saya ingat saya hendak bagi *tips* pun dia orang tidak hendak. Ini kerana dia kata, "*We are volunteers",* kami adalah *volunteers*. Kami tidak terima wang. Kami mahu buat kerja kerana ini sebahagian daripada khidmat kami untuk negara. Atlet terpaksa berjuang, terpaksa berlatih, terpaksa tetapi kami cara buat demikian. Bandar Guangzhou berubah. Kalau ada kotor-kotor jadi bersih. Kalau teksi hendak menipu, tidak mahu tipu kerana ini sebahagian daripada proses untuk mengubah minda masyarakat.

Jadi, bagi mereka belanja RM4 bilion hingga RM5 bilion murah kerana ia dianggap dapat mengubah cara hidup, berfikir dan budaya masyarakat yang berkenaan.

Jadi kalau kita lihat penganjuran sukan dalam perspektif yang luas mungkin perbelanjaan itu dianggap berbaloi dalam soal ini. Namun begitu kita lihat, bahawa di Malaysia juga sekarang ini, walaupun tidak menganjurkan sukan Asia ataupun sukan yang besar seperti ini, kita menganjurkan beberapa kejohanan golf antarabangsa, PGA, *CIMB Classic, Malaysia Open,* Iskandar dan sebagainya. Ini sekali gus memaparkan Malaysia pada dunia luar. Mereka belanja sedikit, kebanyakan syarikat swasta tetapi setiap hari kalau *Golf CIMB Classic* misalnya dianjurkan oleh PGA. PGA ini, *Professional Golfer's Association* yang mempunyai pasaran yang besar di Amerika dan juga Eropah. Orang sana bersengkang mata, bangun tengah malam untuk tengok, setiap hari empat jam mereka duduk di depan televisyen, dia tengok Malaysia ini indah. Malaysia ini cantik. Malaysia ini tidak ada orang kata bergaduh, bakar gereja dan sebagainya. Tidak ada.

Itu satu program yang menyebabkan orang melihat Malaysia sebagai negara yang baik, mampu menganjurkan program-program yang besar begini dan penjenamaan Malaysia melalui sukan sebegini sebenarnya sangat berbaloi sekali. Formula 1, *Le Tour de Langkawi, Moonsun Cup* dan sebagainya ada kesan-kesan yang besar dalam meletakkan Malaysia di dalam peta dunia melalui sukan. Oleh sebab itu sekarang ini, dulu orang pengiklanan, orang beli *airtime* ataupun masa iklan. Kita faham. Akan tetapi semua orang tahu bahawa dalam dunia sekarang musuh kepada *commercial break,* musuh kepada waktu pengiklanan ialah *remote control* sebab bila tengok iklan orang pergi pada *channel* lain.

Oleh kerana itu orang sekarang hendak paparkan sesuatu program, sesuatu negara melalui sukan. Sebab itu sekarang ini *channel movie* dua, tiga *channel*. Akan tetapi *channel* sukan, lapan sekarang ini. Sukan sekarang ini sudah dilihat secara *specialize*. Orang tidak tengok satu *channel* sukan. Orang hendak golf ada satu *channel* golf, hendak bola satu *channel* bola, kriket ada *channel* kriket dan sebagainya. Ini kerana orang melihat melalui penganjuran sukan banyak pemaparan *branding*, nama, tempat, negara dapat dilakukan dengan baik dan berkesan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Menteri sendiri yang datang untuk menjawab soalan pada pagi ini, maka saya membenarkan satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Maijol. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Menteri tadi bahawa yang membezakan di antara emas dan perak itu adalah amat tipis sekali. Hanya satu *point*. Ada setengah *point*, setengah *point*, tetapi tidak ada setengah *point*. Satu *point* yang membezakan di antara emas dan perak ini, sebab itulah kita perlu mempunyai usaha yang bersepadu, *integrated action*. Setakat ini kita memang mempunyai latihan dan juga usaha-usaha lain untuk mempertingkatkan mutu pemain-pemain kita. Sebagai contoh, dalam badminton pun kita mempunyai program yang amat jitu untuk memastikan bahawa pemain-pemain kita adalah berkualiti tinggi untuk menghadapi Sukan Olimpik nanti.

Soalan saya ialah di Malaysia ini kita mempunyai usaha bersepadu. Pemakanan, latihannya yang baik tetapi satu aspek yang saya rasa kita masih kurang, jadi saya ingin tanya pada Menteri iaitu mengenai dengan psikologi sukan. Psikologi sukan adalah amat penting sekali kerana inilah yang boleh meletakkan atlet kita emas dan perak dengan satu mata yang membezakan itu. Jadi, adakah ini satu prioriti yang juga ditekankan oleh kerajaan sekarang ini, oleh kementerian sekarang ini dalam sukan kita.

Kedua ialah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita membelanjakan banyak bajet, banyak kewangan untuk atlet ini. Adakah secara nisbahnya, adakah perbelanjaan kita setakat ini adalah berbaloi mengikut apa yang kita capai setakat ini dari segi pencapaian atlet kita di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang juga merupakan seorang aktivis dalam bidang sukan badminton yang *passion* ataupun jiwanya begitu mendalam dalam sukan ini. Terima kasih kerana sumbangan beliau untuk negara. Saya setuju bahawa salah satu aspek yang besar di dalam pembangunan atlet sekarang ini memerlukan banyak psikologi sukan.

Oleh sebab itu bila saya sebut tentang sukan mesti dilihat sebagai suatu industri, sukan itu bukan hanya memberi punca pendapatan kepada atlet itu sendiri tetapi untuk seorang atlet seperti Nicol David itu ada sekurang-kurangnya ada tujuh, lapan orang di belakang beliau. Dia punya jurulatihnya, *therapist*, *psychologist*, pemakanannya, banyak lagi yang diperlukan di belakangnya.

Sehingga sekarang kita ada beberapa psikologi yang bersama dengan Institut Sukan Negara. Akan tetapi kalau tanya saya sudah tentu tidak cukup. Untuk melahirkan seorang *psychologist* yang umum mungkin mudah. Mereka dapat dilatih daripada pelbagai institusi. Akan tetapi untuk melahirkan satu *psychologist* sukan yang *specialist* kepada individu yang tertentu, itu sukar.

Kadang-kadangnya ianya perlu diresapi ke dalam *coach* ataupun jurulatihnya. Misalnya kalau dikatakan di Amerika itu, kenapa sukan *American Football* itu dianggap sebagai satu sukan yang hebat sekali di sana. Ini kerana di Amerika dia tahu rata-rata lebih kurang 70 peratus hingga 80 peratus daripada pemain *American Football* itu terdiri daripada anak-anak yang datang daripada *single parent*. Satu bapa satu anak. Tidak dibela oleh emak. Maknanya daripada keluarga yang berpecah. Daripada keluarga yang berpecah ini, betulkan *broken family* ya? Keluarga yang berpecah. Ertinya, kalau yang - dia tidak pernah melihat bapanya, dia melihat *coach* itu adalah seperti bapanya.

Akan tetapi yang perpecahan keluarganya, dilihat bapanya memukul ibunya, dia benci pada *coach* nya sebab *father* nya dulu pun marah orang, *coach* hendak marah, dia benci. Jadi, *coach* itu adalah merupakan seorang *psychologist* yang baik untuk menggabungkan beberapa belas orang di sana, di kalangan yang masalah macam-macam akhirnya melahirkan satu *team* yang kuat, bersatu, dapat mengalahkan yang lain, mempunyai kekuatan mental yang kuat, ini suatu perkara yang sukar.

Oleh sebab itu kita lihat kadang-kadang kita kata, *"Chong Wei kalah, tidak kuat mental."* Senang kita bercakap. Ada banyak di belakangnya yang perlu dibawa bersama oleh seorang yang ingin menjadi atlet yang unggul. Oleh sebab itu kalau kita lihat misalnya dulu Amerika Syarikat terkenal dalam tenisnya. Masa zaman Agassi, Sampras dan sebagainya tetapi selepas Agassi siapa? Rodrick tidak boleh. Britain terkenal dengan *British Open* dipanggil *Wimbledon* nya. *Tennis Wimbledon* yang terkenal, ratus ribu orang pergi setiap tahun. Akan tetapi siapa dia juara daripada Britain? Andy Murray sampai sekarang tidak boleh-boleh lagi, hendak dapat nombor dua, nombor tiga, nombor satu tidak boleh.

Selepas dia tidak ada. Apakah Britain tidak cukup *psychologist?* Roger Federer daripada Switzerland, terhebat satu ketika dan selepas Roger Federer sudah kalah, siapa dia? Apakah Switzerland sistemnya tidak cukup *psychologist*. Jadi, melahirkan juara itu kadang-kadang nasib juga orang kata, kita dapat Chong Wei, orang tanya siapa lepas Chong Wei? Kerana sistem kita, kerana tidak ada bapa, tidak ada orang yang macam itu, ia memerlukan satu proses yang lama dan ada kalanya bintang tidak datang luruh begitu banyak dalam satu ketika.

■1050

Dia datang sekali sekala. Itu bintang yang perlu kita jaga sehingga kita mencari bintang-bintang baru. Ini banyak sekali faktor untuk melahirkan bintang-bintang dan saya percaya Yang Berhormat semua adalah antara bintang-bintang negara kita. Terima kasih.

4. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kementerian akan meningkatkan skop atau kualiti ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi membina amalan moral di atas jalan raya untuk mengelakkan peningkatan kemalangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Yang Mulia Tunku Abdul Aziz di atas keprihatinan terhadap isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui agensi-agensi Jabatan Pengangkutan Jalan, MIROS dan JKJR dengan kerjasama Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Persatuan Institut Memandu, sememangnya dalam proses menambah baik dan memperkenalkan pendekatan baru dalam kurikulum memandu bagi mencapai objektif, bagi melahirkan bakal pemandu yang mahir, kompeten, berhemah dan bermoral.

Kurikulum baru ini adalah menumpukan pendekatan latihan bersandarkan konsep hasil pembelajaran atau *learning outcomes* dan pendekatan ini dijangka akan mempertingkatkan dan memantapkan bukan sahaja aspek pengetahuan, kemahiran tetapi yang lebih penting lagi ialah melahirkan pemandu yang bermoral dan memiliki sifat perikemanusiaan yang tinggi. Kurikulum ini dijangka akan diperkenalkan pada penghujung tahun 2012 ini.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Menteri dengan jawapan itu. Soalan tambahan saya apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan sukatan pelajaran yang berkaitan moral atau disiplin di jalan raya di peringkat sekolah.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerajaan telah pun melaksanakan kurikulum pengajaran ataupun kurikulum pendidikan keselamatan jalan raya di semua sekolah-sekolah di negara ini dan telah pun diajar di peringkat sekolah rendah bagi Tahun 1 hingga Tahun 6 dan akan diketengahkan di peringkat sekolah menengah bermula pada tahun ini.

Kita berharap dengan adanya kurikulum ini akan meningkat kesedaran rakyat Malaysia khususnya generasi baru untuk lebih prihatin terhadap keselamatan di jalan raya ini memandangkan kematian di jalan raya di dalam negara ini adalah agak begitu tinggi iaitu 6,877 bagi tahun 2011 atau purata kematian bagi 18 orang setiap hari.

Usaha-usaha kerajaan ini adalah penting bagi memastikan semua rakyat Malaysia dan ianya memerlukan sokongan daripada semua pihak bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi juga daripada pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan pada soalan nombor empat dan soalan ulung saya. Pengiktirafan MIROS sebagai sebuah institut di bawah Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 memberikan makna besar kepada negara dalam menjamin modal insan tidak hilang di jalan raya disebabkan kecederaan dan kematian.

Persoalannya ialah sejauh manakah institut ini akan mampu memberi jaminan bahawa kadar kemalangan di jalan raya akan berkurangan sedangkan sejak penubuhannya dari Januari 2007, statistik kemalangan jalan raya bukan menurun, malah membimbangkan. Setiap hari kita akan membaca dan mendengar berita kemalangan. Di manakah silapnya dalam cara mendapatkan kualiti dan pemanduan yang berhemah ini. Sekian.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kemalangan di dalam negara ini adalah mempunyai punca yang pelbagai seperti mana yang terdapat di dalam kajian yang telah dibuat oleh MIROS, 67 peratus daripada punca kemalangan ini adalah berkait dengan faktor manusia, dan keadaan jalan 28 peratus dan keadaan kenderaan 5 peratus.

Manakala kalau kita lihat dari segi statistik yang lain, motosikal adalah melibatkan kematian 60 peratus, kenderaan 20.8 peratus, *pedestrian* atau pejalan kaki 8.7 peratus, pemandu dan penumpang bas 0.45 peratus dan penunggang basikal 3 peratus. Jadi daripada statistik yang telah dikeluarkan ini sebenarnya apa yang diperlukan di dalam negara ini ialah satu pendekatan yang holistik. Apa yang telah kita bentangkan baru-baru ini iaitu pewujudan institut penyelidikan *road safety* ataupun MIROS 2012 ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha kerajaan untuk memberikan satu badan ataupun institut yang bertujuan untuk memberikan nasihat ataupun kajian bagi pihak kerajaan, untuk membolehkan supaya kerajaan dapat mewujudkan polisi-polisi dan intervensi yang sesuai bagi menghadapi masalah ini.

Sekiranya ada kerjasama daripada semua pihak seperti mana yang saya katakan tadi, bukan sahaja pihak kerajaan yang bertanggungjawab melalui agensi-agensi sedia ada seperti MIROS, Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang bertanggungjawab bagi mengadakan kempen-kempen. Demikian juga JPJ, PDRM, ia akan bertanggungjawab dalam bidang penguatkuasaan dan juga kita akan ada satu sistem baru yang akan diperkenalkan, *automated enforcement system* bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan.

Dengan pendekatan-pendekatan begini, dan juga pendekatan pendidikan yang saya katakan tadi, kita akan ada kurikulum baru, kita akan ada pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah dan juga pelbagai inisiatif-inisiatif bagi memastikan supaya semua kenderaan awam mematuhi peraturan-peraturan tertentu untuk menjamin keselamatan. Saya percaya dengan kerjasama semua pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pasti usaha-usaha ini akan berjaya dan kita akan dapat melihat kejayaannya.

Seperti mana yang saya katakan sebelum ini sebenarnya memang ada kejayaan yang kita lihat, kerana kalau kita lihat dari segi indeks kematian jalan raya, memang dalam posisi yang menurun misalnya kalau kita lihat statistik pada tahun 2001 bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar ialah 5.17 kematian, tahun 2005 - 4.18 dan 2011 menurun kepada 3.21.

Demikian juga setiap satu *billion vehicle kilometer traveled*, pada tahun 2001 23.93, tahun 2005 – 19.58, dan tahun 2011 – 14.48. Untuk menghapuskan kematian secara menyeluruh ini tidak mungkin selagi kita ada kenderaan, kematian akan berlaku. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kenderaan di negara ini telah pun berjumlah lebih kurang 20 juta dan ianya akan bertambah satu juta setiap tahun. Dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan misalnya untuk membangunkan sistem pengangkutan awam kita berharap ianya akan dapat mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Terima kasih.

*[**Soalan No.5** – YB. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor tidak hadir]*

■1100

6. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan para belia yang tidak mahu meneruskan pelajaran dapat mengambil bahagian dalam latihan kemahiran. Berapa banyak belia yang telah memohon untuk skim ini dan apakah peratusan pengambilan belia daripada kaum India.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat pagi dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh di atas soalan tersebut dan saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sangat komited dengan pembangunan belia dan juga orang-orang muda di negara ini dan tidak mahu ada yang tercicir daripada arus pembangunan negara dan kita mendapati bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2012 telah mengumumkan iaitu kerajaan akan memperuntukkan RM200 juta untuk pelaksanaan latihan kemahiran kepada golongan belia yang tidak dapat meneruskan pengajian persekolahan melalui program strategik untuk Belia 1Malaysia ataupun *Strategic Action for Youth* yang dipendekkan ialah SAY 1Malaysia, itu nama program tersebut.

Program ini akan menawarkan pelbagai latihan kemahiran yang akan dikendalikan di institusi-institusi latihan kerajaan yang bertauliah seperti kolej komuniti, Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian dan lain-lainnya yang mana latihan praktikal akan melibatkan GLC dan juga syarikat-syarikat swasta supaya apabila tamat latihan kelak mereka akan terus diserapkan dalam pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia telah dilantik oleh Kementerian Kewangan untuk menyelaraskan dan melaksanakan program ini dan ia melibatkan lapan kementerian dan agensi-agensi kerajaan. Sehingga 30 April 2012, kementerian telah menerima sejumlah 338 cadangan kursus dan program latihan yang bakal memberi faedah kepada 41,613 belia di negara ini. Kursus-kursus ini akan dilaksanakan apabila kita menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan. Pelaksanaan program ini adalah terbuka kepada semua kaum tanpa mengira penetapan kuota di kalangan golongan belia yang tidak mendapat peluang meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan penjelasan tentang soalan saya. Soalan saya terdiri daripada dua aspek iaitu pertama sedikit *general* dan satu lagi mengenai belia India. Kalau kita lihat nombor-nombor pelajar yang mengambil SPM setiap tahun adalah lebih kurang 448,000 orang tetapi hanya lebih kurang 250,000 akan ditawarkan ke IPTA dan IPTS, jadi kita ada lebih kurang 150,000 orang belia-belia yang tidak akan pergi ke pengajian tinggi. Mengambil kira angka-angka pekerja-pekerja asing di Malaysia sekarang terdapat lebih kurang dua juta orang. Jika Kementerian Sumber Manusia dengan program-program *targeted* dalam masa 10 atau 15 tahun, kita memang boleh mengurangkan *dependency* kita kepada orang-orang asing terutamanya dalam kerja-kerja berbentuk *skill* yang saya dengar tadi daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya 41,000 orang sahaja yang akan ditawarkan tempat.

Namun mengikut statistik, kita perlukan lebih kurang 100,000 orang dan untuk 100,000 orang ini apakah cadangan untuk mereka, itu yang pertama. Kedua, bagi Belia India pula, kita memerlukan lebih kurang 8,000 hingga 10,000 tempat kapasitinya. Saya difahamkan kursus-kursus ini tidak begitu diminati oleh belia-belia India sama ada Menteri Sumber Manusia ini bercadang membuat satu LED seperti yang dibuat oleh ETP, GTP. Kenapa bidang-bidang ini kurang diminati dan apakah yang sepatutnya kita lakukan agar kita boleh menggalakkan mereka yang tidak dapat pergi ke universiti ataupun ke kolej menyertai kursus-kursus ini. Bolehkah kita *localize* kursus ini untuk tiap-tiap etnik seperti makan, tempat sembahyang, semuanya ada dan ada bilangan yang cukup supaya mereka dapat berbual antara satu sama lain, itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas paparan statistik mengenai belia-belia di dalam negara kita yang selepas SPM. Saya ingin memaklumkan bahawa secara keseluruhannya kerajaan telah pun mempunyai usaha yang begitu gigih untuk mengarusperdana dan memperkasakan bidang kemahiran khususnya memberikan peluang kepada semua belia di negara ini melalui program-program latihan kemahiran.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator tadi, angka 150,000 itu saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini kemampuan kerajaan untuk melatih belia-belia dalam bidang kemahiran termasuk juga bidang teknikal, vokasional dan juga berkemahiran tinggi, kita mendapati bahawa kapasiti pusat-pusat latihan keseluruhannya di negara kita pada masa ini boleh melatih lebih daripada 270,000 orang dan ini termasuk komuniti, politeknik, teknikal, institut-institut latihan kemahiran yang ada. Di mana pada masa ini di bawah kementerian dan agensi kerajaan sahaja kita ada pusat latihan kemahiran bertauliah sebanyak 359 buah dan tidak cukup dengan itu, kerajaan juga mentauliahkan pusat-pusat latihan swasta sebanyak 664 buah. Keseluruhan pusat-pusat latihan ini sebanyak 1,023 buah dan di bawah kementerian saya sahaja iaitu melalui Institut Latihan Perindustrian sebagai contohnya melalui ADTEC kita mampu melatih dalam 20,000 orang dalam masa satu tahun.

Jadi kita mendapati bahawa sudah ada di dalam pasaran sekarang ini pusat-pusat latihan untuk melatih orang-orang muda di negara ini kekal menjadi tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, yang diperlukan oleh negara. Tadi Yang Berhormat Senator juga ada menyebut tentang pekerja asing yang begitu ramai. Adalah menjadi hasrat kerajaan apabila kita dapat melatih tenaga kerja kita sehingga ke tahap berkemahiran tinggi yang sekurang-kurangnya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dan kelulusan-kelulusan yang sama tarafnya melalui kolej komuniti dan lain-lain institusi, kita boleh mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat kerajaan menjelang tahun 2020 tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini yang pada masa ini hanya di tahap 28 peratus dapat dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 45 peratus supaya kita dapat menjadi negara maju dan negara berpendapatan tinggi dengan adanya tenaga kerja yang produktif, berdaya saing dan berpengetahuan.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Senator tentang belia India. Saya ingin memaklumkan memang adalah merupakan satu hakikat bahawa belia-belia India sebelum ini kurang banyak memohon untuk mengikuti latihan-latihan kemahiran di institut-institut latihan di negara ini. Di bawah satu Jawatankuasa Khas Kabinet masyarakat India yang mana Menteri Sumber Manusia merupakan pengerusi pasukan petugas khas tersebut telah pun melancarkan satu program Karnival *My Skill* pada tahun 2011 di seluruh negara, di Melaka, Wilayah Persekutuan, Seremban, Ipoh, Bentong, Johor Bahru, Sungai Petani dan Pulau Pinang dan kita mendapati melalui program itu seramai 16,700 orang belia India telah datang ke karnival-karnival tersebut dan daripada jumlah tersebut seramai 2,590 orang belia India telah mendaftar untuk mengikuti kursus kemahiran dan daripada 2,590 tersebut yang mendaftar 2,265 orang telah ditawarkan tempat di institut-institut kemahiran di negara ini. Sehingga dua bulan yang lalu 239 orang telah pun melaporkan diri dan yang lain dalam proses untuk mengikuti kursus ini.

■1110

Saya juga ingin memaklumkan bahawa di pusat-pusat latihan kita sebelum adanya program *My Skill* ini juga sudah ada bilangan-bilangan pelajar India iaitu seramai 919 orang. Ini termasuk angka-angka yang ada di lain-lain pusat yang luar daripada Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah saya tahu bahagian manakah yang mengendalikan pengambilan murid-murid untuk bahagian ini iaitu lembaga yang membuat keputusan, pengetua, pensyarah- daripada kumpulan ini berapa peratus daripada kumpulan ini ialah terdiri daripada masyarakat India sebab saya nampak dalam karnival-karnival yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya nampak kementerian banyak bergantung banyak kepada pertolongan NGO, memang NGO perlu dimasukkan tetapi saya nampak banyak bergantung kepada NGO. Tidakkah kementerian sendiri ada pasukan ataupun apa-apa *think-tank,* bagaimanakah kita menarik belia-belia India, Cina dan lain-lain untuk kursus-kursus ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa 16,700 yang melawat tetapi yang *enroll* hanya 2,000 lebih sahaja, kenapa banyak sangat perbezaan. Apakah langkah-langkah kementerian bagi menyesuaikan kursus ini kepada keperluan masyarakat, pasaran dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang bilangan tenaga pensyarah, pendaftar dan lain-lain saya minta maaf saya tidak ada di sini tetapi mungkin boleh memberikan jawapan secara bertulis. Saya beranggapan Yang Berhormat Senator bermaksud bilangan yang terdiri daripada kaum India ya, okey. Itu saya akan buat secara bertulis.

Mengenai yang soalan yang kedua iaitu apakah usaha-usaha khusus yang dilakukan, itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator ya untuk menarik belia-belia ini. Seperti yang saya sudah katakan bahawa kita ada Jawatankuasa Khas Kabinet Masyarakat India yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri dan pengerusi pasukan petugas khas adalah Menteri Sumber Manusia sendiri dan ini adalah satu usaha khas untuk dengan izin, *to address* isu ini...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Soalan saya ialah bukan pada peringkat Kabinet tetapi pada peringkat kementerian dan jabatan, apakah langkah-langkah khusus diambil untuk menarik penuntut-penuntut.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya rasa kita perlu melihat kementerian ini apabila ia mengadakan satu-satu program, ia tidak khusus untuk mana-mana kaum. Saya rasa kita lakukan untuk semua rakyat Malaysia tidak mengira apa-apa kaum. Oleh itu saya rasa yang perlu kita perhebatkan sekarang ialah usaha-usaha mempromosikan dan khusus untuk masyarakat India tadi, pada tahun lalu iaitu tahun 2011, kita telah mengadakan satu karnival kerja dan kerjaya khas untuk masyarakat India sepanjang tahun di seluruh pelosok negara, itu usaha khas. Itu memang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Tenaga Manusia. Kita bergabung dan ini dilaksanakan khusus untuk masyarakat India.

Manakala yang lain-lainnya saya rasa mungkin Yang Berhormat Senator sendiri dan semua rakan-rakan pemimpin yang ada perlu membantu Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain kementerian yang ada program-program latihan ini untuk kita memastikan bahawa maklumat ini sampai ke peringkat akar umbi, mereka tahu di mana hendak mendapatkan maklumat dan mereka sendiri proaktif dalam usaha untuk membantu diri mereka sendiri.

Saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua pada 12 hari bulan ini, kita akan mengadakan perayaan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan selain daripada mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 hari bulan ini, kita juga mengadakan karnival kemahiran dan karnival pekerjaan dan sepanjang tahun kita mengadakan beratus-ratus karnival di peringkat daerah, negeri, kebangsaan sama ada kita buat bersendirian, kementerian khususnya melaksanakannya atau dengan gabungan lain-lain kementerian dan agensi terutama Kementerian Sumber Manusia dan dengan pihak-pihak pertubuhan sukarela, syarikat-syarikat, kita mengadakannya secara berterusan.

Jadi sekarang ini bagaimana kita bersama-sama patut contohnya pada 12 hari bulan ini tolong sebarkan kepada mereka yang ingin mengikuti kursus kemahiran, yang mencari pekerjaan untuk datang ke karnival-karnival seperti ini. Di mana kita mengadakan pameran, bahkan kita mengadakan karnival kerja di mana ada lebih 150 gerai disediakan dan lebih daripada 70 majikan akan turun padang dan kita mengadakan temu duga terbuka pada hari itu, *walk-in interview,* dengan izin, dan maklumat-maklumat mengenai dengan peluang-peluang latihan kemahiran akan dipaparkan bukan sahaja mendapat maklumat bahkan boleh terus mendaftar.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita meminta bahawa sentiasa melayari *internet*, kita ada portal *JobsMalaysia* di mana di situ selain daripada mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan, membuat penjodohan pekerjaan secara elektronik di mana majikan mengiklankan kerja kosong. Dalam sistem yang sama, kita juga memaparkan karnival-karnival kerja, karnival-karnival kemahiran dan lain-lain lagi supaya kita tahu bila, di mana dan kita boleh mengambil kesempatan untuk mencari peluang di acara-acara tersebut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Maijol Mahap minta Perdana Menteri menyatakan, apakah bentuk tindakan yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu masyarakat Kadazan Dusun dan Murut yang ternyata amat ketinggalan dalam perniagaan, pemegangan jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan dan syarikat-syarikat kerajaan dan pemberian biasiswa kerajaan dan MARA

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator daripada Kota Marudu, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sentiasa prihatin mengenai pelbagai isu yang sering dibangkitkan berkaitan ketidakseimbangan sosioekonomi pelbagai kaum di Sabah. Oleh itu dengan mengambil kira kepentingan keseluruhan penduduk bumiputera Sabah termasuk kaum bumiputera minoriti Kadazan Dusun Murut, kerajaan pada 14 Oktober 2009 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jawatankuasa Kabinet Bumiputera Sabah dan Sarawak bertujuan untuk memantau dan menilai dasar dan strategi pelaksanaan, pembangunan bumiputera di Sabah dan Sarawak, memastikan sistem penyampaian yang lebih efektif dan berkesan serta menyelesaikan sebarang isu yang melibatkan dasar atau jentera kerajaan.

■1120

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak turut dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Kedua-dua Jawatankuasa telah membincangkan pelbagai isu dan cadangan penyelesaian yang melibatkan kepentingan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan pemberian biasiswa oleh Kerajaan Persekutuan, penyertaan kaum bumiputera Sabah dalam perkhidmatan awam persekutuan dan program-program keusahawanan di Sabah dan Sarawak.

Hasil keputusan-keputusan kedua-dua Jawatankuasa yang telah dilaksanakan telah menunjukkan pencapaian di dalam bidang-bidang seperti *Native Customary Rights* (NCR) yang menjadi isu yang hangat di Sabah ketika dahulu, penyelesaian isu *mission schools,* penempatan dan pertukaran guru di Sabah dan Sarawak dan latihan kemahiran untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Tambahan pula, dengan mengambil kira kepentingan kaum bumiputera minoriti Sabah khususnya kaum Kadazan Dusun dan Murut, sebahagian besar peruntukan program khas golongan bumiputera minoriti Sabah diperuntukkan untuk membina Mahkamah Anak Negeri di beberapa buah daerah di Sabah iaitu di Penampang, Kudat dan Keningau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan tadi itu. Saya merasakan dan terfikir bahawa tidakkah kerajaan bercadang untuk membuat kajian atau *survey,* dengan izin tentang status ekonomi ataupun paras pendapatan bagi setiap kaum di negara ini terutamanya sekali kaum-kaum minoriti di Sabah dan Sarawak. Kalaulah kajian ini dilakukan, maka kerajaan akan boleh membuat perancangan yang lebih teliti lagi dan juga tentang apakah lagi tindakan *affirmative* yang perlu dibuat oleh kerajaan terhadap kaum minoriti ini? Sebagai contohnya, untuk kaum KadazanDusun, Murut ini, kalau kita buat kajian tentang status ekonomi atau paras pendapatannya, saya yakin dan percaya bahawa *big majority*, dengan izin daripada penduduk kaum ini adalah berpendapatan rendah ataupun kumpulan miskin.

Jikalau sedemikian, saya mencadangkan agar kerajaan memberikan satu bantuan khas ataupun dana khas kepada kaum ini seperti juga yang dibuat oleh kerajaan terhadap kaum India suatu ketika dahulu apabila kerajaan telah memberikan dana khas kepada kaum India. Dalam penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang betul bahawa isu-isu kebudayaan dan juga pentadbiran adat istiadat di Sabah ini memang baik, terpelihara dan ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, terus pada soalan Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Ya. Saya ingin menghuraikan sedikit tentang budaya dan pemeliharaan adat itu memang betul, di landasan yang betul tetapi apa yang kita ingin tumpukan di sini ialah tentang ekonomi kaum minoriti ini. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat kajian dan juga memberikan dana khas seperti mana yang diberikan kepada kaum India dahulu. Apakah pendirian kementerian? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan mengenai pandangan untuk membuat kajian mengenai golongan KadazanDusunMurut ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bancian telah diadakan baru-baru ini pada tahun 2010. Laporan sosioekonomi daripada segi kependudukan sudah keluar dan laporan ekonomi sedang dirangkakan. Maka daripada kajian banci ini, saya rasa serba sedikit kita boleh mengambil kira demografi dan keluarga isi rumah dan keadaan sosioekonomi, pendapatan golongan-golongan ini.

Walhal, saya minta supaya Yang Berhormat Senator membawa pandangan ini kepada Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Tan Sri Bernard Giluk Dompok, supaya ini dimasukkan sebagai salah satu langkah untuk memperkasakan golongan minoriti ini di Sabah. Ini kerana kedua-dua Sabah dan Sarawak termasuk dalam Jawatankuasa Kabinet dan perjumpaan itu selalu dibuat. Keputusan itu dibawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara ini dimasukkan sebagai salah satu dasar dan dilaksanakan kemudian. Itu cadangan saya untuk Yang Berhormat Senator.

Kedua ini, bantuan khas itu merupakan satu yang item yang kecil yang boleh dibincangkan setelah kajian itu dibuat. Setelah kajian itu dibuat, mungkin dia boleh memberikan cadangan-cadangan apakah langkah bukan sahaja bantuan untuk satu tetapi bantuan untuk perkara-perkara lain. Akan tetapi selain daripada itu, saya ingin mengatakan di sini bahawa kalau kita lihat Kabinet sendiri, kita ada Tan Sri Bernard Giluk Dompok sebagai Menteri. Kita ada Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman, Dato' Sri Anifah bin Aman sebagai Menteri dalam Kabinet dan selepas itu kita ada Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal. Kemudian, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili pun ada di sana, Yang Berhormat Senator. Selepas itu, Dato' Seri Douglas Uggah Embas Sabah, Sarawak termasuk. Kemudian kita ada Dato' Sri Idris Jala.

Maka representasi Menteri-menteri di dalam Kabinet begitu ramai sekali daripada dua buah negeri ini. Seterusnya kita nampak dalam Jawatankuasa Teknikal Kabinet Tuan Yang di-Pertua, juga termasuk Ketua Menteri Sabah dan Sarawak untuk *Cabinet Committee* ini. Maka kita sudah ada representasi. Saya minta supaya perkara ini dibawa ke sana dan kita ada *Delivery Management Office* (DMO) yang di Sabah UPEN yang jaga Dato' Mail. Selepas itu di bawah Sabah pula kita ada Dato' Usim Muran; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri di Sarawak. Maka sudah ada representasi.

Kemudian saya minta supaya melihat Koridor pula. Koridor mempunyai satu proses pembangunan yang begitu luas dan Koridor ada bajet untuk tujuan-tujuan ini, untuk memperkasakan modal insan dan sebagainya. *So,* minta supaya *engage* dengan Koridor, kalau kita lihat segi tiga bio, Beluran, Sandakan dan Kinabatangan. Agro Marin Belt di Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Kemudian ada enam dan syarat bagi Kudat, Kimanis dan juga Sipitang, kita ada industri kluster minyak dan gas. *So,* sudah ada ia punya proses pembangunan.

Saya mintalah supaya dimasukkan semua ini dan kita ada juga Dato' Sri Idris Jala yang menjadi GTP, ETP. Dua itu yang satu pendidikan, NKRA 3, pendapatan isi rumah, *Low Household Income* dan infrastruktur asas luar bandar. Memang sudah kentallah. Kental. *So, how do you plug in?* Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan panjang lebar mengenai perjuangan dan keadilan saksama kepada *minority group* di Sabah dan Sarawak. Jadi saya memohon satu jawapan yang *straight forward* kepada *minority group* di Semenanjung Malaysia yang mana pada 25 Februari 2012 baru-baru ini di Pendang, Perdana Menteri sendiri menyatakan orang-orang Siam adalah bumiputera. Akan tetapi, apakah hakikat sebenarnya? Saya mahukan jawapan daripada Menteri, adakah mereka mendapat hak saksama seperti bumiputera lain seperti pinjaman MARA dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Senator, saya rasa ini berkaitan dengan..., saya pun tidak ada maklumat. Ikhlaslah. Saya jawab secara ikhlas. Saya tidak ada maklumat mengenai hak itu. Mungkin boleh bawa balik kepada pengetahuan Yang Berhormat Senator. Akan tetapi, saya mendengar dahulu perwakilan seorang Yang Berhormat Senator Siam itu dari dahulu dan perjuangannya memang jelas. Saya rasa setakat ini keputusan belum dapat lagi mengenai status itu. Saya akan mendapatkan maklum balas daripada..., tetapi ini bukan *Economy Plan Unit.* Ini di bawah Dato' Seri Mohamed Nazri dan saya akan mendapatkan maklum balas daripada beliau mengenai status golongan orang Siam sebagai bumiputera. Terima kasih. Itu ikhlas. Terima kasih.

■1130

8. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, sejak kebelakangan ini saluran-saluran TV dan radio kerap mengiklankan pelbagai jenama produk kesihatan dan kecantikan keluaran tempatan dan luar negara. Adakah kelulusan dan jaminan rasmi diperoleh terlebih dahulu daripada Kementerian Kesihatan dan JAKIM tentang keselamatan penggunaan serta mutu dan kesahihan halalnya.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang atas pertanyaan yang dikemukakan dan juga serangkap pantun tadi. Tuan Yang di-Pertua, mekanisme kawalan kandungan siaran iklan di stesen penyiaran swasta adalah tertakluk di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) melalui peruntukan syarat khas lesen dan kod kandungan komunikasi dan multimedia Malaysia serta undang-undang yang tertakluk terhadapnya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bagi iklan berkaitan kesihatan seperti ubat-ubatan, rawatan dan kemudahan perubatan, kepakaran dan perkhidmatan berkaitan dengan diagnosis, pencegahan dan rawatan penyakit atau sebarang keadaan yang memberikan kesan kepada tubuh manusia adalah di bawah kawalan dan kelulusan Lembaga Pengiklanan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia manakala kandungan yang berunsurkan Islam pula, hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mengenai status penggunaan logo halal JAKIM bagi sesebuah iklan pula, pada masa ini, ia tidak tertakluk di bawah kod kandungan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa mengambil langkah-langkah tegas terhadap stesen-stesen penyiar swasta sekiranya kandungan yang disiarkan didapati bercanggah dengan AKM 1998, syarat lesen atau mana-mana peruntukan undang-undang yang digunakan bagi industri penyiaran swasta di Malaysia. Walaupun RTM sebagai penyiar kerajaan tidak dilesenkan di bawah AKM 1998, namun RTM juga tertakluk pada peraturan-peraturan mengenai pengiklanan yang ditetapkan oleh kerajaan yang disiarkan melalui televisyen dan radio. Terima kasih.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang memuaskan. Hanya satu soalan tambahan daripada saya. Adakah kementerian dimaklumkan terlebih dahulu tentang jika terdapat sesuatu produk itu ditarik balik daripada dikomersialkan ataupun daripada pasaran? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Dayang. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi iaitu berkenaan dengan pengiklanan ubat-ubatan ataupun perkhidmatan berkenaan dengan perubatan ataupun berkaitan dengan diagnosis, ini adalah di bawah kelulusan Lembaga Pengiklanan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Oleh yang demikian, tidak perlu untuk pengiklan memaklumkan kepada kementerian kami sebelum ataupun bila ia ditarik. Akan tetapi sudah memadai sekiranya Lembaga Pengiklanan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dimaklumkan. Terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada dua. Pertama ialah ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yakni selama enam tahun yang lalu ini walau pun telah bertalu-talu dikemukakan kepada RTM Negeri Sarawak berhubung dengan pertindihan siaran. Di mana radio bahasa Kayan telah ditindih oleh radio bahasa Cina, yakni pada jam 4 hingga 6 petang setiap hari yang mana apabila masa kedua-dua rancangan ini disiarkan, maka yang bahasa Cina itu sahajalah yang keluar.

Jadi maklumat, siaran bahasa Kayan itu tidak timbul lagi. Rugilah rancangan kerajaan, maklumat-maklumat penting kepada pedalaman Sarawak, tidak boleh didengar oleh masyarakat suku kaum Kayan. Jadi, apakah kementerian membiarkan perkara ini berterusan? Itu soalan pertama.

Perkara yang kedua, kemungkinan sudah dibincangkan ialah ada satu stesen radio yang digelar *Radio Free Sarawak*. Stesen *Radio Free* Sarawak ini akan berhubung dengan individu-individu yang tertentu di seluruh negara ataupun di seluruh dunia, menggunakan *handphone* ataupun telefon. Ini memang baik tetapi Radio Free Sarawak ini, maklumat yang ia ingin benar-benar sampaikan ialah kritikan-kritikan kepada kerajaan negara, Kerajaan Negeri Sarawak. Ia akan berhubung dengan individu-individu yang menyuarakan kritikan hebat khususnya kepada kerajaan dan masyarakat kita di Sarawak. Jadi apakah pendirian kementerian berhubung dengan stesen yang memburukkan negara dan negeri Sarawak ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lihan. Tuan Yang di-Pertua, ada dua pertanyaan iaitu berkenaan dengan pertindihan siaran dalam bahasa Kayan dan juga berita dalam bahasa Mandarin. Sebagaimana Yang Berhormat Senator sendiri tahu bahawa Ketua Pengarah Penyiaran kita sekarang adalah orang Sarawak. Saya akan bincangkan perkara ini dan sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan kepada saya butiran-butiran berkenaan dengan aduan yang telah Yang Berhormat kemukakan, itu lebih elok untuk saya angkatkan kepada Ketua Pengarah kita iaitu orang Sarawak sebagaimana yang saya katakan tadi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perbuatan yang dilakukan oleh Radio Free Sarawak. Sebenarnya, ini adalah stesen yang berpangkalan di luar negara. Oleh yang demikian, sukar untuk kita memantau dan membuat apa-apa tindakan ke atas perbuatan individu-individu tertentu. Akan tetapi, sebagaimana yang kita tahu bahawa beberapa individu yang terlibat dalam penyiaran *Radio Free Sarawak* ini adalah anak-anak Sarawak. Oleh yang demikian, mungkin tindakan undang-undang dari segi apa yang mereka katakan sekiranya ada percanggahan dengan undang-undang, mungkin tindakan boleh diambil. Akan tetapi sebagai kementerian, kuasa kita adalah terhad daripada segi pemantauan ataupun kawalan ke atas stesen radio tersebut. Sebagaimana yang kita tahu bahawa gelombang radio yang mereka pakai adalah dari luar negara. Terima kasih.

■1140

9. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, mengapakah kadar keuntungan hasil padi dan pendapatan yang diuruskan oleh KADA rendah berbanding dengan hasil padi dan pendapatan penanaman padi oleh syarikat swasta dan individu dan mengapakah bayaran sewa kenderaan untuk menanam dan menuai padi terlalu tinggi sehingga memakan ¼ daripada kos jualan padi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz yang membangkitkan mengenai isu KADA. Tanaman padi di kawasan PEKADA sebenarnya diusahakan sama ada oleh individu atau secara berkala besar atau juga melalui secara berpusat oleh bahagian industri KADA iaitu juga dikenali sebagai Ladang Merdeka.

Pengusaha individu yang ada terdiri daripada petani atau orang perseorangan yang menerima bantuan input pertanian seperti baja, racun, kapur dan lain-lain daripada kerajaan. Purata hasil pada musim 2011, bagi Ladang Merdeka yang diuruskan secara berpusat oleh pihak KADA adalah sebanyak 6.4 metrik tan per hektar dengan pendapatan bersih berjumlah RM2,300 per hektar. Sementara itu purata hasil bagi individu adalah sebanyak 4.1 tan metrik per hektar dengan pendapatan bersih berjumlah RM1,727 per hektar.

Ini jelas menunjukkan hasil pendapatan yang diuruskan oleh KADA melalui Ladang Merdeka adalah lebih tinggi hasilnya berbanding dengan yang diuruskan secara individu. Bagi bayaran sewa jentera penanam dan menuai padi, kos menggunakan *transplant* adalah sebanyak RM750 per hektar. Manakala kos jentuai adalah RM70 per tan metrik.

Jumlah purata hasil padi pada 4.1 metrik tan per hektar, jumlah pendapatan petani tersebut adalah sebanyak RM5,117. Manakala kos sewa jentera menanam dan menuai adalah sebanyak RM1,037 per hektar. Ini bermakna kos menanam dan menuai hanya berjumlah 20 peratus dan tidak sampai ¼ daripada pendapatan jumlah padi. Petani mampu memperoleh pendapatan melebihi RM1,000. Sekian terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan ini saya hendak tanyakan adalah kerana berdasarkan kepada aduan yang dikemukakan oleh peserta Ladang Merdeka yang mengatakan bahawa jumlah yang terakhir yang mereka terima ke dalam tangan adalah jumlah yang kecil berbanding dengan pendapatan yang telah diterima oleh petani yang mengusahakan sendiri.

Saya memohon agar dalam konteks ini pihak kementerian boleh membandingkan antara pendapatan yang diperoleh oleh Ladang Merdeka berbanding dengan ladang-ladang yang diusahakan di negeri-negeri lain. Bukan di *compare* di antara Ladang Merdeka dengan petani tempatan yang berada di kawasan yang sama.

Apakah langkah–langkah yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan lonjakkan kepada hasil ini memandangkan antara yang teramai menerima bantuan ini merupakan orang yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 di kawasan yang melibatkan pertanian berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Sebagai contohnya, kita lihat bantuan banyak diperikan kepada nelayan dan dalam konteks ini kita lihat bantuan diberikan kepada petani tidak banyak yang kita dapat tengok yang boleh membantu mereka ini mendapat pendapatan yang lebih lumayan pada masa depan. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya bila kita hendak membuat perbandingan, kita haruslah membuat perbandingan yang seiringnya, yang setimpal. Di mana kalau kita hendak dengan izin, *you want to compare to apple, you have to make sure it is another apple*.

Maka adalah tidak benar atau tidak boleh dikatakan kalau kita hendak membuat perbezaan perbandingan di antara Ladang Merdeka di Kelantan dengan kawasan lain. Kita juga ingin perlu lihat sama ada dari segi faktor lain seperti tanah, ada-ada isu lain dan sebagainya. Sebagai contoh malah kita juga tahu dari segi Ladang Rakyat yang diusahakan di negeri Kelantan juga tidak berjaya. Kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain.

Maka saya berharap dari segi ini jikalau terdapat aduan atau terdapat cadangan daripada Yang Berhormat Senator, dari segi pihak kementerian kita sentiasa mendengar. Dari segi peningkatan pendapatan petani bukan sahaja di negeri Kelantan sahaja tetapi di seluruh negara Malaysia kita tengah mengusahakan melalui EPP iaitu *Entry Point Project* dengan izin, di mana kita inginkan gunakan kadar yang baru dengan teknologi yang moden di mana telah bermula secara pilot di negeri Kedah dulu dan selepas itu kita berharap boleh meningkatkan pendapatan hasil petani di negeri Kedah. Dengan cara ini kalau dia adalah sesuai digunakan untuk tapak-tapak yang lain, kita juga akan mempromosikan dan akan memperkenalkannya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana masa telah menunjukkan 11.45 pagi dan sekarang cukuplah setakat itu bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan. Seterusnya saya mempersilakan setiausaha.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

> "Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan".

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 61

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 61, saya mohon memaklumkan untuk menarik balik Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012, sebagaimana yang dijadualkan di nombor 7, dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[9 Mei 2012]***

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah menyambung untuk berbahas. Semalam Yang Berhormat telah berucap dan sekarang ini sambung semula sehingga tamat. Dipersilakan.

11.48 pg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong langkah kerajaan meminda AUKU 1971 bagi melahirkan pemimpin masa hadapan yang bertanggungjawab dan berintegriti.

Kita tidak mahu pemimpin pelajar yang hanya pandai bercakap tetapi tidak mampu melihat masalah rakyat secara praktikal dan secara menyeluruh. Sebagai contoh kita amat kecewa dengan tindakan tidak bertanggungjawab 17 orang mahasiswa yang menyertai demonstrasi haram di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Di mana mereka telah mendesak kerajaan mansuhkan AUKU 1971 dan membebaskan pelajar UPSI yang disiasat kerana menurunkan bendera di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Kita juga melahirkan kekesalan kerana terdapat segelintir mahasiswa terlibat dengan rusuhan April, 28. Kita juga mengutuk tindakan sebahagian peserta-peserta ini yang menyepak dan menendang anggota polis serta memusnahkan kenderaan dan harta kerajaan. Saya meminta kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada perusuh-perusuh berkenaan termasuk mahasiswa yang tidak bertanggungjawab, tidak bermoral dan tidak bertamadun.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kerajaan meminda Rang Undang-Undang AUKU 1971 bagi memastikan mahasiswa mencapai matlamat utama mereka menggenggam segulung ijazah. Oleh itu mereka perlu berusaha berkorban empat hingga lima tahun untuk 40 hingga 50 tahun jangka hayat mereka untuk masa depan yang lebih gemilang.

Gunalah masa di IPTA itu dengan berfaedah dan berkesan. Oleh kerana mahasiswa adalah pemimpin pelapis yang akan menerajui kepimpinan negara bagi memastikan negara tercatat di peta dunia pada tahap yang lebih cemerlang dari apa yang kita nikmati pada hari ini. Sekian sambungan perbahasan ringkas daripada saya bagi melengkapkan perbahasan semalam. Tuan Yang di-Pertua...

Daun selasih, ubi kayu.
Terima kasih thank you.

Oleh itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

11.51 pg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang AUKU ini.

Terutama sekali saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap rang undang-undang ini kerana sebab-sebab berikut. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana saya tahu ini adalah untuk memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melakukan transformasi politik. Suatu hasrat yang sangat mulia dan patut kita alu-alukan.

Kedua, saya menyokong rang undang-undang ini kerana pindaan terhadap AUKU yang lama yang dilakukan dalam rang undang-undang ini memperlihatkan kepekaan dan sikap responsif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kehendak-kehendak awam terutama generasi muda. Sebuah pemerintahan yang responsif adalah pemerintahan yang demokratik, pemerintahan yang patut dialu-alukan dan disokong terus. Tidak seharusnya cuba hendak dikacau dengan perbuatan-perbuatan rusuhan.

Ketiga, saya menyokong rang undang-undang ini kerana saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat input-input dan informasi yang relevan tentang keperluan dan alasan-alasan AUKU itu dipinda atau dimansuhkan. Ertinya, saya percaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak-pihak lain telah memberi alasan-alasan yang meyakinkan kepada kepimpinan tertinggi negara kenapa AUKU itu perlu dipinda. Ertinya, janganlah kita meminda AUKU itu semata-mata kerana keghairahan untuk meminda atau semata-mata hendak memenuhi naluri seseorang untuk berdemonstrasi atau untuk memenuhi naluri seseorang untuk melaungkan slogan di jalan-jalan raya.

Keempat, saya sokong pindaan ini dengan harapan pindaan ini akan menghentikan, momok-momok dan sikap *cynical* dan menghentikan penyelewengan persepsi terhadap AUKU yang aspek-aspek negatifnya sengaja di besar-besarkan. Sama ada oleh rakan-rakan separti dengan saya, apatah lagi oleh rakan-rakan yang tidak separti dengan saya. Rakan-rakan yang separti ini ada kadang-kadang sehati. Rakan-rakan yang tidak separti sentiasa tidak separti dan tidak sehati.

Saya sokong pindaan AUKU ini dengan harapan bahawa pindaan atau versi baru ini akan memberi sumbangan yang lebih berkesan dan bererti terhadap usaha kita dalam membentuk sebuah negara bangsa. Dalam membentuk satu generasi yang mempunyai sahsiah terpuji, dengan watak dan peribadi yang tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan dan mempunyai pengetahuan yang luas. Serta mempunyai kesedaran atau *social consciousness*.

Ertinya, saya menyokong pindaan ini bukan kerana alasan-alasan negatif dengan mengungkit-ungkit keburukan AUKU seperti yang dilakukan oleh beberapa rakan-rakan di Dewan ini semalam termasuk rakan-rakan yang separti. Apa lagi yang tidak separti. Mengungkit-ungkit keburukan AUKU tanpa mengiktiraf aspek-aspek yang bermanfaat daripada AUKU itu. Kata orang Melayu Tuan Yang di-Pertua, *"Ikan busuk jangan dibuang, buat perencah si daun kayu".* Tikar..

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tikar mengkuang!

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tikar mengkuang... *[Ketawa]* Itulah apa baris kedua sudah lupa.

Sebelum mengemukakan pandangan terhadap AUKU ini dengan ringkas, yang seperti yang saya katakan tadi terlalu dimomok-momokkan itu, saya terdahulu ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri hal-hal berikut. Saya harap soalan saya ini diberi jawapan yang spesifik.

Pertama, saya ingin bertanya, apakah kesalahan yang paling serius yang dilakukan oleh pelajar-pelajar berkaitan AUKU sepanjang akta itu berkuat kuasa? Jadi, kita hendak meminda itu mesti tahu alasan-alasannya dahulu. Kita hendak tahu apa kesalahan yang paling serius yang dilakukan oleh pelajar-pelajar di mana-mana sahaja sepanjang AUKU itu berlaku.

Soalan saya yang kedua, adakah kementerian memantau secara sistematik kes-kes keingkaran terhadap AUKU? Umpamanya, adakah kementerian menyimpan senarai kes-kes dan jenis-jenis dan mengetahui jenis-jenis pelanggaran yang lebih popular? Ertinya, tentu sahaja apabila AUKU dikuatkuasakan, banyak yang melanggar. Jadi, yang melanggar itu siapa? Berapa kali? Apakah corak pelanggarannya? Serius atau tidak serius? Boleh dimaafkan aAtau bagaimana?

Juga barangkali perlu di ketahui sebab pelanggaran itu. Adakah kerana hasutan orang-orang luar, kerana kesedaran sendiri ataupun apa? Itu adalah antara perkara-perkara yang saya rasa sebelum KPT mengemukakan, itulah antara input-input dan informasi yang perlu diberikan oleh KPT kepada kepimpinan tertinggi negara untuk membuktikan bahawa cadangan untuk meminda AUKU ini tidaklah semata-mata dilakukan kerana desakan pihak-pihak tertentu sahaja. Kita harus kuat dan tidak harus mengalah kepada desakan-desakan yang tidak munasabah.

Ketiga, saya ingin bertanya apakah hukuman yang paling berat yang pernah dikenakan terhadap seseorang pelajar yang mengingkari AUKU. Tentu sahaja kesalahan itu tadi saya bertanya kesalahan yang paling serius. Jadi, lanjutan daripada kesalahan yang paling serius itulah, apakah hukuman yang paling berat terhadap pelajar-pelajar yang mengingkari AUKU itu?

Soalan saya yang keempat, selain daripada langkah-langkah yang bersifat *punitive,* langkah-langkah bersifat menghukum, apakah langkah-langkah yang bersifat *corrective* atau *remedial* atau pembetulan yang dilakukan terhadap mereka yang melakukan kesalahan di bawah AUKU itu? Ertinya, itu antara soalan-soalan yang ingin saya kemukakan. Semoga akan mendapat jawapan yang wajar daripada pihak kementerian.

Seperti saya katakan tadi, saya menyetujui pindaan yang dikemukakan dalam rang undang-undang ini. Akan tetapi pelbagai kritikan yang menuduh AUKU sebagai membantutkan perkembangan kepimpinan pelajar. Sama ada ini dituduh secara langsung ataupun secara tidak langsung.

■1200

Saya rasa haruslah diimbangi dengan pandangan-pandangan yang lebih positif. Saya tidak dapat menyetujui sama sekali kalau ada pihak yang mendakwa bahawa AUKU itu telah membantutkan pertumbuhan bakat kepimpinan pelajar-pelajar. Sebagai contoh dengan maaf kalau ada saya menyebut nama-nama. Tokoh-tokoh politik terkemuka yang berada dalam Dewan ini terutama termasuk Yang Berhormat Datuk Saifuddin Abdullah mengikuti kuliah di Universiti Malaya semasa AUKU ini dikuatkuasakan. Yang Berhormat Datuk Shabery Cheek, mengikuti kuliah di Universiti Malaya sewaktu AUKU ini dikuatkuasakan. Yang Berhormat Datuk Khaled Nordin mengikuti kuliah di Universiti Malaya semasa AUKU ini dilaksanakan, dan saya rasa begitu juga Yang Berhormat Datuk Shahrizat...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Rahman Bakar?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: "Rahman Bakar" kemudian. Lebih awal, lebih awal. Dan satu orang lagi tokoh kita, Datuk Jaspal mengikuti kuliah di Universiti Malaya semasa AUKU dilaksanakan. Lihat ketokohan mereka sekarang. Ini adalah tokoh-tokoh politik yang lahir pada zaman AUKU.

Jadi untuk mengatakan AUKU itu mengongkong, membantutkan pertumbuhan kepimpinan tokoh-tokoh para pemimpin kita, saya rasa tak betul. Itu saya menyebut tokoh-tokoh daripada kalangan penyokong kerajaan. Saya boleh sebut empat atau lima orang lagi tokoh-tokoh daripada pembangkang. Yang Berhormat Subramaniam, Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak semasa DAP berkuasa sekejap di sana dulu pun adalah seorang tokoh yang mengikuti kuliah di Universiti Malaya semasa AUKU dilaksanakan. Tuan Haji Hisyam di Kelantan kemudian Setiausaha Politik Yang Berhormat Tan Sri Khalid Ibrahim, Cik Faika pun begitu juga. Saya percaya senarai ini dapat diperpanjangkan lagi dan tak kurang juga sahabat kita... Oh, nak minta laluan. Sila.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia belum sempat menyebut nama saya, saya dah bangun dah.

Saya bukan pun nak menyanggah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Firdaus cuma saya bila dia terus bercakap, saya melihat seolah-olah beliau semacam memakai topi Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya. Yang Berhormat boleh *go on* menyenaraikan *list* itu, panjang, boleh panjang lagi. Kalau saya nak senaraikan tokoh-tokoh pemimpin yang dilahirkan sebelum AUKU, lagi ramai. Dalam Dewan ini pun lagi ramai dan di luar pun lagi ramai tapi bukan itu isunya.

Isunya yang saya timbulkan dalam perbahasan semalam ialah suasana pembelajaran di dalam sebuah kampus itu sendiri yang tidak kondusif untuk pertumbuhan perkembangan seseorang pelajar sepanjang pengajian dia yang secara tidak langsung disebabkan oleh AUKU dan keduanya ialah oleh sebab pentadbiran universiti itu sendiri yang kadang-kadang yang disebut oleh pepatah Melayu, lebih sudu daripada bubur. Betul ya? Pepatah itu betul ya? Ha, lebih sudu daripada bubur...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Daripada kuah, lebih sudu daripada kuah.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Kuah ya? Ha okeylah, kuahlah. Orang Minangkabau dia lebih tepatlah benda itu kan. Suasana yang saya maksudkan ialah suasana untuk menampilkan diri seseorang pelajar itu secara keseluruhan. Memang ada *exceptional cases*, saya tak menafikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Khalid Nordin dan sebagainya yang lain-lain, memang hasil daripada kebetulan mereka ini belajar semasa AUKU telah dilaksanakan. *Exceptional cases* ini memang ada tapi keseluruhan yang hendak kita capai inilah kumpulan modal insan yang begitu pandai, yang begitu kreatif tetapi tidak berada dalam suasana pembelajaran yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba ringkas Yang Berhormat sebab Yang Berhormat dah cakap semalam.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Betul, betul. Saya tertarik dengan, '*se parti tak sehati, sehati tak se parti'* itulah tetapi itu tak apa, ada banyak pengalaman saya dengan YB. Firdaus ini yang ada yang dah sehati pun tak jadi juga kan. Jadi itulah pendirian saya, bukan mengungkit tetapi menjelaskan suasana pelajar-pelajar di Universiti Malaya di awal tahun 70-an.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, walau bagaimanapun kematangan Yang Berhormat semua berhujah macam itu amat saya alu-alukan. Silakan, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tan Sri. Tadi Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat mengingatkan secara menyindir saya seakan-akan saya bercakap seperti masih lagi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Terima kasih kerana mengingatkan itu dan justeru kerana itulah saya rasa saya ingin menceritakan pengalaman saya sedikit sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, sebagai pentadbir sekali gus kemudian menjadi akademia di Universiti Malaya semasa AUKU ini dilaksanakan. Dengan segala kerendahan hati tanpa ingin menunjuk-nunjuk Tuan Yang di-Pertua, saya pernah jadi Dekan Fakulti Ekonomi, saya pernah jadi Pengetua Asrama Keempat dan saya pernah menjadi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar.

Satu pengalaman yang tidak boleh saya lupakan ialah semasa saya menjadi Pengetua Asrama Keempat, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar pada masa itu ialah Allahyarham Mohd. Yunus Nor. Di bawah pimpinan Mohd. Yunus Nor, pengetua-pengetua asrama, pemimpin-pemimpin pelajar diberi latihan kepimpinan yang sangat berkesan kerana Yunus Nor mengadakan pelbagai bengkel melibatkan pengetua-pengetua asrama, melibatkan penyelia-penyelia asrama, melibatkan pemimpin-pemimpin pelajar dalam asrama dan di luar asrama dalam pembinaan kepimpinan, dalam pembinaan watak. Ada enam ciri watak yang patut dipunyai oleh pelajar yang dibina oleh Yunus Nor bersama-sama rakan-rakan yang lain dan antaranya ialah kalau tak salah saya keperluan kata orang itu, berkucindan. Kucindan ini ialah *sense of humor,* itu pun dilakukan. Kucindan adalah bahasa Minangkabau yang bermakna *sense of humor*.

Jadi sebagai pemimpin, kita mesti mempunyai *sense of humor* dan ini dilatih oleh Yunus Nor dengan rakan-rakan yang lain. Semasa Allahyarham Datuk Yunus Nor menjadi Timbalan Naib Canselor, pelajar-pelajar Universiti Malaya sama ada yang bernaung di bawah asrama atau di bawah persatuan-persatuan yang lain mengadakan kerja-kerja sukarela ke serata negeri melibatkan pelajar.

Ini adalah bertujuan pertama sekali untuk meningkatkan kesedaran sosial dan di samping membina kemahiran kepimpinan. Kalau nak dikatakan pelajar-pelajar dikekang, tak betul, saya ingat bagaimana pelajar-pelajar semasa menjadi Pengetua Asrama Keempat, pelajar-pelajar sampai tak tegur saya kerana bertengkar dalam mesyuarat. Hanya pertengkaran kita benarkan. Tentu sahaja dengan falsafah, 'bersilang kayu di dalam tungku, di sana api maka menyala'. Jadi kita benarkan perbezaan pendapat.

■ 1210

Kita benarkan perbezaan pendapat pada peringkat asrama, kita benarkan perbezaan pendapat pada peringkat universiti demi mempertajam keupayaan berbahas, keupayaan berhujah para pelajar. Kita melatih pelajar-pelajar bersilat, kita melatih pelajar-pelajar bergotong-royong. Saya ingat di sebuah tempat di Kuala Selangor sampai pelajar-pelajar bergotong-royong dengan orang-orang kampung sampai pukul 2, 3 pagi. Ini semua saya rasa adalah latihan-latihan kepimpinan yang membina watak.

Di samping itu juga, semalam Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop mengatakan kononnya bila AUKU diperkenalkan, tidak ada lagi *great economic debate*. Tidak betul Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Pada tahun 1974, 1975, 1976 sampai tahun 1980, *great economic debate* masih berterusan. *Great economic debate* menampung tokoh-tokoh pembangkang.

Di samping itu Akademi Pengajian Melayu semasa perayaan ulang tahunnya yang ke-25, mengadakan satu simposium besar-besaran yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai bidang dan daripada pelbagai parti. Saya teringat Allahyarham Ustaz Fadzil Noor sebagai seorang finalis dalam sebuah forum hala kepimpinan Melayu. Saya ingat lagi, Ustaz Fadzil Noor mengatakan, waktu itu tajuknya ialah *"Hala Kepimpinan Melayu"*. Jadi Ustaz Fadzil Noor dengan keupayaan retoriknya yang luar biasa itu berkata, *"Kalau saya ditanya apakah, ke manakah hala kepimpinan Melayu sekarang"?* maka dia jawabnya sendiri. Saya hendak jawab, *"Kepimpinan Melayu sekarang ialah tak tentu hala"*. Ini Yunus Noor buat, bukan Yunus Noor. Ungkapannya saya ingat sampai sekarang, dibuat oleh, dilakukan oleh Fadzil Noor, bukan Yunus Noor.

Jadi, ertinya, pada zaman AUKU itu sendiri pun, pelbagai kegiatan kita benarkan. Akan tetapi AUKU ini, telah dimomok-momokkan untuk kepentingan politik golongan-golongan tertentu. Sehingga kita lupa bahawa seperti saya katakan tadi, "ikan busuk jangan dibuang, buat perencah si daun kayu...". Tikar apa? Tikar mengkuang, tak ingat ya... ya? Ikan buruk jangan dibuang, buat perencah si daun kayu. Jadi janganlah kita melihat AUKU itu buruk semata-mata.

Memang seperti Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat katakan itu, saya bercakap seakan-akan saya masih lagi timbalan naib canselor. Akan tetapi bukan itu maksudnya Tuan Yang di-Pertua. Tujuan saya ialah untuk kita semua melihat sesuatu perkara itu dengan secara berimbang. Secara berimbang yang mana difalsafah pemberitaan kita sekarang. *Wasatiyyah*, kesederhanaan.

Jadi saya melihat bahawa AUKU itu sendiri adalah satu perimbangan antara *carrot and stick*lah dengan izin. Jadi oleh sebab itulah, walaupun saya, dengan harapan bahawa segala soalan saya tadi akan dijawab dan saya mengalu-alukan peraturan pindaan ini. Ini kerana yang paling dan selain itu satu lagi yang saya harapkan cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau pelajar-pelajar itu hendak dibenarkan juga berpolitik sama ada apa pun corak politiknya itu, tolong pastikan terlebih dahulu bahawa prestasi akademiknya memuaskan.

Saya rasa amatlah salah, amatlah berdosa kita kalau pelajar-pelajar yang prestasi akademik, CGPA atau PNGKnya. CGPA, *cumulative grade point average*nya di bawah 3.00, tak usahlah berangan-angan hendak jadi pemimpin. Tidak usahlah berangan-angan hendak menjadi aktif dalam kegiatan pelajar. Tumpukanlah dahulu perhatian terhadap pelajaran. Jadi itulah saya mencadangkan supaya dikenakan syarat kepada pelajar-pelajar yang hendak bergerak aktif di dalam politik itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai rakan yang lain hendak bercakap. Atas kesempatan yang Tuan Yang di-Pertua berikan, saya mengucapkan terima kasih dan sekali lagi saya mengharapkan jawapan yang spesifik terhadap soalan-soalan saya tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Cukup hebat, cukup baik untuk direnung semua, oleh semua Ahli Dewan yang mulia ini.

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

12.15 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Saya ingin memulakan dengan bacaan ayat Al-Quran berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Surah al-Baqarah ayat 247* di mana dalam ayat ini, Allah SWT telah mengingatkan kepada kaum bani Israel bilamana seorang lelaki muda yang bernama Talut telah dipilih untuk menjadi pemimpin bani Israel sedangkan dia bukan di kalangan orang kaya dan bukan anak pembesar. Ini kerana Allah SWT menjamin bahawa sekiranya orang itu yang ingin dilantik menjadi pemimpin, dia akan diberi kelebihan dari sudut ilmu dan dari sudut kecerdasan tubuh badan, fizikal dan mindanya.

Dalam konteks ini, saya mengalu-alukan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan. Walaupun kita mendengar di luar, mahasiswa-mahasiswa kita menyeru agar AUKU ini dimansuhkan.

Saya bersyukur Tuan Yang di-Pertua kerana di dalam Parlimen ini ketika AUKU ini begitu dipertahankan oleh pihak kerajaan, ketika ISA itu dipertahankan oleh pihak kerajaan dan saya juga berasa begitu bersyukur kerana saya sempat untuk melihat bilamana AUKU ini juga akhirnya dipinda dan juga ISA juga dipinda dengan kita mendengar nada yang berbeza, dengan hujahan yang berbeza daripada orang yang sama. Ini bererti dalam apa pun hal-hal yang berlaku, kita sebenarnya mempunyai pandangan yang ada dua. Tidak ada satu benda yang ada pandangan hanya satu, ada pandangan daripada kiri, mesti ada pandangan daripada kanan.

Sama juga bila kita membicarakan soal AUKU, soal mahasiswa, soal kampus, kita mengingat juga kepada hadis Nabi Muhammad SAW yang menyebut, *"Maa laa yarham, laa yurham",* iaitu orang yang tidak merahmati, dia tidak akan dihormati. Orang tua yang tidak menghormati, dia tidak akan dihormati oleh orang muda. Dalam konteks ini kita melihat bagaimana sejarah orang muda dan fitrah bahawa dalam sejarah manusia sendiri, kesemua kepimpinan ini bersifat ia perlu dipimpin untuk dipimpin. Tidak ada pemimpin yang boleh lahir secara tiba-tiba, secara *gifted*, tanpa dia langsung mempunyai kemahiran untuk memimpin di peringkat dia masih lagi dalam keadaan muda belia. Kita melihat juga sejarah jelas membuktikan bahawa semua para nabi adalah orang yang telah pun dididik pada zaman kanak-kanak, zaman remaja, yang akhirnya akan menjadi pemimpin-pemimpin yang hebat pada zaman masing-masing.

Sebagai contohnya, Nabi Yusuf, Nabi Ibrahim, Nabi Sulaiman, Nabi Musa yang kesemuanya adalah orang remaja, orang muda yang ketika tersebut dianggap orang yang telah menyongsang zaman kerana mereka ini merupakan orang yang menentang pemerintah yang telah pun menjadi kerajaan ketika tersebut. Begitu juga Nabi Muhammad SAW yang telah kita lihat dididik dari segi pentadbiran, dari segi pentarbiahan dan kepimpinan yang akhirnya membuktikan ketika umur 25 tahun boleh menjalankan perniagaan yang begitu berjaya dan kemudian ketika umur 35 tahun diberi kepercayaan untuk mengalihkan Hajarul Aswad bilamana orang Arab bergaduh untuk meletakkan batu Hajarul Aswad setelah berlaku banjir yang besar. Ketika umur 40 tahun, orang yang sama yang digelar al-Amin, Nabi Muhammad SAW telah pun diangkat menjadi nabi dan orang yang sebenarnya berakal yang sihat boleh menerima kepimpinan nabi ini kerana nabi ini adalah orang yang dilatih. Jadi ini menunjukkan kepada kita bahawa sejarah orang muda dan mahasiswa, kedudukannya perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Saya mohon agar bila kita membicarakan soal untuk meminda AUKU yang telah pun memakan masa 41 tahun pelaksanaannya. Ini adalah satu undang-undang dan undang-undang ini ciptaan manusia. Undang-undang yang tidak boleh berubah ialah, *"Laa hukma illa lillah",* iaitu yang tidak akan berubah ialah hukuman daripada Allah. Akan tetapi bila disebut undang-undang, ini adalah penggubalan manusia. Manusia yang menggubal. Ketika tersebut mempunyai alasan tertentu kenapa akta ini perlu digubal dan manusia juga yang akhirnya kemudian meminda akta ini bila memandang bahawa akta ini perlu dipinda. Itulah sifat undang-undang. Ia relatif, ia bersifat boleh berkembang. Ia boleh digubal dan ia boleh dibatalkan. Jadi dalam konteks ini saya pohon bilamana hari ini kita melihat kebangkitan mahasiswa di seluruh dunia bukan hanya di Malaysia dan hari ini disambut oleh mahasiswa seluruh Malaysia yang meminta agar AUKU ini dimansuhkan.

Alhamdulillah akhirnya pada hari ini kita melihat akta ini pada 10 Mei 2012 telah dibawa ke Dewan Negara sebagai proses terakhir sebelum diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk akhirnya membenarkan AUKU ini dipinda dan pelajar-pelajar dibenarkan berpolitik dalam ruang lingkup yang dibenarkan kepada mereka. Sebagai contoh dalam kes ini apa yang membuatkan saya bukan hanya terlibat perkara ini sebagai pelajar, saya juga antara orang yang menjadi mangsa kepada AUKU. Bukan mangsa dari segi kepimpinan tetapi bilamana saya telah menyambung pelajaran saya di peringkat universiti, di peringkat *Master*. Saya tiba-tiba dilantik menjadi Senator, saya terpaksa melepaskan dan melupakan hasrat saya untuk menyambung pelajaran saya di peringkat Master walaupun setelah menyiapkan tajuk, mengapa? Dalam baiah universiti, dalam Aku Janji universiti, saya tidak boleh terlibat dalam politik secara nyata.

■1220

Dalam konteks ini, saya rasa bila AUKU ini dipinda antara orang yang paling lega yang paling suka hati dan kebetulan saya pula sudah hampir tamat sebenarnya saya rasa kalau benda ini berlaku di tengah-tengah saya boleh menyambung pelajaran dalam keadaan begitu suka hati kerana apa, kerana bagi saya politik ini sebahagian daripada hidup. Jadi kenapa kita hendak katakan bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dalam politik ini perkara yang dianggap kotor kerana mungkin yang dianggap kotor itu ada kaitan dengan individu tertentu, dengan gerakan-gerakan tertentu yang bukannya bersifat menyeluruh.

Kita perlu ingat bila disebut Akta Universiti dan Kolej Universiti apa yang dimaksudkan dengan perkataan universiti. Perkataan universiti bermaksud berasal daripada *universe* yang bermaksud global. Dalam bahasa Arab disebut *"jamiah",* iaitu orang yang berada di tempat ini seharusnya orang yang dianggap akan mempunyai kapasiti penguasaan, keberanian, keinginan untuk mencari ilmu dalam pelbagai bidang. Bukan hanya bidang yang dia dikhususkan dan orang ini bukan diharapkan hanya untuk mahir dalam bidang pendidikan fakulti yang dia jalani tetapi orang yang sama juga diharapkan bila keluar ke masyarakat setelah empat tahun dilatih mampu untuk memimpin diri, memimpin isteri bersama dengan suami dan anak-anak dan orang yang sama akan menjadi pemimpin masyarakat.

Dalam konteks ini, kita melihat bagaimana kita tidak mahu kerugian satu kelompok manusia yang dalam satu *pool*, satu kolam yang dikumpulkan dalam masa empat tahun yang mereka ini merupakan orang yang terbaik dalam negara dan kita biarkan mereka hanya berbincang soal buku yang ada di *green spot*, yang ada di *red spot*. Mereka tidak boleh memberi pandangan yang lebih daripada tersebut dan pandangan mereka mesti sehala dengan pandangan universiti dan pandangan mereka mesti sehala dengan pandangan kerajaan. Jika tidak mereka dianggap pembangkang, mereka dianggap penentang.

Ini adalah perkara yang tidak sihat kerana apa di peringkat sekolah kita selalu mengadakan debat-debat, mengadakan ceramah perbahasan dan di sana ada kumpulan pencadang dan ada kumpulan pembangkang. Jadi saya rasa amat sukar untuk kita tengok satu perbahasan yang hebat kalau cuma ada pihak pencadang yang akan mendokong semua fakta ataupun tajuk yang telah dibekalkan.

Jadi mesti ada pihak pencadang dan pihak pembangkang. Dalam konteks ini kita hendak melihat pelajar-pelajar universiti di kelompok umur mereka memberikan pandangan yang berbeza kerana sebenarnya hari ini, kita akan memberikan baton ini kepada mereka untuk mereka teruskan bagi pembinaan negara ini.

So, adalah munasabah bagi kita untuk membenarkan mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti politik walaupun dalam konteks ini kita tidak benarkan mereka terlibat dalam aktiviti politik di peringkat dalam kampus.

Akan tetapi, mereka harus dibenarkan untuk sama-sama hadir, untuk melihat luar kampus kerana pengalaman 40 tahun bila AUKU ini dibuat, pelajar-pelajar yang mungkin mampu untuk menguruskan pelajar-pelajar dalam kampus bila berhadapan di luar, bertemu dengan makcik, bertemu dengan pakcik, bertemu dengan orang yang pelbagai kelas mereka sukar untuk membawa diri mereka kerana mereka tidak pernah melihat keadaan ini di luar. Sebab dalam kelas mereka, dalam kuliah mereka yang mereka hadapi adalah orang yang sama dari segi kapasiti mindanya, yang sama dari segi kapasiti kefahamannya, dari segi pendapatannya. Bila mereka berada di luar, mereka tidak boleh pun mengambil hati orang-orang bawahan mereka yang mungkin menjadi jaga, yang mungkin menjadi orang yang lebih kecil kerana apa? Kerana bagi mereka ini dunia mereka.

Dalam konteks ini kita mahu dan saya rasa begitu bersyukur, *alhamdulillah* saya ucapkan kepada Allah Taala dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Malaysia yang membenarkan saya hari ini untuk menerima dan melihat satu proses yang begitu mulia dalam Dewan Negara yang sebenarnya mengumpulkan watak-watak sebenar yang telah melatari penggubalan dan perjalanan AUKU itu sendiri. Kita ada bersama kita profesor-profesor yang sebenarnya dahulu adalah watak-watak yang telah pun menjalankan dan melaksanakan perkara ini dan hari ini mereka juga, tangan ini juga, suara ini juga yang sebenarnya akan memberikan kembali hak ini kepada mahasiswa dan saya kira ini adalah takdir Allah.

Takdir Allah yang menentukan, yang memanjangkan usia pemimpin-pemimpin kita ini untuk sama-sama bercakap kenapa Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bercakap demikian, kenapa Yang Berhormat Dr. Syed Husin bercakap sedemikian, kenapa Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bercakap demikian kerana mereka mempunyai alasan tersendiri. Inilah perkara yang paling penting kerana kita dengar sendiri dan ini direkodkan dalam Hansard bagaimana perkara ini berjalan dan kita mahu aspirasi ini, perjuangan rakyat setelah 40 tahun untuk ubah AUKU, perjuangan rakyat 52 tahun untuk ubah ISA kita mahu mengorak langkah dan berubah. Apa yang kita berubah?

Dalam konteks ini, bila kita hendak luluskan rang undang-undang pada hari ini saya pohon kita buka minda, buka persepsi baru, pandang mahasiswa dengan pandangan yang baru. Jangan pandang mereka anak sekolah. Jangan pandang mereka anak kecil kerana apa? Mereka dahulu anak kecil yang kita kendong. Kalau hendak dikira begitu sebenarnya walaupun kita berusia 50 tahun pun pada pandangan ibu kita, kita masih lagi anak kecil yang cantik, yang comel yang dia dukung semasa kecil.

Dalam konteks ini, kita hendaklah memberikan kepercayaan kepada orang muda kerana hari ini sebagaimana yang saya hujahkan sebelum ini bahawa dalam negara-negara lain orang yang mencipta, orang yang membuat *Facebook*, orang yang mencipta banyak perkara inovasi yang baru sebenarnya di negara lain usia mereka dalam belasan tahun. Dalam negara kita belasan tahun kita anggap masih lagi dalam keadaan PMR jarang kita berikan kepercayaan.

Dalam konteks ini, bila mahasiswa ini berada di universiti tolong hormati mereka sebagai pemimpin muda yang belum pegang jawatan mungkin sebagai Yang Berhormat tetapi mereka sebenarnya adalah pemimpin muda dalam bentuk yang kecil. Perkara ini penting sebab saya hendak dalam konteks ini, wujud hubungan hormat-menghormati dan proses ini tidak putus. Tidak putus proses pendidikan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti sehingga mereka akhirnya akan masuk ke Parlimen Malaysia untuk menggubal undang-undang dan terlibat dalam politik secara langsung. Kita mahu rantai-rantai perjuangan ini disambung dengan kuat di antara kanak-kanak dan generasi warga emas.

Kita juga ingin memastikan bahawa pelajar ini akan terdedah kepada dunia politik yang sebenar dan mereka akan menjadi lebih patriotik. Tidak ada pelajar yang akan mampu bangun dengan cemerlang kalau mereka tidak ada sifat patriotik. Pelajar ini harus didedahkan untuk berhadapan dengan mehnah, dengan tribulasi, dengan ujian yang berlaku kerana mereka tidak akan jadi pengarah yang hebat di tahun empat kalau tidak pernah menjadi AJK kecil di tahun satu. Mereka tidak akan faham apa fungsi setiausaha kalau mereka tidak pernah pegang jawatan sebagai setiausaha, mereka tidak akan faham apa masalah bila kita hendak *deal* dengan Dekan Hal Ehwal Pelajar. Bagaimana kita hendak faham risikonya, egonya, kelemahannya, kebaikannya, ambil hatinya. Kadang-kadang kita melihat hubungan yang diwujudkan di peringkat universiti, di peringkat birokrasi ini mereka mewujudkan hubungan di antara majikan dan pekerja.

Sebenarnya di universiti ini adalah hubungan antara ayah dan anak. Ayah yang baik dia mampu untuk memimpin anak yang baik untuk ke depan.

Dalam konteks ini, saya mahu agar selepas daripada undang-undang ini diluluskan hubungan di antara pihak pentadbir universiti wujud perhubungan di antara sifat *muaddib*, sifat *murabbi*. Sifat yang betul-betul hendak memimpin, hendak mengajar, hendak mendidik bukan hanya hendak marah sebab ini bukan staf kita. Kita akan lihat orang yang dahulu mungkin kita marah, kita ejek, kita hina, kita kekang kemudiannya akan menjadi orang yang lebih atas daripada kita kalau nasibnya lebih baik daripada masa depan. Ini adalah perkara yang memang realitinya berlaku.

So, dalam konteks ini saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan bila mana kita luluskan rang undang-undang pada hari ini adakah kementerian akan perkenalkan kaedah baru dan semasa dalam bentuk jam kredit untuk akreditasi aktiviti pelajar yang bukan bersifat akademik yang akan dinilai secara total dan dimasukkan dalam CGPA untuk mereka ini dinilai pencapaian mereka di samping latihan praktikal. Ini kerana ketika ini CGPA kita 3.6, 3.8 dinilai berdasarkan kepada peperiksaan semata-mata tetapi mereka tidak dinilai dari sudut kokurikulum walaupun untuk anugerah-anugerah lain mungkin mereka akan dinilai tapi dalam konteks untuk sekiranya mereka ini pergi ke latihan praktikal, latihan praktikal tadi dimasukkan dalam kiraan CGPA.

Saya difahamkan daripada lawatan yang telah pun dibuat sebelum ini ke Jepun dan juga ke US yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar di Jepun di tahun akhir syarikat-syarikat besar, majikan-majikan telah pun mula mengambil pelajar untuk terlibat dan mereka uji pelajar-pelajar ini bukan lihat kepada CGPA tetapi lihat kepada kemampuan pelajar ini berinteraksi dengan pekerja bagaimana pelajar ini boleh membuat secara praktikal apa ilmu yang telah dipelajari.

Dalam konteks ini saya pohon kerana pendidikan untuk kepimpinan ini, untuk politik ini, untuk seni organisasi ini dia tidak akan datang dalam masa sehari secara teori. Dia datang cukup susah. Menghormati pendapat orang lain pun bukan senang Tuan Yang di-Pertua. Kita sebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Berbincanglah di kalangan mereka. Kalau kita bincang dalam keadaan sehati separti mungkin lain. Bila sehati, dua parti kita sudah mula rasa cemas bila ada orang yang membangkang sebab saya sudah lihat isu ini, saya sudah ada di Parlimen ini ketika 2/3 majoriti. Ketika saya hanya ada dua orang dalam Dewan ini mempertahankan apa yang kita hendak bawa.

■1230

Jadi dalam konteks ini kita lihat, perkara ini bukan senang untuk kita belajar untuk bersabar. Bukan senang untuk kita belajar untuk mendengar dan meneliti dan perkara ini cukup penting di dalam proses pendidikan politik kepada anak-anak kita kerana ini yang berlaku dalam universiti. Kita mahu hubungan dalam universiti pelajar-pelajar ini mampu untuk memberikan pandangan secara hebat, secara berhemah dan secara praktikal kerana mereka ini orang muda yang jiwanya memang selalu hendak memberontak dan mungkin jiwanya selalu berkobar-kobar buat benda semuanya hendak cepat.

Namun dalam konteks ini, bagaimana kita boleh mendidik perkara ini dan ini saya mohon agar ianya dikira sebab pelajar-pelajar yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum di universiti sebenarnya akan memakan masa yang cukup panjang. Orang lain boleh tidur, orang lain pergi *library* tetapi dia kena pergi tempat program. *So*, bila pergi tempat program berapa banyak jam dan di sini akan dinilai dan saya rasa ini perlu kita buat kalau kita ingin menjadi negara pertama, negara yang kedua atau negara yang ketiga kita tidak kisah tetapi buatlah satu ukuran baru CGPA yang digabungkan dengan CGPA akademik. Sebab saya rasa perkara ini telah pun dibuat di Universiti Islam Antarabangsa di mana mereka memperkenalkan sistem Usrah sebagai satu sistem yang juga dinilai dalam CGPA.

Walau bagaimanapun, saya tidak tahu bagaimana sistem ini dibuat di universiti-universiti lain dan juga di IPTS dalam negara kita. Kita kena ingat bahawa kayu ukur masyarakat bakal majikan, kayu ukur bakal pasangan bukan kepada sijil yang mereka miliki tetapi kayu ukurnya bagaimana orang ini boleh menggunakan otak kanan berbanding dengan otak kiri dalam kehidupan. Orang otak kiri mereka banyak pegang teori, orang otak kiri mereka banyak menghafal perkara-perkara yang berkaitan dengan sejauh mana perkara ini dapat dibuat secara ideanya tetapi orang otak kanan mereka boleh berfikir dengan cara yang lebih luas, lebih kreatif. Mereka punya banyak cara bagaimana hendak menjadikan perkara ini menjadi satu kenyataan.

Dalam konteks ini saya hendak minta diberi penekanan kepada keupayaan anak-anak kita untuk menguasai otak kanan. Ini harus diberikan satu penjelasan polisi khas, sasaran khas oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Sebab kita lihat bila pelajar-pelajar ini bila kita pergi ke universiti kita ceramah, kita berikan satu pandangan, kadang-kadang untuk melihat mereka bangun bertanya soalan pun susah. Masing-masing takut untuk bertanya soalan sebab dianggap bertanya soalan itu perkara yang dianggap membangkang, tidak suka, tidak bagus dan dianggap ini perkara yang luar biasa. Jadi dalam konteks ini berbeza mungkin bila kita berjumpa dengan pelajar Cina mereka lebih *outspoken*. Kalau kita jumpa pelajar *Mat Salleh* mereka lagi vokal. Dalam konteks ini bagaimana kita hendak mengujakan pelajar-pelajar kita...

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat bolehkah saya minta mencelah?

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Ya.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya berbeza pandangan dengan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan murid-murid di sekolah Cina. Sebenarnya sekolah Cina budaknya lagi kurang vokal oleh kerana keadaan disiplin di sekolah Cina. Ini yang saya selalu suarakan walaupun di sekolah Cina disiplin didapati baik tetapi oleh kerana murid itu sangat berdisiplin sampai mereka memang tidak berani bersuara dan tidak berani keluarkan pandangan yang berbeza daripada cikgu.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapatkan input ini sebenarnya daripada *lecturer* yang mengajar di USM dan dia yang memberitahu bahawa keadaan ini berbeza di antara kaum-kaum dan kemungkinan kita lihat sebagai contohnya sebelum ini mungkin di peringkat sekolah mereka mungkin kurang pendedahan mereka tidak berani bercakap tetapi di peringkat universiti kemungkinan sebab saya ini yang diberitahu oleh *lecturer.* Bagaimana mereka ini lebih berani untuk menyatakan pandangan berbanding dengan sebahagian kaum yang takut untuk memberikan pandangan.

Dalam konteks ini kita minta perlu tidak boleh kita hanya motivasi tetapi perlu diprogramkan. Bagaimana perkara ini kita boleh jadikan satu kemahiran mereka, modul mereka diprogramkan, dibuat pendekatan supaya mereka ini berani. Saya juga ingin tanya kepada pihak kementerian bila mana sebelum ini kita lihat sudah ada sebelum ini pindaan pada tahun 2006 tetapi tidak apa benda yang berlaku di universiti sebab pihak pentadbir universiti masih berpegang pada takuk lama, takut, *even* Menteri sendiri pun tidak dibenarkan untuk masuk universiti apatah lagi pembangkang.

So, dalam konteks ini kerana mereka tidak mahu ambil risiko langsung. Mereka tidak tengok ada berlaku pertentangan pendapat dan saya kira pertentangan pendapat ini adalah perkara yang sihat bukan bergaduh hendak bertumbuk. Ini pertentangan pendapat dari sudut pandangan. Dalam konteks ini saya hendak tahu bagaimanakah pihak kementerian telah menilai dalam pindaan 2006 itu reaksi dan fahaman di kalangan pentadbir universiti yang sebenarnya saya rasa tidak memahami aspirasi dan kehendak yang telah dibuat oleh Parlimen. Dalam konteks ini hari ini kita luluskan lagi 2012 pindaan baru. Bila pindaan baru 2012 ini bagaimana langkah yang kita hendak buat hendak memastikan kefahaman dan perbincangan menyeluruh dan taklimat khusus yang diberikan oleh pihak kementerian kepada pihak pentadbir universiti walaupun universiti yang telah diberikan autonomi.

Saya cadangkan di sini agar pihak kementerian membuat satu perbincangan menyeluruh, satu kurus induksi menyeluruh di antara pemimpin-pemimpin universiti luar negara yang telah pun mencapai satu tahap yang bagus untuk keaktifan pelajar-pelajar untuk berbincang dengan pihak pentadbir universiti ini bagi melonggarkan kekangan birokrasi dan memberikan satu kefahaman baru kepada HEP.

Ini kerana bilamana mereka ini membenarkan pelajar untuk terlibat dalam politik seperti ini, ianya sebenarnya langsung tidak mengurangkan kuasa mereka sebagai HEP. Sebenarnya pelajar yang berani dan faham ini akan lebih koperatif dan lebih bertanggungjawab kalau mereka sebenarnya memahami aspirasi yang dibawa oleh pihak kerajaan dan juga pihak universiti

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian kerana dalam kes sebagai contohnya Bersih. BERSIH 1.0, BERSIH 2.0 dan kemudian ada Perhimpunan pelajar di Dataran Merdeka yang melibatkan kes PTPTN. Walaupun pelbagai amaran telah diberikan oleh pihak kerajaan, pihak polis, pihak kementerian dan sebagainya untuk menghalang pelajar daripada turun tetapi dalam BERSIH 3.0 pelajar masih lagi turun. Kerana saya percaya dalam konteks ini mereka yakin mereka turun bukan untuk menyokong mana-mana parti tetapi mereka ingin memastikan negeri yang mereka akan diwarisi adalah negeri yang diperintah dengan cara yang betul dengan sistem yang betul.

Dalam konteks ini saya hendak tanya, kenapa ada universiti yang boleh menghantar mata-mata, yang boleh menghantar pegawai-pegawai untuk bertugas di semua kawasan pilihan raya ketika pilihan raya kecil tetapi tidak ada mata-mata dan pegawai universiti yang dihantar ke kelab-kelab malam, ke konsert-konsert, ke tempat-tempat program-program realiti untuk mengambil gambar pelajar-pelajar kita yang bertudung kadang-kadang terkinja-kinja dalam keadaan yang langsung tidak melambangkan akhlak yang baik.

Saya mahu sekarang ini kalau ini diisytihar sebagai satu kesalahan, kesalahan ini sama dalam bidang seni kah, dalam bidang jenayah kah, dalam bidang apa pun sebab kalau kita boleh mengambil gambar untuk ini. Kita kena ambil gambar untuk semua sebab kita hendak lahirkan pelajar yang holistik, pelajar yang *universe* bukan pelajar yang hanya di kekal pemikiran *universe* ini tetapi dibuka untuk ini. Untuk hadir ke program-program TV3, TV9 semua TV yang ada mereka boleh buat apa yang mereka hendak buat. Mereka akan dihantar, dibantu tidak akan di marah tetapi hendak dengar program-program perbincangan di antara dua pemimpin-pemimpin yang berbeza pandangan daripada berbeza parti mereka takut. Ini adalah perkara yang tidak sihat.

Saya rasa tidak ada masalah kalau pihak pentadbiran hendak tengok, tetapi kalau hendak tengok, tengok semua. Sebab kita sedih cukup-cukup terpukul bila *News Straits Times* melaporkan kalau tidak silap saya pada tahun 2007, lebih daripada 50 peratus pelajar universiti mengaku pernah terlibat dalam aktiviti seks walaupun secara ringan. Jadi kalau untuk satu pengakuan yang telah dibuat penyelidikan begitu dan kita dimaklumkan penyelidik daripada UKM yang mengatakan bahawa daripada 73 pelajar yang di*interview,* 72 mengaku pernah terlibat dalam hubungan seks.

Ini perkara yang jauh lebih serius daripada mereka hendak menyokong hendak memastikan ada undian yang bersih dalam sistem pemilihan di dalam negara kita dan perkara ini saya pohon tolong buat tindakan bersepadu. Kita hendak pastikan pelajar-pelajar kita ini cemerlang akhlak, cemerlang minda. Mereka ini harus diramaikan dan diberikan motivasi yang benar dan jangan ada sektor tertentu sahaja diberikan perhatian sebab bila universiti ia meliputi semua perkara, semua aspek, semua segi kerana ini orang yang terbaik di dalam negara kita.

Saya juga mendengar kebimbangan yang diluahkan oleh Dr. Google dan juga kajian yang dibuat oleh *Merdeka Centre* yang memberitahu bahawa sekarang masalah yang dengan pelajar universiti bukan pelajar universiti ini berkobar-kobar hendak jadi orang yang terlibat dalam politik itu hanya dua tiga orang, yang dibimbangi ialah menurunnya peratusan yang hendak turun mengundi ketika pilihan raya kampus. Itu di semua universiti bukan ada kenaikan yang mendadak. Kalau berdasarkan pada tahun lepas tidak ramai, yang hendak jadi calon adalah orang yang sama, kumpulan yang sama, dua tiga orang itu yang lain buat tidak kisah sebab bagi mereka perkara yang penting ialah pencapaian akademik. Ini sebab kalau saya hendak jadi apa-apa pun orang akan tengok pencapaian akademik saya.

Dalam konteks ini, ini perkara yang tidak sihat bila mereka tidak menghantar perwakilan yang betul dalam Majlis Perwakilan Pelajar orang ini tidak boleh membela mereka. Dalam konteks ini kita hendak tengok apakah perancangan di peringkat kementerian untuk memastikan kewujudan dan kesedaran berpolitik secara sihat ini dipastikan bukan hanya di kampus-kampus pusat tetapi juga sampai ke cawangan-cawangan di negeri-negeri kerana hari ini kita lihat kewujudan universiti ini bagaikan cendawan selepas hujan.

■1240

Saya juga hendak tahu perancangan dipihak kementerian untuk mengatasi masalah pengasingan di antara mahasiswa ulat buku dan mahasiswa pemimpin pelajar. Yang jadi 3.8 atau 3.9, tidak mahu jadi pemimpin pelajar, yang jadi pemimpin pelajar pula 2.9. Ini masalah. Jadi, dalam konteks ini bagaimana kita hendak seimbangkan di antara gabungan mahasiswa ulat buku dengan gabungan mahasiswa pemimpin pelajar. Pelajar ini harus digabungkan dan diprogramkan. Ini kerana kalau kita tidak gabungkan atau programkan, ini akan jadi masalah. Ini kerana ia akan wujudkan dua manusia yang berbeza.

Hari ini, saya baru sahaja terima tadi daripada pihak Jabatan Perdana Menteri yang memaklumkan bahawa jumlah pelajar yang dihantar ke luar negara berjumlah 1,500 orang yang telah ditaja oleh kerajaan dengan perbelanjaan sebanyak RM1.8 bilion berbanding dengan biasiswa untuk pelajar tempatan yang diterima di seluruh Malaysia adalah 10,500 orang dan jumlah perbelanjaannya adalah sebanyak RM876 juta. Yang dihantar keluar negara berjumlah 1,500 orang. Perbelanjaannya berjumlah RM1.08 bilion. Dalam negara yang terima biasiswa ialah seramai 10,500 orang yang...

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah sikit. Saya tadi terdengar Yang Berhormat sebut tentang ada pelajar yang menjadi pemimpin di mana prestasi akademiknya kurang tetapi yang prestasi lebih tinggi tidak berminat. Pada saya, saya dapati bahawa dari segi psikologi, manusia memang cari kepuasan. Biasanya mereka akan buat sesuatu yang mendatangkan lebih banyak kepuasan kepada mereka. Jadi, ada kemungkinan budak yang prestasi akademiknya baik, dia sudah dapat kepuasan dari segi ini dan dia akan teruskan usahanya manakala budak yang tidak mendapat kepuasan dari segi akademik, mungkin dia mendapat kepuasan daripada kegiatan seperti itu. Jadi, mereka akan terus– ada kemungkinan mereka akan abaikan akademiknya oleh kerana di situ tidak banyak kepuasan. Namun apabila dia terlibat dengan aktiviti seperti itu, dia dapat kepuasan, dia dapat ramai kawan dan sebagainya selain itu dia dapat *recognition* juga.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Yang Berhormat. Berdasarkan kepada pengalaman sebagai guru mungkin. Dalam konteks ini saya teringat hadis Nabi yang menyebut *'tafaqahu qhobla a'ntasuddu'. "Kamu hendaklah menjadi orang yang alim, orang yang mempunyai ilmu sebelum kamu memimpin. Ini kerana bila kamu jadi pemimpin, kamu tidak akan punya masa untuk belajar."* Dalam konteks ini, kita lihat..., saya boleh terima konteks perlukan kepuasan. Ada orang yang hendak menjadi pemimpin pelajar sebab dia tidak boleh tumpu kepada akademik. Itu di peringkat sekolah. Di peringkat sekolah, ada pelajar cemerlang dan ada yang tidak cemerlang. Akan tetapi yang masuk ke universiti ini adalah *best students* daripada semua sekolah. Mereka bukan orang yang tidak cemerlang. Mereka adalah *the best brain* dalam sekolah yang dihantar dan dipertemukan di Universiti Malaya, yang dihantar dan dipertemukan dalam kelompok dalam kelompok di UKM, yang dipertemukan di UiTM, yang dipertemukan di UIA dan yang dipertemukan di UTM.

Ini adalah pemimpin kebanggaan sekolah dan bukan pemimpin buangan sekolah yang dikumpulkan di situ. *So,* dalam konteks ini, bila bertemu antara semua yang *'terer',* yang pandai, kenapa timbul perasaan seperti ini? Sepatutnya masing-masing mahu mengekalkan kecemerlangan dengan mendapat 10A di peringkat SPM ini. Semuanya mempertahankan CGPA mesti *4 flat* ataupun 3.6 *and above* dan mereka ini boleh tampil kepada masyarakat sebab mereka akan balik.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta mencelah lagi? Saya ingat dalam hujah saya hari itu, saya ada sebut bahawa manusia tidak macam bahan mentah. Kalau bahan mentah, kualitinya semua sama. Sama rata. Akan tetapi manusia, keadaan yang sama akan datangkan kesan yang berbeza. Hari itu saya sudah sebut bahawa antara murid saya, kadang-kadang ada dua orang murid yang markahnya mungkin serupa tetapi murid 'A' saya hantar kepada kelas 'A'.

Dia rasa bangga sebab dia di kelas ‘’A dan dia akan lebih rajin. Mungkin kalau saya hantar murid ‘A’ ke kelas ‘B’, dia rasa kecewa dan dia akan malas.

Dato’ Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cukuplah setakat itu sahaja. Kalau saya hendak bincangkan hal itu, terlalu panjang. Hari ini hari terakhir. Berilah peluang kepada Yang Berhormat yang bercakap dahulu dan kurangkan mencelah sahajalah. Kalau selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz boleh jumpa di luar dan sama-sama kita berinteraksi. Silakan, Yang Berhormat. Cuba ringkaskan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *point* yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi betul juga. Jadi mungkin dalam konteks ini saya hendak minta kepada pihak kementerian. Kalau tadi Menteri Belia dan Sukan memberikan bahawa antara cara hendak meningkatkan sukan ialah jurulatihnya mesti faham psikologi. Jadi untuk menjadi *lecturer* di universiti-universiti dan di kampus ini, antara kemahiran yang perlu ditambah baik kepada semua *lecturer* nya bukan hanya dilihat PhD. nya tetapi juga diberikan kemahiran psikologi, bagaimana dia mampu untuk merangsang dan motivasi. Pelajar-pelajarnya bukan hanya tinggi akademik tetapi juga tinggi dari segi *participation* dalam masyarakat.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan kurangnya nilai kepekaan gender dari segi penyertaan wanita dalam aktiviti berpolitik dan aktiviti yang lebih berani dalam universiti. Sekarang ini di semua universiti, pelajar-pelajar perempuannya melebihi 65 peratus. Jadi, dalam konteks ini, kalau kita tidak membuat perancangan yang benar-benar baik, kita bimbang kita akan melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang akademik tetapi keterlibatan mereka kerana berlaku ketidakseimbangan gender dalam kes ini untuk menjadi pemimpin dan menjadi pengikut yang baik. Dalam pindaan AUKU ini, kita bukan hanya hendak melahirkan pemimpin yang baik tetapi kita harus membudayakan untuk melahirkan pengikut yang baik. Ini kerana pemimpin yang baik akan datang daripada pengikut yang baik.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah dengan lulusnya rang undang-undang pada hari ini, kita akan membenarkan pihak mahasiswa di semua universiti untuk menubuhkan parti sendiri atas nama mahasiswa dan tidak terlibat dengan mana-mana parti di luar daripada universiti. Adakah perkara ini dibenarkan oleh perlembagaan universiti dan juga oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Saya juga hendak tahu tentang dakwaan berkenaan dengan campur tangan kerajaan ataupun kementerian ataupun pihak tertentu berkenaan dengan calon, kempen, pendedahan dan pembudayaan politik wang dan kecenderungan serta layanan yang tidak seimbang dalam kempen-kempen di seluruh universiti. Saya mahu kalau boleh diberikan analisa supaya kita tidak mahu bentuk-bentuk seperti ini muncul di universiti sebab kalau kita hendak mulakan perubahan yang inginkan oleh BERSIH untuk mendapatkan pendedahan media yang seimbang dalam keadaan di masyarakat, kita harus mulakan di universiti.

Bagaimana mereka ini akan diberikan ruang yang sama, bajet yang sama kerana pengalaman saya sebagai pemimpin pelajar semasa di universiti, kadang-kadang kalau kita dilabelkan sebagai bukan pihak yang pro kepada kerajaan, kita buat program, program kita diluluskan tetapi tidak ada bajet. Pihak yang nampak pro kepada belah sana diberikan bajet. Dalam konteks ini, saya pohon agar perkara ini diberikan satu penilaian manual SOP yang khas. Ini kerana kalau kita hendak melihat berlaku kebangkitan mahasiswa, hendak menangani kebangkitan mahasiswa dalam keadaan yang sihat, mereka harus diberi ruang. Kita tidak tahu masa depan, apa yang akan jadi kepada mereka.

Sejauh mana pihak kementerian setakat ini mengiktiraf semua gerakan mahasiswa seperti GMMA, SMM, GAMIS, PKPIM, DEMA, KARISMA, GERAK Mahasiswa yang berada dalam universiti dan dalam gerakan pelajar? Adakah mereka ini diiktiraf sebagai kumpulan yang sah dan mereka ini akan dirujuk serta dijadikan antara pihak yang mempunyai entiti kalau hendak dibuat sebarang perubahan?

Ini kerana saya percaya, bagi saya ini adalah gerakan yang baik di mana pelajar-pelajar boleh menubuhkan pelbagai persatuan yang berbeza, membawa pandangan yang berbeza dan kita mungkin akan dapat kepelbagaian idea daripada pelbagai gerakan seperti ini.

Saya juga hendak tanya, bila mana kita boleh lepaskan pesalah-pesalah dalam Akta Kediaman Terhad yang telah pun kita lepaskan sebelum ini. Selepas ISA semalam, mungkin ada pihak kerajaan yang menimbangkan untuk membebaskan ada yang ditahan. Dalam konteks ini, bila AUKU dilaksanakan, ada pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib, ada yang di nasihat, ada yang digantung, ada yang dibuang dan ada yang didenda dan ada di kalangan mereka yang dibuang dan digantung universiti ketika mereka pada tahun dua dan sekarang ini usia mereka mungkin telah pun mencapai 42 tahun. Saya hendak tanya, adakah kita bersedia sebagai kerajaan yang menyebut tentang transformasi, bersedia untuk membuat *retrospective effect* iaitu membenarkan pelajar-pelajar yang telah digantung akibat daripada tindakan daripada AUKU ataupun tindakan tatatertib ini, dibenarkan untuk menyambung semula pengajian mereka di peringkat universiti, setakat mana mereka telah pun diberhentikan.

Saya kira ini adalah satu cara kita menunjukkan kesediaan kita untuk meraikan pelajar-pelajar yang berani, yang telah menuntut sesuatu yang pada asalnya kita tentang dan hari ini kita benarkan. Mereka ini adalah anak kepada satu ibu dan satu ayah yang telah hantar anak mereka ke universiti yang tiba-tiba digantung kerana terlibat dalam demonstrasi untuk membantah pembinaan Masjid Ar-Rahman di UM. Mereka terlibat dalam kes-kes yang disebutkan di seluruh negara dalam semua universiti ada kes sebegini.

Saya hendak minta, adakah kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan sekiranya mereka ini memohon untuk meneruskan kembali pengajian dan kemudiannya mendapatkan ijazah semula.

■1250

Dalam kes-kes yang terbaru yang melibatkan mahasiswa di seluruh negara, saya pohon dalam kita hendak meraikan lulusnya akta ini agar semua tindakan tatatertib yang telah pun mungkin dibuat oleh universiti pohon diampunkan, diberikan *clemency*nya sebab ini masa depan pelajar. Walaupun sehari, walaupun sebulan, saya rasa itu perkara yang cukup penting kepada pemimpin mahasiswa. Saya kira ini sebenarnya akan memberikan satu *mood* yang baik kepada mahasiswa sekiranya pihak kerajaan bersedia untuk menimbang semula dan mereka diberi ruang untuk merayu semula dan memastikan mereka dapat terus menyambung pelajaran.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah insiden-insiden yang kita kira agak kronik yang telah pun berlaku menjelang pilihan raya kampus yang telah pun diambil tindakan oleh pihak kementerian. Ini kerana saya lihat ada beberapa universiti yang bila berlaku pilihan raya kampus, macam-macam benda yang jadi. Ada yang hilang, ada yang kena culik, ada yang kena pukul. Dalam konteks ini bila kita sudah buat hari ini, apakah mekanisme yang dikenal pasti untuk menjaga keselamatan calon dan juga wakil calon dalam konteks ini untuk memastikan tidak ada wujud ruang-ruang seperti ini.

Ini kerana kalau tidak dikekang perkara ini ianya mungkin akan menular dalam pilihan raya umum dan saya pohon agar sekiranya pilihan raya umum akan berlaku dalam jangka masa yang terdekat. Kalau berlaku dalam bulan enam, kita difahamkan bulan enam ini banyak pelajar-pelajar yang mereka akan terlibat dalam peperiksaan. Mereka diberikan cuti yang munasabah supaya semua pelajar-pelajar ini boleh pulang daripada universiti untuk mengundi di tempat masing-masing kerana ini adalah satu manifestasi wujudnya akta pada hari ini.

Kalau tidak bagi cuti, bagi satu hari atau pun dua hari saya rasa tidak sempat hendak balik kalau di tempat yang jauh. Yang duduk di Sabah, Sarawak, yang duduk di Kelantan atau pun yang duduk di Johor Bharu untuk pulang. Saya juga hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menghidupkan budaya intelektual *discourse.* Perbincangan intelektual di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang dengan pelbagai tajuk serta isu antarabangsa dan menggalakkan mereka untuk bertutur dalam pelbagai bahasa. Ini harus dirancang di pihak kementerian, tidak mampu untuk dibuat di pihak universiti.

Ini kerana pengalaman sebegini sebenarnya memberikan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh ringkaskan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Dalam lima minit lagi. Dalam konteks ini saya minta sangat agar dibuat perkara ini kerana mereka akan boleh meluahkan dan memahami isu-isu yang berlaku di peringkat antarabangsa. Saya juga hendak tanya pada pihak kerajaan, bagaimanakah kita akan mewujudkan satu budaya kondusif di peringkat universiti agar pemberian kelulusan pada hari ini benar-benar bermanfaat kepada mereka. Adakah dengan kita akan melibatkan pelajar-pelajar sendiri kepada SPR. SPR untuk pilihan raya kampus dan kempen dan bagaimanakah sekiranya pelajar-pelajar kita ini dalam pilihan raya umum ini mereka terlibat sebagai jentera mana-mana parti di mana-mana kawasan. Adakah perkara ini akan dibenarkan oleh pihak kementerian, di luar kampus ini.

Saya juga hendak tanya berkenaan dengan isu yang menyatakan bahawa terdapat banyak masalah di peringkat universiti berkaitan dengan pengangkutan, kolej kediaman dan kos hidup di universiti. Setakat ini bagaimana isu ini diselesaikan di kalangan pemimpin mahasiswa kerana ianya berlaku hampir di semua universiti. Sedangkan kalau hendak ambil pelajar ini memang kita sudah boleh kira berapa orang yang datang. Jadi, macam mana pula kediaman seperti ini selalu tidak cukup dan pelajar diminta untuk cari sendiri? Dalam konteks ini saya rasa kalau pelajar kita diberi peluang, mereka boleh berbincang dan pihak universiti pun boleh memastikan bahawa kadar yang cukup untuk tempat yang cukup.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan berkenaan adakah pelajar juga bercadang untuk membuat *Student Protection Act* di kalangan mahasiswa untuk memastikan pelajar-pelajar ini bukan hanya dibenarkan peluang untuk mereka bercakap tetapi mereka juga akan diberikan satu perlindungan secara undang-undang. Kita mengharapkan dengan lulusnya akta pada hari ini, kerajaan akan meminda butiran atau menghapuskan akujanji yang tidak perlu di universiti bagi memastikan pelajar-pelajar kita memang akan dapat terus aktif sebagai mahasiswa yang akan kita banggakan suatu hari nanti.

Yang terakhir, saya ingin membawa satu hasrat daripada pensyarah-pensyarah yang telah memaklumkan bahawa dengan sekarang wujudnya Kementerian Pengajian Tinggi yang datang dengan pelbagai peraturan, kadang-kadang mereka sudah jadi macam guru sekolah. Mereka terpaksa isi macam-macam dokumen, macam-macam buku yang menyebabkan sekarang ini kurang tumpuan mereka untuk *research*. Jadi, adakah perkara ini benar? Kalau perkara ini tidak benar, saya harap bila kita bela mahasiswa, kita juga bela pensyarah kerana budaya hendak melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan bagus untuk negara ini harus datang daripada pemimpin dan pensyarah yang terbilang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat semua, saya rasa Yang Berhormat tadi telah bercakap dan juga ada membangkitkan soal atau pun satu istilah otak kanan. Saya fikir kalau boleh ramai lagi berotak kanan akan berada di dalam Dewan ini dan juga saya harap Yang Berhormat akan meninggalkan kita kerana kita sudah habis. Pengganti Yang Berhormat pun boleh berkualiti macam ini pun lagi baik juga. Itu sahajalah saya punya komen dan seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat.

12.55 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat bangga kerana dapat diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pada hari ini. Saya juga turut tertarik hati di atas apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi yakni apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi, semua otak kanan. Saya juga tertarik hati dengan sehati tidak separti.

Jadi, saya hendak menyarankan sedikitlah Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghuraikan apa yang saya rangkakan ini. Kalau semua orang ada otak kanan, dan sehati, saya tambah yang lain sehati sejiwa. Jadi, tidak ada masalah dalam negara kita ini. Jadikanlah muafakat itu membawa berkat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini menunjukkan sikap keterbukaan kerajaan bagi memberi kebebasan kepada pelajar membuat pilihan dan pertimbangan dalam mendekati, mengenali serta memahami ideologi-ideologi tertentu seperti amalan demokrasi yang diamalkan di negara ini. Ini menunjukkan kepercayaan serta pengiktirafan kerajaan terhadap kemampuan warga mahasiswa pada masa ini berjumlah lebih 550,000 di seluruh negara sebagai generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara ini dapat berfikir secara matang dan dinamik serta bertanggung jawab dalam membuat keputusan dan tindakannya.

Pindaan yang dibuat di dalam akta ini juga telah mengambil kira pendapat dan pandangan *stakeholders* atau mereka yang berkepentingan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pindaan AUKU, Profesor Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud, pindaan bagi akta ini telah dibuat setelah mengambil kira maklum balas yang diterima daripada kajian yang dijalankan selama tiga bulan. Justeru, jika segolongan pelajar atau pembangkang tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, pastinya mereka mempunyai agenda sendiri dan tidak memahami roh serta semangat dalam AUKU ini.

Bak kata mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohammad, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) tetap relevan kepada orang yang tidak tahu menjaga diri dan tidak menghargai peluang yang harus digunakan sebagai seorang mahasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pindaan akta ini, pertama sekali saya ingin menyentuh peruntukan 2(b) dan di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat menimbangkan permohonan calon-calon wanita selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan 30 peratus penyertaan wanita dalam peringkat pengurusan.

Kedua, saya ingin menyentuh Bahagian IIA - pentadbiran. Di sini saya juga ingin mencadangkan agar wakil kementerian diletakkan atau diwujudkan satu jawatan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bagi memantau pentadbiran-pentadbiran di universiti-universiti di seluruh negara. Kita sedar pada masa ini wujudnya jawatan pendaftar, Dekan hal ehwal pelajar serta lain-lain jawatan di bawah pentadbiran universiti.

Akan tetapi di sini saya hendak mencadangkan kakitangan daripada kementerian sendiri perlu berada di dalam pentadbiran universiti bagi menjaga hal ehwal pelajar dan mereka bertanggung jawab memberi maklumat dan informasi berkenaan dengan dasar dan polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ini bagi membolehkan mahasiswa memahami setiap rancangan dan inspirasi serta dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai dengan seksyen 5A, pindaan dirujuk kepada subseksyen (2) yang baru menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta membenarkan penubuhan mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf universiti, apa juga nama atau gelarannya, jika dia berpuas hati bahawa adalah sesuai...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa telah menunjukkan tepat jam 1 tengah hari, Yang Berhormat boleh sambung nanti. Sekarang saya tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat untuk terus menyambung perbahasan beliau.

2.32 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasaan saya. Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan seksyen 5A Pindaan dituju kepada subseksyen baru menyebut Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta membenarkan penubuhan mana-mana institusi pengajian tinggi yang bertaraf universiti, apa jua nama atau gelarannya jika dia berpuas hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan negara institusi pengajian tinggi sedemikian ditubuhkan. Saya ingin tanya di sini berapa jumlah institut pengajian tinggi dan institut pengajian tinggi swasta yang wujud dan beroperasi di dalam negara ini. Berapa jumlah IPTS yang tidak beroperasi atau dalam keadaan hidup segan mati tidak mahu.

Isu yang saya ingin kemukakan kewujudan institut pengajian tinggi akan dibimbangkan menyebabkan lambakan graduan yang menyebabkan pengangguran di kalangan graduan. Justeru dicadangkan agar cadangan penubuhan institusi baru itu telah dimulakan dengan penyelidikan yang komprehensif bagi memastikan ia benar-benar memberi kesan yang maksimum bagi rakyat dan kita tidak mahu penubuhan institusi ini dijadikan bahan politik tanpa mengambil kira keperluan semasa dan kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pindaan peruntukan 15 bagi membenarkan pelajar mendaftar sebagai ahli dalam politik. Seksyen 15(3) yang dicadangkan bertujuan untuk ditiadakan sekatan yang dikenakan ke atas pelajar dan persatuan pertubuhan badan atau kumpulan pelajar untuk menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhad mana-mana parti politik.

Pindaan ini merupakan penambahbaikan agar selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam Mahkamah Rayuan terhadap kes Mohd Idham Nors vs Kerajaan Malaysia *and others*. Dalam kes ini Hakim Mahkamah Rayuan Yang Arif Hismuddin Yunus menyatakan bahawa seksyen 15(5)(a) tidak termasuk dalam sekatan-sekatan yang dibenarkan. Dalam fasal 10(2)(a) perlembagaan oleh itu telah berlakunya pencabulan fasal 10(1)(a) dan akibatnya ia tidak sah menurut Perkara 4(1), Perlembagaan Persekutuan.

Selanjutnya Yang Arif menyebut bahawa laporan *Hansard* tidak membekalkan apa-apa penjelasan mengenai hubungan antara melarang pelajar-pelajar universiti dari menunjuk sokongan untuk atau menentang sebuah parti politik dengan mengekalkan ketenteraman umum atau moraliti awam. Namun perlu diingat bahawa seorang lagi Hakim Mahkamah Rayuan Yang Arif Hakim Low Hop Bing berpandangan bawah peruntukan 15(5)(a) adalah berperlembagaan dan sahih. Sekatan-sekatan dalam peruntukan itu adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pelajar-pelajar dan institusi-institusi pengajian tinggi sebagai soal polisi

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali meskipun peruntukan pindaan menyediakan sekatan-sekatan bagaimana dinyatakan tetapi dalam masa yang sama penyekatan perlu dilakukan memandangkan pada usia yang masih muda mahasiswa terdedah dengan pelbagai anasir-anasir yang jahat yang cuba mempergunakan kelemahan mereka untuk kepentingan sendiri. Pada zaman globalisasi dan penuh dengan kecanggihan media massa dan sistem teknologi informasi yang canggih ini di mana maklumat berada mudah diakses tanpa tapisan, hanya jati diri yang tinggi. Merujuk kepada keputusan Yang Arif Hakim Low Hop Bing jelas beliau bersetuju bahawa peruntukan itu adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pelajar-pelajar dan institusi-institusi pengajian tinggi sebagai soal polisi dan sekatan-sekatan yang diperuntukkan adalah dengan niat memperuntukkan ketenteraman umum dan moraliti awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

2.37 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi keizinan kepada saya untuk membincangkan dan membahaskan akta yang sedang kita bincangkan iaitu AUKU, Akta Universiti dan Universiti Kolej. Saya mohon maaf pada malam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 40 tahun AUKU diperkenalkan, dan pada tahun ini kerajaan telah membawa akta ini ke Parlimen untuk dipinda, pada sekali gus untuk menambahbaikkan. Ini semata-mata untuk memberi peluang kepada semua pihak sama ada orang di dalam universiti atau di luar universiti khasnya para guru pelajar dan orang yang terlibat dengannya untuk memberi peluang yang lebih kepada mereka supaya mereka dapat meningkatkan kebaikan di dalam kehidupan mereka sama ada di dalam bidang akademik mahupun bidang sosial. Akta yang diluluskan itu saya tengok pada malam tadi mendapat penerangan-penerangan daripada pelbagai pihak.

Orang yang mengalami tadi ada sebagai pelajar, ada sebagai guru, ada sebagai pentadbir dan seterusnya orang-orang yang kemudian daripada itu. Ini semua memperkayakan tentang maklumat kita tentang berhubung dengan apa yang telah dilalui oleh sebahagian daripada kita. Kebetulan orang-orang yang berada di sini adalah rata-ratanya daripada Universiti Malaya yang merupakan universiti yang tertua di dalam negara kita. Apa pun pandangan yang berbeza dan antara kita dan antara Ahli-ahli Dewan ini saya melihat ini merupakan satu kekayaan pengalaman yang boleh kita terjemahkan dalam kehidupan kita.

■1440

Walaupun sama parti tidak sehati. Itu satu istilah yang saya rasa baguslah. Tidak sama parti ada sehati dan bagi saya walaupun tidak separti tetapi kita senegara. Apa lagi kalau orang Islam, dia berlainan parti tetapi sama agama. Ini merupakan satu istilah yang saya rasa kita boleh berkongsi bersamalah dalam kehidupan kita. Perbezaan pendapat, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya ini memperkayakan kita di dalam masyarakat Malaysia ini di mana Allah menyebut bahawa penciptaan manusia yang berbeza golongan, keturunan dan sebagainya, itu adalah semata-mata untuk perkenalan antara satu sama lain.

Paling baik di kalangan mereka adalah orang-orang yang bertakwa. Saya boleh memetik satu ayat dari Al-Quran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Jadi lebih kurang maksudnya ialah, Allah memberitahu kepada kita bahawa semua manusia ini adalah dijadikan lelaki dan wanita dan daripada itu Allah jadikan bangsa dan puak-puak. Semuanya itu adalah untuk berkenalan antara satu sama lain dan yang paling baik adalah orang yang paling takwa di sisi-Nya. Jadi manusia di mana-mana pun mereka ada pendapat yang berbeza.

Namun perbezaan-perbezaan itu tidak dapat dielakkan dan itu merupakan sunnah ciptaan manusia... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, *"Manusia itu sentiasa berbeza dan begitulah mereka dicipta"* Jadi itu bukan satu keaiban kepada kewujudan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana ini saya ingin menyebut beberapa perkara bahawa kalau kita melihat daripada sudut pelajar, pelajar meminta supaya pihak kerajaan menghapuskan semuanya AUKU. Kalau kita melihat dari pihak kerajaan, kerajaan menganggap AUKU tidak perlu dihapuskan tetapi ditambah baik. Jadi di sini saya melihat secara adil dan saksama. Manusia tidak akan mendapat apa yang mereka mahu semuanya dan sepertilah pepatah yang mengatakan mata dengan tangan. Mata boleh memandang sejauh-jauhnya tetapi tangan hanya dapat mencapai apa yang dapat dihulur. Itu sahaja. Begitulah juga yang kita tahu ada pepatah Arab menyebut... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Apa yang kita tidak dapat semua jangan buang semuanya. Apa yang tidak dapat, kita memang tidak akan dapat tetapi di kalangan yang banyak-banyak itu adalah di bahagian-bahagian kita. Jadi dengan penambahbaikan ini saya melihat ia merupakan salah satu pendekatan yang boleh memberi ruang kepada pelajar sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Pun begitu saya ingin menyatakan bahawa semua orang tidak akan dapat disenangi oleh orang lain. Kita tidak akan dapat memuaskan kehendak orang lain biar apa pun yang kita cuba... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Kesenangan manusia tidak dapat kita penuhi".* Itu satu realiti.

Begitulah saya ingin memberi pandangan saya bahawa pelajar-pelajar juga tidak akan mendapat apa yang mereka mahu semuanya tetapi mereka tetap akan dapat diberi peluang mengikut kadar kemampuan dan lingkungan yang diberikan. Ini merupakan satu konsensus yang patut kita beri perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apa sebenarnya yang pelajar tidak mahu dalam AUKU itu. Kita pun tidak tahu sebenarnya secara *detail* apa yang pelajar tidak tahu sebab apa yang saya tengok kalau dalam pembentangan ini pun ada bahagian-bahagian yang tidak bersangkut paut dengan pelajar dan kebebasannya. Kita hanya diberitahu AUKU tetapi orang luar daripada pelajar dan mungkin sebahagian besar pelajar tidak faham juga. Ini kerana bagi saya pelajar-pelajar dan juga orang-orang yang berada di universiti termasuk pensyarah-pensyarah dan semuanya perlu faham apa yang ada dalam AUKU itu kerana ia bukan sahaja bersangkut dengan pelajar tetapi ia merupakan akta dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap orang yang berada di dalam universiti. Bagi saya inilah kehidupan kita manusia. Walaupun kewajipan kita perlu mengetahui undang-undang tetapi tidak ramai orang yang ingin mengetahui undang-undang.

Dalam hubungan ini saya melihat dalam sebuah universiti di tempat kita ini ada dua perkara yang besar yang perlu diberi perhatian. Perkara yang pertama ialah pelajar ingin kebebasan bersuara. Itu namanya ingin berpolitik.

Keduanya ialah politik kepartian. Kadang-kadang kita bercampur aduk antara dua perkara ini. Saya melihat semasa saya di universiti dahulu, saya melihat pelajar-pelajar ini bukan sebenarnya hendak masuk parti. Ada walaupun sedikit daripada kalangan mereka ada terlibat tetapi sebenarnya mereka ingin supaya kegiatan mereka diberi ruang yang cukup dan tidak disekat dan hal-hal seperti ini memang terjadi di universiti. Terjadi ini boleh jadi saya melihat kerana pegawai di universiti itu kadang-kadang tidak memahami apa sebenarnya tugas dan tanggungjawab.

Saya pernah diberitahu, boleh saya sebut di sini Profesor Diraja Ungku Aziz. Saya bekerja di bawahnya sebagai Dekan Fakulti Usuluddin dahulu. Saya diberitahu olehnya, kita berada di sini ialah kerana adanya pelajar. Kalau pelajar tidak ada, kita tidak ada di sini. Itu satu ungkapan yang masih kekal dalam ingatan saya di mana ini satu falsafah yang sangat tinggi yang perlu kita beri perhatian. Oleh kerana itu, pegawai dan kakitangan yang ada di universiti mereka sebenarnya diberi tugas untuk memberi khidmat yang terbaik kepada pelajar. Akan tetapi apa yang berlaku di kalangan sebahagian kita bukan semuanya ialah, apabila pelajar ini jadi pertembungan. Di sinilah sebenarnya apa yang berlaku. Bukan undang-undang itu sangat tetapi aksi manusia, tabiat kehidupan orang. Ada sebahagian daripada orang-orang itu dia merasakan pelajar-pelajar itu budak, masih mentah.

Inilah di antara punca-punca yang berlaku di mana pelajar-pelajar ini sebenarnya mereka ini jauh dari keluarga dan ibu bapa. Mereka perlu bimbingan dan di mana tempat mereka untuk mendapat bimbingan adalah di universiti. Universiti itu bahagian-bahagian mana? Ada bahagian pelajarannya, ada bahagian HEP dan bahagian-bahagian lain. Kalau kita tengok di universiti ada dua bahagian yang terbesar pada pelajar. Satunya akademik dan satu lagi HEP. Akademik ialah untuk memberi *knowledge* dan kefahaman ilmu di dalam kelas, juga tutorial, penyelidikan di makmal dan di perpustakaan dan sebagainya dan juga kajian luar.

Satu lagi ialah untuk *compliment* atau untuk melengkapkan bahagian intelektual pelajar ini ialah bahagian hal ehwal pelajar. Saya melihat apa yang bertembung di universiti ini di antara pelajar sebahagiannya yang tidak berpuas hati ialah di bahagian HEP. Itu yang berlaku. Jadi di sini saya melihat pegawai-pegawai kita dalam hal ini mungkin ada yang tidak merasai bahawa mereka sebagai abang atau sebagai ayah. Pelajar juga tidak merasai bahawa mereka adalah sebagai anak, sebagai adik dan mencari ayah.

Di sini sebenarnya suasana itu yang boleh menimbulkan keadaan tidak selesa. Hal-hal seperti inilah yang perlu kita perlu wujudkan di universiti kita supaya wujud suasana kondusif dalam pembelajaran. Pemikiran terbuka, aktiviti yang bagus dan juga pelajar yang mantap. Pelajar-pelajar kita ini sebenarnya kita tidak mahu pelajar yang pasif tetapi kita mahu pelajar yang aktif, yang keterbukaannya sangat luas, sangat besar dan pemikirannya sangat terbuka serta boleh menjana input yang baik kepada negara. Dalam hubungan ini kita melihat pelajar perlu disegarkan dengan fizikal yang baik dengan latihan-latihan di peringkat HEP Begitulah juga mereka diberi wadah yang baik oleh para pensyarah.

■1450

Namun dengan adanya akta ini, saya melihat pensyarah-pensyarah sendiri di universiti tidak boleh mengeluarkan pendapat. Kalau pendapat itu hendak dikeluarkan perlu ada kebenaran daripada pihak Naib Canselor. Di situlah sebenarnya sebahagian pensyarahnya merasai sebagaimana pelajar juga. Akhirnya timbul keadaan-keadaan yang agak negatif kerana itulah mungkin suara-suara ini telah disuarakan oleh sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini di Parlimen ini. Saya juga merasai walaupun saya tidak sempat belajar di universiti kita.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah pada tahun ini pelajar akan diterima di universiti kita lebih daripada 40,000. Pada tahun ini juga penambahbaikan AUKU, kita ada lihat lepas empat atau tiga tahun nanti bagaimana perubahan yang ada kepada pelajar-pelajar ini. Adakah lebih bagus atau bagaimana? Hal ini dia bergantung juga kepada keadaan-keadaan yang ada di universiti itu. Satu perkara lagi yang saya hendak timbulkan di sini ialah dasar pelajaran kita ialah Dasar Bahasa Kebangsaan. Namun, setelah sekian lama dasar ini masih belum dilaksanakan dengan baik. Saya juga tertarik dalam perbincangan dua hari lepas berhubung dengan penggunaan dan istilah bahasa Malaysia yang tidak digunakan dengan begitu meluas.

Contoh yang paling kecil saya ingin sebutkan di sini. Kalau dahulu kita ada mendengar sebut nama Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Setelah LAN ditukar kepada *Malaysian Qualification Agency* (MQA) ditukar kepada nama bahasa Inggeris ada juga dalam bahasa Malaysia tetapi tidak tersohor nama itu. Akan tetapi, yang terkenal ialah MQA kalau dahulu terkenal dengan LAN. Jadi dalam hubungan ini dari segi penggunaan bahasa dan peristilahan yang digunakan dalam masyarakat kita, dalam negara kita ialah mundur ke belakang. Di sini saya merasakan bukan dasar yang kita hendak persalahkan tetapi dari segi pelaksanaan oleh pihak-pihak yang diberi tanggungjawab.

Satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berhubung dengan Dasar Bahasa Malaysia kepada pelajar-pelajar asing. Kalau kita melihat pelajar-pelajar kita dari Malaysia hendak pergi belajar ke Jepun, ke Jerman, ke Perancis mereka diwajibkan belajar bahasa-bahasa tersebut sehingga sampai satu standard sebelum diterima masuk untuk meneruskan pengajian mereka. Baik, kita di Malaysia adakah kita- pada peringkat awal saya melihat hal ini ada di peringkat LAN dahulu tetapi saya rasa dikurangkan hal itu. Ini kerana kita ingin menjemput mereka lebih ramai, pelajar-pelajar asing yang sudah pastinya mereka itu tidak mampu dalam bahasa Malaysia. Saya harap hal ini boleh kita lihat kembali dan paling kurang mereka boleh menguasai bahasa Malaysia apabila mereka berada di sini.

Kita selalu sebut dalam Dewan ini selalu bergema dengan negara berpendapatan tinggi. Saya sangat gembira dengan hal itu tetapi saya lebih bergembira lagi kalau kita negara berpendidikan tinggi. Kalau kita boleh adunkan negara berpendapatan tinggi dengan negara berpendidikan tinggi, kita akan lebih baik lagi daripada apa yang kita impikan itu. Oleh kerana itu bagi saya untuk hal ini, kita melihat negara kita telah ditubuhkan dengan berbagai universiti dan banyak universiti telah ditubuhkan dan saya pun tidak tahu jumlah sebenar. Mungkin hari ini pihak kementerian boleh menyebut berapa sebenar IPTA yang telah ditubuhkan oleh kerajaan. Pada waktu yang sama, kita juga mungkin hendak tahu berapa jumlah pensyarah yang telah ada di seluruh universiti kita dalam pelbagai tingkatan, pensyarah biasa, Profesor Madya, profesor penuh - Profesor, Profesor Emeritus, dan sebagainya.

Hal-hal ini boleh menggambarkan negara berpendidikan tinggi. Kalau kita boleh tahu juga berapa jumlah sebenarnya pelajar-pelajar yang telah tamat di pendidikan tinggi kita setakat ini supaya kita boleh lihat melonjakkan lagi bagaimana untuk masa depan.

Hal yang saya ialah kita tahu bahawa ramai pensyarah yang ada di negara kita dan adakah setiap pensyarah sampai kepada profesor boleh menghasilkan sebuah buku setahun? Sebagai melengkapkan lagi negara berpendidikan tinggi. Saya yakin dan percaya ramai pensyarah, saya tidak tahu jumlahnya, ramai pensyarah dan adakah pensyarah-pensyarah kita boleh menghasilkan sebuah buku setahun? Kalau pun tidak sebuah buku, mungkin berapa jurnal setahun yang diiktiraf peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini merupakan satu sasaran yang perlu diberikan oleh kementerian supaya semua pensyarah kita boleh memberi input yang baik kepada perkembangan pelajaran dan pendidikan di negara kita ini.

Selain daripada itu, kita juga ingin mengetahui berapa banyak bidang yang telah ditawarkan di universiti kita. Bidang itu kalau boleh kita kelompokkan ialah bidang pengajian sains dan juga sosial, sastera. Jadi mungkin telah banyak bidang sains yang kita tawarkan dan begitulah juga bidang sastera dan mungkin masyarakat kita sebenarnya ingin mengetahui berapa banyak sudah dapat kita capai di dalam memberi kursus dan tawaran. Seterusnya, ialah di negara kita juga membuka peluang kepada pihak swasta untuk bekerjasama di dalam membangunkan ilmu ini dan hingga setakat ini saya dengar banyak ratusan kolej-kolej universiti dan universiti yang ada di negara kita. Mereka ini telah memberi saham kepada pembangunan pelajaran dan pembangunan negara. Mungkin saya hendak tanya pihak Menteri, berapa peratus saham atau peranan yang telah dimainkan oleh pihak universiti, kolej, kolej universiti swasta ini?

Tuan Yang di-Pertua apa yang kita bincangkan di sini ialah berada dalam satu kerangka besar. Kerangka besar itu bagi saya, saya hendak ungkapkan bagi orang-orang Islam khasnya yang selalu baca Qunut dalam sembahyang subuh. Ada juga orang tidak baca Qunut sembahyang subuh. Kalau tanya saya bila tidak baca Qunut ialah apabila dia sembahyang lepas waktu. Dia bimbang anak dia tanya apa ayah baca Qunut lepas waktu ini? Jadi kalau orang tidak baca Qunut itu memang dia *champion*lah, dia kata dia sembahyang sunat Dhuha. Baik Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak baca doa Qunut kerana doa Qunut ini sebenarnya merupakan gagasan negara kepada saya... *[Membaca doa Qunut]* Di sini ada enam perkara yang telah dipohon oleh setiap orang Muslim pada setiap pagi untuk kehidupan dan untuk kehidupan diri, keluarga dan negara.

Perkara pertama ialah dia mohon hidayah. Hidayah itu kalau kita boleh melihat dia kita kembangkan ialah pelajaran. Mana-mana orang apabila mempunyai ilmu, dia akan lebih baik daripada semalam. Oleh kerana itu orang yang sama hari ininya dengan semalam orang itu orang yang tidak bagus. Kedua, dalam itu juga kita memohon kerana itulah dalam negara ada Kementerian Pelajaran dan Pelajaran Tinggi untuk tujuan tersebut.

Kedua ialah... *[Membaca bahagian doa Qunut yang berkaitan]* Kita mohon supaya kita sihat walafiat. Sihat merupakan salah satu asas terpenting dalam hidup kerana itulah dalam negara ada Kementerian Kesihatan untuk menjaga kesihatan warganya.

■ 1500

Saya tidak hendak syarah panjang tetapi hendak sebut secara ringkas... *[Membaca bahagian doa Qunut yang berkaitan]* Ini minta bimbingan. Dalam kehidupan ini kalau sekiranya tidak ada bimbingan, tidak ada tunjukkan, tidak ada panduan, manusia tidak akan dapat hidup dengan baik. Oleh kerana itu ada guru, ada mak, ada ayah dan ada semuanya.

Seterusnya... *[Membaca bahagian doa Qunut yang berkaitan]* Wahai Allah, tolong Engkau beri keberkatan terhadap semua anugerah yang Engkau berikan dan ini termasuklah apa sahaja yang boleh mendapatkan rezeki yang halal. Muncullah pelbagai kementerian, perusahaan, perdagangan, komoditi. Semuanya ini merupakan untuk mencari rezeki dan kebahagiaan, kalau kita melihat dalam konteks negara.

Kemudian... *[Membaca bahagian doa Qunut yang berkaitan]* Wahai Allah, tolong selamatkan aku daripada semua keburukan yang telah ditentukan berlaku. Semua orang hendak selamat, semua orang tidak mahu keburukan.

Jadi di sinilah ada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, menjaga sempadan dan semua sekali ini adalah gagasan negara.

Seterusnya ialah saya potong... *[Membaca bahagian doa Qunut yang berkaitan]* Ini ialah kementerian keadilan dan mahkamah. Kalau sekiranya saya bersalah, saya mohon maaf dan saya kembali ke pangkal jalan.

Jadi ada enam prinsip atau tujuh prinsip ini ialah merupakan gagasan kepada pelajaran kita, kepada kesihatan kita, kepada bimbingan kita, kepada kehidupan dan keberkatan untuk mencari rezeki dalam hidup ini dan kita minta berlindung daripada segala keburukan yang mungkin menimpa diri kita, keluarga kita, negara kita dan seterusnya apa-apa kesalahan itu mohon maaf dan mohon keampunan daripada Allah dan kita kembali kepada-Nya jua. Ini adalah merupakan prinsip asas...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan, boleh Yang Berhormat?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Sebelum Yang Berhormat tinggalkan ayat Qunut itu, sebab Yang Berhormat ada mengatakan bimbingan. Apa pandangan Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa akta seumpama AUKU, seumpama akta inilah, Akta Keselamatan Dalam Negerilah, bimbingan untuk menjadi negara ini maju dan rakyatnya sejahtera. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah termasuk dalam bimbingan, saya setuju itu. Jadi Akta AUKU dan akta apa pun ialah untuk memberi bimbingan. Pada asasnya ialah semua akta tidak ingin menghukum, yang saya faham. Undang-undang tidak ingin menghukum tetapi undang-undang itu ialah untuk membimbing dan kerana itu hukuman setiap kesalahan itu ialah pada peringkat akhirnya. Itu baru dihukum dan kerana itulah juga kalau kita didik anak umpamanya, mula-mula kalau salah kita tegur. Kemudian kalau tidak dengar, tegur dengan suara keras sedikit, ulang lagi keras sedikit, ulang lagi boleh cubit. Jadi berperingkat.

Begitulah juga dalam pelaksanaan kalau kita berjalan di jalan raya, mungkin terlupa bawa lesen. Kalau polis kata minta maaf encik, saya terlupa bawa lesen, ada lesen, dia beri tetapi kalau kali kedua tidak bawa dan minta maaf juga, polis yang sama, orang yang sama, dia kata ini kena pegang. Jadi bagi saya, ini merupakan satu kaedah-kaedah biasa dan di mana-mana pun manusia tidak boleh lari daripada peraturan sehingga pencuri, kepala perompak pun ada peraturannya. Harta dia tidak bagi orang curi. Perompak itu dia ada geng dia dan ada peraturan dia, jangan langgar. Kalau langgar kena ambil tindakan, apa lagi kita sebagai sebuah negara perlu kepada peraturan.

Oleh kerana itu bagi saya, peraturan itu perlu kita lihat dan saya melihat ini satu perkara yang positif di mana kita melihat apa yang tidak kena, kita ubah dan apa yang kita tidak baik, kita tambah baik. Mudah-mudahan kita boleh hidup yang selesa dan bagi saya perlu tingkatkan dari segi pendidikan kita, pembelajaran kita khasnya kepada peringkat pengajian tinggi di mana pengajian tinggi ini merupakan orang-orang yang bijak pandai, guru pun bijak dan pandai, anak-anak murid pun kita harap dia bijak dan pandai dan *alhamdulillah* negara kita sedang menuju ke arah yang baik ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Khalid bin Ahmad.

3.05 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 dalam Dewan Negara ini. Saya dengar daripada kelmarin sampai hari ini semua orang bercakap tentang rang undang-undang ini, ada baik-baik belaka. Satu soalan yang timbul di sini ialah apakah pindaan Rang Undang-undang AUKU ini dianggap suatu kemenangan awal perjuangan mahasiswa.

Apakah ini dikatakan kebebasan suara akademik? Apakah pindaan AUKU ini yang membenarkan pemimpin parti politik termasuk mana-mana politik masuk ke dalam kampus sememang selama ini kononnya telah diperjuangkan oleh mahasiswa?

Tuan Yang di-Pertua, selepas membenarkan semula sudut daripada itu, saya melihat kerajaan membuktikan suara mahasiswa didengar dengan pengumuman hasrat meminta seksyen 15 di samping ada beberapa pindaan lain seperti pindaan seksyen 16B, seksyen baru 24E tetapi soalnya di sini ialah apakah dunia akademik seperti mahasiswa, pensyarah, naib canselor, pengurus IPTA, IPTS dan institusi pendidikan tinggi sebenarnya sudah bersedia dengan kesan-kesannya. Apa yang dikhuatiri atau menjadi masalahnya apabila ideologi parti, agenda politik kepartian yang bersifat ataupun kepartian politik menular masuk ke dalam kampus. Ini memang dibimbangkan malah akan menimbulkan masalah jika ia tidak dikawal dengan baik.

Memang benar di bawah fasal 5 bertujuan untuk menggantikan seksyen 15A Akta 30 dengan seksyen 15 yang baru. Contohnya kalau kita lihat seksyen 15B(1) yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan hak kebebasan pelajar, berpersatuan pelajar untuk memasukkan hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik. Saya berpendapat ia tidak menjadi masalah kerana sebelum ini pun mahasiswa boleh terbabit dengan politik jika Naib Canselor memberi kebenaran.

Isu ini ialah bermaksud berpolitik itu sangat luas kalau mahu mengikut perkembangan dari perbahasan mengenai keadaan politik negara dan dunia. Tiada siapa pun harus sekat mahasiswa kerana ini adalah aktiviti yang sangat digalakkan bagi menajamkan daya analisis dan pemikiran kritis pelajar. Apa yang menjadi isu ialah apakah mahasiswa wajar bawa politik kepartian ke kampus hingga ke bilik kuliah, asrama serta dalam semua akademik dan persatuan pelajar dalam kampus.

Tuan Yang di-Pertua, apakah semua ini sihat untuk menghidupkan pelajar dalam kampus universiti. Apakah mahasiswa yang mahu terjebak dalam politik kepartian bersedia untuk mengalami semua kesan dan impak politik kepartian yang dibawa dalam kampus? Juga apakah mahasiswa harus dibenarkan menjadi aktivis politik sepenuh masa sehingga pengajian terjejas? Matlamat belajar dan berjaya dengan cemerlang tetapi kesempatan inilah akhirnya yang dikejar tidak dapat, yang dikendong keciciran.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah kita lihat perenggan 15(2)(c), kita boleh baca di muka surat 11 dan perenggan 15(2)(d), kita boleh baca di muka surat 11. Semua ini sudah termasuk di dalam Akta AUKU ini. Ini perkara yang menjadi perhatian kita. Kita mahu semua orang berfikir mengenai hak berpolitik sesuai dengan peruntukan hak asasi dan Perlembagaan, namun pada masa yang sama turut mempertimbangkan tanggungjawab universiti menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif untuk pelajar serta proses pembelajaran yang lancar dan tidak terganggu dengan politik kepartian serta *political thinking* di kalangan pelajar yang keterlaluan.

Biarlah pelajar dan anak-anak kita belajar dengan tenang dan jangan diganggu dengan hal politik yang berlebihan hingga pembelajaran mereka terganggu dan terjejas. Kita tidak tahu dan kita tidak mahu kampus akan jadi gelanggang politik dan bukan lagi medan menuntut ilmu.

■1510

Apakah ini yang kita mahu hingga perkembangan ilmu di universiti dan kebebasan akademik. Rasionalnya Tuan Yang di-Pertua, dalam memberikan sesuatu sikap tidak melihat dalam memberikan sesuatu pandangan, ia sudah tidak wujud lagi. Akhirnya pelajar mula berpuak-puak mengikut aliran politik dan kelompok yang mereka sokong itulah dikhuatiri yang ada. Kalau ini tidak berlaku, syukur *alhamdulillah*. Bermakna pelajar kita sudah cukup matang dan mereka ada kebijaksanaan.

Justeru itu, gunakanlah peluang yang telah dibuka dan diberi oleh kerajaan ini dengan sebaik-baiknya, untuk menunjukkan siswa-siswi kita sudah cukup matang dan bersedia menguruskan dan guna kebebasan yang diberi kepada mereka tanpa menjejaskan tugas serta tanggungjawab sebagai pelajar universiti yang berilmu dan berjaya. Saya berharap mahasiswa bijaksana dalam membuat sesuatu keputusan dan pilihan bagi memastikan mereka tidak mengabaikan tugas serta tanggungjawab utama.

Harapan ibu bapa, komitmen dengan penaja pengajian, keharmonian kampus dan hak pelajar yang lain ingin belajar dengan tenang tanpa terlalu diganggu dengan politik yang terlampau di kampus. Tuan Yang di-Pertua, cuma saya berharap juga pentadbir universiti sebagai kakitangan kerajaan bersedia juga dengan pelaksanaan pindaan baru AUKU ini dan mampu melaksanakan apa yang diarahkan mengikut undang-undang dan peraturan yang diberi. Saya berharap pentadbiran universiti dapat menasihatkan pelajar supaya menggunakan kebebasan yang diberi itu dengan sebaik-baik dan penuh bertanggungjawab. Jangan sampai mereka menjadi alat kepada pihak tertentu atau mudah diperalatkan mana-mana pihak. Akhir sekali, saya fikir kerajaan tahu apa yang mereka lakukan demi masa depan mereka, negara dan universiti serta masa depan anak-anak kita di universiti.

Perdana Menteri sudah memberikan jaminan dan kita harap semua pihak dapat beri kepercayaan kepada Perdana Menteri dan kerajaan menguruskan perkara ini sebaik mungkin. Oleh itu, kita sama-samalah berdoa semoga keputusan ini adalah sesuatu yang baik untuk semua pihak terutama pelajar-pelajar kita kerana merekalah yang terbabit secara langsung dengan pindaan rang undang-undang ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar.

3.12 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan untuk saya peluang untuk bersama-sama berbahas di dalam sesi membicarakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kalau kita lihat dari semalam sampai ke hari ini kebanyakan pembahas-pembahas kita berbincang, bercakap waima di mana konteks pun tentang seksyen-seksyen yang ada dalam pindaan ini, kebanyakannya tertumpu kepada seksyen 15.

Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari yang begitu nampak fleksibel dan natural di dalam dia mempersembahkan dari segi konteks dan juga cadangan, tidak menjurus dan tidak langsung kritikal, mengkritik keadaan ini. Jadi, saya merasakan kalau kita mempersoalkan tentang pindaan yang sebenarnya, apa yang saya nampak dari segi permasalahan AUKU ini ialah cuma seksyen 15 iaitu membenarkan pelajar berpolitik. Itu sahaja dan dari segi kelonggaran yang lain, saya rasa pihak kementerian sendiri sedar akan penambahbaikan itu perlu ataupun selalu dibuat dari semasa ke semasa mengikut keadaan ataupun mengikut permintaan kerana unsur politik menyebabkan pelajar-pelajar kita terjerumus dalam keadaan ini.

Kadang-kadang saya terfikir juga, di universiti kita ada jurusan Sains Politik. Jadi, tuntutan daripada mahasiswa ini, saya tidak tahu sama ada majoriti daripada pelajar-pelajar daripada jurusan ini ataupun pelajar jenis kategori macam mana sebab bidang-bidang yang khusus mempelajari tentang politik, baik dari segi konteks tempatan dan antarabangsa saya rasa pelajar-pelajar ini lebih arif tentang bagaimana untuk meluahkan ataupun mempersembahkan apa yang mereka mahukan di dalam konteks negara kita sendiri.

Akan tetapi waima apa pun, yang itu kita tinggalkan kerana apa pun keadaannya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana inilah yang dipanggil satu Pelan Transformasi Politik ataupun PTP yang cuba diolah dan telah diolah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Pengerusi Barisan Nasional. Ini kerana beliau melihat ini adalah satu-satu keperluan yang mungkin perlu diberi pendedahan yang lebih jelas terutamanya kepada pelajar-pelajar, kita tahu.

Universiti adalah satu sumber ataupun rumah yang mengeluarkan pelbagai kategori modal insan yang berpendidikan bukan hanya politik tetapi ia melibatkan pelbagai bidang selepas mereka grad kerana persembahan mereka perlu. Ini kerana kalau hanya melahirkan orang politik dalam universiti, maka negara kita tidak akan maju dan oleh kerana itu kita lihat universiti banyak melahirkan pakar-pakar dari segi ekonomi, pendidikan, agama dan pelbagai kategori kerana ini merangkumkan segala kebijaksanaan mereka untuk memastikan pembentukan sesebuah negara itu berada di landasan yang benar.

Oleh kerana itu, perolehan dan juga persetujuan dan beberapa juga seksyen-seksyen yang telah digugurkan dalam akta ini, diharap para pelajar harus mengambil kira dan sensitif terhadap sesuatu perkembangan yang wujud. Jangan hanya kita memikirkan apabila kita bebas, kononnya pelajar boleh berpolitik, maka kita berpolitik. Kita lupa tugas kita, kita lupa tanggungjawab kita kerana kita bukan wujud hanya untuk berpolitik kerana kita harus sedar tugas dan tanggungjawab kita selepas keluar dari universiti itu. Apakah tugas tanggungjawab yang harus kita persembahkan kepada negara kerana kewajipan kita, jangan kita tanya apa yang negara boleh bagi kepada kita tetapi kita harus ingat, kita harus tanya pada diri kita apa yang harus kita persembahkan untuk negara demi kebaikan, kalau itu yang ada dalam diri ataupun pemikiran mahasiswa itu sendiri.

Pada saya, ini satu perkembangan yang sangat baik melalui peredaran zaman, melalui keadaan-keadaan berkenaan dengan transformasi politik ini, tidak salah. Saya sangat menyokong akan apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Kalau sebelum ini dikatakan ISA lapuk, kita mansuhkan, kita wujudkan satu perundangan baru. Serupa juga seperti AUKU, bukan tindakan kerajaan untuk menyekat pelajar-pelajar pintar ini untuk membentuk satu pakatan di dalam dunia politik, tidak sama sekali. Tidak ada sekatan yang begitu kuat cuma kalau kita lihat dari segi peraturan seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Dr. Johari tadi, cuma untuk membentuk satu gerombolan atau golongan modal insan itu supaya ia menjadi lebih positif dan mempunyai pemikiran kelas pertama di dalam membentuk penghidupan di masa akan datang. Akan tetapi ada sesetengahnya menganggap bila pelajar tidak diberi aktif dalam politik maka ini adalah satu kongkongan, ini adalah satu kekejaman kerajaan, kementerian tidak buat apa-apa.

Kita menggunakan pelbagai agenda untuk menghasut kononnya pelajar, tidak sama sekali. Buktikan! Selama hampir 40 tahun AUKU ini wujud, pelajar-pelajar kita yang sudah *grad*, adakah mereka ini terseksa ataupun susah untuk mencari kehidupan di dalam negara kita? Tidak sama sekali kerana itu perubahan-perubahan ini berlaku semata-mata kalau kita hanya berfikiran untuk berpolitik, inilah jadinya, inilah kaedahnya. Pemesongan berlaku, mahasiswa jadi kelam kabut untuk melihat siapa yang betul, siapa yang salah.

Seperti yang saya ulang dahulu dalam konteks BERSIH ini juga. Satu golongan ulama mengatakan haram, yang satu golongan ulama lagi mengatakan wajib. Jadi, kita di dalam berpolitik juga jangan kita kelirukan mahasiswa kita dengan agenda-agenda tertentu. Tidak salah untuk kita sama-sama berbincang, membahaskan kerana kita sama-sama berhasrat untuk mencari satu formula, untuk memastikan bahawa modal insan kita yang akan datang ini adalah satu modal insan yang boleh menyumbang kepada kebaikan negara itu sendiri, bukan menjurus ke arah yang lain. Melakukan suatu tindakan yang di luar daripada adat ataupun susila kita sebagai orang Malaysia.

■1520

Tidak perlu kita memanjat pagar, tidak perlu kita mengalungkan gambar pemimpin kita seperti orang yang sudah pergi. Tidak perlu kita menurunkan bendera. Ini semua tidak perlu. Tidak perlu ada dalam konteks itu dan tidak perlu untuk kita menyokong atau mengatakan inilah suara mahasiswa, bukan. Saya percaya dan yakin…

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Macam mana pada pandangan Yang Berhormat, seorang pelajar nama dia Adam Adli, turun gambar, pijak gambar. Pijak gambar PM, apa pandangan *you*?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Itu yang seperti saya perkatakan tadi, terima kasih Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Itu yang seperti saya katakan tadi. Sebenarnya ini adalah golongan pelajar yang baik tetapi kerana apa? Oleh kerana politik. Kita memprovokasi, kita menghidangkan mereka dengan gambaran-gambaran yang salah. Kita menghidangkan... *[Disampuk]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Siapa *provoke*? Jelas sedikitlah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar ini kadang-kadang dia kalau bagi soalan, dia suruh kita buka kunci habis. Kalau *tank* minyak itu minyak boleh... *[Disampuk]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukalah, buat apa tutup. Buka, buka, buka.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Okey, terus terang saya katakan, ini adalah agenda pembangkang. Mereka melakukan perkara-perkara begini kerana apa? Oleh kerana mereka mempunyai agenda, kononnya hendak menerajui Putrajaya. Putrajaya itu bukan hak sesiapa. Siapa sahaja parti yang menang, dialah yang akan memerintah. Jadi, sementara Kerajaan Barisan Nasional memerintah, Putrajaya adalah di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Kita Kerajaan Barisan Nasional yang membentuk segala perundangan dan juga menjaga kebajikan rakyat dan juga mahasiswa. Jadi, tidak perlu kita memperkotak-katikkan golongan ini kerana mereka pada saya tidak melakukan kesalahan kalau tidak diberikan hidangan yang salah. Siapa hendak makan racun?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya lagi. Apakah jenis tindakan yang wajar diambil kepada pelajar yang bernama Adam Adli, pertama. Sabar. Kedua, adakah mana-mana pihak dakwa dia? Kalau ada, tanya orang belakang. Kalau tidak ada, kenapa? Ketiga, adakah sikap Timbalan Menteri Dato' Saifuddin bin Abdullah, bersetuju atau tidak, sikap Adam Adli?... *You* boleh tanya dia? Kami hendak dengar.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa... Terima kasih Datuk Rahman. Saya rasa perbahasan kita ini direkodkan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada di sini. Saya rasa beliau tahu dan beliau boleh menggulung perkara ini kerana pada saya tindakan Adam Adli itu saya rasa selain daripada perundangan yang mungkin ada di bawah Akta AUKU, kita juga harus melihat seperti mana kita bahaskan semalam. Kita ada beberapa rang undang-undang iaitu rang undang-undang yang boleh, kalau dikatakan tersabit dengan kesalahan, tidak semestinya Adam Adli hanya terkategori dalam kategori mahasiswa iaitu perundangan AUKU.

Akan tetapi dalam masa yang sama, sebagai rakyat Malaysia, kita ada undang-undang di dalam Perlembagaan kita. Maka, dengan itu saya rasa kalau AUKU mungkin pihak kementerian boleh menjawab, kalau kesalahan, mungkin pihak yang menjaga undang-undang terutamanya polis lebih arif tentang keadaan macam ini. Oleh sebab saya bukan macam Yang Berhormat Mumtaz, dia ada *background law*, saya belajar sedikit-sedikit daripada apa yang beliau tahu. Jadi, itu yang saya hendak perkatakan.

Jadi, saya tidak melihat AUKU ini sebagai satu akta yang mengongkong, langsung tidak memberi kebebasan. Tidak, itu tidak berlaku. Kerajaan tidak sezalim seperti mana yang digambarkan. Kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang sentiasa mendahulukan rakyat. Tidak pernah pun rakyat kita diseksa, tidak pernah pun rakyat kita dibiarkan kelaparan. Apa lagi mahasiswa kerana kerajaan tahu ini adalah satu barisan ataupun gelombang yang akan menerajui kerajaan kita ataupun memerintah pemerintahan kita pada masa akan datang. Oleh kerana itu kita masih ada lagi Kementerian Belia dan Sukan. Banyak negara-negara maju yang sudah tiada, kementerian-kementerian ini kerana apa? Spesifik untuk kita menjaga kebajikan-kebajikan modal insan ataupun pemimpin di masa akan datang.

Oleh kerana itu, saya merasakan perbahasan kita untuk kepentingan pelajar tolong jangan kita politikkan sama sekali. Elakkan, buangkan kalau kita mahukan sebuah negara yang benar-benar demokrasi seperti mana yang kita tahu pada masa kini, Malaysia tidak mempunyai apa-apa masalah.

Yang ada masalah, cuma segelintir rakyat dia yang katakan Malaysia ini tidak amanlah, yang mengatakan Malaysia ini itu dan inilah, saya pun tidak tahu dekat mana pemikiran dia. Dekat mana dia letakkan maruah negara itu apabila dia berada di luar. Ini kita harus ambil kira sebab seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia.

Saya hendak tanya, apa yang Irene Fernandez lakukan sebelum ini semasa kita punya kedutaan di Indonesia dibakar, bendera di depan kedutaan, dibaling dengan najis. Mana mereka-mereka ini untuk mempertahankan kedaulatan kita? Tidak ada. Akan tetapi apabila mereka di luar, mereka cuba untuk menunjukkan kononnya merekalah hero, merekalah pejuang, merekalah segala-galanya yang bijak dan pandai di dalam sistem pentadbiran.

Jadi, saya tidak melihat sama ada akta yang kita bentangkan pada hari ini melalui pindaan-pindaannya, tidak melihat itu sebagai satu kekangan. Cuma seperti mana yang dikatakan oleh beberapa Yang Berhormat kita tadi, mereka-mereka yang terlibat, baik pensyarah, pihak pentadbiran mahupun kementerian. Haruslah membentuk satu pakatan yang begitu jitu. Jangan kita olah ke arah yang lain tetapi kita pastikan apabila mahasiswa ini ataupun pelajar-pelajar ini habis menghabiskan pembelajaran mereka, mereka mendapat satu keputusan yang sangat baik dan membolehkan mereka mempersembahkan tanggungjawab... *[Disampuk]*

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: ...Mereka kepada masyarakat dengan begitu baik. Silakan Yang Berhormat, sebab hendak dengar ini sahaja suara dia. Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar kerana membenarkan saya untuk mencelah. Saya cuma tertarik dalam apabila sebut nama Adam Adli dekat dalam Dewan ini. Jadi, sebagai saya difahamkan Yang Berhormat adalah Ketua Penerangan Pemuda Melaka. Jadi, dalam konteks ini berapa kali sudah Yang Berhormat membuat *attempt* untuk berjumpa dengan Adam Adli dan di bawah undang-undang manakah, menurunkan bendera itu satu kesalahan walaupun saya tidak suka mana-mana pihak pun menurunkan bendera sebab saya juga yang membangkang bilamana Dewan Negara tidak dihentikan untuk hantar Yang di-Pertuan Agong... *[Disampuk]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak turun bendera sahaja, pijak gambar PM.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Itu saya sekarang...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu kurang ajar itu.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tidak, sekarang ini saya tengah tanya dia ini. Sekarang ini masalahnya saya hendak tahu dalam keadaan ini berdasarkan kepada *event* yang kita baca dalam akhbar yang saya pun tidak pernah jumpa dengan Adam Adli sama seperti Yang Berhormat juga.

Saya percaya dalam kes ini, kita difahamkan pada peringkat awal diturunkan bendera kemudian bila diminta oleh orang lain suruh angkat, dia angkat balik. *So*, dalam konteks ini itu kejadian asal yang saya difahamkan dan saya tidak jumpa *direct* dengan pelajar ini. Jadi, dalam konteks ini saya hendak tanya, sekiranya Adam Adli ini adalah adik kepada Yang Berhormat yang mungkin semangat dan tidak membawa mana-mana bendera parti, yang pergi atas dasar untuk mempertahankan mahasiswa dan hendak berjumpa dengan dikhabarkan Menteri Pengajian Tinggi dan buat satu kesalahan, apabila dinasihatkan angkat balik kemudian orang yang sama telah dikenakan tindakan tatatertib. Jadi, apa yang akan Yang Berhormat buat? Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Oh, Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar hendak masuk dahulu?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak jawapan spesifikkah atau celah dahulu?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan, silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebelum *you* jawab, apa perlunya *you* jumpa Adam Adli? Tidak perlu. Biar dia jumpa *you*, bukan *you* jumpa dia. Apa besar dia? Pertama.

Kedua, saya hendak tanya sikap. Sikap kementerian, sikap polis, juga sikap *you* apabila Adam Adli pijak gambar PM. Kurang ajar itu. Apa sikap *you*, apa pandangan *you*? Lembut lagikah, pandang lagikah, atau macam mana?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Datuk Rahman. Jadi, saya pergi kepada Puan Hajah Mumtaz dahulu berkenaan dengan apa yang dia katakan tentang saya. Kita kena tahu, waima adik-beradik pun, bukan kata adik-beradik, suami isteri pun sewaktu sebelum berkahwin, kasih sayang terjadi tetapi apabila sudah sampai ke satu peringkat benci, dia bercerai. Jadi, waima bila keadaan begini berlaku, bukan sahaja Adam Adli. Kalau digambarkan Adam Adli itu sebagai adik saya, kalau dia melakukan satu perkara yang kurang ajar dan menyalahi tindakan atau undang-undang silakan ambil tindakan... *[Tepuk]* Saya rasa tidak ada masalah sebab kita rakyat Malaysia tertakluk di bawah Perlembagaan dan undang-undang negara kita.

■1530

Kalau itu yang diminta oleh Yang Berhormat tadi, terus terang saya katakan ini secara ikhlas. Sama juga seperti pendapat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar memang betul. Saya rasa saya tidak perlu untuk berjumpa dengan dia kerana dia sebagai mahasiswa yang dikategorikan golongan bijak pandai, berfikir sebelum melakukan sesuatu sebab 'sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian sesat jalanlah kita.'

Jadi, perkara-perkara begini yang kita perlu ambil kira. Kita tidak boleh mengatakan bahawa pelajar apabila melakukan kesalahan, *"Oh, ini orang muda. Bagi dia peluang."* Tidak boleh. Peluang kita cuba boleh bagi dalam keadaan konteks tertentu. Kalau semua perkara dia buat yang sudah melangkaui batas, sudah melampaui sesuatu keadaan. Saya rasa itu kita tidak boleh berkompromi di dalam keadaan-keadaan begini.

Kita harus melihat kesalahan yang bagaimana, seperti kata Dato' Dr. Johari tadi. Nakal anak itu di cakap, kali kedua nakal suara tinggi sedikit, kali ketiga cubit tetapi tengok kenakalan bagaimana. Akan tetapi kalau kenakalan sudah melebihi batasan, kita ada undang-undang sebab kita ada undang-undang kanak-kanak, kita juga ada undang-undang yang orang-orang yang sudah matang. Kita ada. Jadi, saya... *[Disampuk]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Hendak masuk, hendak jawab Datuk Rahman tadi, dia sudah... Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Saya hendak minta jawab dua sekali. Apa sikap Yang Berhormat apabila seorang pelajar namanya "Hilman", mungkin, bukan Rahman... *[Ketawa]* Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, yang tendang polis masa Bersih pada 28 hari bulan. Dia tendang polis, jatuh motosikal, dia tendang, itu satu. Kedua, apa sikap apabila satu blog dia kata Yang Berhormat Saifuddin juga tahu, maklum hal itu. Adakah benar? Saya hendak tanya apa sikap *you?* Tadi saya tanya Adam Adli, dua ini saya hendak tanya apa sikap *you* apabila pelajar UiTM tendang polis? Jawablah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *[Ketawa]* Terima kasih Datuk. Itu seperti yang saya katakan dalam perbahasan saya yang lepas Datuk ya, berkenaan dengan sikap pelajar itu tadi. Itu sebab saya kata cuba kita gambarkan kalau pelajar itu tendang bapa dia sendiri. Cuba gambarkan kalau dia tendang abang dia sendiri, sedangkan abang dia anggota polis. Bagaimana perasaan dia? Jadi, yang saya melihat sekarang ini apabila dia melakukan sesuatu perkara yang di luar pertimbangan disebabkan oleh ada unsur-unsur tertentu maka amarahnya timbul dan berlakulah perkara sebegini. Kemudian, kalau hendak katakan penyesalan berlaku pun sudah terlambat.

Maka, apa yang boleh kita katakan di sini undang-undang yang tertakluk pada kesalahan itu harus dikenakan kepada beliau. Mesti! Mesti ditangkap kerana itu bukan kategori mahasiswa lagi yang kita boleh kategorikan. Itu adalah pesalah undang-undang sebagai rakyat Malaysia di bawah perlembagaan... *[Disampuk]* Ya! Jadi, yang persoalan seterusnya, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun ada di sini, yang itu beliau lebih tahu tentang keadaan yang sebenar kerana beliau berada di lokasi semasa kejadian apa yang dilakukan oleh saudara Adam Adli. Kita juga Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz ya, kita pun tidak zalim. Semasa pelajar kita baru-baru ini buat majlis perkhemahan. Biasanya kalau saya dahulu buat perkhemahan di air terjun, di tepi laut dan sebagainya tetapi dia buat di tengah-tengah bandar, saya pun tidak tahu kenapa.

Kita di peringkat pemuda UMNO sendiri, kita turun berjumpa dengan mereka, bagi mereka makan. Kita hantar *supply* makanan dan sebagainya, kita tidak cakap apa-apa pun. Kita tidak kata, tidak *provoke,* tidak pergi dekat mereka cakap, *"Pergi balik, jangan lakukan."* Tidak, kita tidak buat. Kita cuma pergi sebagai seorang yang kita melihat mungkin budak-budak ini tidak ada siapa yang tengok. Jadi, kita pergi hantar makanan, kita pergi hantar minuman untuk mereka. Tidak semacam ada dua pemimpin itu. Seorang bekas Menteri Besar, seorang Timbalan Presiden sebuah parti, dia boleh datang dekat situ, dia duduk dalam khemah, dia seronok-seronok dengan pelajar. Ada pelajar-pelajar perempuan yang pakai seluar pendek dan sebagainya tidak ditegur pun dan ada perlakuan sumbang yang saya dikhabarkan berlaku semasa peristiwa itu berlaku tetapi saya tidak tahulah sama ada perkara itu benar ataupun tidak.

Jadi, di mana kita hendak bawa ataupun kita hendak tujukan mahasiswa kita ini ke arah yang lebih ke depan kalau begini sikap-sikap yang cuba kita persembahkan kepada mereka? Jadi, pada saya, saya merasakan kalau saya ambil masa yang panjang sebenarnya saya boleh. Tinggal lagi oleh sebab kita banyak lagi ada rang undang-undang lain. Saya sangat-sangat bersetuju dan sangat-sangat menyokong apa yang kita lakukan untuk Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ini. Saya sangat-sangat menyokong akan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dan juga pihak kementerian kita. Dalam kesempatan ini juga saya hendak mengucapkan selamat maju jaya kepada rakan-rakan saya yang telah tamat tempoh dan yang akan tamat tempoh dalam sesi penggal kali ini. Saya doakan semoga mereka-mereka semua beroleh satu kejayaan yang luar biasa melalui konteks-konteks tertentu.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-Undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Silakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang AUKU sudah berusia 41 tahun dan satu generasi muda telah melalui dalam masa ini. Semalam Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad Yusop berucap mengenai fasal ini. Ucapan beliau bersemangat dan penuh perasaan. Satu ucapan yang baik daripada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, generasi inilah yang akan menjadi pemimpin di masa hadapan. Mereka akan mengetuai negara dan bersaing dengan negara-negara lain dalam semua bidang termasuk politik, ekonomi, teknologi, sains dan lain-lain. Zaman ini sangat berbeza dengan zaman pemimpin yang mencadangkan AUKU. Adakah IPT memperkasa, memperkembangkan dan memperkuatkan minda generasi muda untuk mengemukakan cabaran-cabaran mereka? Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Malaysia di luar negara belajar dalam suasana tanpa AUKU manakala pelajar dalam negara Malaysia belajar dengan AUKU seperti satu pisau yang tergantung di atas kepala mereka.

Di luar negara, penuntut digalakkan untuk berfikir luar jangkaan dan luar kotak tetapi di dalam negara pelajar digalakkan fikir dalam kotak iaitu kotak AUKU. Disebabkan ini, ramai penuntut pada masa ini tidak berminat dalam hal ehwal masyarakat, kepimpinan negara dan sebagainya. Penuntut ini hanya berfikir untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga mereka sahaja. Ini adalah salah satu akibat daripada AUKU kerana mereka tidak mahu timbulkan apa-apa masalah dengan pihak pemerintah.

Dalam suasana ketika ini, bagaimana kita dapat mengeluarkan atau melahirkan *Noble Prizes winners* atau apa-apa anugerah antarabangsa? Tuan Yang di-Pertua, orang dewasa perlu percaya dan beri ruang kepada generasi muda untuk bersuara. Ini kerana pandangan dan pemikiran orang dewasa dan generasi muda berlainan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bagaimanakah pindaan ini akan menggalakkan ataupun memperkasakan fikiran pandangan generasi ataupun penuntut muda? Dari segi *substance* bukan dari segi *form*. *Substance* lebih kecil...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta celah ini, boleh?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Oh! Silakan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Bukan. Tadi Yang Berhormat menjelaskan seperti generasi muda sekarang ini dia tidak ada peluang untuk memberitahu atau hendak *express feeling* mereka? Akan tetapi bukankah dengan blog, dengan *Twitter* dengan *Facebook,* sudah banyak platform untuk generasi muda hendak beritahu kepada rakyat kah atau kerajaan kah dengan *Facebook* PM, *Twitter* PM, bukankah ini cukup untuk mereka hendak ekspres apakah hal atau apakah kepentingan mereka di Malaysia ini. Tidak cukupkah ataupun Yang Berhormat rasa AUKU ini memang tidak bagi peluang langsung untuk mereka. Boleh jelaskan?

■1540

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat. Nasib baiklah kita ada perkembangan teknologi. Jadi generasi muda boleh meluangkan fikiran. Kalau tidak susah lagi. Jadi inilah satu *escapism* atas apa yang...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Tadi Yang Berhormat kata tidak ada peluang. Sekarang ada peluang? Yang mana satu ini? Tadi cakap tidak ada peluang. Sekarang kata ada peluang. Saya pun *confuse* sedikit.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Peluang di arus perdana *(mainstream)*, yang intelek itu lain. Bukan yang *main stream* mereka tidak ada takut sebab sudah lama di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua ahli-ahli akademik termasuk pensyarah juga merasa takut atau tidak berani untuk menyuarakan pendapat mereka disebabkan akta ini. Pensyarah adalah orang yang diberi amanah untuk mendidik dan mengajar pelajar. Jika kebebasan mereka disekat akan menanamkan rasa takut di dalam diri mereka dan bagaimana mereka mampu untuk mendidik pelajar mereka supaya lebih berani dan menyuarakan pendapat mereka?

Terdapat banyak aduan daripada majikan yang menyatakan bahawa graduan lepasan universiti tempatan...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sikit? Yang Berhormat cakap lapuk, tinggal zaman. Bukankah AUKU sudah pinda. *You* cakap yang dulu-dulu, 40 tahun dulu. Kita cakap sekarang. Tinggal zaman. Lapuk. Macam mana? Topik keluar.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih. Dengar dululah, nanti baru tahu.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya dengar? Sudah sepuluh minit saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah itu Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Dengar hingga habis, dengar biar habis.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Buang masa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Biarkan dia bahas sahaja, terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua terdapat banyak aduan daripada majikan yang menyatakan bahawa graduan lepasan universiti dan kolej ketika ini tidak berkualiti, tidak berani, tidak boleh fikir dengan terbuka. Mereka kekurangan keyakinan diri dan tidak berani untuk menyatakan pendapat mereka kerana mungkin AUKU adalah salah satu sebabnya.

Masalah yang wujud dalam sistem pendidikan kita ini adalah pelajar-pelajar hanya perlu menumpukan kepada pelajaran. Hal-hal lain pemerintahan akan uruskan. Mereka tidak boleh mempersoalkan apa yang dilakukan oleh pemerintahan seperti di negara-negara Barat, di mana banyak pemikir-pemikir handal yang luar biasa muncul sebab di situ pandangan digalakkan. Jadi muncullah pemikir-pemikir yang luar biasa begitu lama. Jadi amalan yang baik daripada Barat kita mesti ambil juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya orang dewasa sering masuk campur dalam hal yang berkaitan dengan golongan muda. Orang dewasa juga yang telah merosakkan ataupun menghindarkan golongan muda. Jika golongan muda ini tidak diberi lebih hak dan kebebasan bagaimana mereka boleh menjadi pemimpin yang baik, dinamik di masa akan hadapan. Saya mohon berilah dan percayalah kepada generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada seorang pelajar di Universiti Malaysia Perlis telah dikenakan penggantungan akademik selama 66 hari dan denda RM100 di atas tuduhan menganjurkan program untuk meningkatkan kesedaran mengundi yang didakwa dikaitkan dengan kumpulan pro pembangkang. Pelajar ini telah membantah bahawa dia tidak bersalah dan berada di majlis itu sebagai pemerhati dan bukan penganjur. Beliau juga mengadu bahawa dia tidak dibenarkan untuk membawa apa-apa saksi atau mempersoalkan pendakwaan saksi-saksi dalam perbicaraan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, insiden di atas yang disebutkan di sini dilaporkan berlaku pada 21 April hanya dua hari selepas AUKU 1972 dipinda dalam Dewan Rakyat, untuk memberi pelajar kebebasan yang lebih besar. Ini membuktikan bahawa adakah perubahan ini betul-betul memberi satu kebebasan ataupun hanya menggubal undang-undang. Akan tetapi pada asasnya...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Yang Berhormat, macam mana sikap dan pandangan Yang Berhormat bila pelajar-pelajar demo BERSIH, dan tendang anggota keselamatan, pukul, rosakkan kenderaan. Apa pandangan?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tidak berkaitan dengan apa yang saya cakap.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan berkata, mengata.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tidak berkait dengan apa yang saya cakaplah. Jadi saya tidak payah jawab. Jadi saya sambung.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berkait. Tuan Yang di-Pertua, berkait. Ini ekrana mereka pelajar. Macam mana *you* hendak keluarkan, sedangkan mereka juga pelajar. *You* ambil contoh tahun 70-an. Saya ambil contoh sekarang. Mana lebih bagus, dulukah sekarang? Sudah tentu yang terkini. Jadi macam ana sikap Yang Berhormat bila pelajar kurang ajar, tendang polis, maki polis, rosak harta benda. Jawablah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Sesiapa pun mesti ikut undang-undanglah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha, itulah. Tepuk sikitlah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Akan tetapi undang-undang yang menyekat kebebasan, mesti di bahas, mesti dipinda. Itulah yang kita bincangkan sekarang.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya Yang Berhormat, bebas yang macam mana *you* mahu? Tendang polis, adakah bebas; pukul polis, adakah bebas; rosak harta polis, kerajaan, adakah bebas? Jawab.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu anggapan Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Anggapan apa! Bukti jelas.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya tidak payah jawab, saya tidak payah jawab. Saya menghormati Yang Berhormat, saya mahu sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah, sudah Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ada bukti. Semua *YouTube* keluar, TV keluar. Bukan saya cakap dengan perasaan. *You* jawab dengan tidak ada ilmu, tidak ada pengetahuan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu biar pihak polis ambil tindakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha, cakaplah begitu.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua walaupun pindaan baru rang undang-undang ini telah mengambil langkah ke hadapan dengan membenarkan pelajar untuk menyertai parti-parti politik, akta baru masih akan memberi budi bicara mutlak kepada pihak berkuasa universiti untuk menentukan aktiviti dan persatuan yang dianggap merugikan pada kepentingan institusi tersebut.

Seksyen 15(2)(b), Rang Undang-undang AUKU dipinda untuk mengatakan dengan jelas bahawa pelajar universiti tidak akan dibenarkan untuk menyertai mana-mana organisasi, persatuan atau kumpulan kecuali parti politik yang dianggap tidak sesuai oleh lembaga universiti.

Tuan Yang di-Pertua di samping itu, seksyen 15(4)(b) juga membenarkan universiti untuk menafikan hak-hak pelajar untuk bersuara walaupun semasa dalam pengajian dalam mana-mana persidangan, simposium atau seminar yang dianjurkan oleh mana-mana organisasi atau individu yang dianggap tidak sesuai oleh universiti.

Di bawah pindaan itu, pelajar-pelajar yang memegang apa-apa jawatan politik akan dilarang daripada menjalankan aktiviti-aktiviti parti politik di kampus. Pelajar juga boleh dihalang oleh Lembaga Universiti dari menyertai mana-mana organisasi yang dianggap tidak sesuai kepada kepentingan dan kesejahteraan pelajar atau universiti. Saya harap atau saya tidak tahu inilah akta ataupun seksyen yang diubah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu satu akta AUKU yang *a political* yang mengembangkan, memperkasakan minda generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memang diterima tetapi saya minta pemindahan lebih lagi demi kepentingan penuntut-penuntut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ucapkan memang ramai di Dewan ini tidak setuju, tetapi *we agree to disagree, and agreeable manner* dengan izin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

3.49 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyejukkan sikit keadaan Dewan.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya ikut mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib di atas inisiatif untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti dalam memenuhi transformasi politik di dalam negara kita yang tercinta ini.

Rakan-rakan Yang Berhormat telah membahaskan dengan panjang lebar berhubung dengan pindaan ini dan oleh yang demikian demi untuk tidak membuang masa yang banyak, saya tidak berhajat menyebut kembali perkara-perkara yang telah pun di bahas.

Saya hanya hendak menyentuh berhubung dengan pindaan seksyen 5A, subseksyen 4(b)(2) yang berbunyi: *"Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta membenarkan penubuhan mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf universiti".*

Saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriterianya, kaedah atau prosedur yang di pakai sebelum Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong membenarkan penubuhan satu-satu universiti. Saya bertanya demikian kerana saya penuh yakin bahawa sebagai kerajaan yang penuh bertanggungjawab, universiti ditubuhkan di negara kita ini bukan kerana kepentingan politik tetapi mengikut kaedah semasa. Misalnya, Universiti Negeri Kelantan iaitu yang disebut sebagai contoh semalam, sebuah universiti yang dimulakan oleh kepentingan politik. Kalaulah kerana kepentingan politik apa pula kita ataupun kerajaan Barisan Nasional tubuh universiti di satu negeri di mana ianya, kerajaannya dikuasai oleh pihak pembangkang selama 22 tahun.

Sebenarnya, universiti di Kelantan ditubuh di sana kerana kepentingan dan keperluan anak-anak Kelantan mendapat masuk universiti di dalam negerinya sendiri sebab Tuan Yang di-Pertua orang Kelantan ini ramai yang pandai. Akan tetapi, ramai yang tidak berkemampuan, belajar di Kuala Lumpur, Sabah, Pulau Pinang dan sebagainya melainkan mendapat biasiswa kerajaan.

Bahkan bukan sahaja kita ada Universiti Kelantan tetapi juga Universiti Hospital iaitu cawangan Universiti Sains Pulau Pinang sudah pun beberapa tahun berada di negeri itu. Ia bukan sahaja memberi manfaat untuk rawatan *specialist* dengan izin, kepada rakyat Kelantan tetapi memberi peluang kepada rakyat Kelantan menjadi doktor. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di dalam hal ini.

Akhir sekali, pendek sahaja. Saya pernah menjadi pensyarah di UiTM dan juga *Associate Professor* di UTM. Banyak orang tidak tahu pun. Semasa AUKU dikuatkuasakan 40 tahun dahulu, ini dengan ikhlas saya memberitahu, saya tidak pernah terasa tersekat dalam kerja-kerja saya dan saya tidak pernah berjumpa satu penuntut pun yang mengatakan mereka itu terpaksa memikirkan apa yang diistilahkan memikirkan dalam kotak.

Saya menjadi penuntut di United Kingdom. Apabila saya balik, saya tidak ada nampak beza pun di antara keadaan di sana- ini saya cakap 40 tahun dahulu dan keadaan kita semasa. Seperti yang dikatakan oleh pemimpin besar kitalah bahawa, AUKU itu ditubuhkan pada masa itu untuk masa itu iaitu menjaga mereka-mereka yang secara tidak mahu mengikut undang-undang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rahim. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim. Silakan Yang Berhormat.

3.56 ptg.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk melibatkan dalam perbahasan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti pada petang ini. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sebentar Yang Berhormat. Saya ingin memberitahu Dewan ini, selepas Yang Berhormat Datuk Kadzim yang terakhir ialah Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Sila bersedia Yang Berhormat. Okey, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih. Di samping memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk program transformasi politiknya, AUKU ini perlu juga dipinda kerana terdapat beberapa peruntukan di dalamnya yang telah bercanggah dengan perlembagaan.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, menghormati dan mematuhi Perlembagaan maka itulah kerajaan memutuskan perlunya AUKU ini dipinda. Syabas pada kerajaan. Selama AUKU ini di laksana, ada pula pandangan mengatakan dia telah menyebabkan ketidakcemerlangan pada pelajar-pelajar. Tetapi saya ingin- saya tertarik dengan kata-kata Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan tadi, bahawa ada majikan mengeluh bahawa graduan-graduan kita tidak banyak pengetahuan.

Akan tetapi, kajian dari manakah yang telah beliau perolehi sehingga menunjukkan bahawa sebab-sebab graduan ini tidak banyak pengetahuan disebabkan oleh AUKU. Adakah ini disebabkan oleh mereka yang tidak minat sendiri mencari pengetahuan selebihnya. Mungkin masa berita di TV mereka tengok program lain. Tidak baca surat khabar, baca lain, baca majalah. Adakah ini disebabkan oleh AUKU? Akan tetapi, walau bagaimanapun...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh minta mencelah?

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya kata tadi ialah bukan kurang pengetahuan. Dia tidak berani menyuarakan *soft skills,* kebolehan dalaman dia. Itu mungkin dipengaruhi oleh AUKU.

Oleh sebab graduan daripada luar negara tidak ada masalah macam itu. Mereka dapat kerja cepat, mereka lebih yakin, mereka lebih *open minded*, mereka senang bercampur gaul. Jadi mereka ada kebolehan itu yang lebih daripada penuntut dalam negeri. Itulah saya cakap. Bukan daripada segi pengetahuan. Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Okey, ada kajian yang *you* perolehi mengatakan bahawa graduan-graduan di sini *soft* kerana AUKU..., kajian dari mana?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Ini bukan kajian, ini ialah pengetahuan umum, banyak kali dibincangkan di surat khabar. Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Pandangan umumkah atau pandangan *you*?

■1600

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia temberang saja.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa AUKU dikuatkuasakan selama ini, kita semua sedia maklum bahawa ada juga siswa siswi yang bergiat dalam politik.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akan tetapi ini biasalah lumrah dan naluri manusia terutamanya remaja, makin dilarang makin hendak dibuat. Mungkin yang terlarang itu seronok barangkali tidak tahulah, jadi budak-budaklah katakan. Oleh yang demikian, daripada membiarkan para pelajar terus melakukan apa yang diharamkan, maka wajarlah kita menghalalkan kegiatan mereka dengan memberikan liberalisasi kepada mereka untuk bergiat dalam politik dengan meminda AUKU ini.

Kalau pun kita hendak mempersoalkan kenapa selepas 40 tahun baru kita sedar hendak buat, tidak perlu bergaduhlah kerana biarlah lewat daripada tidak ada sama sekali, dengan izin, *better late than never.*

Pindaan kepada AUKU ini juga, pada pandangan saya ada risikonya tetapi dalam kehidupan ini mana ada tidak ada risiko. Kalau di dalam zaman sekarang ini, masuk ke tandas pun berisiko. Tiba-tiba sahaja gambar keluar di *Youtube*, keluar di Internet dan di *new paper,* itu risikolah. Tidak ada, jadi dalam hidup ini mesti ada risiko dan kita berani mengambil risiko. Dengan pindaan kepada AUKU ini, kita minta ia memberikan kesan yang positif kepada para siswa dan siswi dengan menghargai *liberty* dengan izin, yang telah diberikan ini. Apa juga ideal yang mereka suarakan atau perjuangkan, biarlah ia merupakan ideal-ideal yang bersesuaian dengan resam, amalan, agama dan tertib kita di Malaysia khususnya dan di Asia amnya.

Berideal itu sememangnya baik tetapi menjadi *too idealistic,* dengan izin, boleh mengekang diri sendiri. Biarlah pindaan AUKU ini menjadi titik tolak untuk kita melahirkan para siswa dan siswi yang berwibawa dan bertanggungjawab untuk terus membangunkan negara berlandaskan Demokrasi Berparlimen. Mungkin juga dengan kebebasan yang diberikan melalui AUKU, ini dapat membantu para pelajar untuk memahami dan menghargai erti pengorbanan dan perjuangan dalam politik dan janganlah kebebasan yang diberikan melalui pindaan AUKU ini disalahgunakan pula sehingga pada suatu hari nanti kita semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini menyesal memindanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh teruskan.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Okey, okey. Jadi biarlah AUKU ini dapat menjadikan para pelajar kita lebih progresif, terus progresif dan mempunyai minda yang terbuka untuk membantu kita dalam meneruskan membangunkan negara yang kita cintai ini.

Daun pandan dipotong-potong,
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih-terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

4.05 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti tahun 1971.

Saya begitu tertarik semalam dengan perbahasan Yang Berhormat Senator Ahamat Yusop. Memang perbahasan dia memegang hati saya. Beliau bercakap dengan begitu emosi dan begitu banyak *feeling* tentang hidup seorang pelajar mahasiswa di universiti sebelum AUKU dan pendapat beliau- beliau memberikan pendapat secara benar dan ikhlas bagaimana pelaksanaan AUKU itu telah menjejaskan ataupun mengakibatkan *effect* nya kepada mahasiswa pada masa kini.

Saya ingin membawa satu perspektif lain di dalam perbahasan saya kerana dalam perasaan saya Tuan Yang di-Pertua, saya adalah produk selepas AUKU diimplementasikan. Saya masuk Universiti Malaya pada tahun 1982 dan keluar pada tahun 1986. Jadi saya adalah satu contoh sebagai produk di mana dikatakan tidak ada kreatif, tidak boleh cakap, tidak tahu perkembangan politik di Malaysia sebab AUKU telah diimplementasikan. Kalau memang ia benar saya pun tidak tahu bagaimana saya dapat datang ke Dewan yang mulia ini.

Semasa saya datang ke universiti pada tahun 1982, saya datang daripada satu tempat yang kecil iaitu kampung di Bidong, Kedah. Naik bas MARA pada pukul lapan atau pukul 10 pagi dan sampai ke Puduraya pada pukul 5.30, dengan membayar tambang RM15, tambang teksi lagi mahal daripada tambang bas dan saya pun tidak boleh percaya kenapa Kuala Lumpur ini begitu mahal pada masa itu.

Akan tetapi apa yang saya dapati apabila saya masuk ke universiti. Dapat berjumpa di Universiti Malaya dapat berjumpa dengan semua lapisan pelajar. Apa yang mengejutkan saya pada 30 tahun yang lalu, masuk fakulti kejuruteraan, masuk fakulti perubatan, masuk fakulti undang-undang di mana semua pelajar ini sangat *terror*, muka keluar *newspaper* 5A, betul-betul pelajar-pelajar ini dahsyat, *the best of the best* seperti Yang Berhormat Mumtaz beritahu tadi, *creme*. Mereka semua *top student* daripada sekolah-sekolah mereka. Kita daripada kampung apabila melihat seperti ini pun tidak tahu macam mana hendak *react,* bukan AUKU. Saya tidak tahu apa itu AUKU semasa saya masuk tetapi saya lihat di universiti itu memberikan peluang kepada saya bercampur, bertukar fikiran dengan semua golongan dan lapisan *student* dan semua etnik.

■1610

Satu yang saya tidak boleh percaya semasa saya masuk universiti dahulu ialah tanggungjawab. Semasa kita pergi ke sekolah terpaksa bangun pagi, mesti memakai uniform, tidak pergi sekolah ataupun ponteng kelas terus dapat panggilan daripada guru besar menanyakan kenapa tidak datang semalam, dua jam ini pergi mana? Akan tetapi di dalam universiti kita telah berubah *immediately,* terus di mana hendak pergi kuliah atau tidak mahu pergi kuliah, hendak bangun pukul sembilan atau bangun pukul sepuluh itu hal persendirian. sama ada terdapat AUKU atau tidak ada AUKU, *responsibility* atau tanggungjawab hendak pergi kuliah, tanggungjawab hendak buat apa di universiti, hendak makan apa, adalah terpulang kepada individu itu sendiri. Tidak ada orang yang akan cakap tidak boleh buat itu. Tidak ada pensyarah yang akan panggil kenapa tidak datang hari ini, tidak ada naib canselor atau *vice* canselor nak panggil kenapa hari ini tidak datang langsung? tidak ada seperti itu, *you're given freedom.*

Akan tetapi satu yang saya berasa kagum sekali semasa saya masuk itu ialah aktiviti-aktiviti universiti pada tahun pertama saya. Kita diberikan *experience* untuk membuat pesta konvokesyen yang begitu canggih sekali selama satu minggu dan selepas itu kita ada rumah terbuka kolej-kolej. Kita ada sukan dengan kolej yang kita panggil sebagai *Sister's College in Singapore.* Kita ada *Wasti Games,* kita ada macam-macam. Persatuan di universiti itu juga ada dua jenis, pertama yang bergantung kepada bahasa contohnya orang Tamil ada Persatuan *Pongal,* untuk kaum Sikh pun kita ada persatuan agama Sikh yang dipanggil macam-macam ataupun mengikut bidang Persatuan Matematik dan semuanya begitu aktif sekali.

Saya rasa apa yang terjadi di dalam universiti pada masa ini bukanlah disebabkan oleh AUKU, kerana saya pun tidak tahu kenapa dalam masa empat tahun saya di universiti itu saya nampak ada perbezaan daripada lembaga universiti. Secara perlahan-perlahan mereka memberikan lebih fokus kepada akademik. Sepatutnya universiti ini menjadi platform nombor satu untuk *the meeting of minds,* perjumpaan minda-minda akademik, budak-budak yang pandai-pandai ini yang datang dengan budak-budak yang lain, sekali kita bergaul kita dapat meningkatkan taraf kesemua orang.

Universiti mesti menjadi platform untuk kita melakukan apa sahaja, mana tempat yang kita boleh buat kesilapan, kita boleh dimaafkan? Hanya di universiti. Kita ada satu kelab yang dipanggil kelab *student fun without responsibility,* hanya di universiti kita dapat membuat apa sahaja yang kita hendak. Kita rasa kita hendak membuat *t-shirt* hari ini dan hendak dijual esok, kita boleh buat. Apa sahaja kita hendak buat, kita boleh buat di universiti, kita boleh membawa minda kita ke satu taraf, *we can stretch to the limit,* hendak *test mind* kita, berapa bagus kita boleh berfikir. Hanya di universiti sahaja kita boleh melakukan seperti ini *trial and error.*

Akan tetapi saya rasa lembaga universiti telah *slowly,* perlahan-perlahan masuk kepada bidang akademik, terlalu akademik dan tidak begitu memberikan keistimewaan untuk membuat platform untuk semua jenis aktiviti dan saya rasa perlahan-perlahan kualiti pelajarannya telah turun dan ini bukannya disebabkan oleh AUKU. Sebenarnya bagi pendapat saya, apakah paling penting untuk universiti?

Adakah mereka sepatutnya mengeluarkan semua pelajar-pelajar *first class,* dengan hanya menumpukan kepada akademik ataupun universiti sepatutnya menumpukan kepada sukan, menumpukan kepada isu-isu nasional dan isu-isu politik? Bagi saya sesebuah universiti itu paling penting adalah untuk mengeluarkan seseorang insan yang berkaliber, di mana apabila dia keluar daripada universiti itu dia mampu berdiri di atas kaki sendiri. Orang itu adalah seorang mahasiswa yang boleh memberikan sumbangan kepada negara kita.

Kalau universiti tidak boleh melakukan seperti itu, memang universiti itu tidak mencapai matlamatnya. Saya rasa kita tidak begitu pasti apakah peranan universiti di Malaysia, apakah sepatutnya peranan universiti? Adakah universiti nombor satu sebagai lanjutan pelajaran daripada matrikulasi, SPM dan hanya lanjutan perjalanan supaya– *is the end of their education journey* ataupun permulaan menyediakan seorang belia atau seseorang pemuda Malaysia untuk memasuki bidang perkhidmatan yang begitu kompetitif. Adakah universiti ini satu platform yang menyediakan atau kita hendak menganggap universiti ini hanya sebagai tempat akademik, datang sini untuk mendapatkan *degree,* dapat PhD, universiti ini sangat baik.

Bagi saya, kita mesti menentukannya, lembaga universiti hendaklah berfikir kerana pelantikan lembaga ini begitu penting sekali, di dalam hak pelantikan ini kepada akta dalam hak Menteri. Untuk kita melakukan transformasi untuk menaikkan kualiti universiti, hendak melahirkan pelajar yang boleh bercakap, hendak memberikan majikan, hendak beritahu, *"Eh! Pelajar daripada universiti ini sangat bagus."* Bukan sahaja AUKU cukup tetapi kita terpaksa lihat secara holistik, apakah terjadi dalam masa 30 tahun ini? Adakah kita hendak fokus kepada akademik sebagai *the end of their education* atau kita hendak universiti ini sebagai permulaan jalan untuk menyediakan belia-belia bagi memasuki sektor pekerjaan.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab isu-isu yang dibawakan oleh orang ramai terutamanya pembangkang seperti ISA itu tidak baik, seperti AUKU, disebabkan AUKU pelajar-pelajar tidak kreatif. Semua ini adalah isu-isu yang hanya andaian tetapi tidak ada statistik yang menunjukkan bahawa perkara ini betul atau tidak betul tetapi walaupun memang isu-isu ini memang isu– Perdana Menteri sekarang telah mengumumkan, dengan adanya AUKU pelajar-pelajar boleh masuk bidang politik. Akan tetapi adakah ini akan memberikan *guarantee* bahawa pelajar ini akan lebih tokoh dalam bidang politik, lebih tokoh dalam bidang kreatif. Bagi saya seorang yang kreatif itu, hendak menjadi politik bukan bergantung kepada AUKU sebaliknya bergantung kepada dirinya sendiri dan apa yang dia rasakan di dalam hatinya.

Saya berpendapat bagaimana kita hendak meningkatkan prestasi seperti Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz memberitahu tadi CGPA tidak boleh dapat 4.00. Jika polisi kerajaan semasa 30 tahun dahulu, di mana setiap orang yang mendapat markah yang penuh, setiap orang yang cerdik dan pandai, *top score* terus masuk Universiti Malaya.

■1620

Akan tetapi sekarang ini mereka sudah tidak ada. Yang mendapat keputusan yang bagus, akan mendapat biasiswa. Orang Cina yang bagus tidak mendapat biasiswa. Orang India yang bagus tidak mendapat biasiswa, dia masuk *A-Level*. Orang kaum bumiputera yang cerdik dapat biasiswa. Yang *in between,* dia masuk matrikulasi. Jadi, universiti kita ini terutamanya IPTA Universiti Malaya, yang masuk itu bukan *cream of the cream.* Saluran yang masuk itu sudah ada masalah. Universiti sudah tidak *attractive* untuk mereka yang mendapat keputusan-keputusan yang cemerlang. Sudah tidak ada- buatlah satu statistik. Buatlah satu *survey.* Tanya mereka yang mendapat 10A kah, 5A dalam STPM sama ada cita-cita mereka hendak masuk Universiti Malaya atau tidak.

Jadi, untuk kita menaikkan prestasi, untuk saya yang penting ini bukan untuk budak-budak mahasiswa itu masuk politik. Yang penting ini meningkatkan pembinaan modal insan itu. Bagaimanakah dalam masa sepuluh tahun, sebab kita sudah lambat 30 tahun.

Kita tidak boleh meningkatkan universiti ini dalam masa dua tahun atau tiga tahun tetapi kalau kita ambil jangka panjang, sepuluh tahun atau 15 tahun, apakah inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi hendak buat ini supaya pembinaan modal insan, produk dari universiti ini memang akan mencapai matlamat iaitu memberi permulaan jalan, membuka jalan pada suara individu, suara mahasiswa yang berkaliber. Boleh berdiri atas kaki sendiri dan membawa sumbangan pada negara kita. Jadi, ini saya rasa begitu penting.

Akhir sekali, kita mesti lihat pada universiti sebagai satu institusi. Kita tidak boleh menilai universiti hanya dengan *facility. Facility* itu penting. Pensyarah itu penting. Kualiti kemasukan mahasiswa sungguh penting. Apabila kita buka, ada perbahasan di sini kita hendak mengantarabangsakan universiti-universiti IPTA ini, kita boleh masuk politik. Itu bukan betul. Hanya kalau kualiti pelajar antarabangsa itu yang bermutu tinggi. Adakah kita mendapat pelajar yang bermutu tinggi atau kita mendapat yang *leftover,* yang universiti lain tidak mahu? Kalau macam itu, lebih baik kita jangan terima pelajar-pelajar asing yang tidak bermutu tinggi kerana ini akan merosotkan mutu universiti seperti Universiti Malaya. Sekurang-kurangnya sebuah universiti di Malaysia ini, kita mesti hendak memperkasakan, hendak mempertingkatkan tarafnya seperti kalau bolehlah, *the Harvard of Malaysia* atau *Cambridge of Malaysia.* Sekarang mana ada. Jadi, kualiti pelajar memang penting.

Research, penyelidikan– kalau dahulu universiti tidak fokus dalam penyelidikan, kita mesti hendak membuat *research*, *research* yang ada *meaning*. Ada ramai yang membuat *research* tidak tahu apa yang dia buat. *Innovation*, penciptaan dan *last* sekali, yang mana di universiti-universiti tempatan tidak fokus ialah alumni. Kalau di Harvard, di Stamford, berapa penting alumni di universiti itu. Ramai yang hendak pergi Harvard*,* hendak pergi Stamford hanya untuk tiga bulan, bayar USD60,000. Mengapa? Hendak menjadi alumni Harvard, hendak menjadi alumni Stamford. Akan tetapi adakah sesiapa di sini yang hendak menjadi alumni Universiti Malaya? Tidak perlulah. Saya pun tidak bayar yuran. Hutang RM5,000 mungkin. Sebab apa maknanya? Sudah hilang ia punya prestasi.

Jadi, saya memang menyokong akta ini tetapi saya rasa akta ini, okey. Memberikan peluang kepada pelajar-pelajar masuk parti politik. Bagus. Adakah dia menjadi pelajar yang lebih bagus? Adakah dia menjadi tokoh? Saya rasa ini *plus-minus* dia seorang, orang putih cakap, *zero-sum game*. Sama sahaja. Ini disebabkan sekarang ini, dalam zaman sekarang, kalau *you* hendak *express opinion,* ada banyak platform. Dalam dua minit boleh buka *Facebook*, tiga minit sudah buka *Twitter*. Selepas itu boleh buat komen di semua tempat. Ada banyak platform. Hendak mengatakan kita sekatkan- sebab dua tiga hari lalu, dalam Yahoo! sudah keluar artikel yang paling penting sekarang ini ialah *social media.* Kalau anda tidak ada *presence* dalam *social media,* dalam masa lima tahun, akan menjadi seperti dinosaur. Orang tidak boleh ingat *you* sudah. Sudah hilang. Ia tidak mati. Ia hilang terus.

Jadi, saya dengan berbesar hati ini memang menyokong AUKU tetapi saya minta kementerian, kita ada Menteri di sini, pergi melihat. Kita perlu bincang dengan universiti ini sama ada ia pengakhiran jalan atau permulaan jalan. Kalau kita cakap ia pengakhiran jalan, strateginya lain. Kalau kita cakap ia permulaan jalan, strateginya lain. Itu sahaja dengan ini, saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya akan cuba menjawab sebaik-baiknya terutamanya yang berkaitan dengan pindaan manakala jika yang tidak berkaitan, saya mohon maaf kerana ia akan dijawab secara bertulis. Saya ingin mulakan dengan dua perkara yang menjadi pemandu untuk kita membincangkan soal perbahasan ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua ialah AUKU bukan segala-galanya. Akta Universiti dan Kolej Universiti ini bersifat *governance*. Oleh kerana ia bersifat *governance*, ia tidak sama dengan ISA yang bersifat *preventive*.

Justeru itu, premis paling asas mengapa kerajaan mengambil keputusan yang ia adalah hanya untuk dipinda dan tidak dimansuhkan, kerana ia menjadi *current act*, akta ibu yang menjadi punca kuasa pada perkara-perkara lain. Juga di samping AUKU ada perlembagaan universiti-universiti, IPTA khususnya dan ada kaedah tatatertib. Kaedah tatatertib seseorang pelajar di universiti itu akan mengambil kira soal-soal kesalahan tatatertib yang tidak kena-mengena dengan seksyen 15 seperti kes Adam Adli. Jadi, Adam Adli tidak kena-mengena dengan seksyen 15. Dia di bawah kaedah tatatertib dan saya orang pertama yang *tweet* kata perbuatan dia salah. Jadi, kita tidak perlu bincanglah Adam Adli kerana dia bukan seksyen 15. Dia kaedah tatatertib.

Juga yang kita bentangkan kali ini Tuan Yang di-Pertua, yang utama ialah seksyen 15. Walau bagaimanapun mengambil kesempatan daripada itu, maka kita mengambil juga peluang untuk meminda beberapa perkara yang lain. Misalnya, melantik ketua pengarah. Ini disebabkan sebelum ini pun Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi telah pun dilantik oleh Menteri, tetapi apabila kita membuat pembentangan ini, kita perbetulkan, dengan istilah undang-undangnya kita *formalize* pelantikan itu. Kita ada Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Ketua Pengarah Jabatan Politeknik dan Ketua Pengarah Jabatan Kolej Komuniti.

■1630

Perkara kedua yang menjadi pemandu pada perbincangan kita ini ialah soal *world view* atau sudut pandangan, atau *tasawur*. Ia bergantung bagaimana kita melihat universiti. Kalau kita melihat universiti itu sebagai universiti yang ada rohnya, yang ada prinsip-prinsipnya yang dianggap sakral seperti *academic freedom*, seperti autonomi, maka pandangan kita berbeza kalau kita memandang universiti sebagai sebuah *high school,* contohnya. Kalau kita memandang pelajar universiti itu sebagai pelajar universiti yang kalau sudah berumur 18 tahun mengikut undang-undang kita, dia sudah dianggap baligh undang-undang, maka kita akan melihatnya sebagai pelajar yang baligh undang-undang. Kita tidak akan menggunakan perkataan budak-budak kepada pelajar sebagai contoh. Itu bergantung pada *world view* kita. Begitu juga pandangan kita terhadap politik sama ada kita melihat politik sudah berubah atau politik masih di takuk yang lama, itu juga akan memandu pandangan kita dan kita saksikan Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini, sebahagian daripada ungkapan-ungkapan itu datang daripada *world view* yang berbeza-beza itu.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim telah memulakan dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan saya fikir kita semua harus bersama beliau. Ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohammad Najib yang menganggap bahawa pindaan pada AUKU ini adalah sebahagian daripada transformasi politik yang lebih luas. Pada saya, kita juga harus meletakkan contohnya pindaan pada sekysen 15 ini pada tempatnya. Ia adalah soal transformasi politik. Kalau kita hendak membincangkan soal pendidikan untuk menjadikan seseorang itu seorang profesor, itu bab lain. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Puan Norliza yang melihatnya dengan jelas.

Pada kita ada dua objektif utama yang kita hendak capai daripada pindaan, misalnya seksyen 15. Pertama ialah untuk memberikan pelajar yang hendak menggunakan haknya yang dijamin oleh Artikel 10, Perlembagaan. Kalau dia tidak hendak menggunakannya, itu hak dia. Kalau dia hendak menggunakannya, maka undang-undang itu mesti ditiadakan. Apa lagi apabila ada keputusan mahkamah, dalam kes UKM4 yang mengatakan bahawa sebahagian daripada artikel atau seksyen 15 itu berlawanan dengan Perlembagaan. Berapa orang yang akan menjadi ahli parti politik itu pada kita tidak penting dan kita tahu tidak ramai. Akan tetapi *the fundamental question* ialah haknya itu mesti dibenarkan untuk digunakan apabila dia hendak menggunakannya. Kalau majoriti daripada kita termasuk anak-anak kita tidak hendak menggunakan haknya, itu hak dia untuk tidak menggunakan haknya.

Apa yang menjadi persoalan ialah mengapa yang hendak menggunakan haknya tidak dibenarkan menggunakan haknya. Itu sahaja. Kedua, objektifnya ialah untuk meningkatkan partisipasi pelajar universiti dalam proses dan dalam struktur membuat keputusan.

Dalam perdebatan tentang seksyen 15 yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza, saya memahami bahawa sebelum ini ada tiga mazhab tentang pindaan AUKU dan juga tentang mahasiswa berpolitik. Mazhab yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah tidak membenarkan mahasiswa berpolitik. Jadi, tidak perlu pinda. Mazhab yang kedua ialah membenarkan mahasiswa berpolitik. Jadi, perlu dipinda seksyen 15, AUKU. Mazhab yang ketiga hampir sama dengan mazhab yang kedua, membenarkan mahasiswa berpolitik tetapi mansuhkan AUKU. Yang kita bentangkan ini ialah mazhab kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Apakah mekanisme untuk menjaga neutraliti kampus. Oleh sebab itu ada 15(2)(d), yakni untuk memastikan bahawa kampus itu kekal harmoni, maka aktiviti parti politik tidak dibenarkan di dalam kampus. Di samping itu sebenarnya kuasa Naib Canselor adalah agak luas. Tidak ada aktiviti dalam kampus yang boleh dilaksanakan tanpa mendapat keputusan ataupun kelulusan daripada seorang Naib Canselor. Juga saya hendak menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, sebelum terlupalah, kita harus ingat mahasiswa yang kita maksudkan ini atau pelajar universiti ini termasuk yang buat PhD.

Jadi, jangan terlalu mudah kita mengatakan pelajar tidak matang dan sebagainya sebab termasuk dalam itu ialah pelajar yang membuat PhD. Ada Ahli Parlimen kita pun yang menjadi pelajar. Jadi, harus hati-hati menggunakan istilah-istilah. Jangan kita memperlekehkan mahasiswa ataupun pelajar dan sebagainya. Di luar kampus itu kita berikan mereka kebebasan termasuk kalau dia hendak memegang jawatan dalam parti politik. Itu dibenarkan melalui seksyen 15(1).

Soal akademik *versus* aktif politik. Ini satu debat yang panjang. Profesor Harry Louis dari Universiti Harvard menulis sebuah buku tentang, *"University That Has Lost Its Soul"*. Dia membahaskan tentang *academic versus athletisme* ataupun sukan. Saya hendak *paraphrase* pendapat ataupun *findings* oleh Profesor Harry Louis itu. Lazimnya seseorang pelajar kalau dia gagal dalam bidang akademik atau tidak bagus dalam bidang akademik, jangan terlalu mudah untuk menyalahkan bab lain kerana ada waktunya dia memang ada masalah belajar. Ini kita harus ingat.

Jadi, kita jangan terlalu mudah mengatakan orang itu gagal kerana politik sebab ramai juga yang gagal kerana bab-bab yang lain, putus cinta, *clubbing*, sengaja malas dan sebagainya. Malah kalau dalam kes UKM4, empat orang pelajar itu - Wong Kin Chai, Hilman dan dua orang lagi saya minta maaf, tidak ingat namanya *three pointers.* Wong Kin Chai, *Dean's List.* Akan tetapi didapati bersalah melalui kaedah tatatertib daripada AUKU.

Jadi, kita harus melihatnya tetapi yang paling utama Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak buat pindaan ini bukan untuk melahirkan beberapa tokoh tetapi ialah soal hendak menghapuskan apa yang disebutkan sebagai *culture of fear* dalam universiti itu. Teori sains politik itu ada macam-macam. Ada teori sains politik, saya minta maaf kalau saya berbeza dengan beberapa pandangan di sini, yang memang sifatnya *elitism* dan berpandukan pada satu paradigma *quietisme* dan *passivism.* Yang itu ia hanya akan daripada segi teori politiknya mengatakan rakyat, tugasnya mengundi lima tahun sekali. Selepas itu menonton sahaja. Akan tetapi sekarang ini banyak teori sains politik yang baru, yang menyebutkan, misalnya Graham Smith menulis buku *"Innovations in Democracy"*, mengemukakan lima teori sains politik yang baru, *participatary democracy, deliberative democracy, difference democracy, metropolitan democracy,* satu lagi saya sudah lupa. Ini bukan normatif. Ini soal rakyat, soal majoriti. Bukan soal melahirkan lima atau sepuluh orang tokoh tetapi satu generasi yang perlu dilahirkan. Jadi, ini berbeza *world view.*

Saya tidak mengatakan pandangan yang menyenaraikan tokoh-tokoh termasuk nama saya dan sebagainya itu salah. Akan tetapi *world view* yang pada saya sudah agak ketinggalan zaman. Saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Puan Norliza yang mengatakan bahawa sudah sampai – kita harus melihat mahasiswa itu memberikan kepercayaan kepada mahasiswa dan ini adalah sebenarnya satu keberanian bagi seorang Perdana Menteri. Bayangkan dalam orang memomokkan kononnya universiti itu gelanggang tempat ramainya orang yang menentang kerajaan kerana mengambil sikap terbuka dan membukanya. Kalau betul, mudah-mudahan tidaklah.

Akan tetapi itu satu keberanian kepada saya dalam suasana orang kata universiti gelanggang orang menentang kerajaan, kerajaan mengambil sikap membuka. Saya fikir kita harus memberikan suatu ucapan syabas kepada seorang Perdana Menteri yang faham tentang maksud demokrasi yang lebih progresif dan membuka peluang yang seluas-luasnya.

■1640

Yang Berhormat Puan Chew telah memulakan ucapan yang pada saya sangat mustahak dengan mengatakan bahawa ini adalah juga suatu pengiktirafan kepada perjuangan mahasiswa. Ramai pihak sebenarnya yang memainkan peranan dalam hal ini. Akan tetapi kerana dia sebutkan mahasiswa, memang betul. Malahan ada persatuan mahasiswa yang terkubur tanpa nisan secara automatik sebaik sahaja seksyen 15 ini dikuatkuasakan pada tahun 1975 iaitu PKPM iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia, yang merupakan gabungan semua PMU pada masa itu. Cuma pada masa itu tidak banyak PMU, jadi tidaklah heboh sangat. Akan tetapi dia terkubur dengan sendirinya sampailah ke hari ini.

Persatuan mahasiswa yang paling konsisten sejak dari awal lagi dan paling awal pun memperjuangkan pindaan ini adalah Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Kalau di Universiti Malaya tentulah Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya. Kemudian diikuti misalnya zaman sekarang ini oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia yang dalam itu ada beberapa belas persatuan. Juga bekas-bekas aktivis pro-aspirasi kampus yang menamakan kumpulan mereka Alumni *Round Table* yang dipimpin oleh saudara Hanif Abdullah yang sekarang ini bertugas di Kuala Terengganu.

Juga badan-badan lain seperti Majlis Belia Malaysia, Suhakam, Proham, Ideas. Juga parti-parti politik dari Pakatan Rakyat dan juga Pemuda Barisan Nasional, golongan akademis ada masyarakat sivil. Saya ingin menyebut *special mention* dua orang yang dari Barisan Nasional yang gigih dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin dan Yang Berhormat Senator Tuan Gan Ping Sieu.

Soal *anti-establishment* Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok adalah perkara yang *universal*. Saya bersetuju dengan Puan Chew Lee Giok Ini bukanlah satu perkara yang harus menjadi kerisauan. Oleh kerana AUKU hanya menjaga IPTA. Kita nanti akan juga meminda Akta 555 dan Akta 174 untuk IPTS, UiTM, politeknik dan juga kolej komuniti.

Bagaimana menjaga kampus itu? Kita ada *instrument* yang kita panggil perjanjian dan ini akan kemudian akan dilakukan secara *administrative,* dengan izin oleh Yang Berhormat Menteri dengan universiti-universiti. Dari segi pensyarah, mereka tidak dikawal dalam AUKU tetapi dikawal melalui Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) tahun 2000 atau Akta 605. Sekiranya mereka di luar kampus mereka tidak perlu memberikan apa-apa maklumat kepada universiti. Soal senarai ijazah dan sebagaimananya itu, *insya-Allah* kita akan cuba.

Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok juga bertanya tentang bolehkah menteri melantik Ketua Pengarah secara mutlak? Sebenarnya seksyen ini, Menteri diberi kuasa melalui seksyen 4C tetapi biarlah saya beri jaminan betullah kuasa mutlak kepada Menteri. Akan tetapi banyak *consultation* dibuat sebelum sesuatu jawatan itu dilantik.

Bidang tugas kuasa Ketua Pengarah ini adalah untuk menasihati Menteri dalam perkara-perkara. Ia juga disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Tidak ada pertindihan antara Ketua Pengarah dengan Timbalan Menteri dan penjawat-penjawat yang lain. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop seolah-olah mengingatkan kita kepada buku tulisan Muhammad Abu Bakar yang berjudul *"Mahasiswa Menggugat"* dan tulisan-tulisan yang sewaktu dengannya.

Soal kampus yang kondusif, di sini saya harus berhati-hati Tuan Yang di-Pertua sebab itu seperti *overstretching the argument* walaupun AUKU itu ada kena-mengena dengan soal kampus yang kondusif. Kalau soal kampus yang kondusif dari segi secara spesifik dan ini saya rasa Yang Berhormat ada sebut yakni soal kebebasan bersuara, soal *freedom of expression*, soal mahasiswa dan pensyarah boleh menulis dengan bebas. Saya fikir yang itu saya fikir memang sebahagian daripada matlamatnya.

Secara perbandingan juga kalau saya boleh sambung hujah Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop ialah, kenapa agaknya universiti-universiti yang *top* di dunia tiada AUKU? Itu sebagai menjawab berkalih kepada Yang Berhormat. Oleh sebab kita menyoal soal kondusif dan kita ada AUKU. Yang Berhormat mengatakan mungkin itu menyebabkan tidak kondusif. Jadi saya jawab dalam bentuk yang lain. Kenapa *top universities in the world* jadi *top universities of the world*? Mungkinkah, saya kata mungkinkah kerana tiada AUKU? Akan tetapi kita tahu jawapannya tidaklah semudah itu.

Forum melibatkan ahli-ahli parti politik sebenarnya dibenarkan sebelum pun pindaan 2009. Jadi di situ soalnya ialah soal *implementation*. Soal pelaksanaan. *Insya-Allah* kita akan cuba perbaiki dari semasa ke semasa. Saya memahami sentimen dan perasan Yang Berhormat apabila menyebut tentang soal satu generasi, soal selepas AUKU dikuatkuasakan, selepas tahun 1975. Saya fikir ini adalah perkara-perkara yang cuba kita atasi dan sebab itu kita melakukan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyebutkan soal ketakutan. Ini mengingatkan saya kepada tulisan Frank Furedi, *"The Culture of Fear"*. Itu antara perkara yang selalu dibincangkan bagi mereka dari mazhab kedua dan mazhab ketiga yang mahu supaya AUKU ini dipinda ataupun AUKU ini dimansuhkan. Perkara ini berlaku kepada mereka yang melaluinya. Kepada mereka seperti Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh yang tidak melaluinya memanglah tidak melaluinya maka tidak merasainya. Akan tetapi hakikat apabila kita tidak melaluinya maka tidak merasainya, tidak menjadikan ianya betul. Oleh sebab ianya tetap secara *fundamental*nya ianya salah. Oleh sebab itu kita arus memindanya.

Soal *cynicism* terhadap politik. Saya akan katakan bahawa mungkin *cynicism* terhadap politik itu berlaku kerana AUKU. Akan tetapi di tempat lain juga Tuan Yang di-Pertua berlaku *cynicism*. Russell Dalton menulis tentang *cynicism* orang muda terhadap politik. Akan tetapi kita harus sangat-sangat bersyukur kerana umumnya pelajar kita walaupun ada *cynicism* yang tinggi terhadap politik, tetapi mereka masih ada kepercayaan kepada demokrasi. Saya fikir ini juga sebab kenapa kita pinda ini. Supaya kepercayaannya kepada demokrasi itu tidaklah sehingga sampai ke tahap dia langsung tidak mahu partisipasi dalam demokrasi dan sebagainya.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali ada menyebut soal jawatan Ketua Pengarah, saya telah menjawab sebahagian daripadanya tadi. Akan tetapi soalan autonomi ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita harus ingat bahawa kita sudah memberikan autonomi kepada lima daripada dua puluh IPTA yang sedia ada. Ini adalah autonomi yang bertahap-tahap. *Insya-Allah* dari semasa ke semasa kita akan memberikan lebih banyak autonomi kepada IPTA.

Namun kita harus ingat kita ada lagi sekelompok IPT yang dipanggil IPTS. Tidak bermakna kerana IPTS itu tidak di bawah AUKU dan kerana ia adalah dalam sektor *private*, maka dia tidak perlu memikirkan autonomi. Dia juga harus memikirkan *autonomy* dan *academic of freedom* itu supaya dia tidak pula mengikut tuding jari *private* sektor semata-mata ataupun *over commercialization* misalnya. Jadi autonomi ini adalah soal yang benar, IPTA ia juga benar untuk IPTS.

Soal penubuhan universiti saya minta maaflah saya tidak bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat kerana kita kononnya menubuhkan universiti mengikut perkiraan politik. Saya berterima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim sebentar tadi.

Contoh Universiti Malaysia Kelantan adalah contoh yang tepat. Bukan sahaja menubuhkan Universiti Malaysia Kelantan di tengah-tengah sebuah negeri yang diperintah oleh kerajaan lain. Malahan kita memberi keutamaan kepada Universiti Malaysia Kelantan untuk memilih kebitaraannya sendiri atau dengan izin *niche area*nya.

Niche area yang dipilih oleh Universiti Malaysia Kelantan sesuai dengan budaya dan sistem kehidupan di Kelantan. Di sana ramai oleh Melayu yang rajin berniaga khususnya kaum wanita. Kita benarkan UMK memilih keusahawanan menjadi dia punya *niche area*.

Jadi kita menubuhkan universiti mengikut keperluannya. Kalau ada keputusan politik yang menyebabkan universiti tidak ditubuhkan, ada Tuan Yang di-Pertua. Apabila Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat tidak benarkan UiTM dibina di Hulu Selangor. Itu keputusan politik. Minta maaf ya... *[Tepuk]*

■1650

Adakah pindaan AUKU ini akan menamatkan *double standard* kita apabila ada pelajar dibenarkan, ada pelajar tidak dibenarkan menganggotai parti politik? *Insya-Allah,* saya harap ini akan menamatkan cerita *double standard* ini dan kita harap benar-benarlah supaya apabila akta ini dilaksanakan.

Saya berterima kasih kepada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebut soal pelaksanaan. Oleh sebab, apabila kita melihat seksyen 15(1), dan seksyen 15(2)(d), yang asal ya. Yakni di satu pihak, kita memberikan kebebasan. Boleh menjadi ahli parti politik. Di satu pihak yang lain untuk menjaga *neutrality* kampus kita kata, kampus tidak boleh. Dalam kampus tidak boleh melaksanakan atau melibatkan diri dalam aktiviti politik kepartian. Di sini kita harus ada keseimbangan. Kami akan *insya-Allah* menasihati pentadbir-pentadbir universiti supaya melaksanakan keseimbangan ini dengan cara yang sebaik-baiknya.

Sayugia kita mengambil iktibar daripada *judgment* oleh Yang Arif Gopal Sri Ram dalam kes Sivarasa Rasiah dan Badan Peguam Malaysia pada tahun 2010 dalam *federal court* di mana Gopal Sri Ram membuat satu *judgment* yang dianggap *a celebrated judgment* pada hari ini. Dengan izin saya *quote*, *"The fundamental liberties must be generously interpreted and that a pessimistic approach must be adopted. The restriction that limit or derogate from a guaranteed right, must be read restrictively".* Maknanya seksyen 15(1) mesti dibaca *generously*, seksyen 15(2)(d) mesti dibaca *restrictively that balancing act I know it is not going to be easy*. Maaf tidak akan menjadi mudah tetapi saya yakin pentadbir universiti dapat melakukannya.

Persoalan-persoalan tentang kuasa Menteri untuk membuat peraturan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Menteri kalau tidak ada kusa lebih baik tidak payah ada menteri. Itu mudah cakapnya. Akan tetapi yakinlah Menteri tidak akan membuat peraturan yang akan menggugat soal kualiti universiti. Oleh sebab soal autonomi kita akan jaga. Bahkan kita akan beri lebih banyak lagi wakil soal autonomi ini kepada universiti.

Soal keputusan kokurikulum itu dibuat oleh *Senate*. Menteri tidak campur tangan dalam keputusan berkaitan dengan kokurikulum, kursus apa dan sebagainya. Itu adalah keputusan *Senate*. Saya ingin juga mengingatkan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bahawa selepas pindaan 2009 sebahagian besar daripada soalan-soalan Yang Berhormat di hujung ucapan Yang Berhormat itu sebenarnya telah pun terjawab. Sebagai contoh, kini dalam *Senate* ada kembali Ahli-ahli *Senate* yang terdiri daripada profesor yang tidak berjawatan itu yang dipilih oleh profesor. Bergantung kepada universiti bagaimana mereka membuat pemilihan itu.

Begitu juga dengan Dekan. Dekan kalau dulu Naib Canselor melantik Dekan mengikut wewenangnya sekarang disyaratkan untuk berunding untuk melantik Dekan. Kita harus mengucap tahniah kepada Naib Canselor Universiti Malaya sekarang kerana sebagai contohnya untuk Fakulti Sastera, Profesor Ridzuan Osman telah dilantik, telah dipilih melalui pilihan raya di kalangan ahli-ahli akademik di dalam fakulti dia Tuan Yang di-Pertua. Dia dipilih kali yang pertama dan dipilih sekali lagi kali yang kedua. Maknanya unsur-unsur *peer recognition* yang disebut oleh Yang Berhormat itu sudah kita perbaiki dari semasa ke semasa.

Adakah pelajar dibenarkan membawa peguam ketika dia dihadapkan kepada kaedah tatatertib? Tidak disebut secara spesifik peguam ataupun tidak. Akan tetapi, sekarang ini pelajar dibenarkan untuk membawa sesiapa yang dia percayai untuk bersama dengan beliau, menemani beliau dan menasihati beliau apabila dihadapkan di hadapan Lembaga Kaedah Tatatertib. Kita menubuhkan Jawatankuasa Aduan Pelajar untuk memberi ruang yang lebih supaya jika ada aduan, maka aduan itu boleh dilakukan dengan cara yang sebaik-baiknya. Jawatankuasa Aduan itu termasuk ahli yang dilantik oleh Naib Canselor tetapi dengan persetujuan daripada pelajar yang sudah hendak membuat pengaduan itu. Ada wakil daripada Alumni dan ada wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar. Jadi saya fikir suatu ruang yang sangat luas dilakukan.

Begitu juga untuk lantikan Naib Canselor sudah ada *stretch committee,* dalam Lembaga Pengarah Universiti sudah ada wakil akademik. Saya sebutkan tadi tentang komposisi Ahli *Senate* sekarang ini termasuk sebahagian daripadanya saya tidak ingat *percentage*nya. Akan tetapi mereka adalah profesor yang dipilih oleh masyarakat profesor.

Yang Berhormat Tuan Boon Som...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Sila Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Ini tentang Ahli Lembaga yang disebutkan tadi. Saya sebenarnya tidak dapat melihat apa pindaan tahun 2009 tetapi saya mengambil fahaman bahawa tahun 2009 membenarkan dua wakil akademik, profesor yang dipilih untuk menjadi Ahli Lembaga. Saya dapati bahawa di seluruh universiti hanya Universiti Sains Pulau Pinang sahaja yang telah melaksanakan.

Oleh kerana ini sudah menjadi undang-undang, boleh tidak dapat dipastikan supaya kementerian mengarahkan atau menasihatkan semua universiti supaya mengikuti keputusan akta yang baru ini? Supaya semua universiti mempunyai wakil dari kalangan profesor untuk menjadi ahli lembaga. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah* kita akan pastikan supaya ada perkara itu dilaksanakan dengan cara yang sebaik-baiknya. Yang Berhormat Tuan Boon Som bertanya berkenaan dengan status Bumiputera, pelajar-pelajar keturunan Siam. Saya minta dibetulkan. Saya tidak kata lagi sebagaimana Yang Berhormat kata, itu adalah semua orang kalau idaman kita begitu. Kementerian sedang menyediakan nota Kabinet untuk mendapatkan keputusan rasmi. Kenyataan Perdana Menteri itu kita semua sudah sedia maklum. Akan tetapi, kami perlukan punca kuasa dan punca kuasa kami datang daripada Jemaah Menteri.

Soal *fee* yang ditimbulkan ini apabila seseorang itu ingin mendapatkan maklumat daripada Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan. Kita belum menentukan berapa jumlahnya. Akan tetapi *insya-Allah* ia bukanlah sesuatu jumlah yang membebankan. Yang Berhormat juga bertanya soal pelajar yang terlibat dalam dan ada dua, tiga orang lagi yang bertanya tentang pelajar yang terlibat dalam demonstrasi PTPTN dan BERSIH 3.0 baru-baru ini. Pada saya, ini kita serah kepada universiti untuk mengambil tindakan masing-masing. Saya tidak hendak memasukan diri saya dalam menjawab soalan ini. Kita boleh bincang di luar.

Cuma nasihat saya selalu kepada universiti ialah kita harus melihatnya macam yang saya gunakan pegangan daripada *judgment* Gopal Sri Ram itu di mana yang salah, di mana yang tidak salah itu harus diperhatikan secara yang spesifik. Kalau kita mengambil maklumat, kita harus pastikan maklumat itu diambil daripada semua sumber. Video bukan hanya dari satu sumber. Video harus datang dari pelbagai sumber ya.

Saya ucap tahniah kepada Pemuda yang menziarahi mereka. Pada saya itu satu pendekatan yang baik. Kita tidak boleh kata kerana Pemuda UMNO pergi bermakna Pemuda UMNO menyokong mereka. Tidak. Itu sebagai *concern* kerana mereka adalah pelajar kita juga.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengajak kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana sejak menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan, tidak henti-henti menjemput mahasiswa datang ke Parlimen... *[Tepuk]* Beliau menjemput tanpa mengira warna, tanpa mengira siapa mereka. Ini adalah *engagement*.

Saya yakin yang dilakukan oleh Pemuda UMNO dalam konteks ini juga adalah soal *engagement* dengan pelajar-pelajar itu. Setuju, tidak setuju itu persoalan yang lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Rohani Abdullah telah menyebutkan soal bahawa sebelum ini sudah ada pindaan 2009 sekarang kita melakukan satu lagi pindaan. Tuan Yang di-Pertua, ini bukti berlakunya evolusi ataupun *natural progression*. Kita meminda pada tahun 2009, kita buang sedikit perkara yang mengekang mahasiswa itu atau pelajar itu. Sekarang kita pinda lagi untuk memberikan kebebasan yang luas. Beliau bertanya..., Yang Berhormat bertanya tentang bagaimana kalau wujud mahasiswa yang beliau mengungkapkan soal kewujudan mahasiswa yang *anti-establishment*?

■1700

Seperti yang disebutkan oleh Puan Chew juga pada saya Tuan Yang di-Pertua, ini pilihan mahasiswa. dia nak sokong 'A', dia nak sokong 'B'. Sebab itu bila kita pinda, kita tak kata dia hanya perlu atau boleh menjadi ahli parti-parti di bawah Barisan Nasional. Ini terserah kepada mereka dan jangan risau sangatlah soal pelajar yang anti *establishment* semasa di universiti. Ramai yang anti *establishment* semasa di universiti, selepas dia keluar universiti, dalam Majlis Tertinggi UMNO itu pun ada empat ke lima orang yang semasa di universiti dulu kempen PAS lah, kempen sanalah, kempen sinilah. Tak payah sebutlah, tuan-tuan semua sedia maklum siapakah mereka itu.

Ini bunyi macam jenaka Tuan Yang di-Pertua, saya pernah ada orang tanya saya dia kata, *"Din, universiti mana dalam dunia ini yang pelajarnya tidak anti establishment?"*. Sebab umumnya memang dia anti *establishment*. Itu secara *pre medial* orang muda tetapi kalau *engagement* dilakukan, kalau kita mendekati mereka, *insya-Allah*. Ini adalah proses-proses dinamika politik yang sangat dinamik, dinamika politik yang dinamik. Apa-apalah, yang berlaku.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus telah berucap dengan panjang lebar dan beliau menyebutkan dan saya bersetuju dengan beliau bahawa tindakan kita meminda ini, bukti kerajaan di bawah pindaan Datuk Seri Najib dan Datuk Seri Najib khususnya selaku Perdana Menteri amat responsif kepada keperluan semasa. Kita harus yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa kita berada dalam masyarakat yang sedang melalui satu transisi. Kalau saya boleh gunakan dua bulatan sebagai analogi, kita pernah hidup dalam bulatan yang pertama yang caranya berbeza, pemikirannya berbeza, teknologinya berbeza. Sekarang ini kita berada dalam bulatan yang kedua. Jadi. bergantunglah kepada kita sama ada kita nak duduk dalam bulatan pertama atau kita nak duduk dalam bulatan kedua. Bulatan kedua ini ada realiti-realiti barunya. *New media* atau media baru, kesedaran sosial yang baru, politik telah berubah dan sebagainya. Jadi, kalau kita faham dan saya faham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada dalam bulatan yang kedua itu.

Beliau sangat memahami bulatan yang kedua itu dan beliau tahu bahawa pindaan ini harus berlaku dalam bulatan yang kedua itu tetapi pindaan kita walaupun berlaku dalam bulatan kedua, bukanlah bulatan kedua yang dah terputus daripada bulatan pertama. Kita punya akal, kita punya jati diri itu masih di sana. Sebab itu ada *balance* antara 15(1) tapi ada juga 15(2)(d). Apa yang tercabut itu mungkin kalau ada 15(1) tapi tidak ada 15(2)(d). Ha! Itu mungkin kebebasan yang tidak ada kawalan, tidak ada *neutrality*, tidak ada keharmonian dan sebagainya.

Tentang soalan-soalan secara spesifik, ada empat soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Saya minta maaflah, pada saya ini soalan datang daripada bulatan pertama. Jadi, sukar untuk saya yang berada dalam bulatan kedua untuk menjawabnya. Ini pendekatan legalistik terhadap perkara yang masuk dalam dunia politik. Memang bertembunglah, memang bertembung. Jadi, saya tak payah jawablah sebab kalau saya jawab nanti jadi satu perdebatan yang tak manislah sebab kita berdua sama-sama berkawan.

Soal contoh-contoh tokoh Yang Berhormat timbulkan, saya dah jawab tadi. Itu dalam sains politik lain. Kita bercakap sains politik yang berbeza. Jadi, tidak salah contoh dan tidak salah teori yang dikemukakan tetapi kita nak guna teori-teori yang lain. Hakikatnya tuan-tuan dan puan-puan ialah- dan saya mengingatkan diri saya supaya tidak *over stretching the argument.* Tiga masalah utama yang kita hadapi di kalangan graduan kita sekarang ialah pertama, ini yang diberitahu oleh majikan dan kita ada *survey* yang kita lakukan.

Pertama, masalah bahasa, perlu ditingkatkan. Kedua, masalah kemahiran komunikasi, perlu ditingkatkan. Ketiga, masalah fikiran kritis yang juga perlu kita tingkatkan. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang walaupun tidak semestinya secara spesifik dijamin akan jadi baik kerana kita telah pinda AUKU ini tetapi sedikit sebanyak ia menjawab soal kondusif tak kondusifnya suasana di kampus kita di dalam negara ini.

Yang Berhormat Hajah Mumtaz telah memulakan ucapan dengan memetik sepotong ayat Al-Quran. Saya nak *compliment* dengan mengatakan bahawa ayat lain juga yang sangat sesuai dengan konteks ini ialah... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Soal idealisme mahasiswa yang beriman kepada Tuhannya dan mahu berjuang di landasan yang benar. Oleh sebab itu saya anggap, saya bersetuju dengan Yang Berhormat soal penggubalan ini, pemindaan ini bergantung kepada masa dan masa juga nantinya yang akan menentukan sejauh mana pindaan ini akan berkesan atau sebaliknya.

Saya bersimpatilah kalau Yang Berhormat menjadi mangsa kepada AUKU, saya pun pernah didenda RM200 dan diberi *last warning* ketika saya menjadi pemimpin mahasiswa di Universiti Malaya dulu tetapi itu adalah kenangan-kenangan lama. Soal mahasiswa sebagai pemimpin hari ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz, pada saya itu juga sebab kenapa kita meminda ini malahan kita meminda ini bukan kerana sahaja kita mengiktiraf pelajar sebagai pemimpin hari esok. Yang Berhormat mengungkapkan pelajar hari ini ialah pemimpin hari esok dan itu sebab kenapa kita memindanya.

Selain daripada itu juga kerana kita menganggap mereka pemimpin hari ini dalam sekurang-kurangnya tiga kategori. Mereka adalah pemimpin untuk angkatan mereka sendiri, yang seumur, *cohort* mereka. Kedua, mereka pemimpin orang yang lebih muda daripada mereka dan yang ketiga ialah mereka kita anggap sebagai rakan kepimpinan. Oleh sebab itu, kita benarkan USM menubuhkan Parlimen Mahasiswa dan kalau keluar sedikit Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menubuhkan Parlimen Belia kerana kita mengiktiraf mereka sebagai rakan kepimpinan.

Hubungan antara universiti mestilah universiti dengan pelajar bukanlah hubungan antara majikan dan pekerja. Ini saya fikir kita bersama dalam hal ini dan soal akreditasi. Okey, soal akreditasi. Sebenarnya, kebanyakan kegiatan kokurikulum sudah mula diiktiraf dan diberi akreditasi tertentu bergantung kepada universiti masing-masing. Cadangan Yang Berhormat yang spesifik dan ada universiti yang mengatakan itu syarat bergraduat. Misalnya UiTM dia ada kursus-kursus tertentu dan boleh kata semua IPTA, kokurikulum sudah jadi syarat ber*graduate* cuma nak masuk dalam CGPA, yang itu saya akan bawa kepada pihak universiti untuk kita cuba laksanakan.

Saya memilih-milih Tuan Yang di-Pertua untuk ringkaskan sedikit sebab tak mungkin dapat menjawab segala-galanya. Soal keseimbangan gender, memanglah kalau nak dilihat purata majoriti pelajar perempuan tetapi bila yang memegang jawatan purata majoriti pelajar lelaki. Jadi, saya fikir itu satu perkara yang harus kita lihat. Bolehkah mereka menubuhkan parti pelajar universiti di luar kampus? Yang ini secara prinsipnya AUKU dengan izin, *is silent on it* tetapi saya fikir ini biarlah sampai masanya kita bincangkan soal ini.

Ada perkara-perkara lain yang ditimbulkan misalnya insiden-insiden dalam pilihan raya kampus. Sebenarnya ini bergantung kepada pentadbiran universiti, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya saya bagi contoh, *e-voting* dalam kampus. Ada universiti bila buat *e-voting*, pelajar tak marah pun. Ada universiti tak buat *e-voting* pun, pelajar marah. Jadi dalam hal ini kalau semua Timbalan Naib Canselor boleh ambil iktibar kaedah Allahyarham Profesor Yunus dan Profesor Dr. Firdaus semasa beliau menjadi Timbalan Naib Canselor, aman dunia ini tetapi tak apalah, kita cuba perbaikinya terutamanya apabila berlaku perubahan dalam kita sudah pun meminda akta ini.

Student Protection Act saya fikir tidak begitu diperlukan kerana kita sudah ada Jawatankuasa Aduan Pelajar dan perkara-perkara yang lain, soal pengiktirafan universiti ataupun KPT kepada golongan tertentu daripada mahasiswa. Ini soal *neutrality* yang menyebabkan kita ada 15(2)(d). Kita harus memahami apa yang kita maksudkan *neutrality. Neutrality* bukan bermakna tidak membenarkan golongan tertentu bercakap sebaliknya *neutrality* bermaksud semua orang boleh bercakap dan kita tidak mengambil sikap memihak kepada semua yang bercakap.

■1710

Itu *neutrality* yang kita cuba tekankan. Ada pelajar-pelajar wakil daripada Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) misalnya dijemput bersama ketika kita membuat *consultation* dalam proses kita meminda AUKU.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat menyebutkan soal jiwa. Saya bersetuju malahan kita harus memastikan kita punya jiwa merdeka apabila kita melihat soal pindaan AUKU ini. Perundingan, Yang Berhormat telah kita lakukan dan mengikut kajian yang kita lakukan, majoriti daripada peserta yang menghadiri perundingan pindaan AUKU ini bersetuju supaya AUKU dipinda. Hanya sebilangan kecil yang mahu supaya ia dimansuhkan. Soal 30 peratus daripada wanita memegang tampuk kepimpinan universiti, dengan rendah hati saya haruslah menerima hakikat belum sampai lagi begitu. Mudah-mudahan kita sama-samalah memperjuangkannya. Mungkin kalau dilihat jumlah naib canselor itu mungkin tidak begitu ramai. Akan tetapi kalau timbalan naib canselor, semakin hari semakin ramai. Dekan-dekan semakin hari semakin ramai. *Insya-Allah* kita menuju ke arah kesaksamaan gender yang lebih baik.

Soal kakitangan KPT di IPT, secara prinsipnya kita tidak letakan kakitangan KPT di IPT kerana menghormati autonomi. Akan tetapi tidak bermakna kita putus hubungan. Misalnya kita ada wakil daripada KPT dalam setiap lembaga pengarah universiti dan Jabatan Pengajian Tinggi selalu bertemu dengan mereka melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan dalam soal-soal akademik dan sebagainya. Jumlah IPTA yang ada Tuan Yang di-Pertua ialah sebanyak 20 buah. Jumlah IPTA yang bertaraf universiti. Jumlah IPTS yang bertaraf universiti, saya mungkin silap sedikit tetapi lebih kurang 60 buah. Saya kata saya mungkin silap sebab ada pertambahan satu, dua. Jumlah yang banyak-banyak itu yang sampai 300 itu, ia tidak bertaraf universiti atau kolej universiti. Kalau ada yang timbul masalah-masalah itu, yang biasanya ia datang daripada kumpulan itu namun kita memantaunya dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, soal berlainan parti dan hati. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ia susah kalau kita hendak bincang hal yang sedemikian kalau kita mula dengan premis yang salah. Kalau kita menggunakan premis parti untuk membincangkan hal ini memang susah. Kita harus menggunakan premis ilmu ataupun premis kenegaraan seperti Yang Berhormat timbulkan, yang saya sangat bersetuju. Terima kasih kerana mengingatkan Dewan yang mulia ini soal 'takwa' yang menjadi keutamaan dan selain daripada takwa itu tentulah soal ilmu... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, *"Tuhan suruh kita tanya, adakah sama antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu".*

Pada saya, kenapa kita pinda ini? Sebab kalau bukan di universiti, mana lagi tempat hendak mengamalkan politik ilmu? Kalau universiti tidak boleh membetulkan politik kita yang salah dan kotor dan sebagainya, maka kita berhenti sahajalah menjadi manusia dan serah sahaja kepada takdir dan biarlah politik itu jadi sekotor-kotor, seburuk-buruk dan setidak baik-setidak baiknya?

Soal apakah sebenarnya yang pelajar mahu? Ini bergantung pada pelajar. Bagi pelajar yang berminat dengan politik, dia mahukan kebebasan itu. Bagi pelajar yang tidak berminat dengan politik, tentulah dia tidak mahu kebebasan itu sebab dia pun tidak merasakan kebebasan itu sesuatu yang diperlukan.

Dua-duanya tidak salah, dua-duanya betul kerana dua-duanya menggunakan haknya masing-masing. Seperti saya sebut dari awal tadi, yang penting ialah yang hendak menggunakan haknya, tidak boleh dilarang secara fundamentalnya oleh peraturan. Oleh sebab itu kita pinda peraturan ini.

Saya bersetuju juga tentang ingatan supaya kita jangan mencampuradukkan antara politik dan politik kepartian. Dalam *consultation* kita, kebanyakan mahasiswa ataupun pemimpin pelajar, mereka ini bersifat non partisan. Mereka minat politik tetapi dia tidak menyebelahi mana-mana pihak dan kita harus hormat sikap mereka yang bersikap non partisan itu. Kita juga harus faham maksud *"non partisan"* itu. Kalau sesuatu pelajar atau sekumpulan pelajar yang mengaku non partisan, menganjurkan sesuatu aktiviti, kalau ada orang politik dari parti tertentu yang hadir, itu tidak menodai sifat non partisannya itu kerana adalah *primordial*, ada orang dari kumpulan tertentu yang bersetuju dalam hal tertentu.

Jadi kita jangan risau sangat soal begitu. Kalau tidak susahlah sebab semua Menteri dan Timbalan Menteri di KPT, semua orang UMNO dan seorang orang MCA. Kalau begitu hadir sahaja di universiti, maka pecah non partisan. Jadi, kita harus hati-hati apabila kita hendak menuduh, menuding jari orang ini digunakan, 'dikudakan', ditunggang dan sebagainya, kita harus melihatnya dengan cara yang begitu cermat supaya kita tidak terkeluar daripada premis perbincangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah menyebutkan soal *"jangan kita anggap ini sebagai kemenangan mahasiswa".* Ya, saya setuju. Ini bukan soal kemenangan mana-mana pihak. Ini adalah soal kemenangan yang benar. Soal kemenangan ilmu dan soal kemenangan transformasi untuk menjadikan politik kita lebih progresif dan demokrasi kita lebih matang. Adakah pelajar sudah bersedia atau tidak? Bergantung pada sudut pandangan kita, sama ada kita berada di bulatan pertama atau di bulatan kedua dan sama ada pelajar itu berada di bulatan pertama atau di bulatan kedua. Orang yang bersedia, bersedia. Orang yang tidak bersedia, tidak bersedia. Itu lumrah. Kalau kita tanya kepada yang bukan pelajar pun, adakah mereka bersedia misalnya menjadi seorang rakyat yang 'berpartisipasi' secara tulen *and educated* dalam pilihan raya? Sama juga, ada yang bersedia, ada yang tidak bersedia, ada yang faham, ada yang tidak faham. Akan tetapi kalau dia sudah hendak pergi mengundi, pada kita itu satu perkara yang kita alu-alukan.

Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar telah menyebutkan tentang beberapa perkara yang sangat penting, yang sebahagiannya kebetulan saya telah jawab terlebih dahulu. Akan tetapi saya sekali lagi hendak mengulang. Saya puji sikap Yang Berhormat dan kawan-kawan yang mengambil pendekatan hendak *"engage"* dengan pelajar. Maknanya bukan memusuhi mereka dan sebagainya. Itu pada saya suatu pendekatan yang sangat-sangat mustahak kepada perkembangan pelajar-pelajar kita.

Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah menyebutkan tentang perbezaan antara mahasiswa dalam negara dan mahasiswa luar negara. Jawapannya ada yang ya, ada yang tidak. Bergantung pada konteks yang kita lakukan. Kalau soal kebebasan, dari segi politik memang benar. Mereka ada kebebasan, satu ketika dahulu tiada kebebasan. Adakah pindaan AUKU ini akan seterusnya meningkatkan pemikiran mahasiswa? Sekali lagi bergantung pada mahasiswa mana yang kita maksudkan. Kalau dia memang ingin berfikir dalam dunia politik, maka dia akan *enjoy the freedom* yang diberikan, mudah-mudahan.

Yang Berhormat juga menyebut soal tafsiran, bagaimana kita melaksanakan. Ini pada saya Tuan Yang di-Pertua, memang perkara yang sangat penting. Sebenarnya kita juga tahu. Namun saya juga hendak memberitahu kepada kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat, berilah sedikit kepercayaan kepada kerajaan dan pimpinan universiti yang kita tidak akan tafsir setengah-setengah daripada kandungan akta ini dengan secara semberono.

Saya bagi contohlah. Seksyen 15(3)(a). Kalau hendak ikut seksyen itu, kalau kita secara literal terima memang kacau sebab pelajar itu hendak kata bangkang Parti Komunis Malaya pun tidak boleh. Siapa yang mengharamkan persatuan itu? Israel mengharamkan Hamas. Hamas sudah berbaik dengan PLO. Kita baik dengan PLO. Bermakna kita baik dengan Hamas. Akan tetapi kalau pelajar hendak mengata sokongan kepada Hamas tidak boleh sebab Hamas diharamkan oleh Israel.

Jadi, kita tidak sampai ke tahap itu dan kita yakin pentadbir universiti pun akan mentafsirkan dan melaksanakan dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman kerana membantu saya menjawab soal Universiti Malaysia Kelantan. Apabila kita menubuhkan universiti Tuan Yang di-Pertua, kita bergantung pada keperluan. Kita bergantung pada keperluan setempat juga. Misalnya Universiti Malaysia Sarawak. Kita beri ia keutamaan menentukan 'kebitaraannya' yang ada kaitan dengan kaitan SCORE, projek pembangunan wilayah di Sarawak. Universiti Malaysia Sabah kerana di situ banyak *oil and gas,* kita beri dia kebenaran untuk memilih kebitaraan mereka sendiri. Sekali lagi betul dalam pindaan ini Yang Berhormat Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi logiknya Yang Berhormat Menteri tidak akan menghadap Yang di-Pertuan Agong. Perdana Menteri yang akan menghadap Yang di-Pertuan Agong. Menteri akan bawa perkara ini ke dalam keputusan Kabinet.

■1720

Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim menyebutkan soal melahirkan mahasiswa progresif. Saya fikir itu memang merupakan perkara yang kena kita semua sepakati dan saya berterima kasih kerana beliau mengingatkan kita bahawa sebahagian daripada seksyen yang sudah tiada kerana kita telah pinda ini adalah bercanggahan dengan perlembagaan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh menyebutkan tentang beliau adalah produk AUKU. Ramai di kalangan kita di sini adalah produk AUKU tetapi seperti yang saya sebutkan di awal-awal tadi, ini bergantung kepada situasi masing-masing. Kalau kita tidak berminat dalam seksyen 15 dan kita tidak melanggar seksyen 15 yang dahulu, maka memanglah tidak ada masalah. Saya tidak mengatakan bahawa kampus itu sentiasa begitu begini dan sebagainya hanya kerana seksyen 15. Itu *over stretching the argument*. Bagi mereka yang merasainya saya katakan tadi atau telah melaluinya, dia tahu bahawa ada kekangan. Bagi yang tidak, itu adalah suatu pilihan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua. Kita harus menerima pindaan ini dengan berlapang dada dan kita cukup yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan dan bersama-samalah kita memberikan sokongan bukan sahaja kepada pindaan ini tetapi segala inisiatif transformasi politik yang ingin beliau laksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Perbahasan yang berjalan di bawah tajuk ini cukup berilmu dan berkualiti dan juga jawapan pun begitu juga daripada kementerian cukup bijak, berilmu dan berkualiti... *[Tepuk]* Inilah rupanya keadaan Dewan Negara kita sekarang ini dan agaknya kalau boleh berlaku di Dewan Rakyat bagus juga. Ini saya amat mengalu-alukan dan tanpa buang masa saya persilakan, saya nyatakan di sini untuk menanya semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidkan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita meminda AUKU dan AUKU itu meliputi IPTA, maka kita harus juga meminda akta ini yang meliputi IPTS. Saya akan cuba dengan ringkas membacakan hanya butirannya yang pokok sahaja. Sebab ini dalam istilah undang-undangnya untuk menyelaraskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, ringkas sahaja.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Butiran terperinci seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh mula kuat kuasa.

Fasal 2 untuk meminda seksyen 2 [*Akta 555*] untuk memasukkan takrif baru "Kampus".

Fasal 3 untuk menggantikan seksyen 47 dengan seksyen 47 baru.

Subseksyen 47(1) bertujuan untuk meluaskan hak berpersatuan pelajar termasuk parti politik;

Perenggan 47(2)(a) dan (b) yang dicadangkan memperuntukkan sekatan ke atas pelajar untuk menjadi ahli persatuan dan sebagainya yang menyalahi undang-undang dan menjadi ahli persatuan dan sebagainya yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar sebagai tidak sesuai bagi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau institusi pendidikan tinggi swasta.

Perenggan 47(2)(c) bertujuan untuk melarang pelajar daripada bertanding dalam pilihan raya atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus jika pelajar itu memegang jawatan di dalam sesuatu parti politik. Larangan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian kampus.

Perenggan 47(2)(d) bertujuan untuk mengenakan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Subseksyen 47(3) bertujuan untuk mengadakan sekatan yang dikenakan ke atas pelajar dan persatuan untuk menyatakan atau melakukan apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyokong atau simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik.

Subseksyen 47(4) yang dicadangkan memperuntukkan pengecualian kepada sekatan yang dikenakan dalam subseksyen 47(1)(c).

Subseksyen 47(5) bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas Ketua Eksekutif untuk mematuhi arahan Ketua Pendaftar dalam mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan ataupun kumpulan pelajar dalam kampus.

Subseksyen 47(6) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa institusi pendidikan tinggi swasta yang tidak mematuhi arahan Ketua Pendaftar yang di bawah subseksyen lima melakukan satu kesalahan dan boleh didenda.

Fasal 4 ialah untuk mengadakan peruntukan kecualian. Untuk makluman Dewan yang mulia juga, Dewan Rakyat telah meluluskan cadangan agar fasal 3 rang undang-undang ini dipinda dengan memotong sepenuhnya perenggan 47(2)(c).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

5.28 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang dan ruang untuk saya mengambil bahagian dan membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 pada petang akhir sidang Dewan Negara ini.

■1730

Sebagaimana yang disebut tadi oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, rang undang-undang ini IPTS kena pinda sesuai dengan pindaan yang dibuat terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Jadi ia bersamaan, selari, serentak, senada. Namun ada juga yang tidak sama nanti saya bincang, saya bahas dan akan saya tanya kenapa tidak sama.

Apa pun kita lihat sekarang industri pendidikan Malaysia semakin maju dan diiktiraf di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Juga menjadi destinasi utama sebagai pusat pembelajaran dan pelajaran peringkat tinggi di Asia Tenggara bukan sahaja oleh pelajar-pelajar Malaysia atau negara-negara jiran Malaysia bahkan di peringkat dunia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setakat 2010, kita mempunyai sejumlah 476 IPTS dan sekarang setakat April 2012 sudah lebih daripada 500 IPTS wujud di negara kita. Jauh mengatasi daripada bilangan IPTA yang jumlahnya 20.

Jadi menandakan IPTS bergerak maju, berkembang maju dan mendapat tempat di kalangan rakyat terutama pelajar kita. Bagi saya, IPTS merupakan saham penting dan penyelamat masa depan negara. Bila IPTA sudah penuh, mereka bergerak, berhijrah kepada IPTS. Bayangkanlah kalau IPTS tidak ada, mungkin sukar bagi kita. IPTS juga bagi saya merupakan pemangkin pembangunan pendidikan yang penting kepada negara juga merupakan satu saham kepada perkembangan NKRA. Ia juga merupakan satu-satu yang penting menjunjung misi negara 1Malaysia dan masa depan rakyat yang berilmu, bermutu dan berkualiti. Akan tetapi di samping itu, kita juga kena peka terhadap IPTS. Kita sedar IPTS ini kena pantau, kena bendung juga kena beri kebebasan. Pantau, bendung dan juga kebebasan. Kita tidak boleh pantau sahaja, tidak boleh bendung sahaja, tidak boleh kongkong sahaja tetapi dia tidak diberi kebebasan.

Kalaulah IPTS dihantui oleh AUKU konon-kononnya menghantui mereka macam Pembangkang kata, maka tidak bergeraklah, tidak bebaslah, tidak aktiflah, jadi pasiflah, macam-macam. Akan tetapi setelah AUKU dipinda dan juga IPTS dipinda, saya harap dan kita semua sedar bahawa tidak ada lagi hantu-hantu yang bermain di fikiran anak-anak kita. Tadi Yang Berhormat Rama menekankan konon-kononnya sudah 40 tahun anak-anak kita dihantui, ditekan, di momok oleh Akta AUKU yang tidak bebas dan bersifat menekan. Konon-kononnya, itu kata dia. Kata Dr. Firdaus dan rakan-rakan saya pula, AUKU tidak menghantui malah bisa mengeluarkan cerdik pandai sama ada jadi orang berguna, pemimpin, orang berkuasa besar, ahli-ahli pentadbir negara, negeri dan juga ahli-ahli kabinet. Itu yang di hujah oleh Dr. Firdaus.

Apa pun yang kita hendak tengok sekarang ialah pindaan ini membawa banyak kebaikan terutama penggantian bagi kita bagi seksyen 47, perkara 3, Akta Ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan seksyen yang berikut aktiviti pelajar atau persatuan pertubuhan badan atau kumpulan pelajar. Dinyatakan perkara 47(1) tertakluk kepada subseksyen (2) seorang pelajar IPTS boleh menjadi ahli mana-mana ahli persatuan, pertubuhan, badan, atau kumpulan orang sama ada di dalam atau di luar Malaysia termasuk, termasuk mana-mana badan politik.

Dahulu tidak ada. Dahulu pelajar tidak dibenarkan menyertai politik. Sekarang tengok baik-baik. Dibenarkan sertai mana-mana badan politik. Itu pembaharuan, itu demokrasi. Dato' Sri Najib secara responsif, secara terbuka mengambil lagi satu risiko. Mengambil lagi satu perubahan yang ketara untuk membawa pelajar-pelajar ke arah fikiran yang tidak jemu, yang tidak tertutup sebaliknya terbuka menyahut pelbagai perkembangan senario politik sama ada domestik atau luar negara.

■1740

Tahniah dan syabas kepada tindakan berani, bijak dan terbuka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Itu tandanya negara kita sudah berubah. Kata Menteri, masuk dalam lingkungan bulat kedua. Betul Yang Berhormat Timbalan Menteri? Bukan lagi leka dengan bulat pertama. Leka dengan bulat kedua bererti berubah dan ada perubahan. Maknanya negara kita di bawah Kerajaan Barisan Nasional sanggup ambil perubahan untuk pelajar. Sudahlah beri ilmu, bantuan, pensyarah, tempat tinggal dan sebagainya untuk pelajar. Sekarang kalau pelajar katakan mereka disekat minda kerana tidak boleh campur politik, nah! Sekarang terbukti kepada kita bahawa pelajar didedahkan diberi ruang.

Apabila pelajar diberi ruang, saya harap tanpa alasan lagi, pelajar belajar dengan rajin, dengan baik dan berkualiti. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak ingatkan seorang pelajar IPTS tidak boleh:

(i) menjadi ahli-ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

Contohnya kongsi gelap, NGO-NGO haram seperti NGO BERSIH yang tidak ada nombor pendaftaran, yang tidak ada daftar sekarang, yang tidak bersih sama sekali. Kotor! Haram! Tidak ada boleh ikut. Jadi mana-mana pelajar yang hendak sertai pertubuhan, badan dan persatuan kena *check* dulu. Saya minta supaya pendaftar-pendaftar kampus atau universiti tersebut dinamakan selaku ketua pendaftar mengikut subseksyen 5, keluarkan senarai yang mana boleh dan yang mana tidak boleh. Pelajar ini boleh *check* dalam internet, dalam komputer. Akan tetapi bagi menyenangkan pelajar, saya syorkan supaya ketua pendaftar IPTS adakan satu senarai mana yang boleh dan mana yang tidak boleh walaupun ada budi bicara untuk ketua pendaftar melakukannya:

(ii) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang bukan suatu parti politik yang ditetapkan oleh ketua pendaftar dan dinyatakan secara bertulis kepada ketua eksekutif IPTS itu oleh ketua pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau IPTS itu;

Jawabnya jangan ada sesiapa takrif bahawa 47(2)(b) sekat lagi. Sekat lagi. Dia kata boleh sertai politik tetapi ada 47(2)(b). Itu tidak adil. Bagi saya, sangat adil. Ini kerana dia kata di sini sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau IPTS itu. Jadi kalau kongsi gelap, tidak boleh. NGO haram tidak boleh. *Gengster* tidak boleh.

Mana-mana yang haram, tidak boleh. Mana-mana yang mendatangkan kesan buruk kepada pelajar, kepada IPTS bahkan kepada negara tidak boleh.

Contohnya tidak boleh jadi ahli pertubuhan Tenaganita yang dimiliki oleh Irene Fernandez. Tidak boleh! Sebab Irene kecam Malaysia, sebab Irene kutuk Malaysia bahkan masa kita kata kutuk Irene, dakwa Irene tarik diri, Irene baru semalam kata dia bertegas bahawa Malaysia tetap tidak sesuai hantar *maid.* Apa juga jenis *maid,* apa juga jenis kategori.

Oleh itu, pelajar-pelajar kena peka, yang derhaka kepada negara, yang burukkan negara, jangan jadi ahli. Contoh lain lagi, Jemaah Islamiah (JI), Al-Maunah dan sebagainya. Tidak boleh daftar, tidak boleh jadi ahli walaupun bebas, walaupun diberi kelulusan. Akan tetapi sesuatu yang baik untuk pelajar boleh jadi ahli. Contohnya karnival, seminar dan forum yang berbentuk ilmu. Contohnya adakan karnival, melanjutkan pelajaran, forum antarabangsa, seminar pendidikan antarabangsa. Boleh sebab dia tidak ada mendatangkan keburukan sebaliknya meningkatkan kebaikan:

(iii) seksyen 47(2)(c), bertanding dalam pilihan raya.

Tidak boleh. Saya setuju. Dia kata akta ini boleh masuk parti politik tetapi tidak boleh bertanding dalam pilihan raya. Bagus. Akta ini jaga. Pelajar mana hendak jadi ahli politik lagi. Mana ada masa hendak belajar lagi. Tidak boleh. Belajar dahulu. Dapat ijazah dahulu baru kahwin... *[Ketawa]* Baru jadi ahli politik. Ahli politik atau wakil rakyat ini bukan senang. Tanggungjawab dia besar. Siang malam tidak tidur. Saya jadi wakil rakyat semenjak tahun 1986, Tuan Yang di-Pertua. Teruk jadi wakil rakyat. Macam mana pelajar jadi wakil rakyat? Oleh sebab itu bertanding dalam pilihan raya tidak dibenarkan. Saya sokong akta ini 100 peratus. Bagus! Guna masa depan belajar, belajar dan bukan sekat. Jangan ada pembangkang bangun dan kata tidak demokrasi, tidak telus, tidak *transparent*. Saya sekat dulu. Jadi akta ini menjaga keselamatan dan masa depan pelajar juga. Jadi bagi saya, itu bagus:

(iv) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Kata boleh masuk politik, boleh *join* politik tetapi tidak boleh terlibat politik dalam kampus. Bagus. Dia hendak masuk UMNOkah, PASkah, PKRkah macam saudara kita yang masuk Dewan itu, boleh. UMNOkah, PASkah. Macam PKRkah, DAP, boleh.

■1750

Akan tetapi tidak dibenarkan berpolitik dalam kampus. Maksudnya tidak boleh tubuhkan parti politik yang di luar sini macam BN kah, PKR kah tidak boleh sebab UMNO pun tidak boleh. Sebab dia buat huru-hara dalam kampus. Parti kampus, parti timbakah, parti telagakah, parti payungkah, untuk MPP boleh Majlis Perwakilan Pelajar boleh. Itu bukan parti betul-betul. Akan tetapi kalau parti betul-betul dalam kampus macam PAS kah, DAP kah, UMNO kah, saya setuju tidak boleh supaya jangan campur aduk dengan politik semasa mereka sedang belajar. Belajar dahulu. Dapat diploma dahulu, dapat ijazah dahulu, dapat *master* dahulu, dapat PhD dahulu, barulah masuk betul-betul politik. Betul?

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, akta ini akta yang sangat berguna untuk kita. Dia hendak masuk politik di luar tidak apa, tetapi di dalam tidak boleh. Jadi, akta ini sangat berguna. Saya dahulu pernah menjadi pemimpin pelajar, saya dahulu sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar. Saya menang jadi ketua pelajar semasa di maktab guru, semasa di UKM.

Saya syukur sebab masa itu ada Akta AUKU, masa itu tidak dibenarkan kita *engage* dengan mana-mana parti politik sebab dia tidak mahu *torture mine* kita, minda kita supaya condong pada satu-satu parti. Parti ini kalau hendak tahu anak-anak berhantu, sedap sangat. Bila kita masuk politik, boleh tinggal pelajaran, boleh lupa pelajaran. *Most* boleh lupa. Betul.

Dia angguk kuat... *[Ketawa]* Boleh lupa pelajaran, boleh lupa tanggungjawab, boleh lupa segala-galanya. Itu pasal tidak dibenarkan belajar aktiviti parti politik di kampus.

Satu lagi yang saya hendak tekankan mana-mana persatuan tidak boleh sokong pertubuhan, badan, kumpulan yang menyalahi undang-undang. Saya sudah katakan tadi sama NGO yang tidak daftar, pengganas, yang bersih, yang haram, yang sesat, dan sebagainya tidak boleh. Jadi, yang bolehnya ialah yang kena dibuat oleh ketua pendaftar sebagai yang sesuai. Sebagai yang tidak sesuai macam fasal 3(b) tidak boleh.

Jadi, sekali lagi saya harap demi kesentosaan pelajar dan IPTS saya harap kalaulah ketua pendaftar tidak boleh mengadakan senarai, saya minta kementerian atau pun senat universiti berkenaan sila keluarkan satu *list* apa yang haram, apa yang tidak boleh, apa yang menyalahi undang-undang untuk kita, rujukan kita semua.

Perkara 4, walaupun apa...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Perkara 4, saya rasa kita sudah *clear*. Cuma saya hendak tanya kenapa Akta AUKU ini ada kewajipan untuk menyelenggarakan daftar. Sedangkan akta ini tidak ada satu pun kewajipan untuk menyelenggarakan daftar. Itu penting, ada bezanya. Ini bukan sahaja tebal tetapi yang penting ada beza.

Kedua, di dalam AUKU ada kuasa Menteri untuk membuat peraturan. Di sini tidak ada kuasa Menteri dinyatakan untuk buat peraturan, kenapa? Sila terangkan.

Ketiga, dalam akta ini, Akta AUKU padahal pelajar semua. Dalam Akta AUKU ada Jawatankuasa Aduan. Dalam ini tidak ada Jawatankuasa Aduan. Jadi, saya minta tiga ini diterangkan iaitu seperti berikut:

(i) kewajipan untuk menyelenggarakan pendaftar;

(ii) kedua kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan; dan

(iii) Jawatankuasa Aduan.

Itu saya minta jelaskan. Seterusnya saya hendak syorkan subjek politik kena ada sebab kita sudah buka. Kedua, pelajar kenegaraan seperti Perlembagaan, seperti Parlimen, seperti legislatif kehakiman hendaklah diadakan. Satu lagi saya hendak juga semua pelajar yang belajar nanti lulus undang-undang khas untuk Perlembagaan Malaysia. Jadi, kalau hendak jadi ahli politik kena ada undang-undang.

Kemudian, saya setuju supaya dijemput banyak pelajar-pelajar, semua tidak kira IPTA kah, IPTS kah melawat Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua atau Timbalannya saya sokong 100 peratus... *[Tepuk]* Tambah lagi, tambah lagi, tambah lagi. Satu lagi orang yang tidak bijak, pelajar yang tidak bijak, bukan bodoh. Kalau bodoh kasar sangat. Yang mereka capai 2.5 peratus ke bawah. Dapat 2.4 kah CGPA ke bawah bagi saya tidak dibenarkan menyertai mana-mana parti politik. Belajar dulu. Kalau dia mencapai 2.5 ke atas boleh masuk. Pas kah boleh, PKR, sesiapa pun boleh. UMNO lagi boleh, lagi boleh. Lagi baik, lagi baik... *[Ketawa]*

Jadi, kita hendak *sure* untuk pelajar-pelajar yang bijak sahaja, yang pandai sahaja macam Tuan Yang di-Pertua boleh masuk politik. Kalau tidak cerdik, kalau tidak bijak yang dikendong tidak dapat, yang dikejar berciciran. Betul? Yang dikejar tidak dapat yang dikendong berciciran. Betullah. Jadi, satu lagi saya hendak syorkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Masa dua minit itu sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu lagi syor lagi. Satu lagi saya hendak semua pelajar di luar negara. Yang ada sekarang lebih kurang 70,000 lebih wajib lulus bahasa Malaysia. Itu penting. Wajib lulus Perlembagaan Negara Malaysia untuk dia rasa macam mana belajar politik di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong. Silakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong. Berapa lama agaknya Datuk perbahasan itu?

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, saya punya mungkin 10 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada 10 minit.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Ya, pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

■1800

Tuan Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera diucapkan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kerana mengizinkan saya berucap dan membahaskan perkara atau isu mengenai Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Kita akui dan memahami dewasa ini bahawa Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini tidak lagi sempurna memandangkan gaya hidup rakyat Malaysia setakat ini jauh lebih ke hadapan. Rakyat ini lebih memahami apa itu hak sasi dan cara menuntut hak mereka. Justeru, itu pindaan kepada akta ini dicadangkan dan selepas membuat perbincangan, maka pindaan dibuat ke atas peruntukan seksyen 2 dan pindaan menggantikan seksyen 47.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini terbahagi kepada 16 Bahagian dan mempunyai 99 seksyen. Ada 16 Bahagian ini pula termasuklah bahagian permulaan pentadbiran, penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta bertaraf universiti kolej universiti dan kampus cawangan, pendaftaran Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, pengendalian kursus pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, disiplin dan tata laku pelajar, permit mengajar, pembatalan kelulusan dan pemansuhan pendaftaran, penutupan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, pemeriksaan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, penguatkuasaan dan penyiasat kesalahan dan penalti, peraturan-peraturan am dan akhirnya peruntukan mengenai kecuaian dan peralihan.

Di dalam akta sebelum pindaan dicadangkan, kampus tidak memberikan satu maksud yang kukuh serta tidak menjelaskan apa itu maksud kampus, tetapi di dalam cadangan pindaan kampus membawa maksud iaitu kampus mestilah berhubung dgn suatu pendidikan tinggi swasta dan membawa erti premis berdaftar institusi pendidikan tinggi swasta itu sendiri. Selain daripada apa yang dimaksudkan, ia tidak tertakluk bawah akta pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 2, penggantian juga dibuat kepada seksyen 47 dalam pindaan Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta pindaan 2012. Sebelum penggantian dilakukan, seksyen 47 menyatakan larangan ke atas pelajar, persatuan pelajar dan sebagainya yang bersekutu dengan mana-mana parti politik, pertubuhan tidak sah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pindaan ini maka pelajar diberikan keizinan untuk menyertai mana-mana parti politik tetapi mereka tidak dibenarkan untuk menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang bukan merupakan sebuah parti politik yang ditetapkan oleh ketua pendaftar yang menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau institusi pendidikan tinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, para pelajar juga tidak dibenarkan untuk bertanding dalam pilihan raya atau memegang jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus, jika pelajar tersebut memegang apa-apa jawatan di dalam suatu parti politik dan terlibat dalam aktiviti parti politik dalam kampus.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini merupakan peruntukan yang sangat positif di mana undang-undang ini memberikan hak kebebasan yang lebih tinggi kepada para pelajar untuk memperjuangkan hak mereka berbanding dengan peruntukan yang ada dalam akta seksyen 47 sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan yang diberikan kepada pelajar untuk menyertai sebuah parti politik adalah satu tindakan berani, waras, wajar serta bijak. Para pelajar hari ini mempunyai pemikiran mereka tersendiri, mampu berdikari dan berlainan dengan ahli politik sejagat. Mereka adalah harapan dan ikon masa hadapan negara. Fikiran mereka yang moden, positif, ke hadapan adalah merupakan harta yang amat bernilai kepada negara. Bidang politik yang mereka ceburi dari awal membolehkan mereka meningkatkan lagi taraf pemikiran dan politik mereka. Malaysia amat memerlukan darah muda yang positif ini untuk menggubah landskap Malaysia ke arah wawasan yang lebih maju dan berdaya saing di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pemuda-pemudi kita yang telah mencapai umur 18 tahun menurut undang-undang ialah *age of maturity act,* dengan izin, dikira telah cukup matang untuk mengenali sesuatu isu di hadapan mereka dengan wajar. Justeru itu, sangatlah bertepatan seksyen 47 yang digantikan ini memberikan satu peluang dan pelaksanaan kepada para pelajar mencorakkan masa hadapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pemuda-pemudi kita yang ada hari ini memahami aspirasi negara dan hala tuju Malaysia dalam mencapai wawasannya menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Orang muda dengan darah muda tentu lebih aktif untuk memikirkan untuk menjana dan mewacanakan negara ke arah era yang lebih maju. Saya yakin mereka dengan lebih tepat dapat melaksanakan polisi-polisi yang lebih setara dengan peredaran masa.

Tuan Yang di-Pertua, menjiwai dunia politik dari awal membolehkan mereka membesar bersama dengan pengalaman dan mereka tertentu lebih senang mengubah sikap yang lebih positif, mampu menjiwai dan menyimpan akan kesan dan akan terjadi disebabkan oleh perlakuan salah mereka. Ini kerana setiap keputusan yang akan dibuat akan mengubah nasib orang lain serta mengubah nasib negara ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, cuba anda bayangkan jika pemuda dan pemudi kita tidak aktif dalam politik dan tanpa kesedaran tentang politik, apakah yang akan terjadi kepada masa hadapan negara kita? Tanpa darah muda menyertai politik, ahli politik hari ini tidak dapat memahami keperluan generasi muda sepenuhnya dan mereka tidak dapat memenuhi keperluan anak muda dan ini akan menyebabkan pengaliran pakar-pakar dan mereka yang berprofesional ke luar negara. Fenomena ini telah pun berlaku dan kita tidak mahu ini akan mengambil tempat di Malaysia dan terus berlaku di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Rang Undang-Undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 menyatakan bahawa seorang pelajar tidak boleh dihalang daripada membuat penyertaan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubung dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya atau menyatakan pendirian dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud para pelajar diberi kebebasan untuk menghujah pendirian dan kajian mereka dalam seminar-seminar yang tidak berkait dengan politik. Ini membolehkan para pelajar berkongsi idea mereka dengan orang lain serta boleh mewujudkan kesedaran politik dan pendapat di kalangan orang ramai dan menjuruskan keprihatinan rakyat kepada apa yang sedang berlaku di sisi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya pindaan kepada Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 ini kerana para pelajar pendidikan tinggi swasta diberikan peluang dan kebebasan dalam menyertai politik. Ini boleh membantu negara menghasilkan dan melaksanakan polisi-polisi yang memberikan manfaat kepada negara Malaysia. Sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Terima kasih. Yang terakhir Yang Berhormat Saiful Izham. Berapa lama agaknya Yang Berhormat hendak berucap?... *[Disampuk]* Silakan. Teruskan.

6.11 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan terhadap pindaan kepada Rang Undang-undang Akta IPTS 1996 yang signifikannya, secara keseluruhannya adalah satu iaitu dari segi penglibatan pelajar atau mahasiswa di IPTS berbanding dengan IPTA dalam pelbagai aktiviti termasuk aktiviti politik. Kita kena faham daripada kesan langsung kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus memahami ada perbezaan ketara antara mahasiswa di IPTS dan di IPTA. Perbezaan ketara itu antaranya kita boleh bahagikan pertamanya, tahap atau perbezaan kematangan umur. Kalau di IPTA selalunya mahasiswa itu dia masuk bermula umur 18 tahun, selepas SPM atau selepas STPM, 19 tahun dan masuk selalunya dengan tajaan penuh kerajaan ataupun dengan bantuan daripada PTPTN. Manakala di IPTS kebanyakannya pertama, sudah melalui umur yang matang. Sudah pernah bekerja atau pun saki baki mereka yang tidak dapat memasuki IPTA. Jadi, sudah tentu ada perbezaan yang ketara dari segi umur dan faktor kematangan pelajar-pelajar yang masuk di IPTS.

Keduanya, di IPTS juga kita dapati ramai warga asing yang masuk mendaftar sebagai pelajar walaupun ada yang mempertikaikan sama ada semuanya masuk untuk belajar atau hanya sekadar mengambil pas pelajar untuk masuk ke negara ini. Ketiganya, perbezaannya ialah proses sumber atau kaedah pembiayaan pembelajaran mereka. Kebanyakan di IPTS sumbernya adalah peribadi, sendiri.

Jadi liabilitinya juga adalah peribadi, sendiri dan bukannya liabiliti kepada mereka yang meminjamkan wang mereka melanjutkan pelajaran. Keempat, yang saya boleh nampak secara sekali lalu ialah budaya pembelajarannya juga berbeza kerana di IPTA budaya pembelajarannya lebih tertutup. Ia bersifat kampus yang tertutup dengan sistem penginapan, asrama dan sebagainya. Manakala di IPTS, sistem pembelajarannya agak terbuka. Kebanyakan IPTS yang kita dapat lihat hari ini di rumah-rumah kedai, di tepi-tepi jalan, di tempat yang terbuka. Maka sudah pasti ia terdedah kepada pelbagai sumber dan maklumat luar yang membentuk budaya dan pemikiran pelajar-pelajar ini yang agak berbeza dengan pelajar-pelajar di IPTA.

Perkara-perkara ini penting untuk kita fahami dalam kita merangka apa juga undang-undang yang melibatkan pelajar-pelajar di peringkat IPTS. Secara idealnya dengan izin, bagi saya ialah penghapusan semua peruntukan sekatan yang menyekat mana-mana pelajar di IPTS terlibat dalam mana-mana aktiviti bersifat sosial terutamanya bersifat politik. Politik ini salah satu daripada aktiviti sahaja bukan keseluruhan aktiviti sosial itu tergantung kepada aktiviti mahasiswa.

Walau bagaimanapun, boleh kita berikan sedikit kredit kepada kerajaan dan juga khususnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana berani untuk membuka sedikit ruang partisipasi mahasiswa atau pelajar IPTS melibatkan diri secara terbuka walaupun tidak secara aktif tetapi secara terbuka dalam pelbagai pertubuhan termasuk badan-badan politik di negara ini. Ini menunjukkan bahawa akhirnya desakan demi desakan, perjuangan demi perjuangan mengharapkan kerajaan yang memerintah membuka sedikit ruang minda, agar membuka sedikit ruang kepada mahasiswa memaparkan kematangan mereka. Bukan hanya di medan akademik tetapi di medan sosial untuk mereka turut sama berpartisipasi membina negara dengan terlibat dalam aktiviti politik.

Ini juga menunjukkan hari ini sudah ada sedikit keterbukaan di pihak kerajaan memahami realiti semasa, memahami peredaran zaman, tidak lagi terikat atau terkongkong dalam pemikiran order lama, yang dahulu merasa sangat takut sekiranya anak muda ini bangkit menyuarakan sesuatu. Merasa amat bimbang sekiranya mahasiswa khususnya di menara gading sama ada di IPTA atau di IPTS bercakap sesuatu perkara. Sering menuduh anak muda seperti ini terpengaruh dengan pelbagai unsur dan anasir.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan beberapa pandangan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar sebentar tadi. Saya agak kasihan juga sebenarnya kerana saya melihat terdapat beberapa kekeliruan dari segi tafsiran beberapa perkara. Pertamanya, saya ingin memperbetulkan sedikit tentang persoalan BERSIH. BERSIH ini bukan NGO sama ada berdaftar atau tidak berdaftar. BERSIH ini punya dua tafsiran yang berbeza. Pertama, ianya adalah satu gabungan NGO atau badan-badan bukan kerajaan yang berdaftar secara sah di bawah undang-undang di Malaysia dan Bersih juga adalah satu aktiviti perhimpunan rakyat menyuarakan harapan agar pilihan raya akan datang dapat dilaksanakan secara terbuka, adil dan telus. Itu sahaja. Ianya bukan NGO. Ianya bukan gerakan bawah tanah. Ianya adalah gabungan.

Saya tidak melihat di mana letaknya pelanggaran undang-undang yang memberikan gambaran seolah-olah BERSIH ini satu perkara yang sangat berbahaya kepada negara. Saya melihat bila kita datang daripada order pemikiran yang lama, melihat segala sesuatu yang baru itu sebagai satu ancaman, maka inilah yang terjadi. Bila anak muda bersuara, kita kata anak muda ini dipengaruhi oleh parti-parti yang bukan Barisan Nasional. Kita harus keluar daripada kepompong itu. Kita harus *engage* anak muda. Kita harus fahami mereka bagi memahami suasana dan peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Senator Datuk Haji Abdul Rahman juga memberikan pentafsiran tidak boleh terlibat dengan JI dan Al-Ma'unah dan sebagainya. Saya juga ingin memberikan sedikit pembetulan kerana kebetulan Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat dalam kes-kes ISA yang melibatkan Al-Ma'unah dan JI. Tidak ada sebarang pertubuhan bernama Al-Ma'unah. Tidak ada pertubuhan bernama Jemaah Islamiah atau pun Kumpulan Mujahidin Malaysia. Ini adalah terma-terma yang diberikan oleh pihak berkuasa atau polis dalam kes-kes ini untuk membezakan beberapa kelompok tertentu. Tidak ada! Tanyalah kepada Menteri Dalam Negeri, kalau adalah pertubuhan yang dinamakan Al-Ma'unah. Tidak ada! Tidak ada Jemaah Islamiah.

■1820

Ini hasil propaganda yang saya rasa dikelirukan sendiri oleh pihak yang berkuasa. Jadi, saya minta tolong perbetulkan perkara ini agar kita jangan terus terkeliru dengan propaganda yang kita buat sendiri. Jadi, saya ingin kembali kepada persoalan IPTA dan IPTS. Macam saya katakan tadi, kita menyokong usaha progresif yang cuba dilakukan oleh kerajaan walaupun sebenarnya harapan kita ialah kekangan bersifat ini harus dihapuskan kesemuanya. Ini kerana kita yakin kematangan pelajar hari ini jauh berbeza, tahap pemikiran jauh berbeza, tahap kecapaian kepada fakta dan maklumat terlalu jauh berbeza. Berbanding sewaktu ianya mula-mula diperkenalkan di Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya juga ingin memohon sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang 47(2)(c). Sebab saya tidak sempat menangkap, maksudnya sudah ditiadakan? Okey, terima kasih. Sudah ditiadakan, *alhamdulillah* kerana saya bukan apa Tuan Yang di-Pertua, saya risau sebab saya ingin hendak tanyakan soalan bagaimana status pelajar matang yang masuk belajar di IPTS. Contohnya, saya sendiri sudah bekerja, sudah terlibat dalam parti politik, pegang jawatan, kita hendak masuk belajar di IPTS. IPTA susah hendak masuk kita masuk IPTS. Jadi, bagaimana status kita? Akan tetapi kalau sudah dimansuhkan, *alhamdulillah*. Sekali lagi menunjukkan bahawa keprihatinan Timbalan Menteri bila melihat persoalan ini.

Saya juga ingin Timbalan Menteri memberikan sedikit penjelasan tentang 47(2)(b) kerana saya agak risau perenggan tersebut kalau dapat saya bacakan, *"Keputusan Ketua Pendaftar atau Ketua Eksekutif tentang soal menjadi ahli pertubuhan ini bergantung kepada definisi tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau institut pengajian tinggi swasta."* Definisi ini terlalu luas bergantung kepada tahap pemahaman Ketua Pendaftar itu sendiri. Jadi, kalau boleh kita perincikan definisi seperti ini kerana kita tidak mahu wujud di kalangan Ketua Pendaftar atau Ketua Eksekutif IPTS ini. Secara sendiri, dengan izin, *self-censor* dirinya dengan memberikan tafsiran yang sangat sempit sehinggakan menyekat terus mahasiswa ini mengikut tafsiran mereka sendiri.

Kita tidak mahu itu berlaku kerana kita yakin semangat yang cuba ingin dibawa dalam pindaan ini, semangat ingin membawa mahasiswa jauh ke hadapan. Akan tetapi kadang-kadang semangat itu tidak cukup kerana ianya tidak dapat diterjemahkan oleh mereka yang menguasai pengurusan atau pentadbiran di IPTS-IPTS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak sangat tertarik dengan rujukan Timbalan Menteri semasa menggulung perbahasan tadi, Akta IPTA. Terutamanya merujuk kepada kes Mohd. Hilman Ilham, kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Walaupun kes ini secara spesifik menyentuh seksyen 15 tetapi kesannya juga ada kepada Akta IPTS. Jadi, yang penting dalam kes ini walaupun keputusannya bersifat 2-1, Mahkamah Rayuan hakimnya ada tiga. Pengerusinya Datuk Wira Loh Hock Beng, Datuk Mohd Hishamudin Yunus dan Datuk Lim Tan Albert. Tiga hakim kanan Mahkamah Rayuan, keputusan 2-1 memihak kepada mahasiswa. Akan tetapi yang paling saya tertarik ialah rujukan Datuk Hishamudin Yunus. Datuk Hishamudin Yunus ini di kalangan pengamal perundangan, bagi kita dianggap sebagai hakim yang melalui zaman, melihat sesuatu itu dan memberikan tafsiran kepada sesuatu perundangan itu mendahului zaman.

Dua perkara yang beliau sentuh berkenaan dengan seksyen 15 dalam kes ini samalah seksyen 47. Mengatakan bahawa seksyen ini adalah tidak rasional kerana ianya menghalang pembangunan pemikiran kritis dan asli penuntut sedangkan objektif institut pengajian tinggi adalah berusaha untuk mencapai tahap pemikiran kritis dan asli. Dia juga menyatakan bahawa universiti IPTS baik, IPTA baik, seharusnya dijadikan sebagai tapak semaian ahli reformis dan pemikir serta bukannya satu institusi semata-mata untuk melahirkan penuntut yang punya 'pemikiran robotik'. Perkataan yang digunakan 'pemikiran robotik' inilah yang menarik perhatian saya kerana selama sudah 40 tahun sejak Akta AUKU dan sejak 1996 IPTS ini. Kekangan yang wujud ini melahirkan sesetengah mahasiswa memberikan tumpuan kepada akademik tetapi bila keluar tidak mampu berkomunikasi kerana tidak mampu berfikiran secara kreatif semasa mereka menuntut di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus faham sedikit IPTS baik atau IPTA baik. Mereka masuk umur seawal 18 tahun dalam Sistem Perundangan Negara, *criminal liability,* dengan izin, atau tanggungjawab *criminal* mereka itu bermula seawal usia 18 tahun. Ketika itu kalau mereka melakukan sebarang kesalahan bersifat jenayah, mereka tidak lagi dirujuk sebagai juvana. Mereka hanya dibenarkan mengundi paling awal umur 21 tahun. Bila mereka dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang tidak masuk universiti, rakan-rakan mereka sudah bebas berpartisipasi, memegang jawatan, menyertai aktiviti secara terbuka seawal usia 18 tahun. Jadi, perbezaan ini sangat ketara dan ini memberikan gambaran seolah-olah kita tidak mampu mengiktiraf kematangan mereka. Untuk terlibat secara aktif, secara matang dalam aktiviti-aktiviti politik negara ini.

Jadi, kita mohon agar sedikit kekangan yang di bawah 47(2)(d), 'tidak boleh terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus'. Itu dapat kita hapuskan kerana kalau tidak ada aktiviti politik dalam kampus, kerana parti politik dalam kampus ini, bagaimana mungkin mahasiswa yang ada hari ini melakukan program menjemput parti politik, membentangkan dasar masing-masing, membersihkan pemikiran kritis mereka, mengkritik semua parti politik. Kita tahu parti politik ada banyak dasar, dasar UMNO lain, dasar PAS lain, dasar Parti Keadilan lain. Kita mahu mahasiswa mahu menganjurkan program-program, memanggil semua ini pimpinan-pimpinan parti politik. Mereka membentangkan dasar-dasar mereka, membentangkan harapan mereka, membentangkan manifesto mereka. Agar mahasiswa sendiri mampu bangkit dan tampil mengkritik secara ilmiah, lantas mewujudkan budaya politik berilmu di dalam kampus.

Bukan lagi budaya politik hari ini yang sudah terlalu tercemar dengan budaya politik jalanan atau sembang-sembang di kedai kopi. Saya yakin mahasiswa hari ini bila diberikan ruang dan peluang untuk mereka memaparkan kematangan mereka. Mereka mampu memberikan sumbangan yang sangat positif bagi mematangkan politik negara ini agar politik negara ini masa depannya menjadi politik yang lebih berilmu bukan lagi politik kotor atau politik lucahan yang hari ini menjadi model generasi muda. Saya menghadiri BERSIH, majoriti yang datang orang yang tidak terlibat dalam mana-mana parti politik. Anak-anak muda, depa tidak menyokong mana-mana parti politik. Akan tetapi depa datang mahukan satu proses yang adil. Mereka mahu lihat bagaimana respons kerajaan tetapi bila berlaku peristiwa itu mereka lihat ini kekangan yang ada pada mereka.

Hari ini pagi tadi beberapa orang mahasiswa didakwa di mahkamah. Atas apa? Ini kerana mereka tampil memakai baju warna kuning. Hari ini baju warna kuning seolah-olah baju larangan di Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah dengan pindaan yang ada hari ini kerajaan tidak terus terhenti, berani melakukan perkara-perkara yang proaktif untuk terus meminda dan kalau boleh hapuskan terus kekangan-kekangan.

■1830

Ini kerana kita tahu walaupun kita kata *on paper*, kekangan sudah dihapuskan tetapi dalam realiti dan dalam praktikalnya, ianya tidak berlaku. Saya beruntung kerana saya memasuki proses pembelajaran di Malaysia terkekang dengan AUKU dahulunya dan juga belajar di luar negara yang memberikan kebebasan sepenuhnya kepada kita menyuarakan pendapat. Kalau di Malaysia, kita nak tegur sikit pensyarah, kita takut lepas ini markah kena potong ataupun dia bagi sindiran-sindiran yang memaparkan bahawa kita boleh dihukum di bawah akta-akta yang tertentu yang ketika itu belum dipinda.

Akan tetapi di luar negara, kita bahkan menggalakkan untuk mengkritik secara terbuka kaedah pembelajaran, sistem nilai dan banyak perkara tetapi kritikan kita harus berasaskan kepada ilmu kerana itu kalau kita lihat perbezaan yang ketara anak-anak muda yang keluar daripada universiti tempatan dan universiti luar negara yang pulang. Tahap pemikiran kritis mereka jauh berbeza, tahap ketakutan dan keberanian mereka juga jauh berbeza dan kerana itulah saya rasa sudah sampai masanya kerajaan yang ada hari ini mengambil langkah-langkah yang jauh lebih proaktif daripada yang ada pada hari ini untuk membuka ruang seluas-luasnya kepada mahasiswa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jangan risau tentang mahasiswa, mereka tetap akan jadi orang. Jangan risau tentang mahasiswa, keputusan akademiknya kerana mereka secara automatiknya mengimbangkan antara masa berpolitik dan masa belajar. Saya tidak nampak ada pemimpin mahasiswa dulu yang gagal dalam pelajaran. Manakala, yang saya nampak ramai mereka yang gagal dalam pelajaran bukan kerana aktif berpolitik tetapi aktif ke kelab malam, aktif dengan program-program yang tidak langsung membina minda, sahsiah ataupun keperibadian mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih sekali lagi kerana diberikan ruang untuk membicarakan pindaan kepada rang undang-undang ini dan saya mengharapkan agar pihak kerajaan atau pihak kementerian terus berani untuk meminda undang-undang ini dan janganlah hiraukan sangat kelompok pemikiran order lama yang takut dengan propaganda dan suasana negatif yang mereka cipta sendiri. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang kata Dewan Negara lebih tinggi daripada Dewan Rakyat, satu daripada petandanya ialah bahagian Akta 555 ini dibahaskan di Dewan Negara tapi tidak begitu di Dewan Rakyat. Jadi tahniah dan syabas.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Bakar tadi mencadangkan supaya senarai-senarai ataupun senarai nama badan-badan yang dibolehkan dan tak dibolehkan itu saya fikir lebih sesuai kalau yang tak dibolehkan itu disediakan, *insya-Allah* itu boleh dilakukan. Cuma beza yang utamanya ialah kalau dulu dalam AUKU, perkara ini di bawah bidang kuasa Menteri dan itu dianggap kuasa Menteri yang terlalu besar. Dalam pindaan kalau AUKU, ia diturunkan kepada Lembaga Pengarah Universiti.

Perkara pilihan raya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Bakar itu sebenarnya tidak timbul kerana seksyen itu telah pun dikeluarkan seperti yang saya sebutkan ketika pembentangan tadi.

Tentang 47(d) yakni soal tidak boleh aktiviti parti politik di dalam kampus. Saya nak jelaskan Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu contoh yang mungkin akan boleh berlaku. Seorang pelajar dia adalah ketua cawangan parti payung di kampungnya. Dia pelajar tahun dua di Universiti Malaya. Sebagai pelajar tahun dua, dia bertanding dalam mesyuarat cawangan atas parti payung di kampungnya dan dia jadi ketua cawangan. Itu dibenarkan di bawah 47(1) atau IPTA, AUKU 15(1), kalau Akta 174 nanti kita akan pinda 10(1).

Manakala, yang tak boleh ialah yang (d) ini, apa dia, bila dia masuk sahaja pagar Universiti Malaya, kaedahnya ialah dia kena tinggalkanlah parti payung dia itu, itu maksud dia. Akan tetapi dia masih seorang ahli tetapi dia tak bolehlah hendak buat mesyuarat cawangan parti payung. Mentang-mentang dia ketua cawangan, dia nak buat mesyuarat cawangan dia dekat bilik dia. Itu tak acilah Tuan Yang di-Pertua, itu yang kita tak benarkan atau dia nak tubuh parti payung indah di Universiti Malaya, itu kita tidak benarkan tetapi dia pelajar, di luar dia boleh.

Kemudian, yang tak boleh itu, yang bawah (d) itu tidak pula termasuk kita akan kawal media sosial. Itu *insya-Allah* tidak termasuk. Tidak juga termasuk pakai *badge* pun tak boleh, cuma kita pandai-pandailah jaga diri kita sendiri. Tidaklah termasuk tak boleh buat forum politik. Jadi, Yang Berhormat Saiful Izham bin Ramli tadi timbulkan, itu dibolehkan. Sebenarnya dah dibolehkan sebelum ini pun tetapi penafsiran. Saya setuju dengan Yang Berhormat, ini soal penafsiran.

Sebelum pindaan 2009 pun sebenarnya boleh tetapi soal penafsiran, kita baikilah soal ini. Ada orang tanya saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kalau pelajar ketua cawangan parti payung ini naikkan bendera parti payung depan bilik dia di asrama. Di sini ada pertembungan antara *what is private property, what is public.* Kalau dia simpan bendera itu dalam beg dia atau dalam *locker* dia, kita akan anggap sebagai *private property* tetapi bila dia memperagakannya, itu kita anggap dia sudah masuk kepada *public area.* Dia tertakluk di bawah (d) tadi. Itu maksud tidak dibenarkan aktiviti parti politik di dalam kampus. Yang Berhormat Menteri *insya-Allah* akan mengeluarkan garis panduan untuk mengelakkan salah-salah tafsir yang dirisaukan oleh Yang Berhormat.

Ada sedikit perbezaan antara Akta 30 dan Akta 555 itu tetapi daripada segi spiritnya itu sama. Oleh sebab itu saya anggap ini adalah penyelarasan sahaja antara kedua-dua akta. Tiga soalan yang spesifik yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman Bakar itu saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Ini menunjukkan beliau begitu peka tentang perbezaan itu namun perbezaan itu berlaku antara lain kerana Akta IPTS itu dibuat lebih kemudian daripada AUKU. Jadi ada bidang kuasa itu dah termasuk dah misalnya kuasa Menteri tak perlu lagi disebut di sini kerana dia dah ada dalam seksyen 88 Akta IPTS yang sedia ada. Soal kewajipan selenggara daftar itu, itu di bawah seksyen lain yang saya tak ingat di mana Ketua Pendaftar yang secara lazimnya ialah Ketua Setiausaha. Sememangnya dah ada kuasa untuk termasuk pemantauan dan sebagainya. Jadi ada perbezaan-perbezaan daripada segi itu.

Bab Jawatankuasa Aduan, itu sudah ada dalam Perlembagaan IPTS masing-masing walaupun dia mungkin tidak menggunakan ayat yang semestinya sedemikian rupa. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tentang keperluan untuk mengadakan pendidikan politik di dalam kampus cuma izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk merujuk Harold Entwistle dalam bukunya yang berjudul *"Political Education in a Democracy"* yang menyebutkan soal antara kelemahan pendidikan sivik dan pendidikan *citizenship* dan pendidikan politik yang disebut oleh setengah *literature political education,* ada yang sebut sebagai *political socialization* ialah kalau pendekatan dia itu hanya untuk instrumen politik, prosedur politik tetapi tidak menekankan nilai partisipasi. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli yang menyebutkan soal partisipasi.

Kalau kita hendak adakan pendidikan politik di kalangan pelajar, aspek nilai kenapa dia harus partisipasi. Apa yang dia dapat apabila dia berpartisipasi barulah dia akan faham kenapa dia harus daftar jadi pemilih, kenapa dia harus keluar mengundi.

Kalau tidak, kalau hanya ajar tentang institusi-institusi dan instrumen-instrumen politik, maka itu yang dikatakan dia bersifat *initisme*, dia bersifat *quietism* dan pasifisme. Dia tengok sahaja, dia tak rasa perlu untuk terlibat sama dan berpartisipasi dalam pendidikan politik walaupun pendidikan politik itu diberikan.

■1840

Cadangan Yang Berhormat untuk menentukan CGPA tertentu sahaja baru boleh, yang ini saya fikir akan menimbulkan masalah, akan bertembung lagi dengan Artikel 10 dalam Perlembagaan. Artikel 10(2) menyatakan hanya ada lapan perkara yang membolehkan hak untuk bersuara itu boleh di*waive,* dengan izin dan dalam konteks pelajar, dia cuma ada dua sahaja yang bersesuaian iaitu dengan izin, *public order* dan *public morality*.

Jadi agak sukar untuk kita *defend* kalau kita gunakan itu, akan tetapi saya tahu, dalam universiti perkara itu digunakan di bawah kaedah pilihan raya kampus ataupun pemilihan majlis perwakilan pelajar. Itu di bawah konteks yang sedikit berbeza. Itu pun sebenarnya belum di*challenge*. Saya tak pasti kalau dia *challenge,* ia boleh *reveal* tetapi persoalannya ialah saya tidak fikir kerajaan selepas kes UKM4, kita hendak bawa satu syarat yang akan menimbulkan persoalan-persoalan yang menyentuh soal *public order* dan *public morality* yang menyebabkan kita akan berhadapan dengan masalah sama ada ia selaras atau tidak dengan perlembagaan negara.

Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu menyebutkan soal bahawa pindaan IPTS ini adalah sesuatu yang positif. Saya mengambil nota tentang cadangan ataupun harapan Yang Berhormat bahawa pindaan ini akan menimbulkan suatu *insya-Allah* kita harap ia akan menimbulkan budaya politik yang lebih baru, yang lebih sihat dan yang lebih segar terutamanya di kalangan pelajar-pelajar kita di dalam kampus.

Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli menyebutkan soal perbezaan di antara umur kemasukan ke IPTS, tajaan dan pembiayaan pelajar di IPTS jika berbanding dengan IPTA. Sedikit sebanyak memang ada perbezaan itu dan walau bagaimanapun saya fikir dari segi hak dan kebebasan kita harus melihatnya sebagai sama. Soal mahasiswa boleh bersuara. Saya sudah sebut tadi soal partisipasi yang ditimbulkan. Soal mahasiswa boleh bersuara, ini bukan soal undang-undang sangat sebenarnya. Akan tetapi soal kita di kampuslah dan kita selalulah menasihatkan kepada kepimpinan di universiti supaya berlapang dada, bersifat terbuka kepada pelajar-pelajar. Dia boleh berbeza pandangan, dia boleh menyatakan sesuatu yang bertentangan pun.

Saya teringat misalnya dalam Voltaire, tetapi ini bukan Voltaire dalam saya tidak ingat dia punya tetapi *has something to do with voltaire*. Dia kata dengan izin, "*I disapprove of what you say, but I will defend to the death your right to say it"*. Saya rasa kalau kita ada fahaman itu, kita takkan risaulah kalau pelajar itu buat demonstrasi suruh kita letak jawatankah. Akan tetapi kalau dia buat yang memang sah melanggar undang-undang, menimbul yang jelas, itu persoalan yang berbeza sama sekali. Akan tetapi soal politik, soal berbeza ini kita harus berlapang dada. Kalau tidak, kita jangan jadi orang politik.

Saya bersetuju dengan kerisauan saudara. Kami pun risau juga tentang tafsiran 47(2)(b) yang ditimbulkan tadi. Akan tetapi sebagaimana saya telah menjawab lebih awal tadi ketika AUKU, percayalah universiti sedikit-sebanyak saya yakin mereka dapat melihat semangat daripada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang, Tuan Yang di-Pertua lebih maklum daripada saya. Ada waktunya memang undang-undang itu kena ditulis begitu dan sebab itu kita ada Akta Tafsiran. Ia supaya mengawal kita, memandu kita apabila kita mentafsirkan supaya tidaklah di tafsir secara lateral. Akan tetapi kalau tidak tulis begitu, ia sudah tidak jadi undang-undang. Macam Menteri, takkan Menteri tak ada kuasa? Ketua pendaftar, takkan ketua pendaftar tak ada kuasa? Akan tetapi dalam hal ini agaknya di sinilah sesuai maksud pendekatan Islam tentang *"husnuzzon"* ini, bersangka baiklah selagi tidak berlaku sesuatu perkara yang sangat munasabah dilihat sebagai tidak adil dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang ingin saya jawab. Sekali lagi saya ucap berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan bagi akta ini adalah juga untuk penyelarasan dengan pindaan yang telah dilakukan oleh Dewan yang mulia ini kepada AUKU 71 dan Akta IPTS 1966. Butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 174 untuk memotong takrif kampus.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 10, Akta 174 dengan seksyen 10 yang baru. Subseksyen 10(1) bertujuan untuk meluaskan hak berpersatuan pelajar untuk memasukkan hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik.

Perenggan 10(2)(a) dan (b) yang dicadangkan memperuntukkan sekatan ke atas pelajar untuk menjadi ahli persatuan dan sebagainya yang menyalahi undang-undang dan ahli persatuan dan sebagainya yang Menteri selepas berunding dengan Ketua Eksekutif menetapkan dan menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau institusi.

Perenggan 10(2)(c) yang dicadangkan bertujuan untuk melarang pelajar daripada bertanding dalam pilihan raya bagi atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus jika pelajar itu memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik. Larangan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian di dalam kampus.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun rang undang-undang ini ketika di Dewan Rakyat telah dipinda dan memotong sepenuhnya perenggan 10(2)(c).

Perenggan 10(2)(d) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Subseksyen 10(3) yang dicadangkan bertujuan untuk meniadakan sekatan yang dikenakan ke atas pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar untuk menyatakan atau melakukan apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik.

■1850

Subseksyen 10(4) yang dicadangkan memperuntukkan pengecualian kepada sekatan yang dikenakan dalam subseksyen 10(3) sebagaimana yang dipertentukan di bawah seksyen 10, Akta 174 yang sedia ada.

Subseksyen 10(5) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas institusi untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kekecualian.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi bahawa fasal 3 rang undang-undang ini telah dipinda dan diluluskan di Dewan Rakyat dengan memotong sepenuhnya perenggan 10(2)(c) selari dengan pindaan yang sama dalam Rang Undang-undang AUKU dan Rang Undang-undang IPTS. Untuk makluman Dewan yang mulia, akta ini mengawal UiTM, Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

6.51 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan satu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Saya ingin mulakan dan saya kira ini adalah perbahasan saya kali terakhir dalam Dewan Negara dengan membaca ayat Al-Quran *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud "Sesungguhnya apa sahaja yang akan saya ucapkan selepas ini merupakan taufik daripada Allah dan kepadaNya saya bertawakal dan kepadaNya saya akan kembali.

Dalam konteks ini, apabila kita menyebut tentang satu akta yang membicarakan tentang tatatertib yang melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi bila mana pihak kerajaan hari ini telah pun melonggarkan syarat kepada mereka yang ingin terlibat dalam pilihan raya dan terlibat dalam politik. Saya kira antara polisi utama yang pihak kerajaan dan dipantau oleh kementerian kena pastikan ialah memastikan semua IPTA, IPTS termasuk UiTM dan juga Kolej Komuniti sebagaimana yang disebut pada hari ini mempunyai prasarana-prasarana dan semua syarat yang perlu untuk memungkinkan mereka membuat perkara.

Ini kerana bila mana pelajar ini tahu mereka sudah dibenarkan untuk berbuat demikian tiba-tiba ianya dikekang dalam bentuk tidak ada tempat yang sesuai dan saya kira untuk kelulusan mana-mana IPTS ataupun sebarang pembinaan IPT serta UiTM ataupun kolej komuniti yang baru, prasarana termasuklah Dewan yang sesuai haruslah dijadikan satu keutamaan kerana ini merupakan satu keperluan pada masa akan datang di samping mereka boleh berhubung dalam media di alam maya.

Begitu juga tentang soal tempat dan masa. Kita faham hari ini pelajar-pelajar universiti kadang-kadang hendak balik rumah jumpa emak ayah pun tidak sempat. Terlalu banyak aktiviti, terlalu banyak *assignment* yang telah pun diberikan kepada mereka dari segi akademik yang sebenarnya akan menyebabkan mereka langsung tidak punya masa kalau hendak terlibat walaupun dibenarkan dan dibuka seluas-luasnya oleh kerajaan. Jadi dalam konteks ini, kita harap kebenaran akan disusun dengan manual yang munasabah agar kita dapat pastikan bila mana mereka ada cuti hari Ahad itu mungkin boleh dibenarkan untuk mereka terlibat. Jadi saya kira sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa yang terlibat dalam kes ini bukan hanya pelajar yang berusia 18 tahun tetapi juga yang berusia 35 tahun dan 50 tahun mungkin sebagai mahasiswa veteran.

So, dalam konteks ini saya harap perkara ini diberi perhatian terutama kepada pihak IPTS yang saya rasa tidak banyak tempat yang akan diberikan dan kadang-kadang ini akan dipandang mungkin dengan sebelah mata dan ini akan menyebabkan pelajar kita lagi tension. Dalam konteks ini, yang terlibat dalam isu ini adalah ramai dan saya bimbang ini juga akan jadi masalah tatatertib selepas ini kerana mereka hendak buat tiba-tiba tidak dapat pula. Itu yang pertama.

Kedua, bila mana kita sebut tentang IPT di seluruh negara kita hari ini, semua IPT saya rasa melainkan Kolej Komuniti mereka punya pelajar luar negara. Jadi dalam konteks ini, bagaimana pelajar luar negara ini adakah mereka diberikan syarat tambahan boleh terlibat dalam aktiviti parti politik kerana kalau kita lihat di bawah seksyen 10 dan juga dalam akta-akta lain tadi menyebut bahawa sama ada di dalam atau luar Malaysia termasuk mana-mana parti politik. Adakah ini bererti mereka boleh aktif dalam parti politik di negara mereka atau mereka boleh terlibat dalam parti politik dalam negara kita. Sekiranya mereka ini terlibat, adakah mereka akan dikenakan syarat tambahan oleh pihak imigresen dan sebagainya yang mungkin akan menyebabkan mereka bukan kena tindakan tatatertib tetapi dikenakan tindakan oleh Kerajaan Malaysia kerana melanggar syarat-syarat sebagai pelajar yang datang ke Malaysia untuk belajar. Itu yang kedua.

Ketiga, saya hendak tanya pihak kementerian saya lihat dalam dua akta yang terakhir ini tidak disebut tentang Jawatankuasa Aduan Pelajar. Adakah dalam konteks ini bermakna, walaupun pindaan ini dibuat dengan *consequential* dan sama rata dengan pindaan lain tetapi tidak disebut Jawatankuasa Aduan pelajar. Adakah Jawatankuasa Aduan Pelajar ini akan diwujudkan dalam Jawatankuasa Tatatertib sebelum sebarang tindakan dikenakan kepada pelajar-pelajar ini.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan IPG. Saya faham IPG ini di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi kalau kita sudah berikan kelonggaran ini kepada pelajar-pelajar IPTA, IPTS, UiTM dan sebagainya adakah pihak kerajaan akan membuat pindaan seterusnya kepada pelajar-pelajar di IPG kerana hari ini kita lihat kebangkitan ini bermula sebenarnya di UPSI yang melibatkan para guru. Hari ini saya rasa sudah sampai masanya untuk pihak kerajaan dalam kes membabitkan perkara ini menyamaratakan di antara pelajar-pelajar di universiti ataupun di maktab supaya mereka ini dapat hak yang sama. Jangan kita pinda untuk sini, tiba-tiba IPG lambat dalam tiga bulan lagi selepas pilihan raya umum. Kasihan pada mereka kerana perkara ini saya rasa perlu diberi perhatian.

Saya juga hendak tanya di peringkat IPTS dan juga di peringkat Kolej Komuniti. Kalau di IPTA biasa, kita ada pilihan raya kampus, kita ada pilihan raya kediaman.

Dalam konteks IPTS yang kecil dan juga kolej komuniti yang mungkin lebih kecil jumlahnya, adakah mereka juga terlibat sebenarnya dalam proses-proses seperti ini. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memastikan terjadinya 500 IPTS yang akan terlibat dengan sistem ini di campur dengan 20 IPTA sebagaimana yang diberitahu rakan kita tadi akan menubuhkan Jawatankuasa PEMANDU untuk memastikan keaktifan pelajar selepas daripada pindaan kepada AUKU ini menjadi kenyataan di peringkat awal. Saya rasa sekurang-kurangnya ditubuhkan Jawatankuasa ini dalam masa enam bulan supaya kita melihat ianya berlaku satu kebangkitan dan keseluruhan pelajar yang menyeluruh.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan juga berkenaan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di ketiga-tiga institusi tadi IPTA, IPTS dan juga di UiTM tadi adakah pihak luar negara ini mereka diberi kerusi yang khas ataupun kuota yang khas sebagai mewakili suara daripada pelajar antarabangsa dan sekiranya tidak ada saya pohon untuk bertanya tentang rasionalnya.

Tadi saya sudah tanya tentang soal pilihan raya dan tidak dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kemungkinan kerana kekangan masa. Akan tetapi dalam konteks ini, saya hendak tanya bilamana kita ada 500 IPTS dan ada UiTM seluruh negeri kita ada, kalau pilihan raya ini berlaku dalam masa yang terdekat kita tidak boleh berkempen dalam kawasan kampus mereka kena balik untuk mengundi di kawasan masing-masing. Adakah mereka akan diberikan pekeliling dan masa yang sesuai. Sebab ini sebenarnya menimbulkan kebimbangan banyak yang hantar SMS kepada saya tanya, "Adakah kami ini boleh balik". Saya kata, "Saya pun tidak tahulah Menteri tidak jawab lagi". Dalam konteks ini, saya pohon rakan diberikan jawapan sebab saya percaya mereka tidak hendak langgar keputusan tatatertib yang telah pun ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Kenapa dalam konteks Parlimen Belia ini tidak dibuat penyelarasan dengan Parlimen Mahasiswa? Saya rasa Parlimen Mahasiswa ini sangat bagus. Kemungkinan Parlimen Mahasiswa ini boleh bersifat sebagaimana Dewan Negara untuk belia. Ini mendapatkan input yang lebih tinggi. Jadi kalau hanya USM yang buat Parlimen Mahasiswa, saya harap di universiti lain juga dapat dikendalikan sekali. Saya hendak tanya apakah institusi induk yang sebenarnya menjadi induk kepada semua MPP IPTA, IPTS, UiTM, Kolej Komuniti dan juga di peringkat maktab supaya kita dapat melihat *youth quake* ini, kebangkitan ini dipantau dengan cara yang *proper*.

Mereka dapat datang dalam forum yang sesuai untuk kita kemudian melihat suara ini dalam bentuk yang lebih tersusun dan bila mana juga hari ini kita sudah pinda beberapa akta ini. Adakah terdapat perubahan kepada bentuk tindakan tatatertib serta prosedur yang akan dikenakan sekiranya pihak pelajar ini melanggar mana-mana keputusan ataupun mana-mana akta yang telah pun disebut sebelum ini.

■1900

Sebagai pengakhiran saya minta izin sedikit Tuan Yang di-Pertua, untuk merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Kelantan, kepada Dewan Negara khusus Tuan Yang di-Pertua dan semua rakan-rakan terutamanya daripada rakan-rakan saya daripada sebelah saya ini Yang Berhormat Pak Cob, Pak Syed, Pak Tunku, Yang Berhormat Ramakrishnan, Yang Berhormat Saiful, pada Dato' Jo dan Pak Mus yang saya rasa telah pun berikan sokongan yang begitu padu kepada saya untuk bersama-sama di dalam Dewan Negara.

Begitu juga rakan-rakan daripada kerajaan yang saya rasa telah pun memberikan suasana yang begitu kondusif untuk saya mengemukakan sebarang idea dan hujah bagi membawa negara ini ke arah lebih gemilang dan saya juga merakamkan terima kasih saya kepada semua yang telah memberikan sokongan kepada saya sama ada daripada keluarga, sahabat, daripada guru, jentera dan semua rakan-rakan yang telah pun memberikan semangat sebelum ini.

Saya juga hendak mengambil dan merakamkan ucapan yang telah pun diamanahkan kepada saya oleh Menteri Besar Kelantan ketika saya mengambil amanah untuk datang ke Dewan Negara yang berkata, "Mumtaz awak dilantik bukan untuk mewakili parti, awak dilantik bukan hanya untuk mewakili negeri tetapi awak dilantik untuk membawa Islam ke Dewan Negara".

Saya rasa sepanjang saya berada di sini memohon maaf sekiranya sepanjang enam tahun saya berada di Dewan Negara ada lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam yang tidak mampu saya kemukakan dan saya mengharapkan agar semua tindakan yang telah pun kita buat di dalam Dewan ini dikira sebagai ibadah dan sesungguhnya tidak ada manusia yang akan hilang ataupun tidak mempunyai kesilapan. Jadi, saya rasa saya akhiri dengan pantun yang biasa kita dengar...

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik daripada semua rakan-rakan di sini akan saya kenang jua.

Jadi *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam*. Sebagai mewakili semua di dalam Dewan inilah saya mengambil kesempatan juga ucapan terakhir daripada Hajah Mumtaz ini ada lagi beberapa *bill* ini. Walau bagaimanapun, bila sudah cakap begitu rasanya Hajah, telah pun banyak melontarkan, melibatkan perbahasan yang cukup baik dan Hajah juga hari ini telah menyatakan bahawa wujudnya otak yang kanan.

So, saya berharaplah Hajah dengan perwatakan Yang Berhormat itu begitu baik, masih muda lagi sungguhpun Dewan Negara bukan tidak hendak tetapi *term* you sudah habis, hendak buat macam mana. Agaknya di Kelantan pun hendak macam mana pun tidak boleh juga. Akan tetapi mungkinnya pilihan raya sudah dekat, mana tahu agaknya kalau boleh masuk ke Dewan Rakyat agaknya, cuba membuatkan otak di sana menjadi kanan... *[Ketawa]*

So, saya pun amat gembiralah kepada semua kita terima dengan semangat keterbukaan Yang Berhormat Hajah Mumtaz dan tanpa membuang masa lagi kita teruskanlah persidangan hari ini dengan- diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.03 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua sebab itu saya ambil duduk sebelah kanan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, sahabat lama daripada zaman beliau belajar di UIA dan saya bekerja di UIA. Tahniah, syabas dan terima kasih. Saya hendak betulkan sedikit kenyataan awal saya tadi, akta 174 ini kalau untuk kami di KPT ialah untuk UiTM, politeknik dan kolej komuniti tetapi dia juga menjangkaui kolej-kolej yang lain, institusi-institusi pengajian tinggi yang lain yang termaktub di bawah definisi akta ini.

Saya ambil maklum tentang soal prasarana, syarat-syarat dan tempat di kawasan-kawasan yang ada terutama di bawah IPTS sebenarnya lebih-lebih lagi dalam kolej komuniti sebab kolej komuniti suasananya agak berbeza. Ada yang tidak mempunyai kampus selumayan universiti ataupun politeknik ataupun UiTM. Kita akan mengingatkan kawan-kawan di sana supaya ruang-ruang sewajarnya disediakan.

Soal *academic workload*, soal masa, kelas malam, ada ujian hari Sabtu, Ahad, ini saya lihat satu lumrah berlaku bukan hanya berlaku di IPTS, IPTA pun. Saya rasa pihak universiti semuanya sedaya upaya untuk tidak terlalu membebankan tetapi almaklumlah keperluan-keperluan semasa itu agaknya menyebabkan begitu, namun mudah-mudahan perkara ini tidaklah sampai membantut atau menggencatkan keaktifan ataupun aktivisme pelajar-pelajar kita.

Saya tadi minta maaf tidak sempat menjawab soal cuti untuk Pilihan Raya Umum. Pertamanya kita tidak tahu bila Pilihan Raya Umum tetapi saya cukup yakin semua IPT dan saya akan nasihatkan semua IPT untuk memberikan cuti yang sesuailah sebagaimana kita memberi cuti yang sesuai setiap kali ada perayaan-perayaan utama negara.

Berkaitan dengan Pilihan Raya Kampus yang dilaksanakan sendiri oleh mahasiswa tadi ditanya ketika perbahasan AUKU. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada IPTS kita, ini bukan IPTS yang datang daripada luar negara tetapi *home grown* IPTS yang sudah pun membenarkan pelajarnya menguruskan sendiri pilihan raya kampus. IPTA belum lagi tetapi ini soal ini terserah kepada IPTA kalau mereka ingin melaksanakannya, itu adalah persoalan yang kita tidak akan menyekatnya.

Dari segi pilihan raya kampus untuk jawatankuasa yang dipanggil Majlis Perwakilan Pelajar, IPTA memang semuanya ada. Kebanyakan IPTS yang bertaraf universiti dan kolej universiti ada, kalau yang kecil-kecil itu mungkin belum lagi agaknya. Politeknik *insya-Allah* semuanya sudah mula mengadakan pilihan raya kampus. Kolej Komuniti itu, ada yang ada, ada yang lantikan sebab kolej komuniti ini masalah mereka ialah setengah-setengah pelajar itu datang untuk kursus-kursus modul yang sangat pendek. Jadi sukar untuk mereka untuk ada satu senarai pemilih. Bukan pemilih hantu ke apa tetapi memang ini tetapi usaha-usaha ke arah itu memang sentiasa dilaksanakan.

Berkaitan dengan jadual Jawatankuasa Aduan Pelajar. Ia dimasukkan dalam pindaan untuk AUKU tidak untuk IPTS kerana ia di bawah perlembagaan mereka dan tidak juga di bawah Akta 174 kerana itu kalau saya tidak silap sudah ada dalam kaedah tatatertib yang sedia ada. Bagi pelajar luar negara, dia prinsipnya Tuan Yang di-Pertua ialah asal di luar pagar kampus itu berlakulah 15(1) atau 47(1) atau 10(1) yang baru. Asal berada dalam kampus maka berlakulah aktiviti parti politik itu tidak dibenarkan.

Bagi pelajar-pelajar luar negara yang belajar di IPT kita, ada setengah-setengah IPT yang memang dalam kaedah pilihan raya kampus menyediakan kerusi khas. Misalnya di UIA ada kerusi khas untuk pelajar antarabangsa. Saya tahu ada di satu dua tempat yang lain begitu juga. Ini bergantung kepada kreativiti masing-masing, yang pentingnya ialah pelajar antarabangsa itu tidaklah terpinggir dari segi perwakilan dan suara mereka.

Malahan dalam IPTA pun ada permintaan misalnya di setengah-setengah IPT pelajar dari kaum tertentu sangat sedikit. Kalau dia bertanding, susah sangat hendak menang. Jadi, ada IPTA yang mula memikirkan untuk ada jawatan seolah-olah macam Senator yang secara perundingan dilantik wakil-wakil kumpulan minoriti itu supaya mereka ada perwakilan di sana.

Parlimen Mahasiswa bermula di Universiti Sains Malaysia. Kita terbuka dan kita sentiasa membenarkan mana-mana IPTA atau IPTS yang ingin menubuhkan Parlimen Mahasiswa masing-masing dan seandainya IPTA sebagai contoh ingin menubuhkan Parlimen Mahasiswa di peringkat kebangsaan, ini juga dibenarkan dengan beberapa syarat yakni selepas sejumlah yang signifikan di kalangan IPTA telah pun mempunyai Parlimen Mahasiswa.

Sementara itu, kita ada satu platform lain yang sudah dimulakan pada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri lagi iaitu Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yang turut membawa masuk sebahagian, belum semua lagi perwakilan pelajar daripada IPTS.

■1910

Idea untuk ada satu pinjam istilah Yang Berhormat *youth quake* ataupun *youth platform* yang untuk semua. Saya fikir saya hendak bawa ini kepada Kementerian Belia dan Sukan sebab Parlimen Belia yang ditubuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan walaupun perintisnya dalam bulan ini, mungkin itu satu platform yang lebih sesuai. Ini kerana bila kita ambil kira sebagai contoh pelajar kolej komuniti. Walaupun definisinya hampir sama dengan pelajar universiti ataupun IPT yang lain tetapi orientasinya itu lebih sesuai kalau dia diletakkan di bawah Parlimen Belia sebagai contoh sebab masa ia di dalam kampus itu amat sedikit. Akan tetapi kami terima baik cadangan ini.

Akhir sekali soalan tentang kaedah tatatertib. Bergantung kepada kaedah tatatertib IPT masing-masing. Kebanyakan kaedah tatatertib itu, seksyen-seksyennya itu agak umum. Jadi, apabila misalnya ada IPT, apabila pelajar sebelum ini terlibat dengan aktiviti politik yang sekarang ini sudah dibenarkan, dia tidak ada satu seksyen khusus yang disebut politik tetapi dia ada seksyen yang seakan-akan perkara 10(b) yang sudah ada dalam kaedah tatatertib. Jadi kalau ia bersifat sedemikian, mungkin dia tidak perlu membuat pindaan kecuali kalau memang ada perkataan politik disebut atau parti politik disebut dengan begitu jelas sekali dalam kaedah tatatertib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG
PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

7.14 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia Kedua (CMP2), yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 April 2011 telah menggariskan strategi dan inisiatif utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia di samping mewujudkan suatu rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal yang lebih kukuh dan teguh. Strategi yang digariskan di dalam CMP2 ini adalah selaras dengan Program Transformasi Ekonomi bagi meletakkan negara sebagai pesaing utama ekonomi di persada antarabangsa dan memastikan negara berada pada landasan yang betul bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

Justeru, Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 yang dibentang sekarang telah dikemas kini bagi menyelaras pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan dalam CMP2 dan memastikan rangka kerja pengawalseliaan Undang-undang Pasaran Modal Negara kekal teguh. Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 iaitu CMSA mengambil langkah-langkah berikut:

(i) memperkenalkan suatu dana pampasan tunggal bagi pelabur yang akan dikenali sebagai Dana Pampasan Pasaran Modal;

(ii) mengadakan rangka kerja pengawalseliaan undang-undang bagi amanah perniagaan (*business trust);*

(iii) mengasingkan rangka kerja pengawalseliaan undang-undang bagi produk pasaran modal yang tersenarai dan produk yang tidak tersenarai;

(iv) mengadakan peruntukan-peruntukan bagi salah laku dan penalti di dalam Industri Skim Persaraan Swasta; dan

(v) membuat pindaan-pindaan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi sesuatu pasaran modal untuk mempunyai rangka kerja pampasan yang efektif dalam menyelesaikan tuntutan yang dibuat oleh para pelabur terhadap pengantara (*intermediaries*) dalam pasaran modal. Selaras dengan ini, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam tahun 2010 telah menubuhkan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIRDEC) untuk menimbang tara pertikaian antara pelabur dan pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang melibatkan jumlah wang tidak melebihi RM100,000 setiap tuntutan.

Walau bagaimanapun, untuk melengkapkan rangka kerja pampasan bagi pasaran modal, terdapat keperluan untuk menyelaraskan struktur dan pemakaian kesemua tabung pampasan di bawah undang-undang sekuriti yang sedia ada pada masa ini. Walaupun tabung-tabung pampasan sedia ada telah menyumbang kepada keyakinan pelabur terhadap pasaran modal Malaysia, rangka kerja sedia ada ini tidak akan dapat memenuhi kehendak para pelabur pasaran modal yang semakin meningkat.

Pendekatan pampasan sedia ada yang melibatkan berbagai tabung pampasan yang berbeza-beza bagi berlainan jenis pemegang lesen juga tidak selari dengan Rejim Pelesenan Tunggal *(Single Licensing Regime)* di mana seorang pemegang lesen boleh menjalankan lebih daripada satu aktiviti terkawal di bawah satu lesen.

Justeru, penggal empat CMSA akan dipinda untuk mewujudkan satu dana pampasan untuk pelabur pasaran modal yang lebih bersepadu dan komprehensif. Semua tabung pampasan sedia ada akan digabungkan menjadi satu yang akan dikenali sebagai Dana Pampasan Pasaran Modal. Di bawah rangka kerja baru ini, tuntutan hanya boleh dibuat kepada Dana Pampasan oleh pelabur yang merupakan *client* kepada seseorang pemegang lesen hanya apabila pemegang lesen tersebut tidak dapat membuat pembayaran kepada pelabur disebabkan *insolvency*. Antara lain cadangan rangka kerja bagi Dana Pampasan baru ini akan memperuntukkan perkara-perkara berikut:

(i) penubuhan Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal yang dipanggil Perbadanan, yang akan diletakkan di bawah kawal selia SC untuk menjalan dan mentadbirkan Dana Pampasan;

(ii) fungsi dan tanggungjawab Perbadanan;

(iii) kaedah-kaedah tuntutan terhadap Dana Pampasan; dan

(iv) kuasa SC terhadap Perbadanan dan Dana Pampasan itu.

■1920

Tuan Yang di-Pertua, industri pengurusan aset memainkan peranan yang penting dalam membiayai pertumbuhan ekonomi negara dari segi penggunaan simpanan domestik (*domestic savings*) dan juga untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia. Pada masa ini, kelas aset yang boleh diuruskan oleh pengurus kumpulan wang adalah terhad kepada *security* dan *derivatives* sahaja. Hal ini memberi kekangan kepada perkembangan pasaran modal negara terutamanya bagi industri pasaran modal Islam. Ini adalah kerana dalam industri pasaran modal Islam, aset di dalam sesuatu pelaburan patuh syariah perlu dimiliki oleh pelabur secara langsung dengan membenarkan pelabur memiliki aset-aset selain daripada *security* dan *derivatives*., ianya akan dapat merangsang lagi industri pasaran modal Islam di negara ini.

Bagi tujuan tersebut, 'Bahagian' IIIA di bawah perenggan 6 diwujudkan untuk memperkenalkan struktur amanah perniagaan iaitu *business trust.* Amanah perniagaan ini akan distrukturkan dalam bentuk amanah iaitu *trust* dan adalah merupakan satu jenis skim unit amanah. Di bawah amanah perniagaan ini, aset yang boleh diuruskan oleh seseorang pengurus kumpulan wang boleh merangkumi aset-aset seperti komoditi, kapal, pelabuhan dan lain-lain lagi.

'Bahagian' IIIB juga akan memperuntukkan beberapa perkara lain. Kuasa SC untuk mendaftarkan atau memberi pengiktirafan kepada sesuatu amanah perniagaan, kewujudan dan peranan pengurus pemegang amanah, perlunya dokumen penzahiran untuk amanah perniagaan yang tidak disenaraikan, hal keadaan di mana SC boleh menolak permohonan pendaftaran atau pengiktirafan sesuatu amanah perniagaan, tadbir urus amanah perniagaan, peruntukan-peruntukan bagi perlindungan pelabur serta kuasa pengawalseliaan SC. Amanah perniagaan ini juga boleh disenaraikan di bursa saham dan ini akan membuka peluang baru kepada syarikat-syarikat untuk menjana dana daripada pemilikan aset mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rangka kerja kelulusan SC tidak membezakan antara proses kelulusan bagi penawaran produk pasaran modal bagi tujuan penyenaraian dan penawaran produk pasaran modal yang tidak tersenarai. Rangka kerja yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini akan meningkatkan ketelusan permohonan yang memerlukan kelulusan SC. Ia akan mengasingkan kelulusan bagi penyenaraian sesuatu produk dan penawaran produk tidak tersenarai.

Pengasingan ini akan membolehkan SC untuk melaksanakan pengawalseliaan berdasarkan risiko dan membezakan keperluan penzahiran yang bersesuaian bagi berbagai jenis pelabur dan pelaburan. Bagi tujuan tersebut, rang undang-undang ini akan memperkenalkan Penggal 1, dan Penggal 1A yang baru bagi Bahagian VI CMSA. Rangka kerja baru ini juga akan membolehkan pihak SC untuk mengiktiraf saham dan produk luar negara yang telah diluluskan oleh badan pengawalseliaan luar negara selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh SC.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkemaskan lagi rangka kerja bagi Industri Skim Persaraan Swasta dan untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada pencarum, Penggal 3A CMSA akan dipinda dengan memasukkan seksyen-seksyen berikut:

Seksyen 139ZN - menyatakan kehendak supaya seseorang yang memasarkan Skim Persaraan Swasta hendaklah mempunyai asas yang munasabah dan tidak mengelirukan pelabur.

Seksyen 139ZO - menyatakan kesalahan dan penalti bagi penzahiran yang salah atau mengelirukan yang dibuat oleh seseorang pencarum.

Seksyen 139ZP - menyatakan kesalahan bagi mana-mana orang yang mengeluarkan pernyataan yang salah atau mengelirukan apabila mempelawa pelabur untuk melabur di dalam Skim Persaraan Swasta.

Seksyen 139ZQ - menyatakan kesalahan bagi menggunakan peranti atau skim bagi tujuan manipulasi dan memperdaya pelabur.

Seksyen 139ZR - nyatakan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 139ZP dan 139ZQ.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memasukkan beberapa pindaan berbangkit seperti pindaan kepada takrif 'sekuriti' dan 'produk pasaran modal' serta memperkenalkan beberapa takrif baru seperti 'amanah perniagaan' dan 'perkhidmatan pasaran modal'. Selain itu, rang undang-undang ini juga akan meminda seksyen 76 supaya pihak bank mempunyai suatu asas yang munasabah sebelum membuat syor kepada pelabur dalam mempromosikan skim persaraan swasta. Rang undang-undang ini juga akan memasukkan seksyen 76A baru bagi mewujudkan satu rangka kerja pendaftaran untuk mana-mana orang yang melibatkan diri atau menyediakan aktiviti pasaran modal.

Sebagai kesinambungan kepada cadangan pengenalan dana pampasan tunggal, seksyen 200, 201, 211, 220, 354, 355 dan 356 CMSA akan dipinda bagi menggantikan rujukan daripada tabung pampasan atau tabung kesetiaan kepada dana pampasan pasaran modal.

Selain itu, wang yang tidak dapat diagihkan di bawah seksyen-seksyen ini boleh digunakan oleh SC untuk membiayai kos membangun dan memudahkan program pendidikan untuk pelabur pasaran modal dan profesional, tertakluk kepada kelulusan Menteri. Pindaan juga dibuat kepada seksyen 237 untuk membolehkan sesuatu skim unit amanah untuk mengeluarkan prospektus ringkas. Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan. Fasal-fasal lain dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas? Silakan Yang Berhormat.

7.27 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, adakah rang undang-undang ini melindungi *private retirement scheme* yang baru-baru sangat dibincangkan dalam media massa. Siapa yang layak untuk ambil bahagian? Adakah ini satu alternatif kepada EPF atau pun kita *contributor*, keluar wang daripada EPF dan melabur di sini?

Ada juga kita dengar dari media massa bahawa beberapa *private retirement scheme* di US telah pun mengalami banyak kerugian dalam krisis *subprime mortgage loan.* Bagaimanakah *private retirement scheme* akan dilindungi daripada krisis-krisis begini? Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, ada juga baru-baru ini dalam Bursa Malaysia, satu atau dua insiden berlaku iaitu ada pengumuman daripada syarikat bahawa seorang kenamaan akan beli saham. Pengumuman di buat tetapi bila pengumuman dibuat harga saham pun naik tetapi selepas beberapa hari ada juga pengumuman dibuat bahawa orang kenamaan tidak beli dan harga pun jatuh begitu melampau. Ini menampakkan macam satu manipulasi harga saham. Apakah tindakan yang diambil oleh pengatur iaitu Bursa Malaysia terhadap situasi yang berlaku di dalam dua, tiga syarikat di bursa saham Malaysia.

Ketiga, baru-baru ini ada satu gejala iaitu *high frequency trading* yang baru di *detect* di Bursa Malaysia. Ini akan melibatkan banyak pelabur-pelabur kecil *retailers* yang tidak begitu berpengalaman. Bagaimanakah Bursa Malaysia akan melindungi *retailers* yang tidak begitu banyak melabur dan tidak begitu banyak pengetahuan.

Perkara keempat Tuan Yang di-Pertua ialah syarikat-syarikat asing yang melabur di Bursa Malaysia. Banyak pelabur dalam negeri tidak begitu berpengetahuan mengenai kedudukan kewangan syarikat-syarikat asing. Bagaimanakah pelabur tempatan dilindungi daripada manipulasi atau pun laporan kewangan yang betul apa yang berlaku di syarikat asal mereka iaitu kita tidak begitu berpengalaman. Jadi adakah Bursa Malaysia ada apa-apa kehendak yang lebih untuk syarikat-syarikat dari luar negara yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Itu sahaja. Terima kasih

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan. Seterusnya saya ingin minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi?... Sila Yang Berhormat.

7.30 mlm

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba sentuh sedikit berhubung dengan CMSA 2012 ini. Pertamanya saya yakin Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan atau CMSA 2012 ini diperkenalkan bagi tujuan memperketat lagi operasi pasaran modal di negara kita dengan yang pertama penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal. Sebelum ini setiap syarikat ataupun syarikat pelaburan mempunyai mekanisme mereka sendiri bagi membayar pampasan kepada penuntut-penuntut ataupun tuntutan.

Sekarang ini telah pun diselaraskan dengan satu dana yang menyeluruh yang iaitu kita panggilkan Dana Pampasan Pasaran Modal ini. Mungkin kita boleh tanya apakah mekanismenya bagi dana ini dikumpulkan modalnya kerana– hari ini pun saya tidak ada angka bagi menunjukkan berapa banyakkah atau berapa besarkan dana itu harus dikumpulkan bagi menampung kebolehan membayar ataupun menjelaskan tuntutan-tuntutan.

Adakah ini seumpama PIDM iaitu seumpama satu skim deposit di bawah Bank Negara yang membayar sekiranya ada terdapat kerugian kepada penyimpan-penyimpan di mana-mana institusi perbankan di negara ini. Jadi adakah ianya - dana ini sudah tentu disumbangkan oleh *industry player* dan apakah mekanismenya bagi ke arah mengumpulkan dana tersebut. Setakat manakah kemampuannya, *exposure*nya itu yang penting sebab dana ini akan sentiasa berkembang dan kalau kita lihat hari ini sahaja pasaran modal di Malaysia menjangkau RM2.2 trilion. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjangkakan tahun 2020 pasaran modal ini kita akan meningkat sampai satu angka yang lebih besar iaitu RM5.4 trilion. Jadi apakah mekanisme kita untuk mengira Dana Pampasan Pasaran Modal ini.

Amanah perniagaan ataupun *business trust* adalah sesuatu yang baru. Saya pun tidak mahir sangat tentang ini tetapi ia satu model baru yang diperkenalkan dan diambil dan model yang sudah ada di Singapura yang mula diperkenalkan pada 2004. Jadi mungkin saya beranggapan amanah perniagaan atau *business trust* ini ada persamaannya dengan REIT iaitu *Real Estate Investment Trust* ataupun amanah harta tanah yang sudah mula ada dalam pasaran modal di Malaysia.

Jadi sudah tentu ada sebab-sebabnya kenapa kita bergerak ke arah *Business Trust* ini tadi dan kalau dilihat dari segi model yang ada di Singapura ataupun negara-negara lain yang sudah memulakan. Apakah sebenarnya sumbangan *business trust* ini ke arah perkembangan pasaran modal itu sendiri kepada negara. Apakah isu-isunya? Apakah cabarannya seperti mana yang telah dialami oleh negara-negara terdahulu daripada kita. Apa akan terjadi kepada REIT yang ada sekarang? Adakah kita akan transformasikan mereka kepada *business trust* ini ataupun amanah perniagaan ini?

Satu lagi perkara yang disebut tadi ialah berhubung dengan Skim Persaraan Swasta ataupun *Retirement Scheme* di mana skim ini sudah tentu ditujukan kepada mereka yang mempunyai simpanan dalam KWSP. Kalau kita lihat ini sudah tentu ada persamaan dengan skim Anuiti yang telah diperkenalkan lebih daripada sepuluh tahun dahulu kepada penyimpan-penyimpan KWSP yang mana saya rasa produk ini telah ditarik kerana ada masalah-masalah yang menyebabkan pelabur-pelabur tidak mendapat pulangan seperti yang dijangkakan.

Apabila Skim Persaraan Swasta ini diperkenalkan saya rasa ini suatu yang baik bagi memberi peluang kepada penyimpan-penyimpan KWSP yang hari ini apabila umur ataupun tarikh persaraan mereka dilanjutkan ada yang kepada 58 sekarang ini mungkin kepada 60 dan ini menyebabkan simpanan mereka bertambah dan keperluan mereka selepas persaraan adalah lebih tinggi.

Jadi dengan adanya peluang-peluang mereka menabung melalui skim persaraan swasta ini, mereka ada pilihan tetapi persoalannya, adakah anuiti atau skim-skim persaraan swasta ini mempunyai mekanisme untuk memberi pulangan kepada pendeposit sekurang-kurangnya sama taraf ataupun lebih baik daripada apa yang mereka dapat kalau simpanan mereka dibiarkan di dalam EPF ataupun KWSP.

Sebenarnya saya tahu bahawa KWSP sendiri pun mempunyai masalah untuk mencari *instrument-instrument* untuk membuat pelaburan bagi menjamin pulangan yang baik kepada pelabur-pelabur ataupun penyimpan-penyimpan. Sebenarnya KWSP sendiri terpaksa mencari peluang-peluang pelaburan yang baru. Itu sebabnya Akta Pelaburan KWSP telah diubah bagi memberi kelonggaran mereka melabur lebih, peratusannya lebih ke luar negara semata-mata bagi menjamin pulangan kepada penyimpan-penyimpan itu akan stabil dan kalau lebih baik lagi terus meningkat dari tahun ke tahun.

Kalau tidak silap saya tahun lepas KWSP telah membayar sekitar 5.75 peratus kalau tidak silap saya, betulkan saya kalau saya silap. Sudah tentu kedatangan *instrument* baru ini kepada penyimpan-penyimpan KWSP dialu-alukan. Mungkin saya boleh bertanya di sini oleh kerana lesen telah pun dikeluarkan kepada lapan syarikat yang bakal menguruskan sebagai perintis dalam skim persaraan swasta ini dan sebahagian mereka adalah syarikat-syarikat yang berteraskan insurans. Saya tidak nampak ada satu syarikat takaful pun diberi kelulusan daripada yang lapan itu. Adakah pihak yang bertanggungjawab bercadang bagi mengaitkan sedikit elemen insurans atau takaful dalam produk tersebut?

■ **1840**

Bagi penyimpan di samping mereka mendapat pulangan daripada pelaburan-pelaburan mungkin boleh membantu kalau elemen insurans dikaitkan atau dipakejkan bersama supaya mereka juga mendapat ulangan sekiranya seseorang itu mendapat kemalangan ataupun meninggal atas sebab-sebab tertentu.

Berhubung dengan pasaran modal, nampaknya negara hari ini merancang dalam *master plan* yang kedua iaitu daripada tahun 2011 ke tahun 2020 untuk menggandakan angka-angka ini seperti mana yang saya sebutkan tadi ke arah mencapai RM5.4 atau RM5.8 bilion kapasitinya menjelang 2020. Sudah tentu ini memerlukan satu strategi yang bersepadu kerana pasaran modal tidak boleh terlalu bergantung dalam negara. Kita perlu mengaitkan dan mendapat sambutan ataupun mendapat pelaburan-pelaburan dari negara luar apatah lagi dalam usaha kita untuk meningkatkan pasaran modal Islam. Pasaran modal Islam sendiri hari ini kerajaan ataupun dalam *master plan* fasa yang kedua ini usaha sedang dibuat bagi menggandakan RM1.1 trilion yang ada di dalam pasaran modal Islam pada tahun 2010 ke satu angka yang tinggi juga iaitu RM2.9 trilion menjelang 2020. Jadi apabila angka ini boleh, mampu dicapai ini bermakna 50 peratus jumlah di dalam pasaran modal nanti adalah berlandaskan syariah.

Jadi sudah tentu *legal framework* dan operasi *handling*nya harus diperkuatkan lagi di samping usaha-usaha pemasaran dan juga usaha-usaha infrastruktur yang perlu kita gandakan. Ini kerana kita bercerita hari ini untuk bukan sahaja menggandakan lebih daripada itu dalam masa yang singkat iaitu lebih kurang lapan tahun daripada sekarang.

Berkaitan tentang pasaran modal, mungkin saya hendak sentuh perkara yang kecil-kecil juga kerana kita selalu terdengar di mana pelabur-pelabur kecil-kecilan yang melabur disebabkan oleh semangat kawan-kawan ataupun ditonjolkan dan diberikan penerangan yang tidak berapa lengkap dengan pelbagai cara, pelbagai instrumen. Kita pernah dengar pelabur-pelabur ditarik untuk melabur dalam skim-skim emas misalnya. Kita pernah lihat bagaimana pelabur-pelabur yang tidak berpengetahuan ditarik untuk melabur di dalam produk-produk pertanian. Untuk produk-produk perladangan dan juga penternakan lembu misalnya.

Kita juga pernah dengar pada seketika dahulu tentang produk-produk inovatif yang dikeluarkan oleh seseorang di Malaysia sendiri yang memerlukan modal untuk berkembang dan dijalankan satu skim pelaburan yang semua ini akhirnya gulung tikar dan menyebabkan saya rasa beratus-ratus juta ringgit jumlah kerugiannya oleh masyarakat-masyarakat yang kurang berpengetahuan ini.

Jadi soalan saya di manakah dan bilakah masanya pihak-pihak yang bertanggungjawab. Kita ada *Securities Commission* atau Suruhanjaya Sekuriti. Kita ada Bank Negara Malaysia dan kita ada SSM.

Saya lihat masing-masing menjalankan tanggungjawab secara berasingan. Secara *stand alone*. Kadang-kadang saya lihat SSM buat tangkapan. Ada juga saya lihat Bank Negara yang buat dan kadang-kadang pihak SC sendiri. Kurangnya integrasi dan juga kurangnya kerjasama ini menyebabkan kadang-kadang, saya sendiri pun keliru di bidang kuasa setiap agensi yang saya sebutkan tadi. Bilakah masanya sesuatu agensi itu diperlukan bertindak. Selalunya saya lihat tindakan itu diambil setelah jumlah kerugian itu terlampau besar.

Kadang-kadang kita tidak percaya baru-baru ini di Perak misalnya sampai angka yang puluhan juta telah dikumpulkan melalui tabungan itu yang tidak mendapat kelulusan dari mana-mana pihak, akhirnya barulah ada tindakan. Banyak lagi sebelum ini saya lihat. Dalam pelancongan pun ada. Dalam ternakan ada. Dalam harta benda pun ada bahkan umrah pun ada. Jadi saya harap kita kena hentikan perkara ini terutama sekali hari ini semua modus operandi ini dipermudahkan lagi dengan teknologi.

Melalui *Facebook* sendiri pun kita lihat banyak iklan yang begitu mengancam orang kata. Contohnya selesaikan masalah kewangan anda. Satu skim yang mudah dengan klik di sini. Jadi kawan-kawan kita yang ada masalah kewangan klik. Bila dia klik di situ dia sebenarnya membawa kepada lebih banyak kerugian dan masalah. Dalam *Facebook* dan juga dalam banyak laman web tertentu.

Keduanya saya juga risau hari ini, di satu-satu ketika apabila melihat rakyat mempunyai pegangan tunai yang banyak. Sudah tentu akan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab berkeliaran mencari mangsa. Satu kerisauan saya ialah apabila peneroka-peneroka Felda ini tidak lama lagi akan mendapat durian runtuh yang dilaporkan akan menerima RM15,000 untuk satu keluarga. Saya yakin akan bertaburanlah mereka ini untuk mencari mangsa. Bahkan baru-baru ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, apabila skim BR1M pun, saya sendiri alami ada unsur-unsur mereka cuba menipu kepada penerima-penerima BR1M.

Saya sedih juga kadang-kadang dengar mereka ini ditipu. Belum sempat penerima itu membawa balik tunai di tengah jalan sudah ditipu dengan macam-macam *scam*. Jadi semua ini dilakukan atau boleh terjadi oleh kerana kurangnya informasi, kurangnya *awareness* dengan izin, di kalangan masyarakat umum.

Jadi kepada ketiga-tiga pihak tadi iaitu Bank Negara, SC dan juga SSM, saya rasa pelajaran itu penting. Pengajaran itu penting. Saya rasa kita harus berbelanja sedikit untuk menerangkan dan juga memberi pengetahuan kepada orang umum sebelum mereka ini ditipu berjuta-juta setiap kali.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang sempat saya sentuh dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah. Seterusnya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

7.49 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah di atas pandangan yang cukup berguna. Sesetengah cadangan itu saya yakin akan diambil kira oleh pegawai-pegawai khususnya pegawai SC yang ramai berada di sini pada hari ini.

Pertamanya tentang soalan tentang apakah rang undang-undang pindaan ini merupakan peruntukan untuk penubuhan *private retirement scheme*.

■1950

Sebenarnya, ini telah pun diperuntukkan dalam rang undang-undang yang sebelum ini. Sebab itu sekarang ini sudah pun diluluskan lapan saya boleh sebut nama nanti. Akan tetapi, apa yang dibuat dalam rang undang-undang ini ditambah dari segi peruntukan-peruntukan supaya lebih jelas kesalahan-kesalahan dan juga denda yang boleh dikenakan dan denda ini agak tinggi.

Kalau dari segi denda wang RM1 juta penjara, ada setengah kesalahan tiga tahun, ada setengah kesalahan lain sepuluh tahun. Ini diperjelaskan, jadi memang ada peruntukan-peruntukan untuk menambah. Ini kerana peruntukan yang dibuat dalam akta yang sebelum ini membolehkan penubuhan Skim Persaraan Swasta. Akan tetapi banyak perincian yang perlu dibuat dan setengahnya dibuat melalui tambahan kepada rang undang-undang hari ini.

Di antara Skim Persaraan Swasta yang telah diluluskan lapan ialah Aim Investment Management Sdn. Bhd., American International Assurance Berhad (AIA), CIMB Principle Asset Management Berhad, Hwang-DBS Investment Management Berhad, ING Funds Berhad, Manulife Unit Trusts Berhad, RHB Investment Management Sdn. Bhd. Jadi bermakna kalau kita lihat nama-nama ini memang ada yang bersifat antarabangsa, yang *local* pun merupakan syarikat-syarikat yang mempunyai berhubung kait dengan bank-bank ataupun *investment* bank macam wang dan juga melibatkan syarikat-syarikat dalam bidang insurans jadi...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Yang Berhormat sebut tadi berapa syarikat? Ada tujuh saya kira.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tujuh ada ya. Hendak sebut nama semua, habis itu apa soalan?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Yang Berhormat kata tadi ada lapan tetapi saya dengar tidak sampai lapan pun.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Saya difahamkan lapan tetapi bila saya bilang balik tujuh sahaja ada.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Satu lagi Public Mutual Berhad.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ha! Public Mutual Berhad okey dia dari Public Bank. Jadi nanti kalau tidak sebut itu– terima kasih. Saya pun tidak tahu macam mana senarai yang saya dapat tidak ada barangkali baru, ini baru sedikit tetapi tidak apalah baguslah. Bermakna kalau kita lihat bahawa syarikat-syarikat yang dibenarkan ini sepatutnya mempunyai kepakaran. Tidaklah jenis yang skim-skim yang Dato' Mohammed Najeeb sebut itu yang banyak berkeliaran yang itu memang tidak boleh. Jadi dari segi produk-produk insurans, *Unit Trust* pun ada sini. Jadi saya rasa ini boleh sebagai satu permulaan. Akan tetapi, ia tidak boleh dilihat sebagai alternatif kepada EPF kerana siapa yang berada dalam Skim EPF boleh teruskan.

Ini lebih kepada barangkali skim swasta yang tidak ada skim-skim sama ada pencen ataupun EPF yang melibatkan syarikat-syarikat besar. Kadang-kadang dia bekerja sendirikah dan dia mahu. Skim ini agak fleksibel makna dia boleh bagi sumbangan sekalikah setahun, tiap-tiap bulankah jadi fleksibel dan diberi pula jenis-jenis skim sama ada skim yang konservatif. Jadi konservatif ini mungkin pelaburannya dalam bon, dalam deposit ada skim yang *growth* skim-skim pertumbuhan. Itu mungkin dalam saham-saham, syarikat-syarikat yang boleh memberi keuntungan besar jadi ada pilihan.

Apa yang pastinya mereka yang ingin mengambil bahagian di sini, seharusnya mengetahuilah produk-produk kewangan. Jangan yang tidak tahulah langsung hendak masuk ini mungkin tidak sesuailah kerana dia perlu tahu, dia perlu pantau. Jangan masuk sekali bila sudah sampai umur hendak keluar tidak tahu berapa dapat. Mungkin yang lain-lain ada pilihan lain insurans itu pun macam-macam. Jadi apa yang dibuat di sini boleh dianggap sebagai tambahan. Mungkin setengah itu dia lebih suka kepada skim seperti ini, setengah yang suka kepada skim-skim yang berlainan kita teruskan.

Bagaimana dilindungi? Pertamanya, kita pastikan syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan ini syarikat yang bertanggungjawab dan kita pastikan kesalahan-kesalahan yang dibuat akan didenda dengan begitu berat.

Tiga tahun penjara, sepuluh tahun penjara, RM1 juta denda. Makna kalau mereka masih lagi hendak buat itu mereka berhadapan dengan risikolah, risiko besar. Apa pun akhir-akhirnya kita ada dana pampasanlah, kalau itu masih lagi perlu maka inilah tujuannya. Berhubung dengan pertanyaan berapa saiz dana pampasan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb sebut tadi. Sekarang ini bila digabung-gabungkan, kita sudah ada lebih RM300 juta. SC sendiri memberi *guarantee* RM100 juta jadi semuanya sudah ada lebih daripada RM400 juta.

Kalau dikira dari segi *exposure*, *exposure* memang banyaklah. Pasaran modal kita trilion, trilion ya tetapi kita dianggapkan tidak semuanya akan berhadapan dengan masalah. Dana ini pun hanya melindungi pelabur-pelabur di mana pemainnya berhadapan dengan masalah seperti *insolvent.* Makna dia kena *insolvent* dahulu baru dapat minta. Kalau tidak syarikat ini perlu menanggung, syarikat perlu menanggung terlebih dahulu. Jadi syarikat dia tahu, dia kena hati-hati jugalah kalau dia mahu dalam *business,* dia mahu berpanjangan dia kena berhati-hati. Kalau terdapat kes-kes di mana pampasan boleh dikenakan maka mereka akan berhadapan dengan masalah.

Jadi ini adalah sebahagian daripada usaha yang telah dibuat. Dari segi masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rama dari segi pengumuman dibuat, kemudian sekali jadi, sekali tidak jadi. Memang ini boleh dilihat sebagai manipulasi pasaran ataupun *insider trading*. Ini ada peruntukan-peruntukan undang-undang yang boleh diambil tindakan tegas. Besar boleh menyelidik membuat penyiasatan, SC boleh membuat penyiasatan. Kita sebenarnya banyak Yang Berhormat mungkin kadang-kadang kita tidak tahu sebab perkara ini tidak di umum ataupun tidak dilaporkan secara meluas. Saya ingin sebut beberapa tindakan penguatkuasaan oleh SC ya sepanjang sepuluh tahun. Katalah tahun 2000 hingga tahun 2010. Sebanyak 430 kes yang telah dibawa pendakwaan dan juga kompaun. Pendakwaan jenayah 132, 20 individu telah pun dipenjarakan sehingga 144 bulan. Itu berapa itu? Banyak tahun juga itu. Jumlah denda yang dikenakan RM43 juta.

Ada tindakan sivil dan penyelesaian luar mahkamah melibatkan RM2.1 juta - 63 kes. Tindakan pentadbiran - 143 kes, kompaun - 92 kes yang melibat RM20.5 juta. Ini di antara kesalahan-kesalahan yang telah dibuat. Kes-kes yang berhubung dengan *auditors* Yang Berhormat ada sebut sebelum ini. Ada juga tindakan tahun 2009 - Syarikat United U-LI; 2004 - Kiara Emas; 2004 – Enego Berhad ini *auditors*nya telah diambil tindakan. Jadi kalau ada kes-kes seperti ini memang tindakan boleh diambil dan saya rasa kalau memang dibuat untuk mendapat keuntungan, tindakan sudah tentu perlu diambil. Bukan sahaja boleh diambil, perlu diambil supaya ianya tidak berlaku lagi.

Syarikat asing melabur di Malaysia ataupun disenaraikan di Malaysia memang ada peruntukan yang lebih ketat supaya syarikat ini merupakan syarikat asing.

■ 2000

Jadi memang sebelum diluluskan, Bursa umpamanya akan melawat. Pergi dengan rombongan SC pergi melawat, tengok pula dia punya *auditors* sana apakah mempunyai *international standard,* pengawal seliaan di sana apakah menepati standard kita sebelum diluluskan. Jadi, kita tidak begitu mudah walaupun sebagai dasar kita menggalakkan syarikat-syarikat luar datang untuk disenaraikan di Malaysia ini tetapi *screening* yang dibuat ini agak susah dan saya dapati bahawa memang saya sendiri pun mendapat rayuan atau keluhan daripada setengah-setengah syarikat dia kata susah nak senarai di Malaysia ini.

Akan tetapi ini sesuatu yang perlu diambil supaya kita lebih berhati-hatilah. Kalau akhir-akhirnya masih juga mengalami masalah, itu sekurang-kurangnya kita telah berusaha. Masalah dalam pasaran kewangan ini bukan sahaja di tempat kita, di tempat lain pun ada. Bukannya sesuatu yang boleh dielakkan sepenuhnya tetapi mesti ada tindakan, peraturan, perundangan yang tegas dan ini yang cuba dibuat oleh kerajaan kita.

Sains Dana, Datuk Najeeb, saya dah sebut tadi SC, *guarantee exposeure* nya Amanah Trust. Amanah Trust ini memang ini satu perniagaan baru. Dia menyerupai REIT. REIT ini *property*. Bangunan kah, pendapatannya diperoleh daripada penyewaan.

Sekarang kita memang boleh dikatakan kita juga melihat apa yang berlaku di Singapura. Singapura umpamanya pelabuhan di Hong Kong disenaraikan. Pelabuhan, satu *business* pelabuhan disenaraikan di Singapura. Jadi kita merasakan bahawa ini perlu juga dibuka ruang di Malaysia ini supaya bukan sahaja pelabuhan, kapal, komoditi dan ini lebih menepati kehendak pelabur-pelabur Islam, lebih patuh syariah sebab dia nak tengok apa dia aset itu.

Kalau saham sahaja, tak mahu, tak minat dia. Dia nak tengok apa asetnya sebab itu ini sebahagian daripada usaha bukan sahaja untuk membuka ruang penyenaraian yang baru kepada penyenaraian *business* tetapi juga lebih sesuai sebenarnya kepada sistem pasaran modal Islam. Jadi kita harapkan dengan adanya *business trust* ini, perkembangan pasaran modal Islam akan lebih lagi meningkat.

Dari segi skim persaraan swasta, saya dah sentuh banyak. Pasaran modal, ini Yang Berhormat Datuk Najeeb ada sebut tentang skim-skim penipuan. Ini memang betullah, kita merasa begitu kecewalah. Lebih banyak kita merasakan diri kita sudah semakin maju, semakin banyak pula skim-skim penipuan dan semakin ramai pula rakyat Malaysia yang termakan.

Kadang-kadang kita kata macam-macam kita cakap, kita bagi pengumuman, kena lagi. Jangan percaya kepada rayuan-rayuan cinta, gambar-gambar cantik dalam *internet*, kena lagi. Tak tahu macam mana senang sangat kita termakan. Saya rasa ramai juga di kalangan kita ini hendak cepat kaya. Kerja kurang tak apa, kaya kena cepat. Jadi, ini senang.

Bila diberi janji-janji bahawa ini skim yang membolehkan pulangan 20 peratus, lima tahun, lima bulan dah balik modal. 20 peratus sebulan, bukannya setahun dan dia bagilah bulan pertama, bulan kedua. Jadi, ini susah tetapi apa pun memang kita mengharapkan agensi-agensi penguat kuasa kita, SC atau Bank Negara perlu bantu kitalah. Memang kadang-kadang mungkin SC kata ini bukan melibatkan skim tersenarai atau apa, bukannya pasaran modal yang formal di bawah SC, maka yang tidak formal tidak di SC tetapi saya dapat merasakan perasaan Yang Berhormat Datuk Najeeb, kehampaan, kekecewaan mengapa ini berlaku.

Tidakkah boleh pihak-pihak tertentu sekat awal-awal lagi? Bila dah dengar sudah, pergi hantar orang periksa. Biarlah di luar bidang kita sikit, hantar orang periksa. Proaktif supaya yang kena tipu ini tak ramai, sempat kita ambil tindakan. Jadi, barangkali ini yang perlu dilakukan. Saya harap rakan-rakan dari SC ke Bank Negara ke boleh mengambil tindakan. Tak payah kira ini bidang kuasa kita ke bidang kuasa orang lain ke.

Apa pun saya teringat ada satu pembaharuan daripada segi, sekarang sudah ada dibentuk satu *task force* yang dianggotai oleh pelbagai agensi. *Task force* ini dipengerusikan oleh pihak AG, *Attorney General* bukan *Accountant General.* Mengambil tindakan, ini macam-macam. Wang haram, penyeludupan wang ataupun skim-skim seperti ini, penipuan. Diharapkan dengan adanya pelbagai agensi berada di bawah satu *task force* ini yang agak aktif yang pergi terutama sekali di kawasan-kawasan pintu masuk negara kita, *check* agak yang lebih bentuk *surprise check* umpamanya. Tengok pegawai kita, agensi kita membuat kerja pun kadang-kadang di *check* tengok sama ada ruang-ruang kebolosan di pintu-pintu masuk umpamanya.

Saya kira ini dapat membantu sedikit sebanyak masalah yang dihadapi di negara kita tetapi daripada segi kreatif, skim ini masih lagi kita terdedah dan diharapkan rakyat Malaysia akan lebih berhati-hatilah di samping apa jua bantuan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh celah?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Ya, boleh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Datuk Timbalan Menteri, ada satu syarikat, dia membuat satu pengumuman pada 26 Mac 2012 bahawa satu orang kenamaan akan beli dalam saham syarikat dia dan pada 30 Mac iaitu empat hari kemudian, pembeli cakap dia tidak akan beli. Jadi bila dia mengumumkan pada 26 Mac itu, ada saham naik. 30 Mac dia mengumumkan bahawa tidak beli dan harga pun runtuh. Ini berlaku di bulan Mac, sekarang sudah bulan Mei. Saya tidak nampak adakah apa-apa tindakan diambil atas syarikat ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang bila syarikat-syarikat terutamanya syarikat yang disenaraikan membuat pengumuman, memang ia dalam perhatian Bursa dan juga pemantauan SC. Sebab itu, saya sebut tadi bahawa apa-apa perkembangan yang boleh menampakkan unsur-unsur *market* manipulasi, menaikkan harga dan mendapat keuntungan daripada kenaikan harga tersebut. Ini boleh disiasat dan saya yakin pihak berkuasa sentiasa menyiasat. Dia tak boleh benda-benda macam itu. Pengumuman perlu diambil kira. Dia macam ini, kadang-kadang daripada kaca mata kita, kita rasa macam bukti itu dah jelas tetapi daripada segi teknikal, kita kena tengok juga.

Umpamanya apa-apa pengumuman ini kita kena lihat sama ada *the price is price sensitive* atau tidak ataupun *insider trading*. Katalah satu maklumat yang diperoleh, *price sensitive* atau tidak. Ini kena tentukan. Kalau *price sensitive,* betul-betul *price sensitive,* harganya pun betul-betul naik dan ada pihak yang didapati mempunyai hubung kait dengan pengumuman itu, dia yang membuat pengumuman ke umpamanya ataupun dia mempunyai syarikat perkongsian dengan yang membuat pengumuman, barulah diambil tindakan. Jadi kalaulah orang yang untung daripada perniagaan itu, pembeli saham biasa, dia dengar pengumuman, dia beli umpamanya dan dia untung. Maka kita tak boleh nak ambil tindakan ke atas mereka kerana mereka bertindak berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh.

Kalau mereka kerugian kerana pengumuman itu, mempercayai pengumuman itu betul, kemudian dia beli yakin lepas itu tak jadi dan dia rugi, maka dia boleh aduan di sini pihak Bursa dan SC boleh mengkaji dan sekiranya betul maka ada kes-kes di antara kesalahan yang dapat tadi, dia ambil balik duit itu.

■2010

Siapa, pihak manakah yang ambil balik, bagi balik kepada yang rugi. Dipanggil *restitution*. Jadi ada peruntukan-peruntukan. Kalau betul-betul terlibat macam itu, saya pasti ada yang rugi akan patut membuat aduanlah. Pengumuman yang dipanggil *misleading* kah, tak betulkah, sengaja buat sebab dia hendak untungkah, maka ini dibuat.

Jadi bagi saya sendiri, kita tak dapat mengatakan ia manipulasi atau tidak. Bahkan dia ada pakar, dia ada *expert*. Bila buat kajian, di panggil *expert* dari pasaran. Berdasarkan kepada maklumat ini, adakah *price sensitive*. Apa yang berlaku betulkah? Ada orang yang untung kah atau tak untung? Siapa yang membeli, siapa yang menjual? Umpamanya dahulu ada tuduhan-tuduhan dalam syer bila ada kolaborasi antara MAS dengan AirAsia. Saya minta SC buat kajian dan dibuat kajian. Didapati susah hendak buktikan kerana terlalu banyak dan tidak ada bukti jelas bahawa satu-satu pihak itu terlibat dalam manipulasi untuk mendapatkan keuntungan. Jadi, itu jawapan saya.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat sentuh tentang MAS dan AirAsia tadi. Setahu saya di dalam Dewan yang mulia ni telah dimaklumkan bahawa keputusan ataupun *finding* daripada SC setakat ini pihak AirAsia telah dilepaskan. Ertinya tidak ada pendakwaan dan tidak ada bukti-bukti. Akan tetapi masih dalam siasatan ialah MAS. Jadi saya pun hairan. Dalam Dewan ini pun saya sudah tanya pada sesi yang lepas, hari itu bulan Disember dan jawapan diberi adalah dalam siasatan. Sekarang kita Mei, maksudnya sudah lima bulan. Masih lagi dalam siasatan ini, saya rasa satu boleh dipersoalkan tentang *efficiency* SC sendirilah ataupun jawatankuasa yang dibentuk bagi menyiasat khas kes ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Maklumat terkini. Yalah, mungkin mengecewakan Yang Berhormat. Masih dijalankan, penyiasatan masih dijalankan. Akan tetapi Yang Berhormat sebut itu memang ada asaslah. Asas dari segi betul, yang melibatkan syer MAS dan syer AirAsia itu nampaknya mengikut penemuan tidak ada *evidence*. Akan tetapi syer MAS ini masih lagi dijalankan. Kita minta disegerakanlah.

Jadi Yang Berhormat, itulah sahaja saya ucapkan. Walaupun dua orang sahaja Yang Berhormat berucap tetapi masa yang diambil cukup lamalah sehingga saya hendak pergi tahlil pun nampaknya sudah tidak sempat ini, tahlil UMNO.

Terima kasih, apa pun dan saya harap sedikit sebanyak penjelasan yang saya beri ini dapat menjawab setengah-setengah persoalan yang ada di fikiran Ahli Yang Berhormat semua. Jadi, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 28** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG
MESIN CETAK DAN PENERBITAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.16 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Saya memohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 di baca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum Akta Mesin Cetak dan Penerbitan telah diluluskan pada 1 September 1984 (Akta 301). Akta ini adalah suatu akta untuk mengawal selia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, pengedaran hasil penerbitan serta mengenai perkara-perkara yang berbangkit dengannya.

Akta ini memperuntukkan bahawa setiap mesin cetak dan penerbitan berkala selain daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun mestilah dilesenkan dan dikeluarkan permit bagi tempoh 12 bulan atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen atau permit. Akta ini sebenarnya tidak menyekat mana-mana penerbit dan pengarang untuk memberikan pendapat serta kebebasan bersuara. Akta ini hanya berperanan untuk mengawal selia aktiviti percetakan dan penerbitan supaya tidak mencetak dan menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang tidak diingini, yang berunsur negatif dan mempunyai perkara-perkara berikut:

(i) memudaratkan ketenteraman awam;

(ii) memudaratkan kemoralan;

(iii) memudaratkan keselamatan;

(iv) menggemparkan fikiran rakyat;

(v) berlawanan dengan mana-mana undang-undang;

(vi) memudaratkan kepentingan awam; dan

(vii) memudaratkan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa menyampaikan perutusan khas sempena Hari Malaysia ke-48 pada 15 September 2011 telah mengumumkan permulaan Program Transformasi Politik Negara sebagai pelengkap kepada Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi dilaksanakan pada tahun ini.

Era globalisasi telah membawa kepada penyebaran pelbagai bentuk maklumat tanpa mengenal batas geografi dan demografi. Pada masa kini kemajuan dalam bidang percetakan, teknologi dan komunikasi telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat untuk penyebaran maklumat sama ada dalam bentuk cetakan mahupun digital. Dalam hal yang sedemikian, kegiatan percetakan dan penerbitan kini telah berkembang pesat seiring dengan perkembangan teknologi itu sendiri.

Kemasukan maklumat dari luar melalui medium elektronik menambah lagi kecekapan individu untuk mengakses maklumat di hujung jari mereka. Walaupun kita tidak boleh menidakkan kemajuan teknologi maklumat ini, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan menjunjung tinggi prinsip demokrasi yang diwarisi kepada generasi akan datang. Maka, adalah penting bagi kerajaan memelihara keharmonian dan kepentingan awam dari dicerobohi oleh anasir-anasir dari dalam atau luar negara yang boleh menjejaskan perpaduan kita yang telah dibina selama ini.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan perubahan landskap semasa dan menyahut seruan hak kebebasan bersuara individu, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi mengimbangi keperluan dan keadaan semasa. Sehubungan itu, Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 ini akan meliputi pindaan kepada peruntukan sedia ada berkaitan mesin cetak dan penerbitan.

Pindaan-pindaan yang terlibat adalah berkaitan dengan pemansuhan kuasa budi bicara dan kuasa mutlak Menteri serta pemansuhan pembaharuan tahunan lesen mesin cetak dan permit penerbitan. Tuan Yang di-Pertua, huraian mengenai Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 3(3) [*Akta 301*] untuk meniadakan sebutan mengenai kuasa "budi bicaranya" bagi Menteri dalam memberi atau enggan memberikan suatu lesen mesin cetak. Pindaan ini juga bertujuan mengeluarkan kuasa Menteri untuk menetapkan dalam lesen itu tempoh kesahihan dalam lesen itu. Pindaan ini selaras dengan pindaan yang dibuat dalam fasal 4.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1) [*Akta 301*] untuk meniadakan sebutan mengenai kuasa, "budi bicaranya" yang mutlak bagi Menteri dalam memberi seseorang sesuatu permit untuk mencetak atau menerbitkan suatu akhbar di Malaysia atau dalam memberi tuan punya mana-mana akhbar di Singapura suatu permit yang membenarkan akhbar itu diimport, dijual, dikelilingkan atau diedarkan di Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 12 [*Akta 301*] untuk meniadakan tempoh kesahihan bagi sesuatu lesen atau permit dan untuk membenarkan lesen atau permit itu kekal sah selagi lesen atau permit itu tidak dibatalkan.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 13A(1) untuk meniadakan larangan semakan kehakiman ke atas keputusan Menteri untuk memberi, enggan memberi, membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit di bawah Akta 301.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 13B [*Akta 301*] untuk memberi seseorang peluang untuk didengar sebelum suatu keputusan untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit dibuat di bawah subseksyen 3(3), 6(2) atau 13(1) mengikut mana-mana yang berkenaan.

Berikutan dengan pemansuhan pembaharuan tahunan lesen mesin cetak dan permit penerbitan, kementerian mencadangkan supaya suatu peruntukan kecualian ke dalam rang undang-undang ini di mana suatu lesen dan permit yang telah diberikan sah pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah kekal sah selagi lesen atau permit itu tidak dibatalkan walau apa pun tarikh tamat tempoh lesen atau permit itu.

Dengan kata lain, pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 tidak menjejaskan komitmen kerajaan untuk memastikan tiada bahan-bahan penerbitan tidak diingini diedarkan yang boleh memudaratkan keselamatan, ketenteraman awam, kemoralan atau berlawanan dengan mana-mana undang-undang serta mengemparkan pemikiran orang ramai. Dalam usaha kerajaan menyahut seruan kebebasan bersuara, kerajaan suka mengingatkan supaya kebebasan yang diberi ini tidak disalahgunakan untuk kepentingan kelompok tertentu yang akhirnya menjejaskan kepentingan minoriti rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya telah menerima empat nama-nama Yang Berhormat yang hendak membahaskan rang undang-undang ini dan tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon. Silakan Yang Berhormat.

8.26 mlm.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas dan memberi sepatah dua mengenai Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 untuk meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*].

Pindaan ini sesungguhnya mencerminkan pengotaan janji oleh kerajaan seperti mana dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Razak pada Hari Malaysia tahun lepas bahawa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini akan dikaji semula secara komprehensif untuk memenuhi kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini adalah selari dengan komitmen kerajaan dalam mengukuhkan sistem demokrasi di negara kita. MCA dengan ini menyatakan pendirian kami pada mesyuarat agung tahunan pada Oktober lalu bahawa akta tersebut harus dimansuhkan supaya dapat menggalakkan persaingan yang lebih sihat dan adil di kalangan media arus perdana. Walaupun akta ini tidak dimansuhkan sama sekali tetapi pindaan ini sesungguhnya adalah satu langkah yang baik yang dapat membantu negara menjurus ke arah yang progresif.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan pemindaan terhadap peruntukan yang tidak menetapi keadaan semasa dan kehendak rakyat. Pindaan ini telah menghapuskan keperluan membaharui lesen atau permit sebagai tempoh kesahannya. Ini bermakna lesen atau permit terus sah selagi tidak dibatalkan seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 12 akta ini. Dengan pemansuhan tempoh kesahan, kuasa Menteri dalam menetapkan tempoh kesahan bagi lesen mesin cetak seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 3(3) juga ditiadakan. Fasal 7 pindaan ini turut menyatakan suatu peruntukan pengecualian di mana lesen yang telah diberikan dan sah pada tarikh permulaan akta ini dikuatkuasakan akan kekal sah selagi tiada pembatalan ke atas lesen ataupun permit tidak kira tarikh luput tempoh lesen ataupun permit itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pindaan ini, kuasa Menteri adalah amat besar dalam menentukan pemberian satu penolakan permohonan untuk lesen mesin cetak atau permit untuk cetak dan penerbitan.

Dengan pindaan ini di bawah subseksyen 6(1), Menteri tidak lagi mempunyai budi bicara mutlak dalam memberi seseorang satu permit untuk mencetak atau menerbitkan suatu akhbar di Malaysia atau dalam memberi tuan punya mana-mana akhbar di Singapura satu permit yang membenarkan akhbar itu diimport, dijual, di kelilingkan atau diedarkan di Malaysia.

■2030

Di samping itu pemberian atau penolakan permohonan untuk mesin-mesin cetak tidak lagi terletak pada budi bicara Menteri lagi dengan adanya pindaan di atas dan subseksyen 3(3) akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas subseksyen 13A(1) membenarkan semakan oleh institusi kehakiman ke atas apa jua keputusan menteri sama ada memberikan, enggan memberikan atau membatalkan, menggantung sesuatu lesen atau permit.

Tuan Yang di-Pertua, elemen *natural justice,* dengan izin, itu hak untuk didengar turut dipaparkan di dalam pindaan ini. Pindaan ke atas seksyen 13B memberi seseorang peluang untuk didengar sebelum keputusan muktamad terhadap pembatalan. Penggantungan lesen atau permit yang dibuat di bawah subseksyen 3(3), 6(2) ataupun 13(1) sesungguhnya mencerminkan satu perkembangan positif atas pengalaman sistem demokrasi yang berpaksikan keadilan.

Seperti apa jua kebebasan ianya seharus diiringi dengan tanggungjawab, *right that comes with responsibility*, dengan izin. Maka pihak media seharus bertanggungjawab mendukung prinsip dengan izin, *responsible journalism* untuk memastikan berita yang disiarkan adalah benar dan tidak berniat jahat demi kepentingan mana-mana pihak. Oleh yang demikian, sejajar dengan komitmen menggalakkan kebebasan media dengan penyebaran maklumat secara telus, saya berpendapat bahawa seksyen 8A tidak harus dikekalkan. Ini kerana terdapat undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Akta Fitnah 1957 yang amat memadai dalam memerangi kesalahan penyiaran berita yang tidak muktamad.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya. Pada pendapat saya rang undang-undang ini sangat menepati masa, dengan izin, *very timely*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada pihak yang berkenaan yang telah berjaya menghasilkan rang undang-undang ini. Untuk menjayakan rang undang-undang ini amat perlulah satu komitmen yang menyeluruh daripada semua pihak yang relevan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Khoo Soo Seang.

8.33 mlm.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada beberapa soalan dan sedikit pandangan sahaja. Yang pertama mungkin kerana saya bukan seorang peguam saya minta penjelasan di antara 'pertubuhan perbadanan' dan 'pertubuhan tidak diperbadankan', apakah bezanya?

Kemudian di 'fasal 8(a)(ii)' disebut bahawa bagi maksud seksyen ini hendaklah dianggap ada niat jahat sekiranya tidak ada keterangan yang menentukan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah yang munasabah untuk mencetuskan kebenaran berita itu. Saya memang puji fasal ini oleh kerana ini akan menanam sikap bertanggungjawab dan juga kikis tabiat suka sebarkan khabar angin oleh kerana sekarang kita dapati ramai yang suka sebarkan khabar angin tanpa pastikan kebenaran berita yang disebarkan.

'Fasal 8(b)' ini yang saya hendak minta penjelasan sedikit. Jika mana-mana orang telah didapati bersalah oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan, adalah sah bagi mahkamah atas permohonan pendakwa raya memerintahkan supaya diharamkan hasil penerbitan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan dari penerbitan itu. Soalan saya ialah adakah ini bermaksud bahawa selepas enam bulan, hasil penerbitan itu menjadi sah dan halal?

Kemudian 'Fasal 11(1)' tiap-tiap hasil penerbitan yang dicetak atau diterbitkan dalam Malaysia hendaklah dicetakkan nama dan alamat pencetak dan penerbitnya dengan mudah dibaca dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris pada lembaran pertama atau terakhir. Saya fikir bahawa perkataan 'mudah dibaca' itu agak subjektif. Adakah lebih sesuai sekiranya kita tetapkan *font* itu sama ada *10 point*kah, *8 point*kah dan sebagainya.

Kemudian fasal 13A(1) apa-apa keputusan menteri untuk menolak daripada memberikan atau membatalkan atau menggantung sesuatu lesen ataupun permit adalah muktamad dan yang belakang itu yang tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun sudah dipotong tetapi pada saya, saya tidak tahu apa signifikannya. Kalau muktamad jadi yang belakang itu ada potong tidak potong pada saya pun juga serupa juga.

Saya hendak tanya apakah tindakan dan hukuman yang boleh diambil terhadap pencetak dan penerbit yang memalsukan nama dan alamat pencetak ataupun penerbit. Sekiranya dia menggunakan nama yang palsu, apakah tindakan yang kita boleh ambil? Soalan yang kedua atau berikutnya ialah saya pernah menghadiri satu jamuan makan bersama-sama dengan Pengerusi DAP Negeri Johor, Dr. Woo dan di tengah-tengah jamuan itu ada orang masuk dan jual DAP punya *newsletter* yang boleh dibaca dengan mudah dibaca bahawa *newsletter* itu ialah khas untuk member sahaja.

Jadi saya tanya Dr. Woo kenapa ini boleh dijual? Dia cuma balaskan saya dengan senyuman kambing sahaja... *[Ketawa]* Jadi saya hendak tanya adakah ini kesalahan dan saya tahu ini bukan satu kali. Itu memang sudah biasa walaupun khas untuk member sahaja tetapi di dalam kaca mata mereka semua orang Cina ialah member.

Berkenaan dengan peruntukan kecualian, di mana lesen ataupun permit itu telah diperbaharui setiap tahun, saya puji tindakan kerajaan oleh sebab ini menunjukkan kegigihan untuk mentransformasikan sistem kerajaan menjadikannya lebih demokratik. Bagaimanapun saya harap bahawa pindaan itu disambut baik oleh masyarakat tanah air dan juga di peringkat antarabangsa dan saya pun memang berharap bahawa pihak media akan lebih berdisiplin dan bertanggungjawab apabila mereka tidak perlu memperbaharui lesen setiap tahun. Saya juga berharap bahawa pihak media jangan abaikan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan tanah air semata-mata demi kepentingan komersial dan persaingan antara mereka.

Kadang-kadang pihak media sengaja ataupun tidak sengaja mengikut kata-kata ahli politik dan menyebabkan kontroversi agar menarik perhatian para pembaca dan melariskan hasil penerbitan. Saya berikan satu contoh. Baru-baru ini di dalam satu *interview* dengan pemberita saya sebut tentang satu kes tetapi saya tidak mahu ulang kes itu. Saya kata ada seorang kakitangan kerajaan yang jawatannya adalah Penolong Pengarah. Apabila dia ditukarkan menjadi Penolong Kanan di sebuah sekolah menengah, masyarakat Cina fikir bahawa dia diturun pangkat.

Oleh kerana apabila jawatannya di terjemah dalam bahasa Cina dia seolah-olah seorang penolong ketua jabatan di jabatan negeri. Jadi sebenarnya dia bukan. Jadi saya sebenarnya beritahu kepada pemberita bahawa jawatan itu biasa sahaja. Siapa-siapa lepasan ijazah masuk ke mana-mana jabatan kerajaan, dia adalah penolong pengarah. Jadi saya kata biasa sahaja tetapi pemberita apabila dia laporkan berita itu dia kata saya kata jawatan itu sangat kecil.

Jadi seolah-olah saya menghina orang lain dan bukan sahaja dia seorang tetapi siapa-siapa yang adalah penolong pengarah akan rasa terhina oleh saya tetapi itu bukan apa yang saya cakap. Saya harap bahawa pihak media tidak akan bersikap begini. Sengaja buat sesuatu kontroversi untuk melariskan penjualannya tetapi dia rosakkan imej kita.

■ 2040

Saya juga memang berharap bahawa pihak media lebih prihatin, lebih disiplin dan lebih bertanggungjawab terhadap hasil-hasil penerbitan dan kesan-kesannya terhadap keharmonian, keamanan, kesejahteraan, kestabilan dan keselamatan tanah air yang kita semua cintai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya ingin suarakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

8.41 mlm.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya pada petang ini tidak begitu sihat dan pening kepala tetapi saya masih berada di Dewan sebab saya ingin menyertai berbahas untuk rang undang-undang ini... *[Tepuk]* Terima kasih.

Lagi satu memandangkan Tuan Yang di-Pertua ada dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada, saya ingin menyatakanlah hasrat dan juga semua Senator di sini, sejak kita bersidang di Dewan Negara, tiap-tiap hari *overtime* dengan izin. Maka kita mintalah kalau boleh serahkan kuasalah untuk menambahkan hari bersidang, kuasa ini kepada kita punya Tuan Yang di-Pertua untuk menetapkan berapa hari untuk bersidang. Terima kasih... *[Tepuk]*

Salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 ini. Dunia pada hari ini bergerak menuju ke arah kebebasan bersuara dan lebih demokrasi. Malaysia merupakan negara demokrasi keenam yang mempunyai hak untuk memilih. Di Malaysia kita mempunyai kebebasan media di mana rakyat mempunyai kebebasan bersuara menerusi media. Pada hari ini bukan sahaja media tradisional tetapi media baru dengan izin, *new media* juga memainkan peranan yang penting. Media memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan begitu juga dalam politik. Media telah berfungsi sebagai orang perantaraan ataupun orang tengah antara kerajaan dengan rakyat.

Pindaan ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional yang ingin bertransformasi dan mementingkan kebebasan media juga cuba hendak memenuhi kehendak orang ramai. Pada masa kini tiada kesamarataan antara media tradisional dan juga media baru ini iaitu media *online.* Ini telah menimbulkan hati ketidakseimbangan antara media tradisional dan media baru. Maka penggubalan yang dibuat menunjukkan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional terhadap media tradisional yang menunjukkan kebebasan media ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 dengan membuat pindaan subseksyen 3(3) untuk meniadakan sebutan mengenai kuasa budi bicaranya bagi menteri dalam memberikan atau enggan memberikan suatu lesen mesin cetak di mana dia telah meniadakan kuasa menteri untuk menetapkan dalam lesen itu tempoh kesan bagi lesen itu. Ini merupakan satu perubahan yang sangat ketara.

Fasal 3 dengan pindaan subseksyen 6(1) [*Akta 301*] ini telah meniadakan kuasa mutlak menteri dalam memberi permit untuk mencetak atau menerbitkan sesuatu akbar di Malaysia. Ini menunjukkan kesanggupan menteri melepaskan kuasa mutlak ini demi transformasi politik.

Fasal 5 yang menunjukkan subseksyen 13A(1) telah dipinda dengan memotong perkataan dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan pun. Penggubalan ini menunjukkan keberanian dan kesanggupan Kerajaan Barisan Nasional untuk bertransformasi demi kebebasan media.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut indeks kebebasan media yang dibuat oleh wartawan tanpa sempadan, pada tahun 2011 hingga 2012, kedudukan Malaysia telah naik daripada tempat ke-141 pada tahun 2010 sehingga ke tempat ke-122 pada tahun 2011/ 2012. Walaupun bukan yang terbaik tetapi dia telah menunjukkan peningkatan yang besar. Di sini saya ingin mengatakan bahawa bila ada peningkatan yang besar itu yang bermula di tempat ke-141 pada tahun 2010 kepada tempat ke-122 tetapi tiada pujian daripada pihak pembangkang tetapi pada waktu tahun 2010 bila dia jatuh sahaja, pihak pembangkang hanya mengkritik Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa kedudukan indeks kebebasan media Malaysia di Asia Tenggara di kedudukan kedua iaitu selepas Kemboja. Kemboja pada tempat ke-117, Malaysia adalah di ke-122. Saya bacakan indeks kebebasan media ini. Brunei di tempat ke-125, Singapura di tempat ke-135, Thailand di tempat ke-137, Filipina di tempat ke-140, Indonesia di tempat ke-146, Bruma di tempat ke-169 dan Vietnam di tempat ke-172. Ini menunjukkan Malaysia kebebasan media adalah yang kedua di Asia Tenggara. Maka bolehlah dibanggakan walaupun bukanlah yang terbaik. Ini menunjukkan kebebasan media di Malaysia telah menuju ke jalan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya pihak pembangkang selalu mengatakan Kerajaan Barisan Nasional menyekat kebebasan media tetapi melalui pindaan akta ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berniat untuk memberi kebebasan yang lebih besar kepada media. Sebaliknya melalui tingkah laku yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menunjukkan mereka lagi menyekat kebebasan media. Mengapa saya kata begitu? Merujuk kepada *Berita Harian online,* saya sudah *print* keluar. Tajuknya *"Wartawan Dihalang Hadiri Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah"* iaitu pada 15 November 2010. Saya baca sikit. *"Beberapa organisasi media arus perdana dihalang memasuki perkarangan Wisma Darul Aman di sini semalam untuk membuat liputan perasmian persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Penggal Ketiga, Mesyuarat Bajet 2011 yang disempurnakan oleh Sultan Kedah".* Adakah ini kebebasan media? Kita nampak ialah penyekatan media. Betul atau tidak?...

Beberapa Ahli: Betul.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja. Ada lagi di mana? Pulau Pinang. Begitu juga Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 Mei 2012. Ini saya hendak tunjuk. Baru sahaja pada minggu yang lepas... *[Menunjukkan keratan akhbar]* Dekat sini, di mana dia telah mengatakan bahawa sejak dia akan bermula pada 4 Mei 2012, dia tidak akan menjemput pihak media yang tertentu untuk ke sidang media yang akan dipanggil oleh dia. Tahulah itu dia menuju kepada kumpulan media yang mana. Saya ingin mengatakan bahawa ini menunjukkan tiada kebebasan media. Ini juga merupakan penyekatan media.

Tuan Yang di-Pertua, biasa kita mengetahui bahawa media baru atau media *internet* biasanya juga tidak *friendly,* dengan izin, kepada Kerajaan Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional dan juga kerajaan negeri yang juga Kerajaan Barisan Nasional bila memanggil sidang media tidak akan menyekat kehadiran mereka. Kita tahulah *new media* yang mana. Ini menunjukkan kebebasan media yang ditunjukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa simpati terhadap pemberita-pemberita yang dipukul oleh polis sewaktu perhimpunan BERSIH. Mereka sepatutnya mempunyai kebebasan untuk membuat liputan. Saya juga bersimpati dengan polis-polis yang dipukul sebab mereka juga sedang menjalankan tanggungjawab mereka.

■2050

Maka, saya berharap panel bebas siasat BERSIH yang telah diumumkan Menteri Dalam Negeri semalam, akan memainkan peranan yang penting untuk menyiasat kebenarannya. Merujuk kepada pelantikan itu, kita akan mendapati bahawa dua orang bahasa daripada pihak media iaitu Encik Lew Peng Chuan adalah berasal dari Sin Chew Media Group. Belia merupakan penasihat undang-undang dan Ketua Eksekutif Kumpulan Media Karangkraf; Datuk Husamudin Yaacob. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional menitikberatkan pandangan dan perkhidmatan media ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghadiri saya ingin mengemukakan beberapa soalan. Pertama berapa lesen mesin cetak telah dikeluarkan sejak kemerdekaan? Kalau boleh saya ingin meminta senaraikan mengikut aliran bahasa. Bahasa Malaysia, bahasa Cina, bahasa India, Tamil dan juga bahasa Inggeris.

Kedua, berapa agensi media yang telah ditutup?Tutup sendirilah kerana masalah kewangan dan berapa agensi media ini telah ditutup akibat daripada lesennya ditarik balik okey.

Ketiga, mengapa permohonan untuk lesen media cetak yang baru adalah begitu sukar? Adakah dia dilimitkan, ada hadnyakah? Sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat.

8.51 mlm.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012. Tuan Yang di-Pertua,saya ringkas sahaja pada malam ini untuk membahaskan rang undang-undang ini. Berhubung peruntukan rang undang-undang ini, saya hendak menyentuh mengenai dengan fasal 5 kepada Akta Mesin Cetak ini merupakan satu pembaharuan yang paling drastik dan efektif di mana mereka boleh menjana ekonomi jauh lebih baik dari tarikh pindaan ini dibuat. Ini menjimatkan masa dan *resources*.

Seterusnya saya ingin meminta penjelasan daripada menteri berkenaan seksyen 2(3) iaitu menteri boleh memberi kepada mana-mana orang satu lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak. Isu di sini ialah berkenaan dengan suatu alat bukan bahan atau isi yang ingin dicetak suatu lesen yang di*endorse*kan atau dibenarkan bergantung kepada syarat. Persoalan yang perlu kita tahu ialah apakah syarat yang dimaksudkan. Penjelasan perlu diberikan sama ada ia merupakan syarat tersurat atau syarat tersirat.

Ketiga menyentuh persoalan pembatalan dan pergantungan lesen mencetak. Apakah tatacara atau prosedur yang diguna pakai oleh pihak KDN dalam pembatalan atau penggantungan? Perkara 13B merujuk kepada hak untuk didengar. Apakah dengan memberi satu notis boleh dianggap sebagai suatu peluang dan dianggap telah didengar. Apakah pembatalan ini berbentuk pembatalan kekal dan tiada ruang untuk *revive* atau apakah pembatalan dibuat dan kemudian dipohon semula.

Keempat bagaimana pula pindaan seksyen 3 tentang penggantungan lesen. Apakah yang dimaksudkan sebagai tempoh yang difikirkan wajar? Kebanyakan jawapan yang diberikan berkenaan tempoh wajar ialah *based on question and reasonable nurse* dengan izin tetapi berapakah tempoh masa yang dianggap sesuai? Apakah lima tahun atau sepuluh tahun itu dianggap *premise* tempoh yang sesuai.

Kelima seterusnya saya merujuk kepada peruntukan undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 akan mengambil kira terhadap apa sahaja isu yang dicetak dan jika terbukti isu kandungannya mengarah kepada keganasan, apakah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ini masih berfungsi dan tidakkah ia bertindih fungsi dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 tadi.

Keenam kita juga ambil maklum bahawa peruntukan lain-lain yang berkaitan dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini seperti Akta Keterangan 1950 yang baru sahaja dipinda memperuntukkan *presumption of fact in publication,* dengan izin, di mana seksyen 114(1) memberikan kedudukan yang jelas bahawa orang atau diri yang dimaksudkan akan bertanggungjawab penuh atas apa yang disita termasuklah gambar dan *statement* sehingga apabila dia dapat membuktikan sebaliknya.

Oleh itu, lesen mesin cetak yang diberikan untuk tujuan mencetak tidak boleh digunakan untuk mencetak secara semberono kerana kita perlu mengambil kira peruntukan undang-undang lain yang terpakai di Malaysia selain daripada *fundamental liberties* atau kebebasan yang diberikan di bawah Perlembagaan Malaysia yang mesti difahami bersama dengan peruntukan kebebasan, hendaklah dipraktikkan dengan had dan sekatan tertentu bagi memastikan ketenteraman awam. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

8.56 mlm

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita ada sosial media massa yang begitu merebak di seluruh dunia dan juga budak-budak sekolah rendah pun gunakan *social media*. Jadi, dalam keadaan begini media massa mesti lebih terbuka. Jadi, pindaan yang dibuat pada masa ini ialah sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada juga akta-akta yang begitu sekat masih ada yang *control* kebebasan media seperti *Sedition Act.* Saya minta Menteri Dalam Negeri, adakah *Sedition Act* dipinda atau pun dimansuhkan?

Kedua, adakah seksyen 8A, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ada dipindahkan? Sebab seksyen ini menyekat pembebasan media massa dan juga boleh disalahgunakan. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kami daripada senarai kebebasan akhbar di dunia seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Chew iaitu 122 daripada 179 negara. Apakah langkah-langkah kementerian untuk menambah lagi atau pun kita *improve rating* kita?

Tuan Yang di-Pertua, memang ini dialu-alukan. Oleh sebab akta ini media massa utama seperti *mainstream in purpose too,* dengan izin, kalah kepada *mass media* atau pun internet *newspaper*. Jadi, kelonggaran ini sangat diperlukan dan ini akan menolong surat khabar-surat khabar utama. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

8.58 mlm

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut memberikan pandangan mengenai rang undang-undang ini. Saya membuat beberapa catatan tetapi setelah mendengar pandangan yang dikemukakan oleh rakan-rakan tadi, kalau saya hendak bacakan semua catatan saya maka saya akan mengulang-ulang apa yang telah mereka kemukakan.

Oleh kerana itu, saya akan memberikan pandangan yang sangat ringkas. Pertama sekali, sebagaimana rakan-rakan yang lain, saya juga mengalu-alukan rang undang-undang ini sebagai sebahagian daripada transformasi politik yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini adalah suatu sifat yang sangat mulia iaitu menunaikan janji yang telah dibuat.

Akan tetapi di samping itu juga, di samping mengalu-alukan 'liberalisasi' yang terkandung dalam rang undang-undang ini, saya terus terang merasa agak sedikit prihatin kalau-kalau kebebasan yang diberi ini akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Gejala-gejala atau tanda-tanda sesetengah pihak untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu, nampak makin menjadi-jadi.

■2100

Selain daripada itu juga, umpamanya kalau kita perhatikan akhbar-akhbar di maya, banyak tulisan atau berita di dalam akhbar-akhbar maya itu yang tidak mempunyai unsur-unsur provokatif. Biasanya sifat sesuatu provokasi itu ialah ia dilakukan dengan cara yang halus atau dengan menggunakan ungkapan lama kita, lempar batu sembunyi tangan. Jadi untuk itu, rasanya perlu pengawalan yang lebih ketat dilakukan supaya kebebasan yang diberi ini tidak disalah gunakan.

Selain itu juga saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilangan kes-kes pelanggaran terhadap akta semenjak akta yang ada sekarang ini sebelum dipinda semenjak diluluskan pada tahun 1984. Berapa kalikah pelanggaran dilakukan dan apakah hukuman atau penalti yang paling berat yang telah diambil terhadap pihak-pihak yang melanggar peraturan itu. Ertinya sekali lagi saya menyatakan keprihatinan kalau-kalau dengan izin, *loopholes* yang ada dalam undang-undang itu disalah gunakan. Itulah keprihatinan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta pihak Menteri menjawab.

9.02 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah dapat membahaskan dalam Dewan ini berkaitan dengan pembentangan Rang Undang-Undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang telah membahaskan akta ini yang mana kebanyakannya memberi sokongan di atas akta pindaan yang dibentangkan pada petang ini. Akan tetapi ada juga perkara-perkara Yang Berhormat Senator ingin mendapat penjelasan.

Di sini sebelum saya meneruskan secara terperinci berkaitan dengan isu-isu yang ditimbulkan, ingin saya menyatakan terlebih dahulu bahawa Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 ini adalah merupakan sebuah akta untuk mengawal selia penggunaan mesin cetak dan pencetakan atau pengimportan atau penghasilan semula penerbitan ataupun hasil penerbitan dan ia tidak sekali-kali yang mana kerajaan menggunakan untuk mengawal mana-mana berkaitan dengan pencetakan dan penerbitan ini. Jadi, ia mengawal selia sahaja. Jadi maknanya, apa yang dilakukan oleh penghasilan ataupun pencetak, maka jika ada berlaku pelanggaran daripada akta ini, maka tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, di mana kita tidak menafikan mengikut perkara 10 bahawa seseorang individu mempunyai hak untuk bersuara dan untuk bercakap. Akan tetapi ia bukanlah suatu yang mutlak yang mana ia termaktub dalam perkara 10(2) bahawa ada sekatan-sekatan yang mana boleh menjejaskan keselamatan negara ataupun ketenteraman alam dan juga jika ada berlaku prinsip kemoralan. Jadi ini sekatan-sekatan yang kita perlu mematuhi dan kerana itulah maka di bawah perundangan mesin cetak dan penerbitan ini, ada disebut ataupun ada peruntukan-peruntukan yang telah dimasukkan di bawah seksyen 7.

Jika ia merupakan pelanggaran daripada kepentingan keselamatan persekutuan atau sebahagian daripadanya ataupun hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan juga berkaitan dengan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan ataupun menentang penghinaan mahkamah, fitnah dan sebagainya. Maka ia merupakan satu kesalahan ini bawah seksyen 7, Akta Mesin Cetak ini.

Jadi walau bagaimanapun, dari segi kebebasan walaupun ada sekatan-sekatan ini, ia mengikut keadaan semasa yang mana pengimbangan diberi dalam pencetakan atau dalam penerbitan sesuatu artikel. Jadi, mengikut apa yang kita lihat pada hari ini berdasarkan daripada matlamat transformasi yang diperkenalkan oleh kerajaan di mana dalam transformasi politik inilah, maka dalam ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sempena Hari Malaysia 2010 yang mana beliau telah menyatakan untuk membuat pindaan berkaitan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini.

Lantaran daripada itu, maka Rang Undang-undang Mesin Cetak (Pindaan) 2012 ini dibentangkan. Ia dibentangkan sebagai satu langkah pertama daripada apa yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana untuk memberi penambahbaikan daripada apa yang sekatan-sekatan yang telah diwujudkan sebelum ini.

Jadi daripada pindaan yang dibuat pada akta ini, maka Yang Amat Berhormat juga dalam pembentangan berkaitan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), beliau telah membuat janji di mana satu pindaan secara komprehensif akan dibuat yang mana pada hari ini pihak berkuasa sedang membuat kajian untuk membuat satu undang-undang yang baru yang mana akan memastikan di mana ia akan menubuhkan satu majlis media yang akan melaksanakan kawal selia sendiri dalam industri ini iaitu secara *self regulatory*. Jadi dalam konteks itu, mungkin tidak ada lagi lesen dikenakan kepada pihak-pihak yang ingin untuk mewujudkan dalam sektor berkaitan dengan pencetakan dan juga berkaitan dengan penerbitan ini.

■2110

Jadi, macam mana yang kita lihat, saya ingin menekankan bahawa akta ini adalah merupakan langkah awal dalam penambahbaikan untuk meliberalisasikan kebebasan berkaitan dengan pencetakan dan juga berkaitan dengan penerbitan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon berkaitan dengan fasal 13A yang mana ini adalah merupakan memberi kebebasan untuk seseorang yang merasa tidak berpuas hati boleh mengambil tindakan membawa perkara berkaitan untuk dikemukakan ke mahkamah supaya ianya boleh dibuat *judicial review*. Kalau dahulu tidak ada hak seseorang untuk membawa ke mahkamah kerana ianya adalah budi bicara mutlak pihak Menteri. Jadi dengan adanya fasal berkaitan dengan fasal 13A ini, ia tidak melarang supaya mana-mana pihak untuk membawa masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka itu ke mahkamah.

Seterusnya berkaitan dengan peluang untuk didengar berkaitan dengan fasal 13B. Kalau dahulu tidak ada peluang untuk didengar kerana apa yang telah diputuskan oleh pihak Menteri adalah mutlak. Hari ini dengan adanya peruntukan fasal 13B ini maka sesuatu lesen yang digantung atau hendak dibatalkan bahawa seseorang itu diberi peluang untuk didengar berkaitan dengan rayuan-rayuan yang dibuat oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan seksyen 8A iaitu berkaitan dengan laporan-laporan atau pun berita-berita yang palsu, yang mana walaupun ada undang-undang yang lain yang boleh diambil tindakan. Akan tetapi di bawah undang-undang ini ianya masih dikekalkan oleh kerana ada keperluan untuk menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Ini supaya pihak-pihak yang berkaitan ataupun pihak-pihak yang berkepentingan, yang menerbitkan penerbitan ataupun yang menggunakan mesin cetak seharusnya bertanggungjawab untuk memastikan bahawa apa tindakan-tindakan untuk menyiarkan berita-berita supaya berita-berita itu adalah benar dan bukannya palsu. Jadi, untuk menghalang daripada keadaan yang boleh menimbulkan dari segi keselamatan negara dan juga ketenteraman awam terjejas. Oleh kerana itulah buat masa ini seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan masih dikekalkan.

Sehubungan dengan seksyen 13B yang ditanya oleh Senator Tuan Khoo Soo Seang sama ada seksyen 13B ini dipinda dalam pindaan. Sesungguhnya bahawa seksyen 13B ini telah dipinda yang mana hak untuk didengar telah diberi. Jadi, macam mana yang saya terangkan tadilah. Sehubungan dengan perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang sama ada tindakan boleh diambil ke atas penerbit atau pencetak yang menggunakan nama dan alamat palsu. Sehubungan dengan ini tindakan ke atas penerbit atau pencetak yang menggunakan nama atau alamat palsu boleh dikenakan tindakan, pendakwaan di bawah seksyen 34, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok yang mana beliau memberikan beberapa contoh amalan tidak demokratik oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang, kerajaan mengambil maklum akan perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional lebih peka dan liberal berkaitan dengan kebebasan media dan tidak seperti yang dilakukan oleh pihak pembangkang di Selangor dan juga di Pulau Pinang. Kalau di Pulau Pinang pun pernah kita mendengar di mana *Utusan Malaysia* tidak boleh dibekalkan ke sekolah-sekolah. Jadi, kalau kita lihat daripada apa tindakan dari pihak pembangkang, mereka hanya melihat kepada Barisan Nasional sahajalah, seolah-olah kita tidak liberal dalam kebebasan berkaitan dengan pencetakan dan penerbitan ini. Sebenarnya merekalah yang kita lihat bukan sahaja tidak mempunyai kebebasan malahan mereka menghalang sama sekali berkaitan dengan pencetakan dan penerbitan ini.

Seterusnya berkaitan dengan jumlah permit lesen mengikut bahasa. Untuk setakat ini, daripada maklumat yang ada lesen mesin cetak sebanyak 2,652 dan permit penerbitan sebanyak 21,586. Selain daripada itu, berkaitan dengan apakah perbezaan pertubuhan perbadanan dan pertubuhan yang tidak dipertubuhkan atau yang bukan diperbadankan. Ini yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Jadi, daripada segi perbadanan ia adalah satu badan yang didaftarkan. Ianya boleh dibuat sama ada di bawah akta syarikat ataupun akta yang diluluskan, di bawah enakmen atau di bawah akta yang diluluskan oleh Parlimen.

Bagi badan yang tidak berdaftar ini adalah merangkumi kumpulan beberapa orang yang mewujudkan sesuatu tindakan yang mana mereka tidak mempunyai *legal entity*, dengan izin. Itu bezanya antara *incorporated* dan *un-incorporated body*. Berkaitan dengan isu yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Firdaus tadi berkenaan dengan masalah pengawalan. Berkaitan dengan media maya bahawa ianya tidak terkandung ataupun tidak merangkumi di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Oleh kerana berkaitan dengan maklumat-maklumat ataupun berkaitan dengan maya ini adalah di bawah lain iaitu di bawah Akta SKMM.

■2120

Jadi, ianya tidak termasuk dalam kawalan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Berkaitan dengan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat berkaitan dengan apakah Akta Mesin Cetak ini tidak bertindih dengan peruntukan yang ada dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012? Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 melibatkan kesalahan keselamatan iaitu melibatkan kesalahan dalam Kanun Keseksaan Bab 18 - Kesalahan terhadap kerajaan.

Juga Bab VIA – Kesalahan melibatkan keganasan, manakala kesalahan di dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) adalah melibatkan kesalahan melalui media cetak. Itu beza dia. Sehubungan dengan *Seditious Act* sama ada akan dimansuhkan atau tidak. Ini tidak ada berkaitan dengan Akta Mesin Cetak yang mana akta ini ada juga cadangan untuk dikaji semula. Kita akan melihat berkaitan Akta *Seditious* inilah, dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Jadi, kalau ada soalan-soalan yang masih tidak dijawab, saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG RUKUN TETANGGA 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.25 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan salam 1Malaysia. Saya mohon untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk membuat peruntukan yang berhubung dengan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya amatlah tepat untuk kita dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan rang undang-undang ini pada waktu sekarang. Ini kerana pada waktu ini pada kebetulannya berpuluh ribu peronda Skim Rondaan Sukarela di merata-rata tempat kawasan Rukun Tetangga baru sahaja bermula untuk tugas meronda mereka. Kita mungkin mencatat sejarah bahawa waktu mereka meronda, kita membahas dan meluluskan satu rang undang-undang untuk memberi nafas baru kepada Rukun Tetangga dan kepada Skim Rondaan Sukarela. Sekiranya kita melanjut sehingga selepas 12 malam kita akan mencatat sejarah juga.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merenung kembali sejarah sepintas lalu. Rukun Tetangga (RT) dengan pendaftaran penduduk dan rondaan secara wajib dilancarkan pada tahun 1975 untuk membantu pihak polis menangani keadaan keselamatan pada waktu itu yang di jejas oleh ancaman anasir-anasir anti nasional. Untuk tujuan sedemikian, satu Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 digubal di bawah seksyen 2, Ordinan Darurat 1969.

Di bawah peraturan-peraturan tersebut rakyat berbilang kaum telah dilibatkan melalui kuat kuasa undang-undang untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan kawasan kediaman mereka masing-masing. Sebenarnya, rancangan untuk Skim Rondaan Wajib dilancarkan pada tahun itu oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita yang kedua. Saya memang bersyukur kerana dapat menyertai rondaan wajib pada waktu itu. Pengalaman ini tetap menjadi kenangan manis dalam riwayat hidup saya kerana dapat memainkan peranan walaupun kecil dalam bersama-sama menjaga keselamatan kawasan kediaman saya sendiri. Saya percaya bahawa memang ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga turut berkongsi pengalaman ini.

Pada tahun 1983, memandangkan bahawa keadaan keselamatan telah pulih aman, rondaan wajib diberhentikan. Konsep kejiranan berdasarkan kesukarelaan atau *volunteerism* diperkenalkan. Untuk tujuan ini dua pindaan kecil telah dibuat kepada peraturan-peraturan perlu tersebut iaitu pada tahun 1988 dengan memasukkan peruntukan untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman melalui Skim Rondaan Sukarela dan sekali lagi pada tahun 1991 dengan meletakkan tanggungjawab Menteri terhadap hal ehwal Rukun Tetangga.

■2130

Pengurusan Kawasan Rukun Tetangga atau KRT diletakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atau JPNIN.Di samping mempromosikan semangat dan perhubungan kejiranan, KRT juga memainkan peranan kemasyarakatan dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti sosial, alam sekitar, ekonomi, sukan dan rekreasi melalui cawangan-cawangan KRT seperti Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas di samping menganjurkan kelas tabika Perpaduan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Melalui proses penyertaan dalam aktiviti-aktiviti ini maka dapat digalakkan interaksi sosial yang lebih berkesan dan bermakna serta dipupuk semangat muhibah, keharmonian dan perpaduan di kalangan penghuni daripada berbagai kaum, kumpulan agama dan lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, diilham dan didorong oleh Gagasan 1Malaysia dan dipandu oleh Program Transformasi Kerajaan atau GTP yang dipacu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sejak awal tahun 2009 khasnya dalam usaha untuk mempromosikan keterangkuman atau *inclusiveness*, memupuk keharmonian rakyat maka lebih banyak KRT telah berjaya ditubuhkan. Untuk tempoh tiga tahun, bermula awal tahun 2009 hingga penghujung tahun 2011, sebanyak 1,610 buah KRT yang baru telah berjaya ditubuhkan menjadikan jumlahnya 5,605 KRT iaitu peningkatan sebanyak 40 peratus dengan penglibatan lebih daripada 140,000 orang ahli jawatankuasa AJK KRT.

Sebagai usaha menyahut transformasi kerajaan, KRT turut memberi tumpuan kepada lima teras aktiviti utama iaitu untuk tujuan meningkatkan perpaduan, menjaga keselamatan komuniti, mempromosikan pendidikan, menjana pendapatan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup atau *quality of life*. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 180,000 aktiviti di seluruh negara telah dianjurkan dengan melibatkan penyertaan seramai 6.3 juta kehadiran orang. JPNIN sedia maklum bahawa di dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat, kita hendaklah menangani perselisihan faham yang kadang kala berlaku di antara satu sama lain supaya mencegah daripada tercetusnya ketegangan atau kejadian yang lebih serius.

Maka pendekatan perdamaian diperkenalkan melalui proses mediasi komuniti atau dengan izin, *community mediation. Mediator community* merupakan pihak ketiga yang berkecuali untuk berusaha mencari jalan perdamaian di antara pihak-pihak yang bertelagah atau berkonflik. *Mediator community* terdiri daripada pemimpin-pemimpin KRT, pemimpin masyarakat dan juga pegawai kerajaan yang dipilih dan dilatih melalui empat modul oleh seorang pakar sosio psikologi iaitu Dato' Dr. Wan Halim bin Wan Osman, dahulunya dari USM. Sehingga 13 Mac tahun ini, seramai 519 orang *mediator community* telah ditauliahkan di seluruh negara. Sasaran mulai tahun ini ialah sekurang-kurangnya untuk melatih 300 orang *mediator community* setahun.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA keselamatan untuk mengurangkan jenayah, Skim Rondaan Sukarela (SRS) terus dipergiatkan penubuhannya di dalam kawasan-kawasan rukun tetangga dengan sokongan dan kerjasama pihak polis, RELA dan JPAM. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini sebanyak 1,626 SRS yang baru telah berjaya diperluaskan yang merupakan peningkatan sebanyak 127 peratus menjadikan jumlahnya 2,910 SRS dengan penglibatan lebih daripada 145,000 orang peronda. Peningkatan ini membuktikan bahawa rakyat kita semakin sedar dan ingin turut serta mengambil bahagian di dalam usaha mencegah jenayah.

Untuk menggalakkan penyertaan rakyat bersama-sama menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka, kerajaan juga menyediakan beberapa insentif seperti perlindungan insurans kemalangan kepada semua anggota peronda dengan jumlah pampasan maksimum sebanyak RM20,000. Kerajaan turut membekalkan kelengkapan rondaan kepada peronda seperti baju *vest*, topi, wisel, rotan, lampu picit, *baton light, walkie-talkie* dan peti pertolongan cemas di samping membina kabin KRT dan SRS jikalau ada tapak yang sesuai.

Di bawah NKRA pendidikan pula, sebanyak 147 buah kelas tabika perpaduan yang baru ditubuhkan menjadikan jumlahnya 1,693 kelas dengan lebih daripada 40,000 orang pelajar sekarang. Selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, JPNIN turut diberi peranan dan telah membuka sebanyak 35 buah Taska PERMATA Perpaduan bertujuan supaya kanak-kanak kita berumur di bawah empat tahun mendapat asuhan dan didikan yang berkualiti bagi merangsang perkembangan awal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, pada Hari Malaysia tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat kerajaan untuk memansuhkan Proklamasi Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA dan beberapa enakmen yang lain selaras dengan Program Transformasi Politik.

Pemansuhan Ordinan Darurat 1969 juga telah dibuat dalam Dewan Rakyat pada 20 Disember tahun lalu. Peraturan-peraturan Perlu Rukun Tetangga 1975 (Pindaan) 1988 yang digubal di bawah Ordinan Darurat akan luput dalam tempoh enam bulan selepas itu iaitu pada 21 Jun tahun ini. Maka adalah perlu untuk kita merangka dan meluluskan Rang Undang-Undang Rukun Tetangga 2012 sebagai pengganti supaya dapat memperkasakan lagi rukun tetangga dan skim rondaan sukarela sebagai peneraju komuniti untuk keharmonian komuniti, keselamatan komuniti dan perkhidmatan komuniti sejajar dengan keperluan semasa.

Sebagai *Voluntary Community Organization* atau VCO, Rukun Tetangga bekerjasama rapat dengan pasukan beruniform seperti polis, RELA, JPAM dan agensi penguat kuasa yang lain. Oleh kerana RT adalah bersifat *community based*, maka anggota polis, RELA dan JPAM juga boleh dilantik memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga tetapi tidak boleh menjadi anggota SRS untuk menjalankan tugas rondaan supaya mengelakkan berlakunya pertindihan atau percanggahan fungsi.

■2140

Walau bagaimanapun SRS sentiasa mengalu-alukan anggota polis dan anggota RELA dalam uniform mereka masing-masing untuk mengadakan rondaan bersama dalam kawasan KRT yang berkenaan. JPNIN telah menandatangani nota persefahaman strategik dengan Polis Diraja Malaysia pada 28 Julai tahun 2011 dan akan berbuat demikian dengan RELA tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi empat bahagian utama yang merangkumi 34 fasal. Rang undang-undang ini dilihat lebih mudah difahami atau dengan izin, *simple* dan tidak begitu ketat atau terhad (*restrictive)* berbanding dengan peraturan-peraturan perlu yang dahulu seiring dengan perkembangan semasa. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa terdapat beberapa penambahbaikan yang penting dalam rang undang-undang yang baru ini.

Pertamanya ialah memberi fleksibiliti mengenai keanggotaan dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela. Peraturan-peraturan perlu dahulu menetapkan dengan ketatnya bahawa keanggotaan AJK RT dan SRS hanya terhad kepada pemastautin yang tinggal di dalam sesuatu kawasan yang berkenaan sahaja. Di bawah rang undang-undang baru ini selain daripada pemastautin, keanggotaan AJK dan SRS boleh merangkumi mereka yang mempunyai kepentingan iaitu mereka yang memiliki harta, mempunyai perniagaan, pekerjaan atau ikatan sosial yang rapat di dalam sesuatu kawasan. Contohnya ahli keluarga atau saudara. Fleksibiliti ini mengambil kira berlakunya mobiliti sosial dan keterbukaan yang tinggi khasnya di kalangan masyarakat bandar. Saya minta supaya kita merujuk kepada fasal 7 dan fasal 17 dalam rang undang-undang ini mengenai fleksibiliti yang telah saya huraikan tadi.

Kedua, penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga diperuntukkan di bawah fasal 14 untuk menyelaras dan memberi khidmat nasihat berkenaan dengan pengurusan dan pengoperasian KRT-KRT di dalam sesuatu mukim, daerah atau kawasan yang ditetapkan. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk mengenal pasti masalah ketidakaktifan KRT yang tertentu dan mengesyorkan kaedah penyelesaian kepada pengarah untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Di samping itu fasal 22 memperuntukkan supaya Jawatankuasa KRT bagi dua kawasan atau lebih boleh menggabungkan aktiviti mereka jika difikirkan perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian atau jika diarah oleh pengarah. Tujuannya adalah untuk menggalakkan kerjasama di antara anggota AJK dari KRT-KRT dan anggota SRS-SRS memandangkan bahawa banyak kawasan khasnya di bandar adalah bersebelahan antara satu sama lain atau dengan izin, *adjacent to one another*. Ianya akan juga meningkatkan keberkesanan mencegah jenayah kerana penjenayah tidak mengenali sempadan KRT.

Ketiga ialah penambahbaikan terhadap pengoperasian SRS. Sehingga 31 Mac tahun ini sebanyak 3,046 SRS telah berjaya ditubuhkan dengan penglibatan seramai 152,300 anggota peronda. Dalam jumlah tersebut seramai 30 peratus terdiri daripada kakitangan kerajaan atau penjawat awam. Manakala 14 peratus adalah pesara, 29 peratus pekerja swasta dan 27 peratus adalah mereka yang bekerja sendiri atau *self employed* seperti peniaga, penjaja, pengusaha dan sebagainya. Semua penjawat awam telah diberi insentif pelepasan bekerja oleh Ketua Jabatan masing-masing melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.23, tahun 2008. Bagi pesara dan mereka yang bekerja sendiri sememangnya pengorbanan masa dan tenaga mereka untuk berkhidmat bakti adalah amat dihargai.

Bagi pekerja swasta, beberapa siri rundingan berhubung dengan peruntukan *time off* atau pelepasan waktu bekerja oleh majikan telah diadakan dengan pihak Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia *(Malaysian Employers Federation)* Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan *Malaysian Agricultural Producers Association* (MAPA).

Pandangan-pandangan mereka telah diambil kira di dalam menggubal peruntukan rang undang-undang ini untuk memberi insentif *time off* atau pelepasan waktu pekerja kepada pekerja swasta apabila mereka meronda, selama dua jam berturut-turut selepas jam 12 tengah malam. Mengikut fasal 7, tempoh masa *time off* atau pelepasan waktu bekerja adalah mengikut tempoh masa sebenar tugas rondaan yang dilakukan dan tidak melebihi empat jam. Kemudahan ini adalah terhad kepada dua kali sebulan sahaja tertakluk kepada persetujuan bertulis daripada pihak majikan.

Keempat adalah peruntukan untuk memberi kuasa kepada Jawatankuasa KRT untuk mengutip atau menerima wang dermaan tertakluk kepada kelulusan dan apa-apa terma-terma dan syarat yang dikenakan oleh ketua pengarah mengikut fasal 12. Di samping itu fasal 13 mewajibkan supaya satu akaun bank hendaklah diwujudkan dan di rekod dengan betul serta diperiksa oleh dua orang pemastautin yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, JPNIN dan saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab memang amatlah bersyukur kepada semua kementerian, agensi, NGO, syarikat korporat dan orang perseorangan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah selama ini memberi kerjasama, sokongan dan bantuan dalam pelbagai bentuk untuk menjayakan KRT, SRS dan tabika perpaduan serta semua program dan aktiviti yang dianjurkan oleh JPNIN yang bertujuan untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional.

Hasil daripada semangat kerjasama, sikap keterangkuman (*inclusiveness*) dan kesederhanaan atau *wasatiyyah* (*moderation)* di kalangan rakyat kita yang berbilang kaum dan agama, maka pada amnya negara kita dapat mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam masyarakat majmuk kita.

KRT dan SRS memang merasa bangga kerana turut bersama-sama memberi sumbangan ke arah ini. Sememangnya adalah amat menggalakkan bahawa negara Malaysia sekarang dianggap sebagai di antara 20 buah negara yang paling aman di dunia ini.

Mengikut *Global Peace Index,* kedudukan Malaysia telah meningkat dari tangga yang ke 37 pada tahun 2008 ke tangga ke-19 pada tahun 2011 di kalangan 153 buah negara. Di samping itu, bilangan kes serangan dan pergaduhan di antara kaum yang dilaporkan kepada polis untuk dikendalikan oleh polis telah menurun dari 1,522 kes pada tahun 2008 ke hanya 878 kes pada tahun 2011.

■2150

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa usaha untuk mengekalkan hubungan baik dan keharmonian sememangnya merupakan satu tanggungjawab dan perjuangan yang berterusan. KRT, SRS dan Tabika Perpaduan sememangnya telah dan akan terus memainkan peranan yang bermakna di peringkat akar umbi bersama-sama dengan semua pihak yang lain.

Oleh itu, sokongan, kerjasama dan bantuan berterusan daripada semua pihak amatlah diperlukan dan dialu-alukan. Adalah diharapkan dengan penggubalan Rang Undang-undang Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela akan diberi suatu nafas baru supaya rakyat Malaysia dapat bersama-sama berganding bahu, bersatu hati, memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan, keharmonian, integrasi nasional dan keselamatan sejajar dengan semangat wawasan negara dan Gagasan 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk membuat peruntukan yang berhubung dengan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tanpa membuang masa saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon.

9.52. mlm.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 ini diperbuat untuk peruntukan berhubung dengan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Pepatah kaum Cina yang berbunyi begini, "Jiran adalah lebih baik daripada saudara-mara yang tinggal berjauhan". Pepatah ini bermaksud, jika kita mengalami apa-apa masalah jiran akan menghulurkan bantuan terlebih dahulu berbanding dengan saudara-mara yang duduk jauh. Lagi-lagi apabila kita mengalami kesusahan dan kesukaran dalam menyelesaikan masalah ini.

Saya masih teringat sebuah tema yang telah lama dilupakan iaitu 'Jiran Sepakat, Membawa Berkat'. Memandangkan kadar keselamatan kian kini boleh diperbaiki lagi, saya berasa wujudnya rang undang-undang ini adalah penting dan tepat pada masanya. Kewujudan rang undang-undang ini memastikan keselamatan orang ramai dan harta masing-masing lebih terjamin. Jiran tetangga akan membentukkan pasukan rondaan sukarela untuk memastikan keselamatan kawasan kediaman mereka sentiasa berada dalam keadaan yang aman dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi Rukun Tetangga boleh juga bagi menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti untuk meningkat dan memperkukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian dan sebagainya di kalangan anggota masyarakat. Selain itu, Rukun Tetangga juga berfungsi untuk menerima maklumat pemerhatian serta menyiasat konflik masyarakat di kawasan mereka masing-masing.

Selain itu, saya rasa Rukun Tetangga juga berfungsi mengambil untuk langkah-langkah yang wajar untuk melindungi diri mereka serta keselamatan kawasan mereka terhadap jenayah yang mungkin dijangka akan berlaku seperti kes rompakan, kes kecurian dan sebagainya. Jenayah-jenayah seperti ini boleh dielakkan jika langkah-langkah pencegahan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan di sini tetapi izinkan saya memberi beberapa cadangan dan pandangan untuk memperkuatkan lagi rang undang-undang ini juga masalah yang patut difikirkan dan diatasi. Dalam rang undang-undang ini tidak ternyata syarat untuk menjadi anggota rondaan. Kebarangkalian ia adalah kerana satu Skim Rondaan Sukarela. Kita mungkin harus mempertimbangkan supaya keanggotaan Skim Rondaan Sukarela adalah wajib untuk kumpulan yang tertentu terutamanya golongan yang berumur dalam lingkungan 20an.

Jika ini dijadikan sebagai satu Skim Rondaan Sukarelawan, mungkin semua usaha membuat rang undang-undang ini akan sia-sia sahaja jika tiada seorang pun yang ingin menyertai secara sukarela. Fikirlah, satu kebarangkalian di mana tiada satu pun menyertai Skim Rondaan Sukarelawan ini. Juga boleh wujudnya satu contoh di mana satu kawasan hanya ada beberapa orang yang sudi membuat rondaan. Lama-kelamaan mereka pasti akan berasa tidak puas hati kerana sebahagian besar tidak menyertainya. Justeru itu, mereka pun tidak akan menyertai skim ini lagi.

Seperti mana Skim Rukun Tetangga pada tahun 70an semua diwajibkan bertugas dan majikan dikehendaki memberi cuti pada keesokan harinya. Mungkin skim ini masih boleh digunakan lagi hanya diperbaiki sahaja. Atas kes-kes yang tertentu, mungkin pengarah boleh diberi kuasa untuk mengecualikan golongan dari bertugas untuk membuat rondaan seperti golongan tua-tua ataupun yang sakit. Syarat berkenaan pelepasan kerja adalah dipertimbangkan dalam rang undang-undang ini. Pada para 20, pelepasan waktu bekerja tidak boleh melebihi empat jam sahaja. Saya rasa sebagai insentif pelepasan itu harus diberi cuti untuk sehari yang penuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif pada pendapat saya tiada insentif secukupnya dibentangkan untuk menggalakkan penubuhan kawasan Rukun Tetangga ini. Sikap sebahagian rakyat yang malas hanya ingin membayar sahaja kepada syarikat kawalan untuk menjaga kawasan perumahan mereka. Pada pendapat saya, Skim Rondaan sebegini bukan sahaja untuk memperkuatkan lagi tahap keselamatan di kawasan masing-masing malah ianya juga mengeratkan keharmonian antara kaum di kawasan yang tertentu ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih pertimbangan perlulah diberikan kepada sesuatu kawasan rondaan yang kecil dengan jumlah penduduk yang rendah. Ini bermakna anggota dikehendaki meronda lebih kerap lagi setiap minggu. Pihak majikan pula wajib memberi waktu pelepasan kerja. Ini sekali lagi akan menjejaskan produktiviti majikan. Selain itu, saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak berkuasa seperti pasukan polis haruslah memberi prihatin dalam penyemakan MyKad anggota-anggota Pasukan Rondaan Sukarela. Ini adalah untuk mengelakkan mereka dari menyalahgunakan kuasa mereka.

■2200

Di samping itu, pasukan polis boleh bekerja dengan pasukan rondaan dan memberi bimbingan mengenai tingkah laku penjenayah. Pasukan polis juga boleh memberikan informasi-informasi penjenayah yang dikehendaki oleh polis dan pasukan peronda memberitahu polis jika mereka terserempak satu semasa rondaan dilakukan. Saya berharap cadangan saya boleh dipertimbangkan untuk meningkatkan mutu kualiti akta ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan menyampaikan setinggi-tinggi tahniah penghargaan saya kepada pihak yang berusaha untuk menjayakan akta ini.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

10.01 mlm.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Rukun Tetangga. Sebelum itu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mencadangkan Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012.

Seperti mana yang kita sedia maklum, rukun tetangga ditubuhkan pada tahun 1975 melalui peraturan-peraturan tertentu. Pada masa itu, RT bertanggungjawab mengawal keselamatan melalui rondaan wajib oleh pemastautin kerana ancaman anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab pada ketika itu. Program sukarela yang dilihat dapat membantu membangunkan masyarakat setempat ini lebih kurang sama dengan apa yang diamalkan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Switzerland dan sebagainya yang dikenali sebagai *neighborhood watch*, dengan izin.

Kita lihat program ini sebenarnya adalah sebuah program yang baik cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu dalam kita mewujudkan program komuniti sedemikian, apakah perasaan tanggungjawab serta komitmen dapat dipupuk di kalangan masyarakat tempatan khasnya masyarakat bandar yang lebih mementingkan punca pendapatan daripada keselamatan kawasan setempat.

Saya lihat pada tahun 1980-an, fokus adalah lebih tertumpu kepada hubungan di antara kaum. Akan tetapi saya merasakan sekarang ini rasa perpaduan serta tanggungjawab komuniti tidak begitu memberangsangkan, kini cuma ada beberapa Rukun Tetangga yang kita lihat di awal menubuhkannya agak aktif. Namun begitu, selepas beberapa bulan ia beroperasi kita lihat ia kurang aktif walaupun dipantau oleh kakitangan di Jabatan Perpaduan dan sebagainya. Apakah punca yang dikenal pasti oleh kementerian dalam kepudaran semangat ini? Apakah program-program yang telah digariskan bagi rukun tetangga ini sentiasa kekal bersemangat?

Jadi, saya ingin juga tanya kepada Yang Berhormat Menteri satu perkara yang cukup penting iaitu tentang penalti sehingga RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali jika seorang anggota SRS didapati melanggar tata kelakuan ketika menjalankan tugas rondaan dan mengawal, apakah sistem pemantauan yang diguna pakai dalam mengenal pasti salah guna kuasa oleh pihak Rukun Tetangga.

Kemudian saya juga ingin tanya, bagaimana mereka yang terlibat yang membuat kerja-kerja yang tidak baik iaitu misalnya tidur, berjudi, pengaruh alkohol dan lain-lain ketika mereka menjalankan tugas ataupun mereka mengambil kesempatan untuk mengendap rumah-rumah yang dikawal. Apakah mekanisme yang sedia ada dalam memastikan anggota yang menjalankan SRS ini bersama daripada sebarang kelakuan jenayah dan sebagainya?

Salah satu isu ialah apakah bezanya tentang persatuan penduduk-penduduk setempat atau JKKK atau JKKP. Mereka menjalankan tugas lebih kurang sama dengan Rukun Tetangga ini. Jika permintaan dan permohonan dari sebuah pertubuhan ataupun persatuan penduduk-penduduk bertukar sebagai Rukun Tetangga, apakah kriteria permohonan dan kelayakan yang digariskan.

Seterusnya atas bahagian III, Skim Rondaan Sukarela pula, ia juga merupakan satu skim yang dilancarkan pada tahun 2004 dengan persetujuan untuk membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah, gejala sosial dan komuniti setempat. Kini saya dimaklumkan bahawa terdapat lebih kurang 3,000 Skim Rondaan Sukarela ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada skim SRS ini kerana mereka memberikan kerjasama yang begitu baik dengan PDRM, pasukan RELA dan juga NGO-NGO yang turut sama memerangi jenayah di kawasan-kawasan perumahan.

Kedua adalah dari segi keperluan kewangan. Saya mohon kementerian menyatakan berapakah jumlah kewangan diberikan dalam memastikan keperluan asas serta kos-kos pentadbiran dapat diserap oleh kerajaan agar program komuniti ini dapat diteruskan.

Saya juga ingin kerajaan memastikan agar peruntukan secukupnya diberikan kepada rukun tetangga bagi melaksanakan aktiviti yang perlu mereka lakukan di kawasan mereka. Bantuan-bantuan serta kemudahan serta kebajikan juga harus dipanjangkan kepada mereka yang melibatkan diri dengan aktif agar mereka sentiasa bermotivasi demi keselamatan setempat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat. Silakan Yang Berhormat.

10.08 mlm.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan kita yang masih setia menunggu dalam Dewan ini dan nampaknya muka masih ceria-ceria lagi, dah hendak balik ini nampaknya *alhamdulillah*... *[Tepuk] Last day* hari ini, saya rasa ini tahniahlah kerana kita sanggup menunggu walaupun sampai lewat malam tetapi rasanya tidak sampai 3 pagilah, *insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dimaklumkan dari segi sejarahnya, peraturan-peraturan perlu Rukun Tetangga 1975 diwujudkan dalam seksyen 2, Ordinan Darurat 1969. Pada asasnya peraturan-peraturan tersebut bertindak sebagai mekanisme undang-undang untuk menjaga keamanan dan ketenteraman awam semasa. Namun setalah keadaan negara makin baik dan berkembang maju serta harmoni, maka fokus pada Rukun Tetangga semakin berkembang meliputi promosi semangat dan perhubungan kejiranan, penganjuran aktiviti sosial yang berkesan serta dipupuk semangat muhibah, keharmonian dan perpaduan di kalangan penduduk pelbagai kaum agar mendalami lapisan masyarakat meliputi hal-hal berkaitan alam sekitar, ekonomi, sukan dan rekreasi melalui jiran muda, jiran wanita dan jiran warga emas.

■2210

Selaras dengan program transformasi kerajaan dan semangat Gagasan 1Malaysia, kita mahu perpaduan dan keharmonian masyarakat lebih dititik beratkan agar kita bukan sahaja berjaya dalam membangunkan negara secara fizikal tetapi juga dari segi perpaduan kaum dan kehidupan yang makmur dan harmoni. Jadi, selaras dengan pemansuhan Ordinan Darurat 1969 yang telah dibuat di Parlimen pada 20 Disember 2011, Rukun Tetangga ini sangat relevan dan merupakan mekanisme yang menyumbang kepada kejayaan negara dalam mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi. Jadi, dengan wujudnya akta ini juga menunjukkan bahawa betapa pentingnya semangat kejiranan dalam kehidupan kita dan tidak wajar dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga ingin menyentuh tentang kelas Tabika KRT yang berjumlah 147 buah Tabika Perpaduan yang baru ditubuhkan dengan 1,693 buah kelas dan 40,000 orang pelajar. Soalan saya, apakah transformasi yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan tabika ini dipilih oleh rakyat? Kalaupun wujudnya Tabika KRT, kita lihat ramai yang memilih menghantar anak-anak ke tabika swasta. Jadi, kenapa hal ini berlaku? Adakah kerana mereka tidak yakin dengan *syllabus* yang disediakan ataupun kerana kurangnya promosi atau guru-guru yang kurang mahir. Jadi perlukan transformasi dan apakah langkah memperkasakan Tabika KRT ini?

Saya juga ingin mencadangkan agar JPM menjalinkan kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan mengembangkan fungsi Tabika KRT dalam membantu menyelesaikan masalah kekurangan pusat jagaan untuk kanak-kanak bagi membolehkan dan menggalakkan ibu-ibu bekerja dan membantu negara mencapai sasaran 50 peratus penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan pada tahun 2050.

Secara ringkas berhubung dengan akta baru ini juga saya ingin menyentuh isu-isu keanggotaan, di mana pada masa ini dilaporkan kita ada 5,605 Rukun Tetangga ditubuhkan dengan keahlian seramai 11.2 juta orang. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, berapakah jumlah jawatankuasa kawasan Rukun Tetangga yang aktif kerana kita lihat di kawasan-kawasan perumahan bandar ini, penyertaan semakin kurang dan apakah langkah yang diambil bagi menarik minat ahli masyarakat menyertai terutamanya di kalangan profesional, golongan belia berbagai-bagai kaum dan sebagainya. Seterusnya, apakah kerajaan mempunyai pelan tertentu bagi menggalakkan Rukun Tetangga ini bergerak aktif dan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi memastikan matlamat kerajaan untuk memastikan matlamat penubuhan seperti keharmonian setempat dan perpaduan dapat dicapai.

Dalam hal ini juga saya ingin menyatakan bahawa saya mendapat laporan bahawa dana yang disediakan tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan termasuk memastikan keperluan-keperluan semasa dapat diadakan. Dilaporkan bahawa kemudahan bangunan untuk beroperasi tiada, keperluan asas untuk melaksanakan tugas anggota Skim Rondaan Rukun Tetangga seperti walkie-talkie, baton, kon dan sebagainya oleh mereka tidak... Jadi, dengan cara ini kerajaan kena menyediakan dana yang mencukupi dan munasabah bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh berkenaan Skim Rondaan Sukarela melibatkan masa rehat atau pelepasan waktu bekerja sebagaimana yang rakan saya pun ada menyatakan sebentar tadi. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 20, masa rehat atau pelepasan waktu bekerja atau cuti hendaklah tertakluk kepada persetujuan bertulis majikan. Saya rasa tidak ramai majikan yang mampu dan bersetuju memberi pelepasan secara bertulis ini. Jadi, saya rasa peruntukan ini mungkin boleh menyebabkan ramai yang tidak berminat untuk menyertai KRT ini. Contohnya bila rondaan-rondaan dibuat boleh menyebabkan anggota penat dan perlu rehat pada hari esoknya. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menyediakan mekanisme tertentu yang boleh menyebabkan majikan bersetuju secara automatik atau secara perundangan untuk memberi cuti atau pelepasan kepada anggota yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti KRT.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya berkenaan dengan faedah kepada anggota. Adakah anggota RELA dilindungi insurans? Sekiranya tiada, adakah kerajaan bercadang menyediakan pelindungan insurans kepada anggota kerana sebelum ini mereka dilindungi dengan insurans. Seperkara lagi iaitu berkaitan dengan kad pengenalan. Saya juga menerima aduan bahawa kad ahli iaitu kad pengenalan ahli ini diterima lambat. Akibat daripada itu, agak sukar anggota menuntut hak-hak mereka sebagai anggota yang melaksanakan tugas secara berkesan. Jadi, apakah mekanisme yang digunakan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja perbahasan saya. Akhir sekali sebelum saya duduk dan menyokong, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini dan kepada rakan-rakan saya, mungkin lepas ini kita akan berjumpa pada PRU ke-13. Saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang menjadi calon nanti. *Winnable candidate* semua dalam ini, *winnable candidate* lah. Maknanya boleh tunggu sampai malam. Ini satu contoh yang baik. Jadi kalau jadi calon nanti, baru beritahu dengan kita. *Insya-Allah* kita boleh sama-sama membantulah. Jadi, kepada rakan-rakan sekalian, satu pantun daripada saya.

Azan dilaung bergema suara,
Alunan terdengar memecah ketenangan,
PRU Ke-13 perjuangan agama, bangsa dan negara,
Pasti BN mencapai kemenangan.

Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lee Cheam Choon: Minta mencelah. Ini Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang Chai pasti bertanding di Kota Laksamana Melaka... *[Ketawa]*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Seterusnya dan yang terakhir saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Silakan, Yang Berhormat.

10.17 mlm.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak ingin hendak bercakap sudah sebab ini sudah akhir. Sudah lewat dan sudah pukul sepuluh malam lebih. Akan tetapi disebabkan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah bercakap, saya pun teringin hendak bercakap sama... *[Ketawa]* Saya ingin mengucapkan tahniahlah seperti Yang Berhormat Puan Hajah Noriah kata tadi kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tunggu daripada awal pagi tadi sampai penghujung pada malam ini dan lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli UMNO. Malam ini disebabkan UMNO sambutan ulang tahun ke-66 di PWTC akan tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO sanggup korbankan aktiviti di sana dan tunggu di sini. Jadi syabas... *[Tepuk]*

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah berjaya mengadakan berbagai-bagai aktiviti lebih-lebih lagi saya difahamkan kementerian ini akan menyambut Minggu Perpaduan kalau tidak silap saya. Saya pun sudah lupa. Minggu Perpaduan pada sedikit masa lagi. Saya berharap kalau buat Minggu Perpaduan itu, jemputlah Yang Berhormat-Yang Berhormat ini semua supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini dapat tahu lebih dekat lagi apa itu perpaduan, apa itu KRT, apa itu SRS dan sebagainya. Ini kerana kita dengar tadi berbagai-bagai seperti dalam SRS ini tidak ada insurans, lambat dapat kad. Ini biar Yang Berhormat Menteri jawablah. Sebenarnya tidak sebegitu. Saya yakin tidak sebegitu. Ini biar Yang Berhormat Menteri jawab.

Bila ada KRT, ada SRS, tidak ada bangunan, tidak ada tempat, jadi kita sebagai NGO di kawasan masing-masing, benda-benda ini adalah satu asas bagi kita supaya kita di kampung-kampung ada JKKK, ada belia dan ada apa semua. *Join* sekali dengan kawasan Rukun Tetangga ini. Dewan yang kita ada itu sama-sama kita guna, sama-sama kita pakai untuk manfaat kawasan Rukun Tetangga masing-masing ataupun JKKK di sesuatu tempat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada kementerian yang dipimpin oleh seorang Menteri yang banyak pengalaman.

■2220

Bila Menteri ini, saya tidak mahu sebut siapa dia Menteri, Tuan Yang di-Pertua, yang banyak pengalaman, banyak perubahan, banyak transformasi. Jadi, tahniah sekali lagilah. Sebab apa banyak perubahan? Sebab kita tengok daripada kawasan rumah tangga yang berapa ribu itu bertambah beberapa ribu lagi. Daripada tabika berapa ratus dahulu sampailah beberapa ribu. Jadi, jumlah keahlian semua itu ratus ribu. Jadi, satu kekuatan bagi Jabatan Perpaduan Negara.

Tadi Yang Berhormat Noriah ada kata kenapa orang berminat mai ke Tabika Perpaduan? Tidak minat tempat lain? Sebab apa, ia ada satu keistimewaan di Tabika Perpaduan ini untuk menarik lebih ramai lagi kanak-kanak untuk belajar di situ dan berminat kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke kawasan rumah tangga, Tabika Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan ini saya difahamkan banyak buat sambutan. Sambutan-sambutan yang dibuat macam hari kemerdekaan, sambutan hari perayaan, Kaamatan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi kepada kaum-kaum. Di sini ada peruntukan dana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Ya, kita ada dana. Dananya diberi, saya tidak tahu banyak mana tetapi Menteri akan beritahulah macam mana. Kalau saya jawab, jadi Menteri pula. Jadi, dana memang diberi tetapi hendak tambahkan sesuatu aktiviti itu kita kena cari sendirilah. Pandai-pandailah. Lebih baiklah kita buat Rukun Tetangga ini *join* dengan JKK, *join* dengan apa-apa.

Jabatan Kesihatan pun ada aktiviti dia yang dipanggil COMBI. COMBI ini adalah satu jawatankuasa yang setiap tempat yang ada nyamuk denggi ini, jadi di situ akan ditubuhkan COMBI untuk menyelesaikan masalah nyamuk-nyamuk di situ dan kita boleh *join* dengan Rukun Tetangga. Jadi, depa ada duit sedikit, kita ada duit sedikit. Jadi, sama-sama kita buat aktiviti untuk masyarakat kampung.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Menteri sudah beri taklimat atau pun dalam ucapannya saya nampak semua sudah cukup lengkap. Tidak perlu kita hendak pertikaikan lagi. Jadi, dengan itu saya dengan rendah diri menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

10.22 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan turut memberi sokongan dan dorongan kepada pihak kami khasnya anggota-anggota Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS).

Yang Berhormat Senator Lee Cheam Choon dengan tepatnya mengatakan bahawa jiran itu lebih penting daripada saudara mara yang jauh. Ini adalah selaras dengan konsep *neighbourhood watch* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan S. Bagiam dan juga yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Noriah yang telah menegaskan bahawa yang penting sekali ialah semangat kejiranan dan juga semangat kesukarelaan. Maka, itulah yang menjadi asas kepada Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

Sememangnya walaupun Yang Berhormat Senator Lee telah menyuarakan perasaan bimbang sekiranya tiada orang yang tampil ke hadapan secara sukarela untuk bertugas dalam Rukun Tetangga atau SRS. Itu memang ada logiknya tetapi kita bersyukur kerana pada hakikatnya ramai yang berminat untuk tampil ke hadapan. Sebenarnya, penubuhan rukun tetangga itu adalah terserah kepada kesukarelaan iaitu dalam satu kawasan perumahan memang selalunya muncul pemimpin-pemimpin tempatan yang tertentu yang berminat untuk menubuhkan Jawatankuasa KRT yang baru.

Di samping itu, selepas KRT diwujudkan, maka SRS itu memang juga secara sukarela kerana mereka hendaklah memohon untuk mewujudkan SRS dan menjadi anggota. Saya memang sangat-sangat bersyukur kerana sambutan memang cukup menggalakkan iaitu peningkatan 127 peratus dalam tempoh tiga tahun. Ini memang mencerminkan kesedaran dan komitmen orang awam terhadap konsep kejiranan ini...

Tuan Lee Cheam Choon: Minta mencelah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Maka, itulah ada selaras dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Lee tadi.

Tuan Lee Cheam Choon: Minta celah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Tuan Lee Cheam Choon: Mereka suka mewujudkan SKS itu adakah kerana kerajaan memang akan sentiasa memberi peruntukan kepada mereka?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, di sebalik peruntukan yang diberi itu sememangnya adalah amat tidak mencukupi iaitu dalam lingkungan RM400 sebulan untuk pasukan SRS. Ini hanya mencukupi untuk membeli kopi, biskut dan RELA itu membuat demikian kerana dengan adanya Skim Rondaan Bersama, mereka dapat menjalinkan persahabatan di kalangan persaudaraan di kalangan mereka. Ini sudah menjadi satu aspek yang positif bahawa mereka memang cenderung untuk berkawan dengan jiran-jiran melalui aktiviti ini.

Di samping itu memang kesedaran rakyat kita untuk bersama-sama dengan pihak polis untuk menjaga keselamatan dapat mendorong ramai untuk tampil ke hadapan untuk membuat demikian.

Maka, oleh itu saya memang amatlah bersyukur kepada rakyat kita dan sering juga diberi dorongan dan galakan oleh para pemimpin termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri yang sentiasa juga memberi sokongan dan bantuan dari segi peruntukan.

Oleh itu, walaupun peruntukan nampaknya sedikit tetapi kalau di kali dengan beribu-ribu Rukun Tetangga dan SRS, memang peruntukan itu agak banyak iaitu berpuluh-puluh juta ringgit setiap tahun telah dibelanjakan. Akan tetapi di sebaliknya, berpuluh-puluh juta ringgit juga telah dikutip sebagai derma daripada syarikat-syarikat atau pun dermawan yang tampil ke hadapan kerana mereka menganggap bahawa Rukun Tetangga ini adalah sesuatu yang amat bermakna untuk diberi galakan. Maka, oleh itu saya memang terkagumlah dengan semangat kejiranan yang wujud di kalangan rakyat kita.

Memang ada juga tidak dapat dinafikan, Jawatankuasa KRT tertentu yang kurang aktif kerana isu kepimpinan, kerana ada juga KRT di mana ada perselisihan antara anggota-anggota jawatankuasa tetapi kita bersyukur bilangan dan peratusan bukan begitu banyak iaitu di lingkungan 20 peratus yang tidak begitu aktif. Jabatan memang mempunyai satu kriteria atau KPI untuk memantau taraf keaktifan iaitu mereka memang perlu mengadakan mesyuarat setiap bulan dan mengadakan sekurang-kurangnya dua tiga aktiviti setiap bulan. Dengan pengukuran ini kita dapat mengenal pasti di mana terdapatnya Jawatankuasa KRT yang kurang aktif.

■2230

Oleh itu, di dalam rang undang-undang yang baru ini kita mewujudkan konsep Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat (KRT) untuk sesuatu kawasan yang meliputi beberapa KRT supaya kita dapat menarik penyertaan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat yang dahulunya pernah menjadi pemimpin KRT ataupun mereka yang berminat untuk membantu supaya mereka boleh mendorong KRT-KRT dalam sesuatu kawasan, daerah atau mukim itu menjadi lebih aktif dan membantu pihak jabatan untuk memantau aktiviti dan memberi dorongan dalam pelbagai bentuk. Ini memang satu rangka kerja satu *framework* yang diharapkan akan dapat menggalakkan dan mendorong penyertaan secara lebih berkesan dan bermakna lagi.

Mengenai isu *time off* memang kami menganggap bahawa maksimumnya empat jam adalah memadai. Ini adalah kerana kalau kita bermula bekerja pada pukul 9 pagi, empat jam itu bermakna kita sampai pukul 1 petang dan kita bermula bekerja pada pukul 2 petang dan ini memberi masa yang cukup untuk peronda berehat. Oleh sebab peronda rondaan itu sering sampai ke 4 pagi atau 5 pagi dan selepas itu mereka balik rehat, saya ingat lebih kurang enam jam memadailah. Kita tidak mahu memberi *time off* sepanjang sehari sebab ianya akan menjejas produktiviti.

Persetujuan oleh majikan memang perlu kerana kita tidak mahu supaya kita tidak menjejas produktiviti dan juga daya saing negara dalam pasaran sedunia. Ini adalah akan membolehkan pihak pentadbiran KRT untuk sering berhubung dan berunding dengan majikan supaya mereka menjadualkan jadual meronda itu berpatutan dan mengambil kira keperluan dari segi pengeluaran dalam kilang-kilang ataupun perkhidmatan untuk pekerja mereka. Ini memang sesuatu yang diberi peruntukan di dalam undang-undang supaya Jawatankuasa KRT yang menguruskan SRS itu akan sering berhubung dengan majikan dan ini juga merapatkan perhubungan dan perpaduan dan persefahaman.

Oleh itu, dengan adanya mekanisme ini kita tidak perlu mewajibkan, kalau kita mewajibkan maka ianya seolah-olah kita kembali ke zaman darurat dahulu dan lebih baik kita meningkatkan konsep tanggungjawab korporat, *corporate social responsibility* khasnya dari syarikat-syarikat besar. Akan tetapi untuk majikan dalam perusahaan kecil dan sederhana itulah bidangnya di mana kita perlu perundingan secara lebih rapat dan kita menetapkan juga rondaan yang melebihi waktu tengah malam tidak lebih daripada dua kali sebulan kecuali kalau ada kecemasan yang memerlukannya maka kita memerlukan persetujuan dari pihak majikan.

Ini adalah hasil perbincangan kita dengan beberapa pertubuhan majikan yang turut menyokong konsep ini dan turut menyokong supaya pekerja mereka menyertai dalam rondaan sebab mereka perlu memahami bahawa satu suasana yang aman dan harmoni memang ada baik untuk *business* mereka. Saya percayalah bahawa dengan adanya persefahaman dan kesedaran seumpama ini akan dapat sokongan daripada pihak majikan. Saya juga meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin juga membantu dalam kawasan masing-masing supaya kita dapat melicinkan perhubungan dengan majikan dalam perkara ini.

Di samping itu, memang Yang Berhormat Puan S. Bagiam menimbulkan persoalan sama ada wujud pertindihan atau percanggahan dengan persatuan penduduk atau JKKK. Sebenarnya, penubuhan KRT adalah di kawasan bandar dan kawasan perumahan yang dibangunkan. Kita mengelakkan daripada bertindih dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di mana mereka memang ada mekanisme mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kita memang menggalakkan persatuan penduduk untuk menubuhkan KRT sebab KRT ini memang merupakan satu institusi walaupun merupakan *voluntary organization* tetapi diberi sokongan dan diberi dorongan oleh pihak kerajaan dan sememangnya dengan memberi juga insurans kemalangan kita memberi satu perlindungan yang lebih menyeluruh.

Sememangnya jabatan mempunyai cadangan untuk meningkatkan lagi *amount coverage insurance* dari RM20,000 hingga ke RM40,000 sewaktu meronda dan RM20,000 itu ialah untuk sepanjang masa menjadi anggota peronda. Akan tetapi sewaktu meronda kalau ada apa-apa yang berlaku maka amaun perlindungan itu akan ditingkatkan ke RM40,000. Maka itulah sebagai satu insentif dan satu galakan kepada mereka.

Di samping itu, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid juga membangkitkan tentang Tabika Perpaduan. Sememangnya Tabika Perpaduan telah lama memainkan peranan tetapi kita memang mengambil kira bahawa di kawasan luar bandar khasnya Tadika KEMAS memang memainkan satu peranan yang cukup penting dan di samping itu di kawasan bandar terdapat banyak tadika swasta. Oleh itu di bawah NKRA pendidikan, di bawah Program Transformasi Kerajaan maka kita sebenarnya menggabungkan usaha semua iaitu Kementerian Pelajaran yang menganjurkan tadika-tadika mereka, KEMAS melalui Kementerian Luar Bandar, Tabika Perpaduan melalui Jabatan Perpaduan dan juga tadika swasta. Semua telah sebenarnya digabungkan sebagai usaha bersama bersepadu untuk meningkatkan lagi tahap pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak kita. Maka Kementerian Pelajaran telah dan akan terus memberi latihan kepada semua guru di bawah kesemua kategori ini di samping juga memberi peruntukan...*[Disampuk]*

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, boleh-boleh silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan dengan begitu *details*. Ini Tadika Perpaduan di kawasan pedalaman terutama di perkampungan kadang-kadang tidak terurus dan tidak terjaga. Ada sesetengah tadika itu telah dijalankan oleh pihak pembangkang dan mereka melakukan kempen di dalam Tadika Perpaduan itu, sebagai contoh di Padang Peliang pengerusinya adalah dari pihak pembangkang. Jadi, mereka menggunakan Tadika Perpaduan itu untuk tujuan politik. Satu lagi Rukun Tetangga adalah penggerak perpaduan.

■2240

Jadi saya berterima kasih kepada Menteri yang telah menyambut cadangan saya untuk melantik Penggerak Perpaduan Siam dan saya mohon supaya pihak Menteri segerakan pelantikan itu kerana mereka itu *advantage* kepada kita. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Boon Som. *Sawadikap.*

Sebenarnya KRT walaupun ditubuhkan oleh kerajaan dan termasuk juga tabika tidak sepatutnya dimasukkan apa-apa unsur politik sebab kita mahu melibatkan seberapa banyak yang boleh para penduduk setiap kawasan.

Walau bagaimanapun, dalam pemilihan pemimpin masyarakat untuk menjadi pemimpin KRT, kita memang memilih mereka yang bersedia untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan supaya segala-gala itu dapat berlangsung dengan secara lebih licin dan tidak ada percanggahan. Maka kita akan memantau sekiranya ada pihak yang tidak mahu bekerjasama atas ideologi politik. Maka kita juga akan merujuk kepada rakyat supaya mereka akan menjadi saksi, menjadi pengadil bahkan menjadi hakim untuk menolak orang yang pandai berpolitik dan tidak mengambil berat terhadap kebajikan orang tempatan.

Oleh itu kita sentiasa memantau tetapi kita memang tidak dapat mengelakkan daripada perbezaan pandangan di kalangan rakyat kita. Akan tetapi seperti yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita hendaklah mengamalkan sikap *inclusive* iaitu keterangkuman, selagi mereka secara aman walaupun pandangan yang berbeza kita boleh bersedia untuk berdialog dengan mereka. Kita yakin bahawa prinsip, semangat dan dasar kerajaan Barisan Nasional akan membuktikan kejujuran kita untuk berkhidmat kepada rakyat. Maka saya penuh keyakinan bahawa kesemuanya ini dengan bantuan dan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat akan membolehkan kita untuk terus berkhidmat dan terus berjasa kepada rakyat.

Di samping itu saya cuma hendak memberitahu bahawa sebelum ini memang guru secara kontrak tidak begitu terjamin tetapi mulai daripada tahun ini memang mereka telah diberi satu peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya gaji mereka akanlah terjamin walaupun masih secara kontrak. Maka ini merupakan satu penambahbaikan yang telah lama diusahakan oleh Jabatan Perpaduan maka kita bersyukur.

Walau bagaimanapun, kita memang mengakui bahawa kita memerlukan lebih banyak lagi peruntukan. Oleh itu dengan bertambahnya bilangan KRT dan juga bilangan SRS yang begitu mendadak, Jabatan Perpaduan bercadang untuk mengemukakan satu permintaan untuk peruntukan tambahan pada tahun ini, apabila kita sampai untuk mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam bulan Jun kalau sempat. Kalau tidak, maka kita akan teruskan usaha ini sebagai satu komitmen untuk kita menambahkan peruntukan kerana bertambahnya bilangan tetapi juga menambahkan peruntukan setiap KRT dan SRS jauh lebih daripada yang dahulu.

Oleh itu dengan sokongan daripada semua pihak maka saya memang bersyukurlah. Ada lagi?

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencelah. Berkaitan dengan pondok SRS, adakah pihak kementerian membekalkan pondok-pondok yang akan di - maksud saya kos pembinaan pondok itu kalau melibatkan kampung yang luas, juga berkaitan dengan bahan-bahan untuk penggunaan SRS seperti *torchlight, walkie talkie, vest* dan sebagainya. Adakah ia merangkumi yang RM400 sebulan itu? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, RM400 sebulan ialah untuk pentadbiran iaitu untuk pembelian makanan dan sebagainya bukannya untuk *vest. Vest* dan yang lain itu memang dibekalkan oleh jabatan kepada setiap pasukan SRS.

Keduanya mengenai pondok, memang kita mulai tahun lepas kita ada satu rancangan untuk membina di mana ada tapak yang sesuai, bukan pondok tetapi kabin. Kabin yang berbentuk boleh diubah tempat dengan pesat kalau perlu sebab satu cabaran yang dihadapi ialah kita tidak ada ruang di tempat-tempat tertentu. Ini kerana apa yang dikenali sebagai tanah lapang dalam Skim Perumahan memang dipertahankan oleh Majlis Tempatan atau Kerajaan Tempatan supaya ianya tidak ada bangunan di atas.

Maka kita sedang berunding dengan Majlis-majlis Perbandaran dan juga Majlis Daerah untuk membenarkan kita membina kabin bukan sebagai bangunan kekal. Kita tidak ada cerucuk, kita cuma ada bentuk yang boleh kita digerakkan ke tempat lain kalau perlu supaya lebih senang kita dapat ruang untuk mendirikan kabin. Mulai tahun lepas dan tahun ini memang beratus-ratus kabin telah dan akan terus diwujudkan di merata-rata tempat tetapi memang masih tidak mencukupi.

Oleh itu kita juga bercadang untuk menyewa ruang pejabat atau ruang di mana-mana ada khasnya di kawasan bandar raya untuk dijadikan sebagai ruang untuk Rukun Tetangga dan SRS. Itu satu kaedah baru. Ini merupakan satu pendekatan inovasi mengatasi masalah itu. Kalau tidak kita memang sangat bersyukur kebanyakan daripada Pengerusi atau Setiausaha KRT menggunakan rumah sendiri sebagai tempat untuk menyimpan fail, menyimpan alat-alatan dan kita memang bersyukur sebab kebanyakan walaupun bukan semua isteri sangat *sympathetic* dan *supportive.* Walaupun rumah sudah jadi macam pusat rukun tetangga. Akan tetapi ini memang mencerminkan semangat kesukarelawan dan semangat kejiranan yang harus kita hargai dan harus kita terus memupuk.

Oleh itu dengan adanya semangat seumpama ini dan dengan adanya suasana harmoni yang harus kita sentiasa mempertahankan maka semangat kejiranan ini merupakan salah satu daripada aspek yang penting untuk menjamin negara Malaysia terus berada di kalangan negara-negara yang paling aman di dunia ini. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[****Fasal-fasal 1 hingga 34*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2250

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum kita izinkan saya berkata sepatah dua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini buat masa kini... *[Tepuk]* Ini semua menunjukkan semua Ahli Yang Berhormat ada semangat kebertanggungjawaban. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri-Menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kementerian, bentara-bentara dan semua pegawai polis kawalan keselamatan yang daripada mula kita bermesyuarat hingga ke akhir malam ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini, mengambil kesempatan mengucapkan selamat bersara kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sampai tempoh masanya. Sungguhpun masih ada yang juga masanya akan sampai apabila sebelum persidangan yang akan datang. Kepada mereka semua, saya juga mengambil kesempatan di Majlis ini mengucapkan selamat bersara. Segala perkhidmatan semua Ahli Yang Berhormat, saya percaya masih dikehendaki oleh negara.

Seterusnya Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan ini ada besar kemungkinan juga di kalangan Ahli Yang Berhormat ini mungkin bertanding dalam PRU ke-13. Kepada mereka yang akan bertanding, saya mengucapkan syabas dan berjaya. Di samping itu, saya juga ambil kesempatan di sini akhir sekali mengucapkan selamat kembali ke pangkuan keluarga yang datang daripada seluruh negara. Selamat dalam perjalanan dan selamat kita berjumpa lagi.

Dengan itu, saya ingin menyatakan di sini Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Sekian. *Wabillaahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.55 malam.